

CETAKAN PERTAMA, Jun 1979

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari penerbitan.

disusunatur oleh
Syarikat Puterakom
12, Tingkat 3, Bangunan Jaya
Jalan Haji Hussein, Kuala Lumpur

بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ



Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu

BAHTERA LAMA NAKHODA BARU
"Bahagian Pertama"

Syed Hussein Alattas
(Pak Belalang Moden)

M
320.9595
ALA

Diterbitkan oleh:

AI Nujum Enterprise,
42-A, Jalan Tun Abdul Razak,
Johor Baharu,
JOHOR

213186
APB

2 JUN 1982
Perpustakaan Negara

Istimewa Untuk,

*Almarhum ayahandaku Habib Alwee bin Abdullah
bin Habib Abu Bakar Alattas yang tercinta.
Ayahanda yang kukasibi, pesan dan amanat ayahanda
supaya anakanda mencintai Negara ini seperti
anakanda mencintaimu sudah terpabat
di batinubari. Bumi ini yang kupijak langit
inilah yang kujunjung, inilah tanah tumpah
darabku, dan inilah tanahairku
Malaysia yang kucintai.*

*Ucapan Terima Kasih
kepada
Inna Mobd. Janor
&
Mahamod Kitom*

Hasil Karya S.H. Alattas yang Sudah Diterbitkan

Firasat (Rahsia Mengenal diri Sendiri)

Melangkah dan Berjaya

Rahsia Mimpi Anda

Temanku Pemimpin-pemimpin

9/10% Rezeki Adalah dari Perniagaan

Kenapa Rosli Dhoby & 3 Hero Sarawak Dihukum Bunuh?

Perang di Kuala Linggi Melaka 1978

Bahtera Lama Nakhoda Baru

Harga \$6.00

Dicetak oleh:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,
No. 2, Jalan 202, Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.	Isi Kandungan	i
2.	Pendahuluan Kata	ii
3.	Muqaddimah	1
4.	Tradisi Lawan Taukeh	12
5.	Mengenang Pejuang Hak Asasi Melayu	19
6.	Arab Yaman di Rantau Orang	27
7.	Bapa Perpaduan Malaysia	34
8.	Kemana Kita?	39
9.	Semangat Tahun 1946	50
10.	Makam Pahlawan UMNO?	58
11.	Malayan Union	62
12.	Perjuangan Wartawan	65
13.	Anak Gabenor Jadi Menteri	73
14.	Hang Jebat Moden	79
15.	Mangsa Politik	89
16.	Kuala Lumpur Ada Malay Town I	99
17.	Kuala Lumpur Ada Malay Town II	103
18.	Raja Setinggan Wilayah	113
19.	Arak Sudah Dihalalkan I	120
20.	Arak Sudah Dihalalkan II	125
21.	Akhirnya Jadi Burung Layang-layang	133
22.	Susur Galur Sejarah Orang-orang Cina di Melaka	136
23.	Aspek Politik Masyarakat Cina	143
24.	M.C.A. Menjadi Juara	149
25.	Issue-issue Sensitif M.C.A.	155
26.	Salahnya Orang Melayu Tidak Suka Membaca	164
27.	Malaysia Siapa Punya?	169
28.	Politik Dalam Negara Hang Tuah	173
29.	Orang Baru Jadi Kapten	

30.	Cakap Tak Serupa Bikin	175
31.	Lain Ulu Lain Parang	179
32.	Siapa Salah?	181
33.	Pena Beracun	185
34.	“Lita” Kalau Jadi Raja Melaka	192
35.	Ghani Ali Belum Mati	199
36.	Datuk Wan Bukan Orang Politik	207
37.	Kata Penutup	212

PENDAHULUAN KATA

Apakah makna perbincangan kalau kita tidak boleh dan berani mengemukakan pandangan dan pendapat. Sedangkan kita tahu ada perkara-perkara yang hendak dan patut disuarakan.

Mengkritik orang yang berkuasa selalunya terpaksa menghadapi risiko. Disebabkan keimbangan tentang masa depan dan kerana ideanya boleh menyebabkan pengkritik-pengkritik menjadi tidak popular, adalah sebab kurangnya jumlah pengkritik yang jujur dan berani.

Kita semua tahu tugas mengubah sikap seseorang bukanlah suatu perkara yang mudah. Lebih-lebih lagi kalau kita cuba hendak mengubah sikap setengah-setengah pemimpin Melayu yang egoistik dan sensitif.

Banyak perkara yang tidak dapat dibawa ke meja perbincangan boleh diterbitkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Dan ada pula perkara-perkara yang tidak diterima oleh akhbar disebabkan oleh dasar dan polisinya yang tersendiri boleh diterbitkan dalam bentuk buku dan cara yang berlainan.

Biarpun pengedaran buku tidak begitu meluas seperti akhbar-akhbar namun sebahagian besar masyarakat dapat dipengaruhi oleh pendapat

dan pandangan yang dikemukakan oleh penulis. Kerana penulis memainkan peranan sebagai pemimpin fikiran masyarakat.

Apa yang ditulis tidak semestinya disukai oleh Kerajaan tetapi yang penting ialah isinya mesti mempunyai makna kepada masyarakat dan negara, terutama kepada pihak yang berkuasa yang (berjiwa rakyat) untuk memperbaiki keadaan demi kepentingan rakyat dan keadilan.

Penulis yang berani selain dari berani membongkar apa yang pemimpin hendak sembunyikan juga sanggup mendedahkan penyelewengan pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan salah menggunakan kuasa supaya mereka beringat dan waspada yang mandat lima tahun yang diberikan oleh rakyat bukanlah untuk mencari kekayaan dan kekuasaan untuk diri dan keluarga serta sahabat handai tetapi untuk menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat dan negara.

Kurangnya minat untuk mengemukakan pendapat adalah disebabkan bimbang atau takut nanti hujjah yang dibawa boleh menimbulkan pertengkar. Sebab itu timbul sifat suka mengiakan saja setiap apa yang dikemukakan oleh para pemimpin biarpun perbuatan membuatkan orang Melayu rugi, tidak dapat bersatu dan tidak boleh maju.

Pesan Datuk Musa Hitam, 'Orang Melayu hari ini mesti bersifat kurang ajar.'

Orang Melayu mesti berani menegur dan mengkritik, mesti berani bertengkar dan bertindak, kerana tidak semua pertengkaran itu buruk, kalau ada buruk tentulah ada baiknya.

Penulis-penulis jangan jadi rabun dan terpengaruh dengan keadaan. Penulis mesti berani menegur supaya pemimpin-pemimpin sentiasa waspada. Pemimpin-pemimpin mesti diberitahu bahawa mereka boleh menutup mata semua masyarakat pada sebilangan masa atau setengah masyarakat pada semua ketika. Tetapi mereka tidak dapat menutup mata seluruh masyarakat pada semua ketika.

Saya fikir sebagai seorang penerbit apa yang membuat penulis buku ini begitu berani ialah adanya kebebasan akhbar di Malaysia. Hingga hari ini kita belum mendengar penulis dan wartawan-wartawan ditangkap, walaupun ada terdapat buku-buku dan majallah yang anti kerajaan masih juga tidak diapa-apakan.

MUOADDIMAH

MENGAPA BUKUINI DITULIS:

Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat pengasihani. Segala puji bagi Allah dan selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi besar S.A.W. serta kaum keluarga dan sekalian sahabatnya.

Sebelum para pembaca bertanya kepada saya kenapa dan mengapa BAHTERA LAMA NAKHODA BARU ini saya hasilkan soalan yang sama telah pun terlebih dahulu saya majukan kepada diri saya sendiri.

Bagi saya pendapat yang sedang saya fikirkan adalah sangat penting, walaupun kebenarannya belum dapat ditentukan. Akan tetapi sebagai seorang individu dalam masyarakat, terlebih dahulu pendapat saya mestilah dikemukakan dahulu untuk diperbincangkan oleh orang lain.

Saya tahu dan sedar tidak semua yang saya tulis di dalam buku ini baik dan tidak mengandungi kesalahan, walau bagaimanapun berpandukan kepada konsep kebebasan berfikir yang diamalkan oleh sebuah negara demokrasi yang sedia memberikan sepenuh-penuh kebebasan kepada orang perseorangan mengeluarkan pendapat dan buah fikiran kepada individu, saya cuba memberanikan diri melahirkan pendapat saya.

Biarlah kalau boleh idea yang akan saya kemukakan dapat diperbincangkan. Kerana kita semua tahu hasil perbincangan dari individu yang bebas berfikir, individu yang insaf, sedar, rasional, akan wujud kebenaran.

Bukankah kebebasan berfikir, berbincang dan berhimpun dalam satu masyarakat yang toleransi dan liberal yang telah memberikan kebebasan sepenuhnya kepada seorang individu, akan lahir fikiran baru yang boleh membawa perubahan kepada masyarakat itu sendiri?

Para pembaca yang bijaksana, berjiwa besar dan merdeka, katakanlah apa yang lebih nikmat selain kebebasan menulis apa yang kita suka untuk menghibur segelintir orang ramai yang ‘frust’ dan bingung melihatkan apa yang sedang terjadi di dalam dunia hari ini dan membuat orang yang bijak pandai berfikir dan mengkaji?

Saya percaya ramai di antara pembaca yang budiman dan berbakat juga ingin menulis mengikut selera sendiri. Seandainya saudara tidak dapat menulis mengikut kehendak hati, apakah salahnya saudara membaca dan meneliti penulisan yang bebas ini, yang hanya dikuasai oleh ilham yang telah diberikan oleh Ilahi.

Kandungan buku ini adalah sejarah. Kalau saudara ikuti dengan teliti. Saudara akan dapat kehidupan manusia yang seperti roda, dalam kehidupan yang silih berganti, pemimpin datang, pemimpin pergi.

Datuk Harun yang satu masa dahulu menjadi Menteri Besar sekarang merengkok di dalam penjara. Datuk Hussein Onn yang pernah keluar dari UMNO pada satu masa dahulu kini menjadi Perdana Menteri. Adib Adam yang cuma menjadi Setiausaha Kerja 'Errandboy' dalam parti tiba-tiba saja dilantik menjadi Ketua Menteri.

Begitulah pusingan roda hidup, orang yang pernah duduk di bawah dahulu, orang yang pernah disingkir dan tersingkir sekarang memimpin dan berkuasa. Di sebaliknya orang yang pernah bermegah dengan pangkat dan kuasa sudah jatuh dan tersungkur ke bawah. Mereka yang dianggap pengecut dahulu sudah bertukar menjadi orang yang paling berani. Begitu juga halnya dengan orang yang dahulunya pura-pura bodoh sekarang lebih bijak dari orang yang pandai, dan yang pernah berlagak pandai tiba-tiba saja telah menjadi bodoh kerana kehilangan pengaruh dan kuasa. Yang miskin menjadi kaya tidak kurang pula yang kaya telah menjadi papa kedana, habis kebun halaman dan tanah terjual.

Allah juga yang maha besar, mana berkuasa maha kaya, semoga mereka yang membaca buku ini dengan ingatan kepada Allah S.W.T.A. akan mendapat taufik dan Hidayat darinya, Insya Allah kita akan mendapat berkat. Mudah-mudahan Tuhan membuka pintu hati dan menjadikan kita semua pengikut Nabi Muhammad S.A.W. yang beriman.

Kepada Allah saya berserah.

12 Mei, 1979

Bangunan Jaya,
Malay Town
Kuala Lumpur.

PENGARANG

Tradisi Melawan Taukeh

Perkara Allahyarham Dato Onn 'lawan taukeh' jarang sekali diperkata dan diperbincangkan oleh orang ramai. Kenapa? Apakah kerana mereka yang dilawannya bukan sebarang taukeh atau orang-orang UMNO takut nanti ada golongan dari UMNO yang akan mengikut semangat allahyarham Dato Onn yang sangat berani melawan taukeh-taukehnya?

Keberanian bapa UMNO ini memang sukar untuk dicari ganti. Bapa angkatnya sendiri, Almarhum Sultan Ibrahim yang sangat ditakuti oleh rakyat dan penduduk negeri Johor yang terkenal sebagai '*terror*' di kalangan penduduk Johor pada masa mudanya itupun berani dikeritik-nya.

Dato Onn mula dikenali sebagai seorang pemimpin bila beliau dengan berani bangun menggunakan penanya yang tajam mengecam dan mengkeritik tindakan yang telah dijalankan oleh Sultan Ibrahim yang dianggapnya tidak patut dan tidak berperikemanusiaan. Satu perbuatan yang telah terkeluar dari lunas-lunas perikemanusiaan dan panduan yang terkandung dalam Undang-undang tubuh yang telah dibekalkan oleh ayahandanya Sultan Abu Bakar.

Perbuatan Sultan Ibrahim yang tidak adil dan tidak bertimbang rasa, khususnya terhadap orang-orang Melayu yang berkhidmat dalam J.M.F. (*Johor Military Forces*) diketahui dengan jelasnya oleh umum di seluruh negeri, tapi tidak siapa pun di negeri Johor yang berani membuka mulut merungut atau membantah. Hanya Dato Onn saja yang berani menentang ketidakadilan ini kerana dasarnya 'berani kerana benar'.

Kepada Dato Onn yang sedang memperjuangkan hak asasi manusia, berpendapat bahawa siapa juga yang telah melakukan kesalahan tetap bersalah. Dato Onn tidak akan memejamkan mata, menulikan telinga dan menutup mulutnya terhadap sesuatu yang dianggapnya salah, zalim dan kejam. Ia tidak sampai hati melihat anggota-anggota J.M.F. dikerah,

dipaksa dan diseksa supaya bekerja di ladang-ladang getah kepunyaan raja.

Lagaknya sebagai seorang hero membuat Sultan Ibrahim murka dan tidak senang. Kemuncak dari itu, Sultan Johor telah meminta salah seorang saudara perempuannya untuk dijadikan isteri baginda. Sekali lagi Dato Onn menunjukkan keberaniannya menentang taukeh lagi, Dato Onn membantah dan menolak permintaan tersebut.

Akibat lawan taukeh kali ini beliau telah dihalau ke Singapura dan abangnya Dato Abdullah telah dilucutkan jawatan sebagai Menteri Besar Johor dan berpindahlah mereka ke Singapura, hidup sebagai orang buangan.

Nampaknya Dato Onn telah menyambung tugas Munshi Abdullah, berani mengkritik dan menyelar sikap raja yang dipandangnya kejam dan Zalim tanpa memikirkan akibat-akibat yang akan menimpa diri dan keluarganya.

Semacam ada persamaan antara kedua-dua penulis ini, mereka hidup bukan semata-mata mencari dan mengejar kesenangan dan kebesaran diri, tapi ingin mengubah sikap raja dan rakyat jelata.

Dato Onn adalah seorang penulis berbakat yang mendapat pendidikan Inggeris. Beliau telah mendedahkan perbuatan Sultan dalam '*Sunday Mirror*' sebuah akhbar Singapura dalam tahun-tahun tiga puluhan. Tulisan beliau telah mencegah perbuatan Tuanku daripada berlaku terus menerus.

Onn bin Jaafar dilahirkan di Johor Bahru pada tahun 1895. Beliau datang dari keluarga yang ternama. Ayahnya, Dato Jaafar bin Haji Muhamad adalah Menteri Besar, semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, begitu juga dengan abang-abangnya, Dato Abdullah dan Dato Mustapha pernah menjadi Menteri Besar dalam pemerintahan Sultan yang sama. Dato Onn sendiri pernah menjadi Menteri Besar hingga Duli Yang Maha Mulia Sultan memberi kata dua untuk meninggalkan UMNO atau memilih kerjanya sebagai Menteri Besar.

Beliau telah meletakkan jawatan Menteri Besar untuk menjadi Yang Dipertua UMNO bagi meneruskan perjuangannya. Ini adalah kerana beliau menganggap perjuangan di dalam UMNO adalah tugasnya yang utama.

Sebabnya Sultan Johor berbuat demikian ialah kerana adanya desak-

an dari Raja-raja Melayu, terutama Sultan Badlishah yang tidak bersetuju dengan cadangan Dato Onn untuk mendesak British melantik seorang Penolong Pesuruhjaya Tinggi Melayu. Jawatan ini dianggap oleh Sultan Kedah sebagai lebih tinggi dan penting daripada Raja-raja Melayu. Dato Onn adalah dijangka akan dilantik, tetapi beliau telah mengesyorkan supaya Tunku Abdul Rahman Putra yang dilantik.

Beliau terdiri daripada keluarga yang besar, iaitu mempunyai 15 orang adik beradik. Ayahnya Dato Jaafar adalah dari keturunan Bugis, sementara ibunya berdarah Turki. Kerana hubungan rapat dengan keluarga Diraja Johor, beliau telah dijadikan anak angkat oleh Sultan Ibrahim. Sebelum dihantar ke England beliau telah diasuh oleh seorang wanita Inggeris. Beliau dihantar ke England bersama tiga orang putera-putera Sultan Johor dan bersekolah di sana. Sesudah itu, beliau meneruskan pelajaran menengahnya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, iaitu pada tahun 1908–1911.

Sungguhpun beliau bukan seorang wartawan yang terlatih, lepasan Fleet Street, London, tapi kebolehan beliau dengan bakat semulajadi-nya membuktikan keahlian beliau di dunia kewartawanan. Kebolehan beliau setanding dengan wartawan-wartawan asing yang mendapat latihan-latihan dari maktab kewartawanan di Eropah dan Amerika.

Pada tahun 1930 – 1933, beliau bertugas di akhbar "Warta Malaya" yang dipunyai oleh seorang Melayu keturunan Arab, bernama Syed Hussian Alsaggoff sebagai pengarang di akhbar tersebut.

Beberapa orang Melayu keturunan Arab yang pernah berkhidmat dengan "Warta Malaya" telah menarik Dato Onn untuk menjadi pengarang untuk kedua-dua buah akhbar, iaitu "Lembaga akhbar harian" dan "Lembaga Malaya" akhbar mingguan yang baru diterbitkan oleh mereka.

Akhbar ini memuatkan berita-berita luar negeri di samping keritik-keritik beliau terhadap adat resam yang tidak patut diikuti oleh orang-orang Melayu, sepetimana yang pernah dilakukan oleh Munshi Abdullah di dalam buku-bukunya yang silam. Onn Jaafar mempunyai ramai peminat di selatan Tanah Melayu, terutama di Johor.

Akhirnya, kebijaksanaan Dato Onn dengan kuasa pena yang ada padanya telah memberi kesedaran kepada Sultan Ibrahim. Pada tahun 1936, baginda telah memanggil beliau kembali ke Johor untuk bertugas di Johor dengan mengikut segala syarat dan permintaan Dato Onn supa-

ya memberikan kebebasan kepadanya untuk mengatakan apa saja yang difikirkan baik untuk rakyat Johor.

Semasa berkhidmat sebagai Ketua Pejabat Kawalan Makanan Negeri, Dato Onn telah terpuji kerana sikap adilnya dalam hal membahagikan beras, gula dan lain-lainnya kepada orang ramai tanpa memilih kasih atau memandang bulu. Sikap perikemanusiaannya telah mengatasi sifat-sifat yang lain yang ada padanya. Ia tidak dapat menahan diri daripada menolong orang-orang yang susah, walaupun dirinya sendiri di dalam kesusahan. Dalam hal ini, beliau tidak dapat dipengaruhi oleh sesiapapun, walaupun apa juga bangsa atau pangkatnya. Beliau pernah mengenepikan sanak saudaranya sendiri kerana menolong orang-orang yang betul-betul memerlukan pertolongan.

Dato Onn merupakan seorang pemimpin yang agak luar biasa, biarpun beliau terkenal dengan sikapnya yang tegas dan degil di dalam perundingan-perundingan dengan British dan juga Raja-raja Melayu, tetapi beliau tetap terpuji kerana sifat-sifat beliau yang sedia memberi maaf. Maaf bermaaf adalah sejati dan sebatи dengan jiwa dan jasadnya.

Beliau suka dan sedia menemui atau ditemui oleh sesiapa saja pada bila-bila masa dengan tidak payah membuat *appointment*, walaupun pada masa-masa dan ketika beliau menjadi Menteri, baik di peringkat negeri atau di peringkat Federal.

Allahyarham Dato Onn adalah seorang pemimpin, pengajur dan pembesar yang murah hati, tangannya sentiasa terbuka kepada mereka yang di dalam kesempitan atau yang ditimpa kemalangan yang memerlukan bantuan umum. Beliau sentiasa memikirkan atau mengutamakan kepentingan orang lain yang patut diberi pertolongan lebih dari kepentingannya sendiri.

Datin Halimah mengaku pernah merungut "Dato sentiasa memikirkan hal orang lain—orang itulah orang inilah—hingga rumah tangga sendiri terbiar". Dalam hal ini, Datin sendiri tidak pernah membiarkan suaminya saja yang bertungkus-lumus menolong orang. Datin Halimah turut serta membantu suaminya.

Pada 1hb. Oktober 1946, Dato Onn telah menjadi Pemangku Menteri Besar Johor. Di masa inilah gagasan Malayan Union timbul. Hasil dari persetujuan ramai, maka wujudlah Kongres Kebangsaan Melayu, 1946

Dato Onn telah dilantik dengan sebulat suara menjadi Pengerusi Kongres dan kemudian Yang Dipertua Agung UMNO pada akhir 1946.

Semasa meluluskan isi-isi perjanjian Persekutuan, Dato Onn telah keluar dari perundingan kerana membantah sikap 'Raja-raja Melayu yang menandatangani perjanjian mengenai soal kerakyatan tanpa menyemak dengan teliti. Dato Onn tetap bersikap tegas dan degil, tidak mahu menerima keputusan dari pihak British yang mahu memberikan kerakyatan kepada kaum imigran yang telah tinggal tetap di Tanah Melayu selama lima tahun, walaupun Raja-raja Melayu telah menerima kehendak British. Dato Onn mahu supaya tempoh itu dipanjangkan kepada 15 tahun. Cadangannya telah ditolak.

Pembuatan Dato Onn keluar dari perundingan yang sedang dijalankan menghalang perjanjian itu ditandatangani. Akhirnya, selepas dua hari baharulah perjanjian itu disahkan, iaitu apabila kehendak Dato Onn diterima.

Tidak ada manusia yang terkecuali daripada kelemahan semulajadi. Selagi manusia bersifat manusia, selagi manusia dinamakan manusia, keadaan, masa dan tempat membuat manusia berubah-ubah, cita-cita yang membumbung tinggi kekuasaan yang mula dirasai adalah punca segala-galanya ini. Apa salahnya manusia berubah? Bukankah sekali air bah sekali pantai berubah. Panas pagi dan panas tengahari tidak sama rasanya, padahal itu juga mataharinya. Panas tengahari dengan panas petang juga berbeza rasanya. Begitu juga halnya dengan manusia yang baru mendapat kuasa, yang sudah tahu menggunakan kuasa dan mula hilang kekuasaan pengaruhnya terhadap sesama manusia.

Keadaan, masa dan tempat membuat manusia berubah-ubah, menjadikan perjalanan manusia berliku-liku membelok ke kiri dan ke kanan, seperti anak sungai yang mengalir ke muara.

Ada kalanya orang-orang politik terpaksa dan memaksa dirinya berubah mengikut kemahuan orang yang lebih berkuasa, kalau tidak berubah akibatnya mereka akan rebah, dan bila mereka sudah merasa nikmat dan keseronokan dengan kekuasaan yang mula dinikmatinya, tentulah mereka tidak mahu rebah. Mereka sudah mempunyai cita-cita dan rancangannya sendiri, lebih-lebih lagi kalau perasaan riak dan takbur telah mula mempengaruhi diri.

Kekuasaan yang ada pada Dato Onn sekarang sudah melebihi Raja-

raja Melayu, dan British sendiri telah tunduk kepada kehendak dan ke-mahuan beliau, kekuasaan yang datang dari Allah melalui sokongan dari orang-orang Melayu yang memberi sepenuh kepercayaan kepada beliau. Sejarah telah membuktikan hingga ke masa ini bahawa Dato Onn sajalah satu-satunya putera Melayu yang telah berjaya menyatukan berjuta-juta umat Melayu dan mendapat sokongan sebulat suara dan se-penuh tenaga dari rakyat jelata Melayu dan Raja-raja dalam perjuangan menebus kedaulatan bangsa dan nusa daripada tergadai kepada penjajah.

Anugerah ini telah diberikan oleh Allah kepada beliau kerana sikapnya dari mula beliau telah membuktikan sikap yang jujur dan ikhlas dan sanggup menggadai nyawa, sanggup berkorban apa saja, nama dan pangkat untuk memperjuangkan hak orang Melayu, bermula dari memperjuangkan nasib askar J.M.F. yang tersiksa dan dizalimi oleh Sultan, dan terus menerus berlaku tegas dan adil semasa Perang Dunia Kedua semasa menjadi Ketua Pejabat Kawalan Makanan Negeri. Beliau tidak pernah mementingkan diri sendiri dan keluarga.

Sikapnya yang berani kerana benar telah mengangkat darjatnya, menjadikan beliau disegani oleh sesiapapun, sikap dan sifatnyalah yang telah membuat beliau terpuji dan dipercayai. Beliau sedar bahawa mengkeritik sistem "Penasihat British" adalah satu perkara yang sensitif, kerana tipu helah British telah menggunakan "*Incident*" J.M.F. untuk menguatkan Sultan supaya bersetuju mengambil seorang Pegawai British sebagai Penasihat.

Sultan Johor terpaksa meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor bagi membolehkan campurtangan British dalam hal ehwal pentadbiran negeri, kecuali dalam perkara-perkara agama dan adat resam orang-orang Melayu.

Dato Onn telah menentang akan syarat-syarat perjanjian tersebut kerana pada pendapat beliau "nasihat" itu sebenarnya bukan nasihat, tetapi "perintah" yang mesti dipatuhi dan ditaati. Sistem "Penasihat British" itu sebenarnya ialah satu tipu helah penjajah untuk mengelirukan rakyat Negeri Johor supaya mempercayai yang Johor masih dipe-rintah oleh Raja, akan tetapi pada amalan dan hakikatnya pihak berkuasa kolonial yang memerintah dengan secara tidak langsung menerusi pegawai-pegawai yang ditugaskan berkhidmat dengan Raja-raja Melayu.

Dalam keadaan begini Dato Onn telah melibatkan diri dalam kon-

frantasi dengan pihak berkuasa penjajah dan Rajanya sendiri, demi kepentingan umum rakyat Negeri Johor. Beliau sedikitpun tidak gentar menghadapi penjajah yang telah bersatu dengan Sultan. Dalam apa keadaan sekalipun, sebagai seorang bumiputera, beliau tetap dengan semangat kewatahan dan beliau sanggup melupakan perselisihan faham dengan Sultan Ibrahim apabila mendapat bahawa kepentingan Raja dan tanahair terjejas atau rosak oleh kerana mainan politik penjajah.

Sebelum tahun 1946, tidak ada Menteri Besar atau pegawai yang bertanggungjawab sepertinya yang berani membuat sebarang keputusan mengenai perkara-perkara pentadbiran negeri tanpa terlebih dahulu menghubungi Penasihat British untuk mendapatkan "nasihat" dan persetujuannya. Apa yang diketahui ialah telah menjadi amalan di Negeri Johor di masa-masa yang lampau, iaitu Menteri Besar menyampaikan "*Minute Paper*" atau fail kepada G.A. (*General Adviser*) atau (*British Adviser*) B.A. dengan berminitkan demikian.

"B.A.,

May this be approved?

(Bolehkah ini diluluskan?)"

"

Keputusan dari B.A. saja yang boleh menentukan sama ada boleh diluluskan atau ditolak, dan keputusan itulah yang diambil dan dijadikan oleh Menteri Besar sebagai keputusannya sendiri. Kebanyakan daripada minit-minit fail yang mundur mandir antara pejabat Menteri Besar dan pejabat G.A. atau B.A. itu bertanda "*SECRET*" atau "*CONFIDENTIAL*".

Dato Onn telah menamatkan tradisi ini. Sebagai seorang Menteri Besar beliau menggunakan kuasanya mengambil atau membuat sesuatu keputusannya sendiri. Setelah mengambil keputusan kepada perkara-perkara yang telah dirujukkan kepadanya, baharulah satu minit atau fail diunjukkan kepada B.A. untuk pengetahuan B.A. itu saja. Ini terbukti dari minit-minit di dalam fail yang telah disampaikan dari pejabatnya kepada pejabat B.A.

B.A.,

This is approved for your information only. Sd. Onn Jaafar

Satu lagi contoh yang menunjukkan ketegasannya ialah, beliau dengan berani telah melarang baginda Sultan Johor pergi ke Kuala Lumpur untuk menandatangani Perjanjian Persekutuan, sedangkan semua Raja-raja Melayu pergi ke sana. Pendapat beliau semasa MacMichel meminta tandatangan Raja-raja Melayu, wakil kolonil itu datang sendiri menghadap Raja-raja. Kenapa pula tiba Raja-raja Melayu yang bedau-lat tidak mengikut proses pemerintahan yang mula-mula dilakukan? Sultan bersetuju dengan pendapat beliau dan menandatangani perjan-jian itu di Johor Baharu.

Biar apapun terjadi, sama ada disedari ataupun tidak, kenapa dan mengapa para pemimpin berubah, bukanlah soal yang utama. Yang penting, apakah perubahan sikap dan ideologi itu boleh membawa keuntungan atau sebaliknya terhadap rakyat yang telah menaruh sepenuh kepercayaan kepadanya. Setiap perubahan yang berlaku ke atas diri seorang pemimpin akan menjadi perhatian dan tanda tanya kepada se golongan kecil pengikutnya yang bijaksana.

Dato Onn mula berubah selepas tahun 1948. Beliau tidak lagi setegas dulu. Kini beliau sudah mula boleh bertolak ansur dengan kehendak-kehendak British dan kaum imigran. Ini jelas dari idea-ideanya yang ma-hu memberi taraf ahli bersekutu, membuka kerakyatan di atas dasar ju-soli kepada kaum imigren melalui Jawatankuasa Perundingan Antara Kaum (CLC) dan menukarkan UMNO kepada sebuah parti antara kaum yang pertama di Tanah Melayu.

Idea-idea ini ternyata menyimpang dari cita-cita kebanyakan umat Melayu ketika itu. Dato Onn sedar apa yang sedang berlaku. Mungkin disebabkan sifat degil semulajadi yang ada pada dirinya dan memandangkan pengaruh dan kuasa yang begitu kuat yang ada pada dirinya, beliau tetap berkeras. Akibat kedegilan dan mungkin riak yang menguasai perasaannya kerana merasakan dirinya Orang Besar dan mesti ditaati akan segala kemahuannya seperti pemimpin lain di dunia bila berada di kemuncak yang ingin manusia mengikut telunjuknya telah membuatkan beliau terkeluar dari UMNO. Ini cuma satu percubaan Tuhan kepada hambanya. Allah yang telah memberikan kuasa dan berhak pula mengambilnya kembali pada bila-bila masa ia suka.

Satu lagi kegemaran beliau ialah membaca. Beliau mempunyai nafsu besar untuk membaca, lebih besar daripada keinginannya yang lain. Ba-

nyak sekali beliau menggunakan masa dan tenaganya untuk membaca. Ini telah disahkan oleh anaknya Dato Hussein, yang berkata, "Ayah saya sangat suka membaca, khasnya mengenai politik". Dengan membaca seseorang itu dapat menambahkan ilmu pengetahuan, mendalamkan pemikiran, memperluaskan pandangan dan memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan untuk mencapai kejayaan dalam apa jua lapangan hidup yang diminatinya.

Bagi Dato Onn, membaca itu ialah suatu cara untuk mencari ilmu dan pengalaman dalam berbagai lapangan hidup. Baginya membaca itu lebih utama daripada diri, malah anak isteri. Membaca telah menjadi amalan dan penawar hidupnya. Dengan membaca, seseorang itu dapat menenangkan diri dalam masa-masa muram dan ketika nasib kurang baik dalam menghadapi hidup sehari-hari. Ia terus membaca segala apa saja yang berkaitan dengan politik. Dengan penuh tumpuan serta perhatian, beliau dapat mengesan apa-apa yang tidak dapat dikesan oleh orang lain, dan memintas selok belok dan tindak tanduk politik yang diamalkan oleh tokoh-tokoh politik yang lain dan penjajah di tanahairnya sendiri.

Pandangan dan tinjauannya adalah luas, dalam dan jauh pula, sehingga mendahului zamannya. Beliau cepat sekali memahami sesuatu dan lebih menyeluruh dari orang lain. Oleh kerana jauh benar Dato Onn menda-hului zaman dan rakan-rakan seperjuangannya dalam pergolakan politik tanahair, maka sebilangan besar orang-orang Melayu pada zamannya tidak dapat memahami dan mengikuti perjuangannya. Mereka ini telah memandang serong terhadap tindak tanduk politik yang telah dijalankannya di saat yang penting dalam sejarah perjuangan kebangsaan tanahair.

Beliau sebenarnya adalah seorang pemimpin Melayu yang moderate dan konservatif. Beliau tidak bersikap menentang British di dalam mendesak tuntutan-tuntutan politik dan kebijakan orang Melayu. Beliau sebaliknya menggunakan kehadiran pemerintahan British itu sebagai satu jaminan untuk orang Melayu berjuang melengkapkan diri dengan hak-hak dan kuasa politik Tanah Melayu. Walaupun begitu, tidak bererti pula beliau mengikut telunjuk British.

Di antara 1949 – 1951, terdapat satu siri percubaan Dato Onn dan beberapa orang kanannya seperti Dato Haji Wahab, Dato Zainal Abidin, Dato Nik Ahmad Kamil, Raja Ayub, C.M. Yusof dan Datin Putih Mariah untuk mengubah bentuk dan dasar UMNO. Tindakan ini dibuat mung-

kin kerana memandangkan perkembangan politik Tanah Melayu yang semakin rancak selepas 1948.

Selepas 1948, terdapat sikap baru di kalangan kaum imigran, iaitu minat dan kegiatan berpolitik bertapak di Tanah Melayu. Ini dapat di perhatikan dengan wujudnya dan bergiatnya *Singapore Progressive Party*, *Malayan Democratic Union*, *Pan-Malayan Council of Joint Action*, *Malayan Chinese Association* dan juga *Malayan Indian Congress*. Kegiatan-kegiatan politik mereka merupakan satu tekanan kepada politik Tanah Melayu; terutama melihatkan kepada penentangan mereka terhadap Perjanjian Persekutuan 1948.

Tekanan-tekanan politik kaum asing ini tidak dapat dipadamkan, oleh itu untuk mengimbangkan tekanan mereka, UMNO pada anggapan pemimpin-pemimpin itu, patutlah bertolak ansur seberapa yang boleh kepada kaum asing. UMNO, kerana itu, patut menjadi satu pertubuhan yang dianggotai oleh semua kaum.

Langkah pertama yang dicadangkan ialah dengan memberi taraf Ahli Bersekutu kepada kaum asing. Langkah kedua ialah dengan mendesak anggota-anggota UMNO menerima cadangan-cadangan mengenai kewarganegaraan yang dibentangkan oleh *Communities Liaison Committee* 1949, dan akhir sekali ialah dengan menjadikan ia sebagai *United Malayan National Organisation*, yang terbuka kepada semua kaum. Kedua-dua syor terawal itu diterima, tetapi penerimaan itu adalah 'terpaksa' syor ketiga itu telah ditolak langsung kerana yang dapat dilihat oleh ahli-ahli UMNO di masa itu ialah akibat-akibatnya terlalu tidak menguntungkan orang Melayu. Dato Onn dan penyokong-penyokongnya terpaksa ditolak kerana mahu menjaga bentuk dan dasar UMNO itu dan nasib orang Melayu sendiri.

Di samping beliau terlalu yakin kepada kuasa Inggeris, dapat juga dijadikan satu alasan kepada perubahan sikapnya, iaitu tentang pengaruh dirinya sendiri sebagai seorang pemimpin dan kepercayaan kaum Melayu dan British kepadanya. Didapati di dalam tahun-tahun 1946 - 1948, beliau telah menjadi hero kepada orang-orang Melayu kerana dengan pimpinannya, UMNO telah dapat menumbangkan *Malaya Union* dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu yang pada dasarnya adalah kehendak UMNO dan Dato Onn sendiri. British terpaksa mengikut kehendak UMNO. Kejayaan ini bukan kecil ertinya. Keyakin-

an bahawa beliau adalah ketua bagi orang-orang Melayu yang diterima oleh British itu diuji di dalam tahun 1949 dengan mengemukakan syor kerakyatan yang longgar kepada bangsa asing. Walaupun ahli-ahli UMNO menolak pada mulanya, tercapai kerana dirasakan ‘UMNO itu Dato Onn dan Dato Onn itu UMNO’ maka ahli-ahli UMNO menjemput beliau memegang semula UMNO dan menerima dasar kerakyatan itu. Dengan ini Dato Onn merasakan bahawa pengaruhnya di kalangan orang-orang Melayu adalah tebal.

Kepercayaan ini ditambah pula oleh British dengan memberikan beliau jawatan Menteri Dalam Negeri pada tahun 1951 dan kepada beliau juga diserahkan mandat untuk membaiki ekonomi orang Melayu melalui *Rural Industrial Development Authority (RIDA)* 1950. Kedua-dua jawatan itu adalah penting. Lebih dari itu, dengan jawatan Menteri Dalam Negeri itu, British seolah-olah meletakkan Dato Onn sebagai anak tempatan yang paling berkebolehan dan penting di sisi British. Tanggungjawab Dato Onn di dalam kedua-dua bidang itu bukan kecil; di dalam tangannya terletak corak dan bentuk nasib orang-orang Melayu dan Tanah Melayu. Dengan kedudukan dan jawatan ini, beliau begitu yakin sekali syornya untuk membukakan UMNO kepada orang asing itu dapat dijalankan. Tetapi oleh kerana kuasa pemutus itu terletak di tangan ahli-ahli UMNO, maka beliau jelas sekali terpaksa terkorban kerana cita-citanya. Di sini, yang penting bukanlah kerana kesalahan syornya itu, tetapi beliau terlalu yakin kepada pengaruh dirinya. Oleh itu, beliau tidak terkilan untuk meninggalkan UMNO, yang sebenarnya adalah tunjang tempat beliau berpijak.

Setelah bintangnya malap, dan akhirnya padam terus di bidang politik tanahair, Dato Onn telah menitiskan air mata dan bermasygul hingga ke akhir hayatnya kerana melihatkan umat Melayu mula berpecah belah, berpihak-pihak, berpuak-puak, bertentangan dan bercakaran pula sesama sendiri. Entah bila, entah berapa lama lagikah bangsa Melayu akan dianugerahi dengan seorang lagi jaguh kebangsaan yang sebijak, setabah dan sepetah Dato Onn untuk merumpun kembali dan memperkuuhkan tunjang dan perdu perpaduan umat Melayu. Ini tidak mudah diramalkan. Kalaupun ada nanti pemimpin tersebut, maka pemimpin itu adalah pemimpin yang bersih, adil, amanah dan mempunyai sifat-sifat rassul.

MENGENANG PEJUANG HAK ASASI MELAYU:

Kebijaksanaan Abdullah memainkan peranannya sebagai seorang pekerja yang taat, yang sentiasa merendahkan diri dan menghina Raja-raja dan orang Melayu membuat Tuan orang Putihnya memberi pujian terhadapnya dan tidak menyedari benih yang disemai oleh Abdullah ke pada jiwa orang Melayu yang terlalu gersang untuk menerima benih ke merdekaan.

Abdullah Munshi telah menembak dua burung dengan satu peluru. Hinggakan apa yang paling ditakuti oleh bangsa penjajah pada ketika itu ialah timbulnya semangat keberanian dari bangsa yang dijajah.

Abdullah dengan cara yang paling simbolik memberikan kesedaran supaya orang Melayu bangun berjuang mengubah nasib mereka, menentang Raja dan penjajah Inggeris.

Abdullah menunjukkan contoh dan tauladan dengan cara yang paling praktis.

Sebagai orang Islam yang baik dia mengajar orang Melayu membaca guna menambah ilmu pengetahuan mereka. Keinsafan akan harga dirinya membuat beliau menjadi berani.

Pribadi Abdullah kurang diperkatakan. Beliau adalah orang yang paling berani, sifatnya tenang, biar bagaimana hebat masalah yang dihadapinya kerana pendiriannya. Beliau dibenci oleh orang-orang yang memusuhiinya dan diberi gelaran Abdullah Padri. Sekali beliau melangkah, setapak pun tidak berundur. Pejuang sejati . . . pahlawan. Beliau mahu belajar bahasa Inggeris, beliau belajar sehingga pandai. Kerajinan dedikasi, sifat kesederhanaan Abdullah tidak pernah disanjung atau diambil untuk menjadi contoh dan tauladan kepada anak yang maju.

Beliau tidak takut dan gentar dengan menyatakan pendiriannya. Kekhlasan yang bagaimana lagi yang diharapkan dari beliau?

Sayangnya cuma ada seorang manusia yang semacam beliau yang

dup sezamannya. Sudah menjadi sentimen orang Melayu ketika itu, kalau dia sudah menaruh benci dan buruk sangka kepada seseorang, biar bagaimana baik dan berguna sekalipun buah fikiran orang tersebut ia-nya tetap akan dibenci juga.

Perangai bodoh sompong inilah yang telah menyekat segala kemajuan. Munshi cuba mengisi semangat keberanian di dada orang Melayu. Beliau cuba mengajar orang Melayu supaya berani mengakui kekurangan, kelemahan yang terdapat pada diri mereka. Mengakui kekurangan diri adalah tangga untuk kesempurnaan diri. Tetapi tidak siapa pun orang Melayu pada zaman itu yang sedar akan muslihat dan tunjuk ajar Abdullah. Sebab itu tidak siapa yang mahu mengisi kekurangan dan kesilapan diri.

Ketika itu orang Melayu merasakan diri mereka cukup pandai. Ti-dak siapa yang membaca tulisan beliau yang sanggup atau berani meng-akui kebenaran pendapat serta kritik Abdullah.

Akan bersua lagikah kita di zaman kemerdekaan ini dengan manusia seperti Munshi yang telah mengorbankan seluruh hidupnya, bukan saja untuk meninggikan kesusasteraan Melayu, tetapi ahli-ahli fikir, pejuang hak asasi manusia hingga kita menjadi satu bangsa yang benar-benar merdeka.

Kita benci pada Jepun kerana kekejaman dan keganasannya. Tetapi Jepun telah mengajar kita menjadi satu bangsa yang merdeka. Kita sa- yang pada Inggeris kerana gula-gulanya hingga hari ini walaupun kita su-dah merdeka 22 tahun jiwa kita seperti bangsa yang masih juga terjajah.

Abdullah mengorbankan hidupnya semata-mata untuk mendidik pri-badi bangsa Melayu. Begitu jujur pribadi Munshi, ikhlas dan tegas. Ego-nyahkah yang membuat kita terguris dan marah padanya.

Beliau menuntut ilmu kerana cintakan ilmu, bukan kerana hendak mencari kedudukan. Alangkah berbeza dengan orang-orang yang masuk ke universiti-universiti yang bila tamat nanti mengharapkan dapat gaji besar dan kedudukan yang baik. Begitu sedih sekiranya menuntut Ilmu semata-mata untuk mengisi keperluan hidup sendiri dari kebendaan.

Mereka mengaku dirinya intelek, orang berkelulusan tinggi, berijazah. Lupakah mereka yang masyarakat tahu mereka ke universiti semata-mata untuk mengetahui apa yang telah diketahui oleh orang-orang lain?

Alangkah baiknya sekiranya mereka menghabiskan masa membuat

penyelidikan tentang perkara-perkara yang belum diketahui oleh orang lain?

Jasa dan usaha Munshi sukar ditandingi. Beliau bukan seperti buku rujukan yang besar di perpustakaan, yang jarang sekali digunakan oleh manusia-manusia. Beliau cuba membina jiwa rakyat, cuba menaikkan taraf bangsa Melayu yang tertekan dan tertindas oleh keadaan ketika itu.

Hari ini kita sudah 21 tahun merdeka. Ilmu pengetahuanlah yang telah menjadikan kita kuat. Sebab itu menjadi tugas para ulamak, para pengarang seandainya mereka mahu menerima gelaran emas negara.

Mesti belajar dari Abdullah Munshi, mesti sanggup berkorban. Mesti berani menegur dan jangan membiarkan para pemimpin yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi menggunakan intelek mereka untuk memperalatkan rakyat yang masih bodoh. Rakyat yang jiwanya masih belum merdeka, yang masih merasakan yang diri mereka hamba. Sedangkan sebagai satu bangsa yang berdaulat dan merdeka, satu negara yang mengamalkan demokrasi siapa saja yang punya kesanggupan boleh jadi Ketua Menteri atau Perdana Menteri.

Ramai bijak pandai akan setuju dengan pendapat Plato yang menganggap mereka yang telah mengorbankan diri dengan ilmu pengetahuan yang tidak dapat dinilai oleh emas. Sebagai emas negara biarpun mereka tidak mendapat emas, nilai mereka lebih tinggi dari emas.

Seandainya Munshi Abdullah hidup dalam negara Plato beliau dan semua ahli-ahli fikir, ulamak, ahli seni dan pengarang yang lain akan dianggap sebagai 'EMAS'.

Mengikut pendapat Plato dalam republiknya, manusia beginilah yang mengisi jiwa negara.

Namun begitu orang yang menyantung tinggi kemerdekaan dan kebebasan menyatakan fikirannya biarpun dia terpaksa menderita kerana sikap dan prinsipnya. Ramai orang yang menaruh benci pada Munshi Abdullah kerana pandangan dan penyelidikan beliau. Tetapi beliau tidak mengubah pendiriannya. Beliau telah mengalami penderitaan kerana ingin mengubah fikiran manusia se zaman dengan beliau.

Marilah kita mengenangnya kembali dengan membuat penilaian berkenaan hidup dan tulisannya.

Abdullah cuba mempengaruhi orang Melayu supaya bangun, supaya

berani menentang perbuatan Raja-raja pada zaman itu yang tidak mengambil tahu langsung akan hal dalam negeri dan nasib rakyat yang menderita. Raja-raja Melayu pada masa itu terlalu mementingkan diri sendiri menjalankan pemerintahan mengikut hawa nafsu sendiri saja.

Abdullah cuba memberi kesedaran kepada orang Melayu, kepada rakyat, sedangkan dia juga rakyat jelata. Tanpa memikirkan bahaya yang boleh menimpa dirinya.

Abdullah pejuang hak asasi manusia. Tidak takut dan gentar kepada Raja-raja yang terkenal dengan kezalimannya. Raja yang memaksa rakyat duduk menyembah mereka semasa mereka sedang lalu. Tidak kira walau di mana rakyat itu sedang berada ketika itu, walau di tempat kotor sekali pun.

Cuba kita menung dan fikirkan Abdullah dari segi ini. Betapa berani beliau berjuang dengan penanya. Tapi sayang ketika itu orang Melayu kita buta huruf, buta hati, tidak seorang pun yang mahu bangun berdiri di belakang Abdullah.

Orang Melayu ketika itu terlalu takut pada perintah yang dikeluaran oleh rajanya. Kalau hitam kata raja, hitamlah kata rakyat.

Allah mengutuskan Jibril untuk menyampaikan wahyu kepada junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. Begitu Tuhan memberi wahyu kepada Nabi dan para Rasul.

Bukankah manusia juga diberikan wahyu? Tapi sebutan dan cara penyampaian kepada manusia tidak sama. Allah ciptakan manusia sebagai makhluk yang tercantik, termulia dari makhluk-makhluknya yang lain. Alangkah baik jika insan dapat menggunakan kesempurnaan sifat akal dengan sempurna.

Biar bagaimana bijaksana, atau cerdas sekalipun akal fikiran dan betapa banyak pengalaman yang diperolehi insan tanpa izin dan kudrat dari Allah dia tidak boleh berbuat apa-apa.

Dengan keredaan dan izin Allah, Abdullah yang tidak dikenal oleh sesiapa pun semasa kecilnya dahulu telah menjadi seorang ahli fikir dan pujangga serta pejuang hak asasi manusia.

Sekiranya apa yang telah disampaikan oleh Abdullah dapat diterima oleh orang Melayu, kemungkinan kita orang Melayu lebih awal merdeka dari Amerika atau sekurang-kurangnya kita sudah merayakan hari kemerdekaan yang ke-150. Sudah lebih 200 tahun Abdullah meninggal-

kan kita. Kesedaran yang beliau seorang pendidik dan ahli bahasa tiba bul 50 tahun sesudah beliau meninggal. Ini kerana idea-ideanya tidak mahu diterima disebabkan beliau tidak punya apa-apa. Beliau miskin, beliau asyik berfikir dan mengumpul ilmu dan apa yang dikumpul tidak siapa yang mahu mempraktiksan atau sekurang-kurangnya mahu berfikir dan berbincang.

Nabi kita semasa memperjuangkan Islam mendidik umat Arab yang lebih jahil, zalim dan kejam. Tapi dengan perantaraan isterinya Saidatun Khadijah, bapa saudaranya, para sahabatnya, orang muda pada zamannya berjaya mengubah cara hidup dan berfikir orang Arab Jahiliah.

Abdullah berjuang seorang diri hingga ke akhir hayatnya. Mana ada orang Melayu jati pada ketika itu yang mahu berjuang atau meneruskan perjuangan beliau. Mana ada yang mahu menganalisa diri beliau dalam segala aspek, membuat kajian tentang perjuangannya dengan cara mendalam dari segi keagamaan, sosial, ekonomi, politik tidak semata-mata dari persuratan saja?

Berapa kerat saja dari bangsa Melayu yang telah pun membaca hasil karya Munshi melainkan dimestikan sebagai suatu mata pelajaran mewujudkan ikut tulisan Harun Aminul Rashid dalam bukunya *Mengesan Jejak Pelayaran Abdullah Munshi*. Buku pelayaran Munshi menjadi bacaan pelajaran sasteranya. Mengikut Harun Aminul Rashid sastera diajar seluruh negara sepanjang sebelah tengahari dan kebanyakannya kawan yang sama sedarjah dengan mengantuk bila sampai waktu membaca. Cuma beliau seorang yang tidak rasa seronok dan ingin melihat sendiri apa yang sudah dibaca, 40 tahun kemudian. Dalam tahun 1965 beliau menyiapkan buku "*Mengesan Jejak Pelayaran Abdullah Munshi*". Saya fikir tidak ramai orang yang telah membaca buku tersebut.

Abdullah melihat Tanah Melayu bukan saja dari dalam, bukan sepatutnya dia duduk di Melaka. Beliau melihat Tanah Melayu dari tengah laut, dari bibir air, beliau melihat orang Melayu saudara ikhwan orang Islam mestinya diajar dan dibela.

Beliau adalah seorang mubaligh. Beliau berdakwah. Tidak siapa yang mahu menerima. Abdullah yang bercampur dengan Padri ini sebagai orang ulamak. Sebagai pendakwah kerana beliau belajar di sekolah keris, beliau dianggap dan diberi gelaran "Abdullah Padri".

"Muda itu sebahagian dari gila. Kerana kegilaan orang muda seperti

tim-
idak
kin,
idak
erfi-
yang
atina
man-
a ada
erus-
dari
men-
mata

hasil
eng-
k Pe-
n pe-
ar di
nya
g me-
ahun
gesan
yang

seta-
laut,
Islam

yang
gai se-
n Ing-
eperti

Abdullah inilah dunia persuratan Melayu berubah dan berkembang maju.

Banyak orang yang mengakui diri mereka bijak pandai. Yang ber-kata tidak payah baca buku Abdullah saya sudah tahu isi kandungannya. Alangkah jahilnya manusia begini. Begitu pintar mereka dengan melihat kulit buku. Membaca kata pengantar atau mukadimmah sudah tahu isi dan pati buku tersebut.

Selagi pembaca tidak menganalisa diri pengarang dari semua sudut, selagi pembaca tidak mengenali pribadi, pengarang, selama itulah pembaca tidak akan dapat memahami apa sebenarnya yang hendak disampaikan oleh pengarang. Pembaca mesti mendahului pengarang barulah pembaca dapat mengetahui bahasa pengarang.

Bukankah pengarang adalah orang yang mendahului zamananya. Dan saya sangat kesal sikap pembaca terutama pengkritik yang mengecam atau menghina idea-idea pengarang, dan mengkritik pengarang sedangkan dia jauh ketinggalan di belakang, tidak dapat mendahului pengarang. Apa yang dilihat, apa yang dikritik tentulah semuanya dari satu sudut saja. Tidak semua sudut yang difikirkan oleh pengarang. Pengkritik tulen perlu mendahului pengarang. Tengok, lihat dia dari bawah, depan. Selami lubuk hati, tinjau akal fikirannya. Sesudah itu kritiklah. Gunakan tali yang panjang kalau ingin menduga lautan dalam. Pakai kapal selam, jangan naik perahu, hendak tahu perut bumi. Hari ini saintis sudah mencipta pakaian yang boleh tahan dalam air selama 24 jam dan tidak kira berapa dalam pun laut tersebut kita boleh berjalan di dasar bumi.

Seandainyalah setiap pengkritik dan para pembaca mahu berbincang dengan fikiran terbuka pasti mereka akan dapat mutiara hikmat isi hati dan kandungan pengetahuan yang ada dalam tiap-tiap buku yang dihasilkan oleh setiap pengarang.

Almarhum Munshi Abdullah Al Othmani telah lama kembali ke Rahmatullah. Nama dan jasa-jasanya terus hidup hingga ke hari ini dan mungkin akan terus hidup seribu tahun lagi.

Sebagai mengingati beliau marilah kita umat Islam membacakan al-Fatihah untuk Almarhum dan mendoakan semoga Allah mengampuni segala dosa beliau dan menempatkan roh beliau bersama orang-orang mukmin di Jannatulnaim.

Untuk kenang-kenangan dan sanjungan yang sepatutnya diberikan

kepada beliau marilah kita semua umat Melayu terutama kaum penulis meminta kepada Kerajaan mengadakan satu Yayasan yang diberi nama Yayasan Munshi Abdullah khusus untuk para penulis serta sasaran negara.

GAPENA sepatutnya membuat satu penyiasatan dan kajian berkenaan dengan royalti dari semua buku yang telah dihasilkan oleh beliau selama ini dan seterusnya untuk masa-masa akan datang. Sejak kematian beliau hingga kini siapakah yang mendapat keuntungan dari buku karya beliau yang sudah diulang cetak beberapa kali. Royalti ini tentu akan dapat mengisi tabung yayasan Munshi Abdullah yang ditubuhkan khas untuk para penulis nanti.

ARAB YAMAN DI RANTAU ORANG

Kenapa Sheikh Abdullah bin Abdul Kadir Al Othmani anak Arab dari Yaman yang mempunyai darah campuran India yang dibesarkan di negeri Melaka menjadi seorang pengarang?

Datuknya seorang ahli perniagaan, sambil bermiaga sambil mengembangkan ajaran Islam. Begitu juga dengan ayahnya. Sesudah belajar membaca, ilmu kira-kira, beliau memulakan hidupnya dengan bermiaga membawa barang-barang ke Ulu Melaka.

Begitulah halnya dengan orang-orang Arab yang sezaman dengannya. Selain bermiaga mereka menjadi mubaligh, berdakwah mengajar orang Melayu mengaji, hukum sembahyang dan ajaran agama Islam.

Kerana pribadinya, kerana jasa baktinya kepada orang-orang kampung di ulu Melaka, beliau diambil menjadi menantu dan diangkat menjadi Khatib.

Sheikh Abdul Kadir Al Othmani seorang yang praktik, kuat berusaha dan beribadat. Dia mencari dunia macam hendak hidup seribu tahun dan beribadat seolah-olah akan mati esok. Berniaga mengikut sabda Rasulullah, 'jadikanlah ¹⁰ pendapatan kamu dari perniagaan'. Hadith dan firman menjadi pegangan hidup beliau. Beliau bermiaga, mengembara dan tidak berhenti-henti menambahkan ilmu pengetahuan.

Kadir Al Othmani Arab Yaman menjadi guru bahasa Melayu kepada seorang pegawai Inggeris bernama Marsden. Waktu itu beliau tinggal di Sungai Baru. Sebab itu agaknya hari ini kita perhatikan ramai intelek-intelek dan pembesar-pembesar Melaka yang berasal dari Sungai Baru dan kampung-kampung berdekatan kerana di kampung itulah orang Melayu giat belajar menambahkan ilmu pengetahuan. Beliaulah anak Melaka yang pertama mendapat sepucuk surat pujian dari pegawai Inggeris kerana pandai mengajar bahasa Melayu.

Kadir Al Othmani ayah Abdullah selain pandai dalam Ilmu Kira-kira, beliau pandai berbahasa Arab dan boleh bertutur dan menulis bahasa

Tamil (Keling) dan bahasa Melayu. Begitu ramai umat Melayu di Melaka, beliau yang dipilih untuk menulis surat kepada Raja-raja Melayu. Beliau berusaha memahirkannya dalam bahasa Melayu sedangkan orang Melayu sendiri tidak ambil tahu.

Semasa Farquhar menjadi Raja Melaka, Kadir Al Othmani berhenti bekerja sebagai kakitangan Shah Bandar Melaka walaupun hidupnya mewah, makmur serta disegani orang ketika itu. Untuk kembali berniaga beliau menjadi seorang saudagar yang berulang-alik ke Siak. Melaka ketika itu menjadi pusat perdagangan dan mengikut cerita Munshi, kebanyakan orang Melaka pada ketika itu kaya-kaya belaka.

Kadir Al Othmani dilantik pula oleh Adriaan Cook, Raja Muda Melaka menjadi Nakhoda dalam sebuah perahu layar yang besar bernama *Layar Street* berulang alik ke Kedah, kerana Raja Putih ini bersahabat baik dengan Raja Kedah.

Sheikh Kadir telah dilantik menjadi Duta mewakili orang Inggeris berunding dengan Raja-raja Melayu. Antara negeri-negeri yang telah dilawatinya ialah negeri Pahang, Trengganu dan Kelantan.

Dari itu tidak hairanlah kita sekiranya Abdullah boleh menulis hal Raja-raja dalam karangannya. Lagi pula ayahnya adalah tergolong dari kalangan orang-orang Istana. Mungkin buku "Kisah Pelayaran Abdullah ke Trengganu dan Kelantan" itu adalah pengalaman ayahnya, selain pandangannya sendiri.

Ayahnya pernah ditugaskan oleh orang Belanda semasa Melaka dibawah pemerintahan Belanda mencari buku dan hikayat-hikayat Melayu. Buku tersebut ada yang dibelinya, ada juga yang dihadiahkan sahaja oleh Raja-raja kepada beliau untuk diberikan kepada orang Belanda.

Sungguhpun begitu bijak, pintar dan mahir dalam bahasa Melayu ayahnya tidak boleh menjadi seorang pengarang. Beliau tidak mempunyai bakat walaupun mempunyai kemahiran dan pengalaman. Tetapi ada sesuatu yang dilakukan oleh Kadri Al Othmani. Kalau bukan kerana Kadir Al Othmani tidak siapa yang akan mengetahui Sejarah Melayu hingga ke hari ini. Mungkin beliau akan mati seperti Arab-arab yang lain. Ilmu pengetahuannya tidak dapat dikembangkan, sebagai seorang saudagar atau guru agama dan Khatib serta Imam yang hanya dikenali semasa hidupnya.

Tidak adalah manusia di dunia ini yang lebih dibenci oleh Abdullah semasa kecilnya selain Kadir Al Othmani. Seorang ayah yang terlalu garang. Hingga Abdullah tidak ada masa sama sekali untuk bermain-main seperti kanak-kanak lain. Ada-ada saja pelajarannya yang disuruhnya. Membaca Quran, menulis nama orang-orang yang ke Masjid, menyalin kitab, Quran, kalau salah akan dipukul, serta dibelasah seteruk-teruknya cuma belum patah riuk saja.

Hanya Abdullah itulah anaknya yang lain semuanya mati. Itupun macam-macam penyakit yang menimpa Abdullah, kurus kering namun tidak dipedulikan, masa belajar mesti belajar sampai pandai.

Suatu hari ketika beliau tidak ada di rumah datang seorang Nakhoda ke rumahnya minta tolong membuatkan suatu surat perjanjian berhutang. Abdullah telah membuatkan surat tersebut. Nakhoda itu sangat berpuashati dan memberikan Abdullah wang sebagai upahnya.

Mungkinkah ayahnya mahu anaknya ini menjadi seorang pengarang? Kalau kita selidik dari perkataannya ada kemungkinan yang beliau mahu Abdullah menjadi seorang penulis. Ikutilah perbualan Ayah Ibu Abdullah bila Nakhoda itu sudah berlalu dan surat yang ditulis oleh Abdullah itu sudah pun dibacanya. Secara kebetulan waktu itu Nakhoda itu mahu berangkat pulang beliau pun sampai ke rumah.

“Bertuah benar hari ini, jika mendapat \$1,000/= pun tidaklah sebegini suka hatiku, kerana anakku sudah boleh menolong pekerjaanku” Kata Pa’ Sheikh.

“Barang ditambahkan jugalah akal fikiran anakku” kata ibu Abdullah yang turut gembira.

“Barulah hari ini aku beroleh seorang anakku. Jika ia tidak tahu menulis dan membaca aku anggap ia tidak ada di dalam dunia ini atau sudah mati saja”.

Perbualan Ibu dan Bapanya itu didengar oleh Abdullah.

Begitulah kuat kemahuan Kadir Al Othmani supaya anaknya menjadi seorang penulis, pengarang yang masyhur mungkin anak yang salleh, anak yang berguna kepada agama, bangsa dan tanahair. Anak yang tidak akan memutuskannya dari akhirat seperti yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T.

Ini semua diceritakan oleh Abdullah dalam Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi untuk apa? Tidak sia-sia dia disiksa sedemikian ru-

pa demi untuk menjadi seorang anak yang pandai dan berguna dunia dan akhirat. Berapa ramai dari kita yang telah membaca riwayat hidup Abdullah yang sanggup menjalankan disiplin ke atas anak-anak seperti yang telah dilakukan oleh Kadir Al Othmani?

Kalau orang lain ada seorang sahaja anak, sudah barang tentu anak itu dijadikan macam anak emas. Ditutang macam minyak yang penuh, dikutkan sahaja segala kemahuannya. Kalau tidak kerana didikan dan disiplin dari ayahnya mungkin Abdullah boleh menjadi seorang Musuh.

Abdullah dididik dan dibesarkan oleh ayahnya yang sentiasa bekerja dan menyuruh beliau menjadi sama sepertinya. Tidak hairanlah kita kalau Abdullah mengatakan orang Melayu malas. Dia tidak pernah dapat peluang untuk bermain-main apa juga jenis permainan yang menjadi kesukaan budak-budak dan orang-orang tua pada zamannya. Sebab itulah Abdullah mengecam orang Melayu supaya bertukar menjadi sepertinya. Hidup bekerja macam lebah.

Pada ketika itu tidak ada seorang pengarang Melayu, jangankan hendak mencari pengkritik. Bukankah penulis itu adalah lidah masyarakat. Abdullah adalah lidah orang Melayu ketika itu. Orang Melayu kita ketika itu bisu, tidak siapa pun berani bersuara. Hidup mereka terkong-kong dalam masyarakat yang kucar kacir. Orang Melayu tidak ada pemimpin. Raja-raja Melayu ketika itu zalim, kejam ramai yang tidak berperikemanusiaan, tidak mahu ambil tahu masalah rakyat. Mementingkan diri sendiri sahaja. Berpoya-poya dan berseronok-seronok dalam istana. Kalau sudah kehendak Raja jangan dikatakan anak dara orang, isteri orang pun dirampas. Rakyat tidak boleh berbuat apa-apa. Membantah kehendak Raja bererti menderhaka.

Hukuman orang yang menderhaka dibunuhi sampai mati, ditikam, disula atau digantung. Hukuman-hukuman yang dijatuahkan kepada rakyat mengikut hawa nafsu sendiri saja. Tidak berpandukan undang-undang negeri yang adil dan saksama.

Orang Melayu ketika itu cuma meminta perlindungan dari Allah. Pengaruh kezaliman Raja membuat rakyat menjadi terbiar dan tidak teratur. Rakyat tidak berusaha kerana rakyat tidak ada kebebasan sama sekali. Raja-raja dan orang-orang Istana boleh merampas apa saja hasil dari usaha rakyat.

Abdullah menulis dengan niat untuk memberi kesedaran kepada

umat Melayu. Memberi pandangan kepada Raja-raja atas sifat kezaliman mereka. Memberi kesedaran dan membangkitkan semangat yang manusia ini dijadikan sama sahaja. Itulah tujuannya, cara penyampaiannya membuat orang-orang benci macam mana bencinya kepada ayahnya yang sentiasa kasar dan ganas. Mendidik menggunakan kekerasan dan tanpa pertimbangan perasaan. Abdullah mengkritik orang Melayu dan Raja-raja dipengaruhi oleh sentimen psikologi kanak-kanak yang mempengaruhi jiwanya.

Penawar tidak semestinya manis. Apakah yang ditulis oleh Abdullah itu benar tetapi terlalu drastik. Siapa sebelum beliau yang berani mene-
gur Raja-raja Melayu. Orang-orang besar dalam istana semuanya peng-
ampu besar. Merekalah yang menjadi alat memeras rakyat. Orang istana
berlagak lebih dari raja.

Keberanian Abdullah menegur dengan cara drastik dianggap sebagai penghinaan oleh mereka yang tidak menyelidik dan mengkaji sedalam-
nya tekanan perasaan Abdullah semasa kanak-kanak. Abdullah memuji Inggeris bukan kerana beliau sukakan Inggeris. Beliau terpaksa berbuat demikian, bukankah ketika itu Raja-raja dan orang Melayu takut pada orang Inggeris. Beliau menyelam sambil minum air. Beliau terpaksa ber-
pura-pura mengampu Inggeris di samping memberi ingatan dan ke-
sedaran.

Abdullah menjadi pengarang besar kerana orang Inggeris. Kalau tidak kerana orang Inggeris yang berminat dalam buku-buku Melayu, Abdulla-
lah tidak dapat berkembang sebesar ini. Usahasama Abdullah dan orang Inggerislah lahirnya Bahasa Melayu.

Abdullah Al Othmani bukan seorang emosi bukan juga seorang pe-
ngampu. Kalau beliau tidak memberi contoh tentang kebaikan tuan
orang putih yang menjadi bossnya ketika itu, siapa lagi? Ada orang Cina,
atau India yang macam orang Inggeris? Ada Datuk-datuk Pembesar Me-
layu atau Raja-raja yang berperangai macam orang putih?

Pada masa itu orang putihlah sebaik-baik contoh pemimpin kalau hendak dibandingkan dengan Raja-raja Melayu. Apa faedah raja Melayu ketika itu kepada rakyat? Biarpun Inggeris menyamun dan merompak tapi semuanya dibuat dengan cara tipu muslihat yang patut kita pelajari untuk mengubah nasib bangsa kita. Sekurang-kurangnya kita dapat kenal yang mana satu harimau, yang mana satu buaya.

Lagipun kalau Abdullah tidak berselindung dengan orang putih tentulah beliau telah disula, digantung dan dicincang.

Untunglah orang putih yang menjadi tuannya tidak sedar akan semangat kebangsaan yang ditanamnya. Serangannya terhadap Raja-raja Melayu tidak mendapat reaksi dan tindakan dari orang Melayu ketika itu. Kalau tidak sudah barang tentu semua Raja yang zalim sudah disanggah, termasuk juga orang putih yang menipu Raja-raja untuk kepentingan mereka.

Kerana Abdullah dianggap orang luar, bangsa mendatang, keturunan Arab Yaman bercampur India, kemudian bertuankan orang putih pula. Silapnya Abdullah, beliau cuma menulis tetapi tidak turun bergaul dengan orang-orang kampung.

Kalaularah orang Melayu ketika itu tahu pribahasa "Jangan ditanya siapa yang berkata, berfikir dan menungkanlah apa yang dikata", dan kalaularah ada pemimpin Melayu ketika itu yang mahu menyalakan semangat kebangsaan dan revolusi serta bersatu padu, nescaya dengan sendirinya pengaruh Inggeris hampus.

Yang membuat orang Melayu menganggap segala tulisan beliau sebagai satu penghinaan ialah kerana sudah tertanam dalam fikiran orang Melayu perasaan benci, dengki, irihati dan dendam kepada beliau. Masakan orang Arab Yaman tali barut orang putih ini lebih tahu, lebih arif dalam bahasa Melayu sedangkan bahasa itu kepunyaan orang Melayu sendiri. Perasaan bodoh sompong, segelintir ketua-ketua kampung yang cerdik tidak dapat diikut, dan bodoh tidak dapat diajar, menjadikan perasaan benci dan memusuhi beliau tambah mendalam.

Keberanian dan ketegasan Abdullah dalam mempertahankan bahasa Melayu, hingga beliau sanggup kehilangan kawan dan pendapatan sebagai contoh; beliau tidak mahu mengajar Thomasan kerana orang putih tersebut cuba menghina bahasa Melayu. Ada saja yang tidak kena di hati Thomasan. Beliau memprotes, tidak mahu mengajar.

Dan bila Thomasan meminta ia mengajar semula selain memberi syarat-syarat bahawa Thomasan tidak boleh memandai-mandai dalam bahasa Melayu dia tidak dibenarkan meminda-minda. Akhirnya orang putih yang sompong dan berlagak pandai itu tunduk pada syarat yang telah ditetapkan oleh Munshi Abdullah.

Kalaularah tidak kerana latihan yang diterima semasa kecil tentulah

beliau sudah dewasa akan jadi anak muda yang akan menghabiskan masa dengan berpoya-poya atau bersenang-senang. Dengan kepandaian yang ada dan ayah yang berpengaruh beliau tidak menggunakan ilmu pengetahuan untuk melonggok wang bagi kepentingan diri. Beliau semata mengabdikan diri untuk memperkayakan dunia persuratan menterjemahkan buku-buku Melayu ke bahasa Inggeris serta sebaliknya, selain menulis buku-buku karyanya sendiri.

Beliau tidak pernah berehat dan bercuti untuk berpoya-poya. Kerja tetapnya mengajar selain membuat huruf tambahan dan mengecap. Kalau tidak kerana Padri Milue mungkin beliau akan membujang sampai ke mati kerana terlalu sibuk dengan tugas persuratan. Beliau sehingga terlupa tentang pertunangannya yang sudah berlangsung selama 3 tahun. Pertama yang melengahkan perkahwinan ialah kerana beliau merasa diri beliau masih miskin, rumah beliau buruk.

Padri Milue memberi beliau \$50.00 menolong membaiki rumahnya yang sudah buruk. Sambil memberikan kerusi meja yang sudah dipakai. Sesudah itu memberi cuti satu bulan untuk berbulan madu. Beliau ketika itu cuma mempunyai \$200/. Begini punya pengorbanan tidak dapat dinilai juga. Kalau beliau pengampu Inggeris tentu beliau sudah menjadi kaya raya.

Dalam tulisannya beliau ada juga menerangkan tipu helah Inggeris, kejahatan Inggeris yang dilakukan secara diplomasi. Beliau mengikut diplomasi Inggeris untuk menjatuhkan Inggeris melalui penulisan, supaya orang Melayu membenci Inggeris. Ulangajilah semua buku Munshi Abdullah pejuang kemerdekaan hak asasi orang Melayu yang telah menanamkan banyak semangat kebangsaan.

Saya percaya seandainya kita dapat menerima beliau sebagai orang Melayu, pandangan kita terhadap beliau akan berubah. Yang pertama kita perlu memahami akan apa yang dimaksudkan dengan istilah Melayu.

Mengikut konsep "Kebangsaan yang dipakai pada 'Kebangsaan Melayu' menurut Dr. Burhanuddin Al Helmi:

Kebangsaan Melayu, bukan dibina kerana semata-mata seorang itu bangsa Melayu atau bapanya Melayu, datuknya Melayu, neneknya Melayu, keturunannya Melayu, bakanya Melayu, jika ia belum mengisi erti dan tujuan kebangsaan Melayu . . . , iaitu kebangsaan yang meng-

ikut tabiat semulajadi kedudukan bumi keturunan pusaka, kebudayaan baka dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi ini, yang bersatu hasrat dan azamnya. Bersatu padu dalam ideologi kebangsaannya sebagai asas kebangsaan yang lebih luas kerana orang yang telah bersatu faham dan ideologinya dalam kebangsaan tiadalah kepada lain negeri lagi ia menumpahkan taat setianya, kerana itu di Malaya ini kebangsaan Melayu itulah saja asas ideologi kebangsaan yang sihat dan tulen. Maka di atas asas kebangsaan inilah siapa saja yang telah memutuskan taat setianya daripada negeri-negeri yang lain, ia berkait dengan kelayakan dan menumpahkan taat setianya kepada ideologi kebangsaan Melayu. Maka samalah ia daripada suatu bahagian anggota untuk semua dan semua untuk hak ramai bagi hak bersama dan sama berhak".

- Perkara-perkara yang dinyatakan dapat disimpulkan seperti berikut :
- (i) Isi kebangsaan itu, iaitu cita-cita orang Melayu terhadap tanah airnya. Anggotanya, iaitu pribumi rantau Alam Melayu.
 - (ii) Kebudayaan Melayu yang mengikuti kedudukan geografinya yang semulajadi—iaitu Alam Melayu.
 - (iii) Perkara perpaduan amat penting.
 - (iv) Konsep kebangsaan yang luas di mana orang-orang lain boleh menganggotainya jika memenuhi syarat yang dinyatakan di antaranya ialah seperti memutuskan taat setianya pada negara asalnya dan menumpahkan taat setianya kepada kebangsaan Melayu menjadi orang Melayu.

Kebangsaan Melayu bukan matlamat bangsa Melayu, tetapi adalah alat untuk mencapai cita-cita kemerdekaan tanahair dan kandungan kemerdekaan. Wujudnya bukanlah satu perkara baru, tetapi sama dengan wujudnya bangsa Melayu itu sendiri di alam Melayu ini.

BAPA PERPADUAN MALAYSIA?

"How can one community survive when another stands to perish? We know that either we survive together or perish together".

*Datuk Hussein Onn
Far Eastern Economic Review*

Bagaimanakah satu kaum sahaja yang dibiarkan hidup, sedangkan yang satu lagi terbiar hanyut? Kalau hendak hidup sama-sama kita hidup, kalau tidak sama-sama lah kita akan hancur dan binasa.

Apakah ini satu jaminan atau sumpahan? Atau kata-kata hiasan yang akan hilang begitu saja? Sekiranya kata-kata di atas suatu jaminan dan sumpahan, jaminan dan sumpahan yang macam mana lagi yang kita mahu dari seorang Perdana Menteri? Kalaulah setiap rakyat Malaysia berpegang teguh pada ikrar dan janji yang telah dilafazkan oleh Datuk Hussein sebagai Perdana Menteri, negara ini akan aman. Umat Melayu yang mundur yang tidak tahu ke mana hendak pergi sesudah kematian Tun Abdul Razak, sudah pasti akan maju.

Akhirnya terbentuk juga sebuah masyarakat yang dinamakan masyarakat Malaysia, masyarakat berbilang bangsa yang diibaratkan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Selama ini kita belum terdengar satu slogan yang seberani ini. Tun Razak bapa pembangunan mahu bumiputera berjaya dalam bidang ekonomi. Membuka pintu seluas-luasnya untuk kaum bumiputera meneroka menjalankan apa saja jenis perniagaan. Mengadakan rancangan dan segala macam jentera untuk menentukan yang kaum Bumi mesti sampai ke taraf yang telah dijanjikan. Tapi Allahyarham Tun Razak ti-

dak berani memberitahu sekalian rakyat Malaysia supaya berkorban mengenepikan soal keturunan bangsa untuk kemakmuran semua rakyat.

Kalaularah kita semua rakyat Malaysia, berani naik saksi, tidak kira Melayu, Cina atau India, atau apa saja keturunan bersumpah dengan nama Tuhan, yang kita percaya benar-benar akan slogan Datuk Hussein dan akan dengan rela hati, kita sudah tidak ada lain jalan melainkan bersatu, melupakan kepentingan diri, dan kaum sendiri, berusaha untuk mengubah cara kita berfikir, untuk mengubah cara hidup kita sesuai dengan masyarakat di sekeliling, Malaysia pasti akan menjadi sebuah negara yang aman makmur.

Sebabnya yang selama ini kita tidak dapat disatukan walaupun kita kelihatan bersatu ialah kerana kita tidak ada panduan. Kita tidak tahu ke mana pemimpin hendak membawa kita. Hari ini jelas dan terang dari slogan Datuk Hussein, beliau mahu kaum yang kaya di negara ini menolong dan membantu yang miskin. Kalau tidak bantu pun jangan halang usaha bumiputera dari mencari kejayaan.

Perdana Menteri kita telah memberi kita jaminan, yang beliau akan membiarkan kita berbuat apa yang kita suka asal kita tidak mengganggu dan mengambil hak orang lain. Negara ini kita yang punya, kita berhak hidup, kita berhak memperbaiki hidup kita, kalau kita bumiputera rasa kan diri kita susah, kita mesti mencari kesenangan. Seandainya kita miskin, kita mesti bergiat, berusaha mencari kekayaan. Dan kaum lain yang sudah kaya, bantu dan tolonglah yang miskin supaya kita hidup sama senang dan berbahagia. Yang sudah maju tolehlah ke belakang. Janganlah hendak hidup sendiri saja. Kepada yang pandai berikanlah tunjuk ajar kepada yang kurang pandai, yang bodoh belajarlah supaya jadi pandai.

Bumiputera tahu dan sedar tidak ada satu kaum pun di Malaysia yang mahu diperintah oleh kaum yang lain. Negara ini sudah jadi hak milik bersama kaum Bumi, Cina dan India. Apakah semangat kesedaran ini yang ditunjukkan oleh kaum yang lain? Apakah langkah berkesan kerajaan untuk membuat kaum lain taat dan patuh kepada arahan negara.

Jikalau dasar yang dibawa oleh Datuk Hussein ini dipelajari dan difahami dengan betul oleh semua pemimpin terutama pemimpin muda dari semua kaum, masalah perkauman tidak akan timbul di negara ini. Selama ini orang Cina, bumiputera dan India telah hidup bersama de-

ngan cara hidup masing-masing. Orang Cina masih juga mengagung-agungkan dan mendewa-dewakan bahasa Cinanya, orang bumiputera dengan bahasa Melayunya.

Yang penting sekarang ialah mempraktikkan dasar dan pegangan Perdana Menteri kita, dengan ini terpulanglah kepada kita semua untuk memperbaiki hidup kita dan kita tidak akan dapat memperbaiki hidup kita selagi kita belum mengenal diri kita. Semua rakyat mesti diberitahu, dididik di semua sekolah supaya mereka tahu bahawa mereka warganegara Malaysia. Siapa yang menderhaka mesti dihukum.

Saya menceritakan kepada seorang kawan saya, seorang permerhati politik yang telah banyak membaca buku-buku berkenaan 'Michaevelli' bahawa saya sedang menyusun sebuah buku yang berkaitan dengan Datuk Hussein. Beliau cuba memberi pendapat mengenai apa yang dijalankan oleh Datuk Hussein sekarang ada persamaannya dengan teori yang diamalkan oleh 'Michaevelli'. Saya menyatakan kepada dia, itu mungkin pendapat beliau dan orang yang telah membaca tulisan 'Michaevelli'.

Buat saya yang sedang meneliti dan mengenali hidup Datuk Hussein secara mendalam apa saja teori yang sedang dilaksanakan oleh Perdana Menteri kita secara kebetulan diamalkan oleh pembesar dunia yang lain. Bukankah orang yang bijak pandai mempunyai fikiran yang hampir sama?

"Wise men think alike".

Secara kebetulan pendapat Michaevelli ada persamaannya; pemimpin mesti disegani, tidak semestinya disayangi. Dan itulah peribadi Datuk Hussein sebagai seorang individu. Beliau memang dilahirkan begitu.

Michaevelli berpendapat pemimpin itu mesti lokek, jangan boros tidak bertempat, belanja pada waktu yang perlu. Bandingkanlah dengan pendapat Datuk Hussein yang memang dilahirkan cermat, perhatikan bentuk bibirnya, bukan dari jenis manusia yang suka berbelanja untuk menyenangkan hati orang lain.

Katanya lagi, pemimpin kalau mahu hidup selamat di atas mesti membunuh orang yang dianggapnya merbahaya kepada kedudukannya. Dan secara kebetulan juga, Datuk Hussein telah dididik dalam askar, sebagai seorang kapten yang pernah turut bertempur di dalam Perang Dunia Kedua di negara timur tengah. Tentera berpegang kepada prinsip

"Kalau kita tidak membunuh musuh, kelak kita nanti akan dibunuh".

Bukankah Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar semasa menjadi pegawai kerajaan, iaitu menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa dalam kerajaan Inggeris, bila melihat pihak kiri sudah mulai menegang, atas nasihat Inggeris, Datuk Onn dengan kuasa yang ada padanya mewujudkan perintah menangkap pemimpin-pemimpin perjuangan bangsa Melayu.

Datuk Onn menjalankan kuatkuasa penangkapan para pemimpin nasionalis Melayu hingga ke tahun-tahun lima puluhan.

Ishak Haji Mohamad, Ahmad Boestamam (sekarang bergelar Datuk), dan beratus-ratus orang pejuang Melayu yang lain termasuk saudara Rashid Maidin telah ditangkap dan ditahan dalam khemah tahanan di Pulau Jerjak, Pulau Sekijang dan tempat-tempat buangan yang lain.¹

Kerana tidak ada lagi point yang hendak dibandingkan antara Datuk Hussein dengan Michael E. Dewey dia mengatakan ada persamaan Hussein Onn dengan Abraham Lincoln. Katanya Perdana Menteri ketiga ini sungguh cekal dan berani serta sabar dan teliti tidak membuat sesuatu hingga sudah sampai ke kemuncak dan mendapat penuh kuasa.

Katanya lagi, Abraham Lincoln menunggu beberapa lama hingga ia sampai ke kemuncak. Bila dia sudah menjadi Presiden Amerika, bila beliau sudah mempunyai kuasa veto, barulah beliau meluluskan undang-undang menghapuskan perbudakan di Amerika.

Beberapa lama Datuk Hussein menunggu untuk memberi jaminan yang orang Melayu mesti diberi peluang mencapai taraf 30% mengikut Dasar Ekonomi Baru. Sekarang suaranya begitu lantang cuba menunjukkan keadilan. Jaminan untuk keamanan, keadilan dan kemakmuran.

Bagaimana yang dikatakan keadilan kalau orang Melayu masih tinggal miskin, sedang orang lain kaya raya. Bagaimana orang lain boleh senang kalau dalam Kementerian semuanya orang bumiputera sahaja, dan tentu-lah tidak adil kalau orang lama saja yang diberi peluang, sedangkan orang baru tidak diberi kerjasama. Inilah keadilan yang dimaksudkan agaknya. Dan dengan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru nanti barulah rakyat dapat hidup di dalam kemakmuran.

¹ Muka Surat 97, "Bangsa Melayu Menggugat Dunia" oleh Saudara Mokhtar Petah

Dan kawan saya itu bertanya, kenapa saya begitu ambil tahu berkenaan dengan Perdana Menteri yang baru ini, kalau hendak menulis riwayatnya tunggulah sehingga dia mati dulu.

Tidak ada manusia yang akan hidup menongkat langit, setiap yang bernyawa akan menemui ajalnya. Saya sekadar salah seorang penumpang di dalam bahtera yang beliau menjadi nakhodanya, patutlah mengenali kapten saya ini dan ingin tahu ke mana saya dan keluarga saya hendak dibawanya.

Orang lebih dahulu perlu tertarik kepada pemimpin, sesudah itu barulah tertarik kepada cita-citanya. Bagaimana kita boleh tertarik kepada pemimpin yang tidak kita kenal. Masakan selamanya kita mesti takut dan segan saja kepadanya. Mencintai pemimpin adalah menjadi hak kita seandainya pemimpin itu mencintai kita semua.

Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri yang pertama begitu rapat dan mesra dengan rakyat. Begitu juga Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kedua. Kemesraannya begitu dirasai oleh rakyat jelata. Perdana Menteri Malaysia pertama mendapat gelaran "Bapa Kemerdekaan". Perdana Menteri Kedua disanjung sebagai "Bapa Pembangunan". Saya tidak tahu sama ada sudah sampai masanya rakyat kepada Datuk Hussein Onn sebagai "Bapa Perpaduan".

Bukankah inilah yang menjadi niat dan cita-cita Datuk Hussein Onn dari awal-awal lagi. Beliau mengikut jejak Almarhum ayahandanya Datuk Onn yang keluar dari UMNO kerana UMNO tidak mahu membuka fahamannya yang sempit, dasarnya yang tidak mahu menerima lain-lain kaum turut serta dalam parti.

Akhirnya Allah yang maha berkuasa telah memberikan beliau peluang yang diharapkan oleh ayahandanya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai satu bangsa, bangsa Malaysia dan mengamalkan satu bahasa, bahasa resmi, bahasa Malaysia, sama rata sama adil.

Bukan senang hendak melaksanakan satu cita-cita murni tetapi dengan sifat yang tidak mementingkan diri yang diamalkan oleh Datuk Hussein yang mengutamakan perpaduan rakyat dari semua golongan dan lapisan, tidak ada sebab pemimpin agung yang telah dipilih dan di-perkenankan oleh Allah ini tidak boleh melaksanakan cita-cita murni untuk menyatupadukan semua rakyat menjadi satu.

Dan Islam menggalakkan perpaduan sesama manusia. Di sini saya perturunkan satu Firman Allah:

"Wahai segala manusia! Sesungguhnya telah Kami jadikan kaum se-kalian daripada seorang lelaki dan seorang perempuan. Dan Kami jadi-kan pula kaum yang bergulung-gulung dan berbangsa-bangsa supaya kamu saling mengenal antara satu sama lain. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah adalah orang-orang yang bertaqwa. Sesungguhnya Allah maha mengetahui dan menyelidiki".

Al-Quran 49 – 13

Hanya mereka yang beriman kepada Allah, yang pernah membaca al-Quran, mengetahui dan memahami akan isi kandungannya akan patuh kepada seruan Allah.

Bagaimana dengan orang Kafir, bagaimana dengan orang-orang yang belum pernah membaca al-Quran, orang yang tidak percaya kepada al-Quran?

Saya percaya niat dan cita-cita Perdana Menteri akan terlaksana se-andainya ada jentera melalui semua komunikasi am menyeru semua rakyat tidak kira bangsa dan agama memahami asal saja mereka warga negara Malaysia supaya mengamalkan surah al-Quran 49 – 13, dijadikan satu amalan kepada kita semua.

Bukankah cita-cita Datuk Hussein ada persamaan dengan ayat tersebut, yang menegaskan bahawa seluruh manusia berasal dari satu keturunan, semuanya berhak mendapat kebebasan dan kebahagiaan yang sama, meskipun antara kita terdiri dari satu golongan yang kecil dengan golongan yang besar dan mempunyai taraf hidup yang berbeza, namun setiap manusia adalah sama berhak untuk hidup.

Dalam negara yang mengamalkan demokrasi bukankah ini sudah menjadi amalan bumiputera yang menganuti agama Islam sejak zaman berzaman? Bukankah kita umat Melayu sentiasa mengamalkan prinsip bertimbangrasa, tolong menolong dan berperikemanusiaan kepada semua kaum yang mendatang ke Malaysia, termasuk orang-orang pelarian haram dari Vietnam yang sudah berpuluhan ribu berada di dalam negara kita sekarang?

Alangkah bermanfaatnya kalau ajaran tentang sifat tolong meno-long, bertimbangrasa, berperikemanusiaan ini diajar kepada kaum lain

juga? Sebenarnya mereka yang patut diseru supaya merasakan inilah negara mereka dan setiap penduduk di negara ini adalah sama, sesuaikanlah diri dengan penduduk asli di negara ini. Cubalah memahami agama dan adat resam orang Melayu, di samping mencari kemajuan dan kekayaan kerana kaum lain adalah kaum yang mendatang.

Pasti kalau ini boleh dijalankan dengan baik dalam masa yang singkat, kita boleh jadi satu bangsa Malaysia yang boleh menjadi contoh kepada dunia di bawah pimpinan "Bapa Perpaduan" kita yang kita segani dan kasihi Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

Saya tahu, saya memang tidak layak mencampuri perkara-perkara yang menjadi hak milik seorang Perdana Menteri. Lebih-lebih lagi se-sudah mengenali yang beliau adalah seorang individu yang mempunyai falsafah dan prinsip tersendiri.

Dengan nama Allah percayalah tulisan ini tidak sesekali berniat meragui kebijaksanaannya sebagai seorang pemimpin bistari yang datang dari keturunan pemimpin. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang menyanjung tinggi niat dan cita-cita beliau yang murni saya cuma memberikan pandangan dan fikiran saya yang secara kebetulan telah Allah kur-niakan dengan ilham yang diharap dan dipohonkan.

KE MANA KITA?

Setiap bayi yang dilahirkan ke dunia ini menangis. Hussein Onn pun bila buat pertama kalinya diisyiharkan sebagai Perdana Menteri Malaysia menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak juga menangis. Setiap orang yang menatap peti TV dalam bulan Januari, 1976 di hari kematian Tun Abdul Razak terharu melihat beliau menangis di kaca TV. Kenapa dan mengapa beliau menangis?

Ramai pemerhati politik yang berfikir dan ada juga yang meramalkan tentu orang yang lemah lembut ini tidak akan lama menjadi Perdana Menteri. Nah! Sudah 3 tahun. Harimau yang menyembunyikan kuku sudah mengaum dan menampar sekarang. Bukan lagi anak kucing belang. Rupanya helang, bukan anak belalang.

Tidak siapa yang dapat meneka dengan tepat kenapa beliau menangis. Tapi ramai orang tahu kenapa Tengku Abdul Rahman menangis di kaca TV semasa peristiwa 13 Mei. *Kesal dahulu pendapatan kesal kemudian tiada gunanya.*

Setiap orang mempunyai jawapan yang tersendiri, kenapa bayi menangis ketika dilahirkan. Orang ramai cuma tahu bayi yang baru lahir itu menangis. Bayi yang menangis itu menjadi nabi besar, pemimpin besar, manusia besar yang pernah menakluk dan menjajah dunia. Dalam sejarah Malaysia, inilah pemimpin pertama dari golongan tentera menjadi Perdana Menteri. Allah jua yang berkuasa mengangkat darjah seseorang.

Bekas seorang Kapten dalam angkatan tentera, di mana beliau pernah mengambil bahagian dalam pertempuran Peperangan Dunia Kedua di Timur Tengah. Menjadi seorang peguam. Ayahnya seorang pemimpin besar. Datuknya, Datuk Jaafar, Menteri Besar yang telah mencipta Perlembagaan Negeri Johor. Apakah tangisan itu satu petanda yang beliau akan menjadi seorang pemimpin yang lebih besar? Allah yang maha besar saja yang mengetahui. Atau apakah beliau takut dengan tanggungjawab?

wab yang terlalu berat itu. "Allah tidak memberikan sesuatu kepada hambanya melainkan apa yang disanggupinya".

Dalam beliau menangis, dalam beliau meratap; beliau membesar tanpa disedari . . . begitu cepat beliau membesar!

Jarang orang ingin mengambil tahu tentang proses pembesaran bayi. Ianya berkembang mengikut Sunnatullah. Tidak boleh terus berlari. Bergerak . . . bergolek, meniarap dahulu kemudian merangkak, bangun jatuh sebelum pandai berjalan sambil belajar bercakap. Terlalu lama rasanya menunggu proses ini. Zaman sains dan teknologi orang mahu semua cepat.

Cakapnya yang pertama kalau diteliti boleh membuat orang ramai terkejut. Beliau tidak minta dilahirkan. Dunia perlu menerima beliau sebagai beliau. Tentulah anak dahulu dan anak sekarang tidak sama. Proses alam sudah berubah. Jangan samakan beliau dengan dua Perdana Menteri sebelumnya: Tengku Abdul Rahman pemimpin yang datangnya dari istana. Cubalah kita memahami cara kehidupan keluarga Diraja. Dan Tun Razak pula berasal dari seorang anak desa. Dari golongan rakyat jelata yang pernah menderita. Masakan sama dengan Datuk Hussein sekarang. Yang duduk di antara pondok dan istana, rakyat dan Raja. Sebab itulah agaknya ramai orang yang tertanya-tanya ke mana Hussein Onn hendak membawa kita semua.

Tengku Abdul Rahman Putera hidupnya mewah, tidak payah memikirkan masalah-masalah penderitaan yang pernah dirasakan dan dialami oleh Tun Abdul Razak. Dan Tun Abdul Razak pula sentiasa bekerja dan berusaha menjadikan bumiputera supaya hidup senang kalau tidak boleh jadi kaya raya.

Berkenaan orang ketiga yang berada di tengah-tengah ini terpaksa lah meneliti, mengkaji jalan mana yang perlu dituruti. Inikah antara sebab-sebabnya yang Datuk Hussein selalu berfikir panjang dalam kebanyakan masalah yang berkaitan dengan rakyat.

Lembekkah pemimpin ketiga di Malaysia ini? Kalau diikut peraturan nombor, kalau orang berlumba lari dengan sebutan nombor (1) bersiap, . . . nombor (2) bersedia! . . . , nombor (3) barulah lari. Kalau mengikut peraturan ini bererti beliau tidak ada masa untuk berlengah lagi. Tidak boleh memikirkan siapa di kiri kanan dan siapa di depan dan di belakang. Dalam perlumbaan mesti lari terus hingga mencapai keme-

nangan. Tetapi apakah beliau membuat apa yang sepatutnya? Orang-orang yang hampir dengan beliau tentu tahu.

Datuk Hussein Onn Perdana Menteri ketiga. 3 Abdul ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan subversif komunis. Abdullah Majid, Abdulrahman Ahmad dan Abdul Samad Ismail. Sudah dibuatnya, tidak ada tolak ansur, tidak ada belas kasihan.

Sesudah itu 3 pemimpin besar Malaysia ditaklukinya. Tun Mustapha dari Sabah dirampas balik kuasanya. Datuk Asri dengan PAS ditumpaskan dan Datuk Harus Idris dipenjarakan. Tamatlah hidup 3 pemimpin nasionalis Melayu dengan ideologi dan perjuangan mereka. Tentulah beliau ada sebab dan jawapan kenapa ini semua berlaku. Sesudah itu 3 negeri diletakkan dengan 3 pemimpin muda. Melaka, negeri yang paling kecoh politiknya, Pahang negeri terbesar di Semenanjung dengan masalah politiknya yang besar juga Negeri Sembilan. Bukankah ini suatu pembaharuan dalam arena politik negara?

Apakah keberanian sebegini orang masih mengatakan Hussein Onn lembik. Dan sekarang dengan berani beliau mencabar jutawan Cina yang memburukkan pucuk pimpinan beliau, yang menyatakan jutawan Cina di negara ini dianggap sebagai rakyat kelas dua supaya bertukar tempat dengan beliau. Datuk Hussein sanggup jadi rakyat kelas dua kalau harta kekayaan yang dimiliki oleh jutawan itu ditukarkan menjadi kepunyaan beliau.

Inilah nakhoda yang sedang membawa bahtera kita. Berdiri tegak di depan mata kita semua. Bersifat tegas, berani. Satu peribadi yang mencabar para pemimpin muda yang telah diberi kepercayaan dan bimbingan. Bandingkanlah masalah yang dihadapi oleh nakhoda besar ini dengan nakhoda kecil. Siapa lagi kalau tidak pemimpin muda yang telah diberikan kepercayaan ini yang mesti berjuang mengisi kemerdekaan dan mengubah fikiran rakyat kepada perpaduan dan kemakmuran. Di dalam pimpinan anak-anak muda pilihannya, diharapkan adanya perubahan dan perkembangan supaya bangsa dan negara kita mempunyai satu identiti yang dicita-cita. Bukan pemimpin yang menunggu perintah dan arahan semata. Pemimpin muda mesti ada tulang belakang.

Apalah ertinya perjuangan kalau kesulitan sudah tidak ada lagi. Kalau semuanya sudah puas hati dengan apa yang sudah ada hari ini bererti negara kita sudah mati. Akan hanyutlah bahtera kita seandainya nakhoda-

nakhoda sudah tidak berani lagi merempuh kesukaran, membuat pembaruan.

Mencari kemenangan bukanlah satu perkara yang mudah. Berani-kanlah diri tertawa pada waktu kematian angin sebagai ketawa pada waktu dihembus angin". Nakhoda apa namanya belum ribut sudah lembik kakitangan kerana ketakutan. Lebih baik jadi anak kapal saja.

"Apalah ertinya kalau hidup seribu tahun menjadi kambing. Kematian kambing tidak disebut dan dikenang. Lebih baik hidup sehari menjadi harimau, mati meninggalkan belang".

"Kesempatan datang dengan tiba-tiba. Dan pergi pun dengan tiba-tiba juga. Orang yang berani menangkap kesempatan itulah yang akan sanggup menciptakan pekerjaan besar".

Itulah kata-kata hikmat yang pernah dilafazkan oleh "Mohd. Ali Pasha", pemimpin yang telah mendirikan negeri Mesir.

Banyak kerja besar yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri kita Datuk Hussein Onn dalam masa yang begitu singkat. Namun usahanya masih belum memuaskan hati setengah orang. Adalah satu perkara yang mustahil untuk memuaskan hati semua orang. Kehendak bumiputera kalau boleh, biarlah beliau meneruskan perjuangan Tun memberi peluang yang sebanyaknya hingga bumiputera mencapai matlamat 30% yang telah ditetapkan dengan secepat mungkin. Biar bagaimana pun Datuk Hussein mempunyai *vision* sendiri.

Mereka yang tidak tahu dan tidak berpengalaman tentu tidak pula bimbang apa yang akan terjadi pada dirinya esok, sebab itulah mereka tidak membuang masa menjalankan satu-satu tindakan. Datuk Hussein yang sedang melayarkan bahtera di tengah-tengah lautan yang bergelombang ditiup ribut taufan dan angin kencang mempunyai matlamat yang tertentu. Allah saja yang tahu ke mana Datuk Hussein hendak bawa kita semua khasnya bumiputera. Mungkinkah ketakutan dan kebimbangan ini disebabkan pengalaman pahit yang telah beliau dan Allahyarham ayahandanya alami sebelum merdeka dan pengalaman pahit dari dua Perdana Menteri sebelum beliau? Biar apapun dijalankannya membuat beliau tidak popular. Lebih kelihatan seperti seorang 'Lone Ranger', tetapi sudah bergerak, bila layar sudah berkembang beliau akan terus maju. Beliau bukan tidak tahu ada segolongan pemimpin UMNO yang murka dan benci kepada beliau. Namun begitu beliau tetap tegas de-

ngan pendiriannya. Beliau tidak mahu issue sensitif boleh membawa pertumpahan darah sekali lagi di negara ini. Itulah kenyataan yang telah dibuat oleh beliau dalam *Far Eastern Economic Review*—26 Jan., 1979.

Bukan senang menyelesaikan masalah yang kusut. Menjernihkan air yang keruh, membawa bahtera di tengah gelombang yang dipukul ribut taufan. Dengan berbagai masalah dalam bahtera buruk yang hampir karam. Beliau tidak mahu menerima padah buruk dan kecaman di belakang hari nanti.

Ribut sudah tenang. Laut tidak lagi bergelombang. Kini kita baru ternampak dalam kabus, pulau yang hendak dituju terlalu jauh di hadapan. Angin sudah tidak lagi bertiup kencang, bahtera bergerak terlalu perlahan.

Saya teringat suatu kata hikmat yang berbunyi demikian: "Mereka yang takut gagal selamanya akan hidup dalam kegagalan". Dan orang yang takut mati telah mati sebelum mati". Dan bergema di dalam kepala saya, "Either we survive together or we perish together. Datuk Hussein Onn – *Far Eastern Economic Review*.

Peribadi yang berani yang dimiliki oleh Hussein Onn yang sanggup menghadapi segala kesulitan dan bahaya, tanpa cemas atas keputusasaan Allahyarham Tun Abdul Razak ke Rahmatullah patut menjadi contoh kepada kita warganegara Malaysia. Datuk Hussein telah menyelamatkan negara kita dari dihancurkan oleh segolongan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Pemerhati-pemerhati politik mengatakan Hussein bukanlah seorang tokoh politik. Beliau seorang pentadbir yang baik saja. Tetapi ramai juga yang berpendapat Hussein Onn pandai bermain politik, beliau sedia digelar pemimpin pengecut.

Lanjutan dari temuramah dengan *Far Eastern Economic Review* beliau berkata:

"Tentunya saya mesti berhati-hati bila terdapat kesilapan. Ada pula perkara yang benar-benar tersilap boleh menjadi satu berita yang baik bagi akhbar-akhbar. Tetapi bila kesilapan itu menjadi tanggungjawab saya, biarlah orang mengatakan saya penakut. Saya mesti berhati-hati, selagi perkara itu dalam ingatan dan tanggungjawab saya".

Seandainya anda jadi nakhoda beranikah anda menyabung nyawa anak kapal dan para penumpang serta muatan dan dagangannya?

SEMANGAT TAHUN 1946:

"Orang Melayu mulai sedar bahawa kedudukan mereka tidak dapat lagi bergantung atau dipertahankan oleh Raja-raja Melayu sebagaimana yang menjadi kebiasaan kepada mereka pada zaman purba.

Perasaan bahawa mereka akan beransur-ansur lenyap daripada negeri mereka semakin bertambah-tambah besar. Lebih-lebih lagi manakala mereka melihat perubahan-perubahan yang berlaku di keliling mereka yang mereka sendiri tidak diberi peluang atau digalakkan untuk memainkan peranan dan mengambil bahagian yang sepatutnya sebagai rakyat bumiputera negara ini."

Perkara di atas adalah antara sebab-sebab timbulnya semangat tahun 1946. Begitulah bunyi sebahagian dari rencana yang disusun oleh Datuk Senu dalam Suratkhabar UMNO, Suara Bersatu terbitan Ogos, 1977.

Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar 'Singa UMNO' yang tidak ada gantinya ada membuat seruan yang sama seperti teman seperjuangannya dalam amanatnya yang terakhir yang diterbitkan berupa rencana dalam majallah 'Sarina' keluaran Julai, 1976. Allahyarham memulakan rencananya yang berjudul:

KALAU UMNO KEMBALI KE SEMANGAT 1946

Pada masa-masa yang akhir ini telah kedengaran suara-suara yang menyeru supaya semangat perjuangan tahun 1946 dipulihkan. Ini memang layak dan patut dilaungkan bagi mempastikan bahawa perjuangan UMNO terus bersemarak dan tidak padam-padam.

Tetapi dari satu segi yang lain pula, seruan seumpama ini boleh memberikan gambaran yang salah. Sehingga boleh diambil kesimpulan bahawa semangat perjuangan ahli-ahli UMNO sudah pudar dan lampunya sudah kehabisan minyak dan menanti masa untuk padam buat selama-lamanya.

Satu sendiri bingung memikirkan kenapa suara-suara sumbang dan seruan-seruan yang ibarat pisau bermata dua itu mesti dilaung-laungkan oleh setengah-setengah pemimpin UMNO. Sudah tidak ada jalan lainkah dan cara untuk mengembeling semangat perjuangan dengan gigih sebagaimana kegigihan perjuangan tahun 1946.

Pada saya, jalan masih ada dan cara-cara untuk menghidupkan semangat perjuangan masih banyak, kenalah kita menyedari sedalam-dalamnya bahawa keadaan tahun 1946 tidaklah sama dengan keadaan tahun 1976. Hakikat ini tidak dapat dipertikaikan lagi.

Kita perlu membuat kajian dan penelitian bagaimanakah semangat perjuangan tahun 1946 itu boleh dikekalkan supaya lampu yang telah kita nyalakan pada zaman itu tidak kehabisan minyak dan tidak padam.

Sekarang kita patut menyoal diri kita, iaitu bagaimana dan mengapa UMNO itu dilahirkan? Dan apakah keadaan-keadaan sekeliling yang menemani kebangkitan UMNO? Pertanyaan-pertanyaan ini perlu dicari jawapan-jawapannya yang betul dan tepat. Kita tidak boleh berpura-pura dan cuba menipu diri sendiri kerana ini tidak akan membawa kita ke mana, melainkan kepada kehancuran.

Bolehkah kita yang duduk dalam rumah-rumah batu yang indah dihias, dan hawa di dalamnya didinginkan, oleh 'air condition' pergi kepada petani-petani yang duduk di rumah-rumah pondok yang bocor dan condong menunggu saat hendak roboh dan menyeru mereka, mari kita balik kepada semangat perjuangan 1946?

Bolehkah kita yang di atas yang duduk bercakaran berebut kuasa pergi kepada orang-orang kampung yang hidup aman damai dan bergotong-royong dalam usaha mereka untuk hidup mendapatkan sesuap pagi dan sesuap petang dan menyeru mereka, marilah kita bersatu padu sebagaimana perpaduan kita pada tahun 1946?

Bolehkah kita pergi ke surau-surau atau masjid-masjid atau forum-forum agama menyeru orang ramai taat, patuh dan takwa; pada hal kita sendiri bergelumang dengan maksiat?

Inilah perkara-perkara yang patut difikirkan kiranya hendak memulihkan semangat perjuangan tahun 1946.

UMNO ini telah lahir selepas Perang Dunia ke-II setelah British bali memerintah dengan membawa bersama corak pemerintahan baru, ia itu "Malayan Union" yang dianggap oleh orang Melayu sebagai suatu

malapetaka yang mengancam kewujudan mereka dan keturunan mereka.

Kelahiran UMNO dan semangat perjuangan bahasa Melayu pada ketika itu telah mendapat dorongan yang kuat daripada perjuangan dan pergolakan menuntut kemerdekaan yang pada masa itu bergelora di negara-negara tetangga seperti : Indonesia, India, Filipina dan Burma.

Semangat perjuangan ini telah bertambah-tambah meluap apabila bangsa kita Melayu mendapati diri mereka hidup di tanahair sendiri sebagaimana kata pepatah Melayu "Itik di air mati kehausan".

Inilah gambaran secara am dan ringkas berkenaan keadaan yang ada pada masa mula-mula UMNO dilahirkan, iaitu pada tahun 1946. Sekarang mari kita bertanya, adakah keadaan-keadaan yang disebutkan itu masih wujud?

Tidak syak lagi bahawa keadaan telah berubah dan sebab-sebab yang menyalakan semangat perjuangan telah bertukar. Kita tidak terasa lagi bahawa wujud kita terancam sebab kita telah merdeka dan diperintah oleh orang-orang kita sendiri yang kita pula angkat dan pilih. Dorongan daripada semangat perjuangan negara-negara tetangga pun tidak lagi memainkan peranannya.

Pendek kata keadaan yang ada sekarang mengandungi anasir-anasir yang melemahkan semangat, sebab terlampaui banyak godaan, misalnya dahulu tidak terbayang di depan mata kita kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat.

Malah pada masa itu sukar hendak mendapatkan calon-calon untuk pilihanraya. Pada masa itu kita hanya melihat hutan-hutan rimba sebagai tempat binatang buas bercengkerama, bukan tempat untuk menimba kekayaan.

Pada masa itu juga tidak ada Dasar Ekonomi Baru yang telah melahirkan berbagai agensi kerajaan yang pada pandangan kebanyakan orang kita hanya dapat dinikmati buah hasilnya oleh segelintir manusia atau hampir kepada 'ruling clique'.

Bolehkah dengan keadaan-keadaan yang disebutkan itu kita balik kepada semangat perjuangan tahun 1946? Tentulah semua kita ingin memulihkan semangat perjuangan lama itu, tetapi apabila kita cuba mengungkit-ungkit dan melaung-laungkan bagi menghidupkan semangat tersebut maka orang ramai khasnya ahli-ahli UMNO masing-masing tersenyum lebar, iaitu senyum yang mengandungi erti.

Mereka yang bernasib baik tersenyum dan yang tidak bernasib baik juga tersenyum tetapi tiap-tiap senyum itu mempunyai erti tersendiri. Lebih jauh lagi, iaitu ada di antara ahli-ahli UMNO yang berkata "Oh kita disuruh balik ke semangat perjuangan tahun 1946 untuk menjaga keselamatan dan kedudukan orang-orang atas?"

Pendek kata kalau kita mahu mendengar sungutan dan rungutan orang-orang UMNO memang banyak yang boleh kita sebutkan di sini tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah dan sebaliknya boleh menyebabkan kekeruhan dan keruncingan yang boleh menamatkan riwayat UMNO. Dan bukan ini kehendak atau hasrat kita.

Pada saya tidaklah perlu kita membangkitkan semangat perjuangan tahun 1946 kerana semangat itu telah pergi dan berlalu bersama-sama dengan sebab-sebab dan keadaan-keadaan yang melahirkannya ketika itu.

Apa yang perlu ialah semua pemimpin UMNO di semua peringkat mestilah jujur dan ikhlas dan tiap-tiap seorang itu biarlah diletakkan di tempat masing-masing yang menasabah. Sangatlah mengecewakan ahli-ahli UMNO kiranya orang-orang yang dahulunya bermati-matian hendak membunuh UMNO sekarang ini diberi kedudukan yang istimewa dan berpengaruh dalam parti dan kerajaan manakala orang-orang yang telah bermati-matian menghidupkan UMNO disingkirkan dan tidak diberikan tempat. Pada hal mereka masih mampu memberikan khidmat bakti mereka kepada parti dan negara.

Untuk menyalakan balik semangat perjuangan ahli-ahli UMNO hendaklah dikikis sama sekali daripada masyarakat cara layanan yang dilhamkan oleh nepotisme dan favouritisme kerana dua sifat inilah yang akan melahirkan perpecahan di kalangan kita sesama sendiri dan dua sifat inilah yang telah meruntuhkan banyak kerajaan-kerajaan dalam dunia ini sejak dahulu kala lagi.

Inilah sedikit sebanyak pandangan saya bagi menghidupkan UMNO dan saya yakin serta percaya bahawa inilah saja jalan yang terbuka di hadapan kita untuk menyelamatkan UMNO khasnya dan bangsa Melayu amnya.

Kata Datuk Senu, Tajuk Semangat 1946 ini bukannya datang dari beliau. Tetapi diberikan oleh jawatankuasa UMNO Kuala Lumpur Bandar. Tentulah tujuannya hendak memberikan kesedaran kepada semua

bumiputera di Malaysia sama ada yang pernah berkecimpung dalam UMNO sejak tahun 1946 atau yang baru mahu mendekatkan diri untuk menjadi ahli UMNO terutama kaum-kaum intelek.

Sebelum saya menyambung cerita Datuk Senu berkenaan perjuangan mereka merebut kemerdekaan, ingin saya petik kata-kata Datuk Senu Abdul Rahman semasa beliau mengakhiri ucapannya ini di Dewan Cempaka, Holiday Inn untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada kita semua :

"Perpaduan orang Melayu adalah bergantung besar kepada perpaduan UMNO kerana memang telah tepat sebagaimana yang disebut-sebutkan bahawa UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO".

Malaysia yang lahir dari rakyat berbilang bangsa dan berpegang teguh dengan kepercayaan dan keazaman kepada dasar demokrasi berparlimen dan kepada pengakuan bahawa perpaduan orang Melayu adalah merupakan teras perpaduan dan keselamatan politik negara""

Semoga ucapan Datuk Senu nanti dapat memberikan satu kesan dan membawa keinsafan kepada kita semua yang sudah sedia mendengarnya dengan hati dan fikiran yang terbuka.

"Kerana memang tidak dapat dinafikan bahawa kesedaran itulah yang menjadi pendorong pada seseorang berkhidmat atau berjuang.

Kesedaran memberi kepercayaan dan ketabahan seorang itu berusaha atau berjuang dalam mencapai tujuannya.

Saya harap kesedaran inilah yang mendorong saudara-saudara hendak mengetahui lebih dalam tentang perjuangan dan sejarah UMNO, terutama sekali pada saat UMNO dilahirkan 31 tahun yang lampau.

Memang diakui dengan mengkaji dan memahami sejarah kelahiran UMNO, tidak sama dengan pengalaman sendiri yang berkecimpung dan melahirkannya dahulu, tetapi bagaimanapun fahaman dan pengetahuan sudah pasti akan dapat mendalam dan menambah tebal perasaan kesedaran dan hasrat seseorang yang secara langsung akan menambah tekad dan kemauhan untuk berkhidmat dan berjuang bahkan mempertahankan parti.

Pendeknya, jika setiap ahli UMNO lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpinnya mempunyai kesedaran sedemikian maka kedudukan UMNO tidak membimbangkan sama sekali.

Untuk memahami apa yang dikatakan semangat 1946 itu maka mus-

tahaklah kita memahami kedudukan latarbelakang dan suasana khasnya umat Melayu pada waktu itu dan pada waktu sebelumnya.

Kesedaran bahawa orang Melayu telah dijajah oleh Inggeris semakin bertambah dan menggelegak dalam jiwa orang Melayu terutama sekali dengan kekalahan Inggeris di tangan Jepun dan seterusnya pergolakan suasana di bawah pemerintahan Jepun dan keadaan-keadaan ataupun peristiwa-peristiwa yang berlaku setelah Inggeris kembali memerintah negara ini.

Faktor-faktor inilah yang merupakan sebagai bahan-bahan kepada sebuah gunung berapi yang hanya menunggu masa dan ketika untuk meletup.

Untuk memahami latarbelakang penjajahan Inggeris maka kita terpaksa mengetahui bagaimanakah corak ekonomi sosial dan kebudayaan negara dan bangsa kita pada ketika itu selain politik yang sudah tentu lah di tangan penjajah sendiri.

TERTINDAS DAN TERHINA:

Biarpun sebelum meletusnya perang dunia kedua, orang Melayu sudah merasa hidup dalam keadaan tertindas dan terhina dengan perbezaan-perbezaan dalam layanan yang diberikan oleh penjajah Inggeris kepada orang Melayu dengan orang Cina, India dan lain-lain yang dianggap mendatang dan dibawa dan digalakkan oleh pihak Inggeris memasuki negeri ini.

Orang Melayu sudah lebih daripada sedar bahawa kedudukan mereka tidak dapat lagi bergantung atau dipertahankan oleh Raja-raja Melayu sebagaimana yang menjadi kebiasaan kepada mereka pada zaman purba.

Perasaan bahawa mereka akan beransur-ansur lenyap daripada negeri mereka, semakin bertambah-tambah besar. Lebih-lebih lagi manakala mereka melihat perubahan-perubahan yang berlaku di keliling mereka yang mereka sendiri tidak diberi peluang atau digalakkan untuk memainkan peranan dan mengambil bahagian yang sepatutnya sebagai rakyat bumiputera negara ini.

Orang Melayu sudah bertambah sedar bahawa mereka sebenarnya sudah hanyut dalam gelombang penjajahan yang segala-galanya dirancang dan dilaksanakan termasuk bidang-bidang ekonomi, pelajaran

kebudayaan dan sebagainya sesuai dengan hasrat dan cita-cita penjajah untuk mengekalkan kekuasaan dalam negara ini.

Mereka melihat kaum-kaum asing telah diberi peluang dan galakan yang acapkalinya lebih daripada orang Melayu sendiri.

Perasaan tidak percaya kepada Inggeris dan bimbang pada perkembangan dan kekuatan orang-orang asing telah semakin mendalam dan menyebabkan orang-orang Melayu secara tidak langsung menunjukkan perasaan mereka dengan menubuhkan berbagai rupa persatuan atau persekutuan biar pun pada kelihatannya hanya sebagai pertubuhan atau persatuan sosial atau kebijakan dan sedikit perniagaan.

Pengarang-pengarang dan penulis-penulis buku dan akhbar Melayu biar pun secara tidak berterus terang tetapi telah mula memainkan peranan menyedarkan orang Melayu atas nasib yang bakal diterima orang Melayu jika sesuatu tindakan tidak diambil. Dari itu tidak hairanlah jika terdapat anak-anak Melayu bersimpati dengan perjuang-pejuang kemerdekaan dari negara-negara lain terutama sekali dari negara saudara mereka Indonesia. Sehingga setengah-setengah pemimpin Indonesia itu dipandang sebagai pemimpin-pemimpin mereka sendiri biar pun sebelum Indonesia mengisyiharkan kemerdekaannya malah sebelum Perang Dunia Kedua.

Dari itu kita juga tentu tidak hairan sekiranya ada anak-anak Melayu yang bersimpati bahkan menolong kemasukan tentera Jepun dan bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dengan pemerintahan Jepun itu dan sebaliknya tidak kurang juga anak-anak Melayu yang sama ada secara disedari atau tidak terperangkap ke dalam perangkap komunis sehingga sanggup menyokong perjuangan komunis, yang pada mulanya menentang pemerintahan Jepun dan kemudiannya terus menentang pemerintahan kolonial Inggeris yang dianggap sebagai kuasa penjajah, tetapi telah dikelirukan dengan maksud komunis yang semata-mata bertujuan menubuhkan pemerintahan komunis di negara ini.

DEVIDE AND RULE :

Dasar "Devide and Rule" penjajah itu dipraktiskan dan dijalankan dengan sebegitu licin tetapi akibatnya amat berkesan dan jahat.

Di satu pihak dasar Inggeris menunjukkan seolah-olahnya betul-betul

hendak menaungi dan memelihara kepentingan orang Melayu khususnya Raja-raja Melayu.

Orang Melayu dibenar dan digalakkan memegang jawatan-jawatan dalam pentadbiran termasuk memegang jawatan-jawatan tinggi selain Inggeris. Tetapi hakikatnya menurut nasihat dan arahan mereka. Galakan dan peluang diberi kepada orang Melayu supaya orang Melayu benar-benar bergantung kepada kerajaan dan jawatan-jawatan kerajaan bahkan merasai bahawa mereka benar-benar pemerintah dan memonopoli pentadbiran negara ini.

Sebaliknya orang-orang asing diberi peluang dan galakan dalam lapangan ekonomi, iaitu pembangunan, perusahaan dan perniagaan.

Dengan sendirinya peluang-peluang pelajaran tinggi yang mana terhad kepada penduduk di bandar-bandar yang ekonominya tegap, iaitu kebanyakan orang bukan Melayu. Di antara orang-orang Cina dan India juga dibahagi-bahagikan, iaitu orang Cina menguasai dalam lapangan perniagaan dan manakala orang India dalam lapangan perkulian dan perburuhan. Sebaliknya jawatan-jawatan dan peluang-peluang penting dalam perusahaan-perusahaan besar tetap dalam tangan Inggeris.

Dasar inilah yang telah menyebabkan perbezaan antara kaum terus berjalan bahkan lebih meluas dengan galakan penjajah, sehingga tidak terdapat bibit-bibit pertemuan antara satu kaum dengan lain, yang boleh dijadikan faktor-faktor perpaduan dan taat setia kepada negara ini.

Orang Cina masih memandang kepada negeri Cina dan begitu juga orang India ke India. Taat setia kepada negara asal mereka semakin tebal dengan peluang-peluang yang diberi dan didapati di negara ini kerana galakan penjajah melalui kebudayaan, pelajaran dan pergaulan serta hidup yang terus berasingan.

Negara ini seolah-olah merupakan hanya lombong tempat menggalakkan kekayaan dan dihantar balik hasil kekayaan itu ke negara asal mereka.

AKIBAT DASAR INGGERIS:

Orang Melayu sepatutnya tidak terasa kepedihan dari kesakitan ini kecuali sesudah mereka sedar bahawa kedudukan mereka sudah mula terancam dan layanan Inggeris kepada mereka sebagai bumiputera negara ini hanya merupakan tak lebih dari alat mencapai tujuan dan mengekalkan

kan penjajahan Inggeris serta terus memonopoli dan mengangkut kekayaan negara ini.

Orang Melayu diayunkan oleh buaian Inggeris yang terus-menerus memberi gambaran seolah-olah orang Melayulah rakyat yang hendak di-naungi oleh mereka dan benar-benar diakui sebagai rakyat asli tuan pguna negara ini lebih-lebih lagi melalui layanan-layanan yang diberikan kepada Raja-raja Melayu.

Bagaimanapun akhirnya oran Melayu mulai sedar dengan niat perbuatan itu dan merasa kedudukan mereka sungguh terancam dan terancam dan tercabar bukan saja oleh penjajahan Inggeris sendiri bahkan terhadap orang-orang asing yang sedikit pun tidak menunjukkan taat setia kepada negara ini.

Inilah yang dikehendaki oleh Inggeris dan oleh dasar penjajahan supaya jangan ada perpaduan dan persefahaman sebaliknya rasa permusuhan, cemburu dan benci membenci antara satu kaum dengan yang lain terus dipupuk dengan yang lain terus dipujuk dan digalakkan yang menjadikan tidak ada satu kaum yang sungguh merasa takut, tetapi sebaliknya setiap kaum merasa dan mempunyai kelemahan masing-masing dalam lapangan tertentu.

PEMBELAAN:

Dari itu setiap kaum terpaksa terus menerus bergantung dan berharap kepada naungan dan pembelaan Inggeris.

Malangnya kepada Inggeris, rancangan yang diatur sebegitu rapi telah menemui kebuntuan kerana keadaan dunia telah berubah bertentangan dengan kemahuan dan kehendak mereka.

Peperangan Dunia Pertama sudah mula membuka mata negara-negara terjajah dn seterusnya Peperangan Dunia Kedua, mata mereka terus terbuka dengan luasnya dan dapat melihat sendiri kekotoran udara yang selama ini menyelubungi mereka.

Dari itulah pergolakan menuntut kemerdekaan mereka dengan derasnya ke utara, ke selatan, ke timur dan ke barat terutama di benua Asia dan Afrika.

KESEDARAN ORANG MELAYU LAHIRKAN UMNO :

Tidak hairan kiranya dengan perubahan itu maka kesedaran dan pan-

dangan orang Melayu terhadap Inggeris telah berubah dan begitu juga terhadap orang-orang asing yang selama ini mendapat naungan dan gakan dari pihak Inggeris dan akibatnya telah mencetuskan sedikit sebanyak kejadian yang tidak diingini umpamanya pertempuran antara kaum seperti yang terjadi di sana sini selepas Jepun menyerah diri dan Inggeris kembali memerintah.

PENJAJAH:

Mengenali dasar Inggeris secara dekat dan mengalaminya sendiri, saya tidak ragu-ragu mengatakan di sini bahawa perkelahian antara kaum yang berlaku itu bukan saja sebagai akibat dasar "Devide and Rule" penjajah selama ini, tetapi adalah usaha dan perbuatan Inggeris sendiri.

Dengan demikian mereka dapat menggunakan sebagai satu helah atau kemaafan seperti yang terbukti, dengan kedatangan Harold Mac Micheal menggunakan kuasa dan paksaan atas nama Ratu Inggeris terhadap Raja-raja Melayu supaya menandatangani perjanjian menyerahkan segala kuasa kepada Ratu Inggeris dan dengan itu membolehkan Inggeris merangkakan satu Perlembagaan yang melahirkan satu pemerintahan yang dinamakan Malayan Union yang telah ditentang habis-habis oleh orang Melayu bahkan bagaimanapun sebaliknya merupakan sebagai *blessing in disguise* yang telah melahirkan UMNO.

UMNO tidak akan lahir sekiranya sejarah negara ini dalam setengah abad lebih kebelakangan ini tidak merupakan satu sejarah yang menyakit dan memakan hati orang Melayu yang hanya menjadi penonton melihat bagaimana negara mereka dirompak pada siang hari dan bagaimana penghinaan dilemparkan kepada mereka dan Raja-raja mereka oleh Inggeris dengan Malayan Unionnya itu.

KEKUASAAN:

Perasaan ini telah menjalar sebagai api di dalam sekam di dalam diri dan jiwa mereka yang selama ini tangan mereka terikat dan mulut mereka tersumbat dengan sihir dan kekuasaan serta kekuatan penjajah.

Memang bukan senang bagi seseorang yang lahir dan hidup terutama selepas lahirnya UMNO lebih-lebih lagi selepas merdeka hendak menge-

tahui dan merasai serta menyedari apa yang dirasa dan ditanggung oleh orang Melayu pada masa itu.

Bagaimanapun kita mengaku bahawa penderitaan masih terus memainkan peranan dalam jiwa orang Melayu hari ini biar pun kadar dan rupa penderitaan itu agak berbeza.



Almarhum Tan Sri Syed
Jaafar Albar



Datuk Senu Abdul Rahman

Makam Pahlawan UMNO?

Kesedaran terhadap kewajiban dan tanggungjawab terhadap bangsa dan Negara yang membuat sikap manusia berubah. Maka kerana cinta-kan kaum dan tanahair lahirlah pejuang-pejuang seperti Ibrahim Yaakub, Pak Sako, Ahmad Boestamam dan beberapa orang yang lain yang telah mengalami tekanan hidup dan pengalaman dari membaca dan bergaul sesama orang perjuangan.

Orang perjuangan adalah orang yang sedar. Kebanyakan mereka mereka ini terdiri dari kaum guru dan para penulis. Mereka adalah golongan orang yang suka membaca buku-buku dan bahan-bahan politik dan mendengar serta berfikir.

Berapa ramai dari ahli UMNO yang suka membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan politik? Berapa ramai yang sedar akan tanggungjawab mereka? Orang yang sedar tentang perjuangan dan mengikuti penulisan berkenaan perjuangan adalah mereka-mereka yang suka mengaji dan mengkaji. Berapa peratus dari ahli UMNO yang tahu dan memahami undang-undang tubuh parti dan membaca sejarah UMNO dan para pemimpin mereka?

Setelah selesai membaca buku ini, saudara akan dapati ada orang yang perbuatan dan jasa-jasanya patut mendapat penghargaan dan puji-an. Saya puji semoga ini dapat dicontohi oleh orang lain, supaya mereka akan membuat lebih banyak jasa dan bakti kerana mereka tahu ada orang yang menghargai jasa mereka, dan usaha mereka tidaklah sia-sia melainkan telah tercatit di dalam lembaran sejarah tanahair.

Demikian juga ada pemimpin yang patut ditegur kerana sikap mereka yang kurang menyenangkan, perangai serta sifat buruknya yang angkuh dan tidak bertanggungjawab, saya kutuk biar mereka sedar dan pemimpin lain tahu akan kesalahan yang telah dilakukan supaya mereka berhati-hati dan tidak mengulanginya.

Untuk memperbaiki sikap setengah-setengah pemimpin kita, saya f

kir penulis tidak boleh bersikap hipokrat. Jangan hendak mengampu saja. Kalau hendak memuji biar kena pada tempatnya biar cukup dengan buktinya. Kita telah terlalu lama mengamalkan sikap tidak berani menegur kesalahan dan kesilapan, takut dimurkai dan menjadi tidak popular nanti. Kita seperti telah diajar dan dididik supaya menerima saja tanpa membuat bantahan kepada sesuatu yang kita tidak suka dan senangi.

Nampaknya pemimpin seperti dilarang bersikap berterus terang berbuat sesuatu mengikut prinsip mereka. Jadi bila kita dapat ada pemimpin yang berani berterus terang, kita kagum, kita hairan dengan pemimpin seperti Albar atas keberaniannya hingga beliau digelar "Singa UMNO".

Apakah pemimpin yang lain dalam UMNO itu cuma gajah, rusa, pelanduk, lembu, kerbau dan kambing-kambing saja? Apakah dalam UMNO cuma ada seekor singa. Bila singa sudah mati tak adakah anak singa yang menggantinya?

Bila ada orang yang berani macam Sulaiman Palestin, kita brand dia. Kita gelar dia "Jebat". Jadi yang lain dalam UMNO apa kita hendak panggil mereka? Tapi syukurlah, sudah ramai pengikut Jebat. Mungkin Sulaiman Palestin telah ramai melahirkan anak-anak Jebat, bakal penggantinya.

Bila Datuk Syed Nahar keluar dari persidangan, kita kagum. Ceritanya menjadi berita dan perbualan. Kita kagum dan hairan. Mereka ini tidak takut dan gentar. Kerana mereka tahu dalam diam-diam ramai orang yang bangga dan senang dengan sikap dan perbuatan orang yang berani menentang tapi mereka takut. Mereka tidak berserah bulat, mereka masih memikirkan periuk nasi. Mereka masih memikirkan anak isteri. Mereka masih memikirkan pandangan dan pendapat orang ramai, pertama mereka masih takut lawan taukeh nanti pendek umur. Pemimpin tidak suka pengikut yang cerdik dan lebih pandai dan berani darinya.

Mereka takut bertarung. Hanya pemimpin yang sanggup jadi '*lone ranger*' yang akan terukir namanya dalam sejarah. Contohnya Datuk Onn dan Datuk Hussein keluar dari UMNO kerana sikap tegas dan berpegang pada prinsip mereka. Sudah ditakdirkan Tuhan dia menjadi Perdana Menteri, dan tidak siapa yang dapat menahan. Sebab pertama ma-

tinya Allahyarham Tun Dr. Ismail sesudah itu Tun Razak pula mengosongkan tempat untuk beliau.

Dr. Mahathir lawan Tunku dipecat dari UMNO. Bukan hingga hari ini masih diharamkan. Beliau tetap juga terpilih sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Begitu juga halnya dengan Allahyarham Dr. Ismail. Beliau tinggalkan kabinet kerana kurang senang dengan pucuk pimpinan Tunku. Akhirnya beliau dipanggil balik dalam kabinet dan mati sebagai Timbalan Perdana Menteri. Orang yang berani menentang arus adalah orang yang menjadi kenangan zamannya. UMNO hanya dapat diperbaiki dengan bertambahnya bilangan cerdik pandai yang berani, jujur, tegas dan ikhlas tanpa memikirkan kepentingan diri.

Apa guna jadi kambing. Kematian beribu-ribu ekor kambing tidak pernah menjadi sebutan. Mati harian dijadikan perhiasan. Kalau mahu jadi pemimpin jadilah pemimpin yang boleh berbuat sesuatu untuk membela nasib kaum bangsa.

Hari ini orang yang pernah menentang orang yang dianggap kiri semasa perjuangan merebut kemerdekaan dicatitkan nama mereka dalam sejarah kebangsaan, pejuang kebangsaan dan kemerdekaan. Ramai orang yang mencuriga mereka dalam hati dan ingatan dan secara diam. Bias pun mereka bukan Menteri dan orang besar negeri, tapi di mata umat Melayu yang telah sedar dan insaf, mereka yang telah memberi kita kesedaran dan turut berpuas dengan tenaga dan menjadikan kita satu bangsa yang merdeka.

Edman Helary disebut dan dijulang oleh dunia kerana telah sampai ke kemuncak Himalaya. Orang yang pertama. Apakah beliau sampai ke atas seorang diri tanpa pertolongan orang lain? Berapa ramai yang telah terkorban dan berkorban untuk menaikkan Edman Helary di puncak Gunung Everest.

Demikian juga halnya dengan kemerdekaan negara kita. Kematian Ibrahim Yaakub boleh menjadi satu contoh dan pengajaran kepada kita yang sedar dan insaf.

Cuba kita bertanya kepada diri kita sendiri apakah Ibrahim Yaakub akan mendapat sambutan dan penghargaan seandainya beliau meninggal dunia dalam negri sendiri? Beliau orang kiri. Pemimpin yang radikal apakah beliau akan dikebumikan di makam pahlawan?

Yang pergi sudah tak ada lagi. Bagaimana dengan pejuang-pejuang yang masih hidup. Apakah kematian mereka akan ditempatkan di makam pahlawan nanti atau makam pahlawan untuk orang-orang UMNO sahaja, kerana makam itu dibuat oleh kerajaan UMNO?

Ramai pemimpin yang berucap di hari kematian Ibrahim Yaakub. Terutama kawan seperjuangannya yang masih hidup. Berita kematiannya juga dimuatkan di ruang-ruang akhbar. Seperti mereka yang sudah mati, perginya seperti perginya sebuah kapal yang meninggalkan pelabuhan. Semakin hari semakin jauh dan menghilang. Cuma anak-anak dan isteri yang terasa akan kehilangan mereka.

Tulisan yang paling menarik dan berkesan atas kematian Allahyarham Ibrahim Yaakub ialah tulisan teman karibnya Pak Sako, kawan seperjuangannya yang datang dari satu negeri.

Antara lain kata-kata yang dapat kita menungkan; Yang patah akan tumbuh, apakah yang hilang akan berganti?

Tun Razak anak Pahang, Ibrahim Yaakub juga anak Pahang, termasuk King Ghaz, Pak Sako sendiri, Hamzah Abu Samah, Shariff Ahmad. Apakah pemergian mereka ini nanti akan ada gantinya?

Seterusnya saya selitkan kata Pak Sako untuk memperingati para pejuang kita sama ada yang masih hidup ataupun sudah mati.

Supaya penilaian kita kepada jasa dan khidmat almarhum itu jangan berlebihan dan jangan pula terlalu kurang, maka izinkanlah saya membuat sedikit ukuran perbandingan, iaitu perjuangan kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua di negeri ini yang telah dipelopori oleh Almarhum Ibrahim bin Haji Yaakub serta teman-temannya ialah ombak pertama dalam kebangkitan rakyat Tanah Melayu menentang penjajahan dalam kurun yang ke-20. Kiranya kisah-kisah perjuangan itu dibandingkan dengan satu gambaran filem, maka filem itu coraknya hitam putih yang berbidang kecil dan tidak banyak dialog tetapi rancak adegannya.

Ombak kedua dari perjuangan yang bersambung-sambung itu yang badainya lebih besar lagi lebih hebat telah bermula dalam bulan Julai, 1948. Ini merupakan satu gambaran yang lebih besar satu filem super-scope yang berwarna warni yang lebih hebat gegat gempita. Korban perjuangan itu amat besar dan telah memakan masa yang lebih lama, iaitu dari pertengahan tahun 1948 hingga ke tahun 1957 apabila negeri ini

tercapai kemerdekaan. Dalam tahun-tahun itu seperti yang kita ketahui Almarhum Ibrahim bin Haji Yaakub tidak berada di tanah Semenanjung. Kiranya kita asaskan penilaian itu kepada buku "*The War of Running Dogs*" oleh Noel Barbara maka jumlah orang-orang yang ditangkap dan ditahan oleh penjajah British dalam tahun-tahun itu ialah 29,857 orang lelaki dan wanita dari semua kaum di tanah Semenanjung ini. Tidaklah diketahui berapa ramaikah orang-orang yang telah mati dalam perjuangan itu, dalam ombak yang kedua itu. Tetapi dalam masa saya dan rakan-rakan saya ditahan dalam penjara Pudu pada tahun 1948 selama lebih kurang 6 bulan kerana menunggu siapnya khemah-khemah tahanan maka purata tidak kurang dari 3 orang pejuang-pejuang yang telah digantung sampai mati dalam satu minggu dan mereka itu terdiri dari semua kaum, Cina, Melayu dan India termasuk juga orang-orang Asli.

Untuk peringatan perlulah saya sebutkan, bahawa dalam ombak pertama dalam zaman Almarhum Ibrahim Yaakub menjadi Ketuanya, orang-orang yang telah ditangkap dan ditahan semuanya orang-orang Melayu dan bilangannya yang sebenar tidaklah besar dalam ombak yang kedua.

Yang harus saya nyatakan dalam perjumpaan yang bersejarah ini ialah akan adakah pula 'Ombak Yang Ketiga' dan bilakah agaknya akan bermula.

Pertanyaan ini tidak diminta jawapannya. Tetapi sayugialah kita kaji dan fikirkan bersama. Manusia tidak akan berhenti berjuang, sebab hidup manusia itu dalam erti kata yang sebenar ialah berjuang dan perjuangan itu ada beberapa cara dan coraknya.

Ombak pertama adalah perjuangan Ibrahim dan rakan-rakannya. Ombak kedua adalah Pak Sako dan rakan-rakannya. Bila tiba ombak ketiga Pak Sako menyuruh kita berfikir. Sebagai seorang muda yang hanya mengikuti perkembangan politik dan tidak turut terlibat kita cuma bertanya.

Ada seorang pemerhati politik yang mengatakan golongan Kassim Ahmad, Syed Husin Ali, Anuar Ibrahim dan golongan yang dianggap radikal adalah ombak ketiga yang dimaksudkan oleh Pak Sako. Sama ada benar atau tidak tanyalah Pak Sako sendiri?

Bila memikirkan pejuang kemerdekaan, saya tetap terkenang dan teringat pada 4 pejuang kemerdekaan Sarawak, Awang Rambli, Bujang

Sutung, Rosli Dhobby dan Norshidi.

Tulang belulang dan kubur mereka masih dalam penjara Kuching. Tidak adakah para pemimpin yang berani dan sanggup tampil ke hadapan untuk mengeluarkan kubur mereka dari penjara Kuching, di Sarawak? Apa sudah jadi dengan Pa' Ahmad Zaidi pejuang nasionalis Sarawak yang sekarang sudah jadi Menteri. Sudah lupakah beliau kepada kawan-kawan seperjuangan. Janganlah sampai macam itu sekali bila sudah duduk di atas kerusi menteri!

Sebagai seorang pengarang yang telah menulis dan menerbitkan riwayat pejuang-pejuang kemerdekaan Sarawak pada tahun 1975, saya akan terus menyuarakan tangisan anak isteri dan cucu-cucu mereka yang tidak dapat menziarahi pusara empat pejuang ini, hingga pusara pahlawan ini selamat dikeluarkan dari penjara Kuching.

Kisah pusara pejuang kemerdekaan Sarawak yang menentang penjajah itu telah pun saya suarakan dalam buku *Perang Linggi 1978*. Sambutan begitu sepi dan beku. Saya bimbang kematian pemimpin yang tidak pernah diambil tahu prihal perjuangan kemerdekaan mereka sejati ini juga akan dipandang sepi, dan beku oleh umat Islam dan manusia pencinta kebebasan dan kemerdekaan di masa-masa yang akan datang.

ukupkah Ibrahim Haji Yaakub Dikenang 1 Malam?

Allahyarham Ibrahim Haji Yaakub atau Doktorandus Iskandar Kamil atau nama penanya IBHY telah kembali ke Rahmatullah pada 8hb. Mac, 1979 bersamaan dengan 9 Rabiulakhir 1399 pada pukul 0930 pagi di Jakarta, Republik Indonesia. Jenazahnya telah selamat disemadikan di Makam Pahlawan di Kalibata, Jakarta.

Ibrahim Yaakub mula bergiat dalam arena politik tanahair semasa menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, iaitu sebuah pusat pendidikan perguruan.

Pusat itu lebih terkenal sebagai tempat mengasuh bakal-bakal politikus dan juga tempat di mana semangat perjuangan kemerdekaan negara sering berkobar-kobar.

Semasa di Maktab, Allahyarham jarang pulang ke kampung kerana aktif menulis di dalam majalah dan akhbar seperti Warta Negeri, sebuah

majalah keluaran MPSI, Majalah ini tersebar luas di kalangan pelatih-pelatih guru di maktab itu.

Malah khidmat dan bakti beliau tersebar luas, sukar dilupai atau diperkecilkan oleh kita rakyat Malaysia.

Jika digariskan setiap detik perjuangan beliau, nyatalah perjuangan menuntut kemerdekaan itu tidak pernah putus-putus. Tidak kenal penat dan lelah. Beliau tidak mengharapkan apa-apa dari perjuangan politiknya.

Itulah perjuangan tulen. Satu pengorbanan masa dan tenaga yang sejati untuk negara dan bangsanya. Maka tidak hairanlah beliau diiktiraf sebagai perintis pejuang kemerdekaan tanahair.

Profesor Zainal Abidin Wahid menganggap Allahyarham sebagai putera ulung yang mengasaskan konsep Melayu Raya. Bagi Allahyarham, Selat Melaka bukanlah jurang pemisah antara rakyat Tanah Melayu dengan rakyat Indonesia, tetapi sebagai jembatan perjuangannya mewujudkan konsep Melayu Raya itu.

Semasa Allahyarham belajar di MPSI antara tahun 1928–1930, beliau memang sedar perlunya perpaduan dalam gugusan kepulauan Melayu. Bagi beliau, rakyat Nusantara harus bersatu di bawah bumbung perpaduan yang luas.

Mungkin kesedaran ini timbul kerana beliau mempelajari sejarah yang menekankan alam Melayu. Faham kebangsaannya amat luas, meliputi gugusan kepulauan Melayu Indonesia dan Malaysia.

Konsep perjuangan beliau ini diperkuatkan lagi oleh kegemaran beliau membaca terbitan-terbitan dari negara jiran. Bila beliau menulis pegangannya kuat kepada konsep Melayu Raya.

Dalam bukunya 'Melihat Tanahair' keluaran 1941, beliau sering menyentuh mengenai konsep ini. Konsep ini mendesak orang-orang Melayu yang mempunyai satu hak dan cita-cita supaya bersatu.

Bila beliau sedar Jepun akan kalah dan Inggeris akan kembali merintah, beliau lari ke Indonesia sungguhpun Jepun mahu beliau merusak kegiatan anti-British.

Bagi kita yang menikmati hasil titik peluhnya, konsep ini perlu jug diteliti, dikaji, dihargai dan ditimbangkan dengan halus. Beliau sesungguhnya menjadi perintis kepada pergerakan politik negara.

Beliau merupakan tokoh yang pertama politik cara berparti. Bukt



Almarhum Ibrahim bin Haji Yaakub

nya KMM. Di MPSI tahun 1929, beliau giat dalam Ikatan Pelajar yang berbau politik menentang penjajahan.

Perjuangan masa British adalah perjuangan tulen dan sangat berani. Kerajaan British mempunyai '*absolute power*' dalam segala hal. Tidak ada siapa yang boleh mempersoalkan pentadbirannya.

Pendirian KMM ketika itu boleh dianggap sangat berbahaya dan sungguh berani. Bila ahli-ahlinya ditangkap tidak ada kuasa yang dapat membantu.

Malayan Union

Dasar Malayan Union itu memang dapat diterima bahkan dialu-alukan dengan girang gembira oleh penduduk-penduduk Malaya yang bukan-Melayu, tetapi semasa orang-orang Melayu bangkit menentangnya, tidak ada sesuatu golongan bukan-Melayu yang bertindak secara perkuaman atau secara mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan bagi menyokong Malayan Union. Tetapi yang aneh sekali ialah segelintir orang Melayu yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin telah mengadakan Kongres Melayu dengan tujuan menyokong Malayan Union. Tetapi mujurlah usaha itu telah gagal kerana orang-orang Melayu menganggap bahawa tiap-tiap orang Melayu yang menyokong Malayan Union pada masa itu ialah pengkhianat bangsa dan tanahair, ataupun orang suruhan yang dibiayai oleh golongan-golongan tertentu.

MacMichael telah diutuskan ke Malaya untuk menakluk Tanah Melayu dengan menggunakan pena yang 'diusung dengan kereta meriam' dan 'berpayungkan' kapal terbang Angkatan Udara Diraja British. Raja-raja Melayu telah diberi tempoh tidak lebih dari dua hari untuk berfikir sebelum menurunkan tandatangan masing-masing di naskah-naskah perjanjian Malayan Union yang disampaikan oleh MacMichael. Dalam tauliah bertugasnya, MacMichael telah dikehendaki mengambil tandatangan tiap-tiap raja yang menyerahkan segala kekuasaannya kepada Kerajaan DYMM King dan ia hendaklah memberitahu Setiausaha Tanah Jajahan dengan telegram siapakah orang yang layak menggantikan Raja dalam mana-mana negeri yang didapati tidak wajar diakui oleh Kerajaan British kerana sebab-sebab peribadi dalam masa pendudukan Jepun.

Nyatalah dengan jelas bahawa orang Melayu tidak reda tanahairnya bertukar habis menjadi tanah jajahan takluk British atau menjadi Palestine yang kedua dalam mana orang Melayu akan kehilangan kedudukan istimewanya sedangkan kaum-kaum India dan Cina sudah sedia lebil

maju dalam lapangan pelajaran dan ekonomi dari mereka sendiri. Dalam Malayan Union yang dirancang oleh British itu, orang-orang Melayu akan tertinggal lebih jauh ke belakang bangsa-bangsa asing, melainkan hanya dengan berlakunya sesuatu 'Mukjizat' sahaja barulah mereka berpeluang dapat menduduki tempat yang seimbang dengan bangsa-bangsa lain di Malaya.

Dato Onn telah mengambil tindakan balas dengan serta merta bagi mencegah kemungkinan-kemungkinan yang padah itu daripada berlakunya ke atas bangsa Melayu. Ia telah memanggil kongres itu bersidang secara tergempar pada 29hb. Mac untuk membicarakan apakah langkah yang tepat patut diambil segera bagi menghadapi kelancangan dan kerluaran politik penjajah itu. Saat yang paling genting dan cemas dalam sejarah kebangsaan Melayu telah tiba. Sekarang terpulanglah kepada generasi yang ada untuk mengorak langkah sama ada hendak hidup bebas, merdeka dan berdaulat atau terkongkong, terjajah dan tidak bermertabat.

Setelah berbincang dua hari dalam suasana tegang dan hangat akibat dari tindakan pecah amanah British terhadap bangsa Melayu, persidangan itu telah meluluskan ketetapan-ketetapan berikut:

- (a) Orang-orang Melayu hendaklah memulaukan istiadat melantik Gabenor Malayan Union.
- (b) Memohon Raja-raja Melayu supaya jangan menghadiri majlis istiadat melantik gabenor itu.
- (c) Orang Melayu mestilah berkabung dengan melilitkan kain putih di songkok selama tujuh hari, iaitu mulai dari 1hb. April.
- (d) Melantik Dato Onn, Dato Panglima Bukit Gantang, Dato Nik Ahmad Kamil dan Dato Hamzah bin Abdullah untuk menyembahkan ketetapan yang kedua kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu.
- (e) Meminta ahli-ahli Melayu yang duduk dalam Majlis-majlis Mesyuarat Negeri, Settlement dan Majlis Undangan Persekutuan memulaukan Majlis-majlis tersebut.

Menjelang 1hb. April, 1946 hari yang paling padah bagi bangsa Melayu—Raja-raja Melayu telah bersiap sedia untuk berangkat menghadiri upacara melantik Gabenor Malayan Union. Tetapi beberapa ketika sebelumnya, Dato Onn telah muncul di Stesyen Hotel dan menyampaikan

kepada baginda keputusan yang telah dicapai oleh umat Melayu dalam persidangan kongres secara tergempar yang baru sahaja tamat.

Apa yang tidak ada tercatit dalam keputusan itu ialah kata-kata yang telah dipesan oleh umat Melayu supaya disampaikan kepada Raja-raja Melayu yang sedang bersemayam di Stesyen Hotel Kuala Lumpur. Dato Onn telah menyampaikan kata-kata itu seperti yang dikehendaki oleh umat Melayu seluruhnya, iaitu:

Sekiranya Tuanku sekalian turut menghadiri upacara melantik Gabenor Malayan Union itu, rakyat Tuanku sekalian tidak akan mengakui Tuanku sekalian sebagai raja lagi. Rakyat jelata Melayu telah menganggap bahawa menghadiri majlis melantik gabenor Malayan Union itu sa-malah seperti turut serta mengusung jenazah bangsa Melayu sendiri.

Dari punca-punca yang rapat dengan Raja-raja Melayu dan Pegawai-pegawai tertinggi British di Malaya, Dato Onn dikatakan telah mengingatkan Raja-raja Melayu bahawa rakyat Melayu akan mengamuk seki-ranya Raja-raja turut serta dalam upacara merasmikan perlantikan Gent sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama—dan terakhir.

Itulah pertama kali dalam sejarah bangsa Melayu Raja-raja telah mendengar dengan telinga sendiri dan mematuhi amaran tegas dari rakyat Melayu pada ketika kedaulatan bangsa dan tanahair terancam. Dengan tidak bertangguh-tangguh lagi, Dato Onn telah menggunakan kesempatan itu untuk mempersilakan Raja-raja itu berangkat ke anjung bangunan itu dan menyaksikan dengan sendiri bagaimana beribu-ribu orang Mela-yu telah berhimpun di hadapan Stesyen Hotel.

Sebaik saja Raja-raja berangkat ke anjung itu, seorang demi seorang demi seorang memekik, 'Daulat Tuanku' bertalu-talu dengan suara yang bergemuruh. Ada di antara Raja-raja yang memerhatikan dengan perasaan kagum dan takjub tentang semangat perjuangan bangsa Melayu yang sedang meluap-luap itu telah mengalirkan air mata, mungkin ker-na insaf atau sesal terhadap apa yang telah berlaku semasa MacMichael berkunjung ke tiap-tiap istana Diraja hanya beberapa minggu saja ter-dahulu dari itu.

Sepanduk-sepanduk yang mengibarkan cogankata-cogankata yang melambangkan kehangatan semangat bangsa Melayu, seperti '*Down with the British*', '*Down with MacMichael*' dan seumpamanya telah keli-hatan bercerancang di sana sini di sekitar perhimpunan orang-orang Me-



Datuk Ahmad Boestamam

layu yang melaut ramainya. Semua orang yang telah hadir di situ telah berkabung sebagai tanda umat Melayu di seluruh Malaya bermasygul, berduakacita kerana British telah bertindak menghapuskan demokrasi, kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan tanahair Melayu. Begitulah lukisan dan gambaran yang telah diberikan dengan terang dan jelas oleh seorang penulis veteran Allahyarham Tuan Sheikh Anwar Abdullah di dalam bukunya, '*Riwayat Hidup Dato Onn*'.

Perjuangan Wartawan

Mokhtar Petah seorang wartawan, penulis yang kontroversi dan dianggap radikal menulis di dalam bukunya "Bangsa Melayu Menggugat Dunia" menulis berkenaan pengarang wartawan tanahair tercinta yang sama sebahtera dengan kita semua, yang kisah mereka tidak patut dilupakan begitu saja.

Dalam menghadapi pencerobohan Inggeris kepada rakyat negeri ini bukan sahaja rakyat di kampung-kampung, buruh dan nelayan-nelayan yang menjalankan tindakan menentang, turut juga menjalankan tindakan menentang ialah wartawan-wartawan Melayu yang berjiwa nasionalis.

Antara wartawan Melayu pada zaman itu yang benar-benar dipandang oleh Inggeris sebagai orang-orang bersenjata pena dan menggugat mereka ialah Ishak Haji Muhammad, Abdul Aziz bin Ishak, A. Samad Ismail yang waktu itu di Singapura bekerja dengan Syarikat Utusan Melayu, Encik Othman Kalam dan beberapa orang lagi.

Waktu itu Encik Samad Ismail disifatkan oleh penjajah Inggeris sebagai seorang wartawan Melayu yang menjalankan sabotaj terhadap Inggeris melalui tulisan-tulisannya.

Wartawan-wartawan Melayu telah menulis secara bertanggungjawab untuk memberi semangat baru kepada bangsa Melayu. Tetapi tulisan-tulisan mereka sentiasa diteliti oleh pihak Inggeris.

Rencana-rencana yang ditulis oleh mereka mempunyai pengajaran tentang perjuangan bangsa dan mengandungi falsafah-falsafah perjuangan. Semua pembaca yang berjiwa kebangsaan sentiasa mengikuti tulisan mereka dengan baik.

Dalam waktu itu wartawan Melayu telah mendapat tentangan dar-

wartawan upahan Inggeris. Tulisan wartawan-wartawan Inggeris dan wartawan-wartawan upahan Inggeris itu telah memberi imej atau bayangan yang buruk mengenai bangsa Melayu dan perjuangan bangsa Melayu dianggap terlalu rendah dan tidak bermaruah.

Masa itu juga telah timbul tulisan-tulisan daripada wartawan-wartawan Inggeris yang melahirkan fikiran untuk melemahkan perjuangan bangsa Melayu untuk menuntut kemerdekaan, di antaranya menyebut bangsa Melayu tidak layak merdeka dan bangsa Melayu mestilah mengundurkan cita-cita mereka untuk memerdekakan diri mereka.

Orang Melayu sendiri yang merupakan anak emas Inggeris memusuhi wartawan-wartawan Melayu dan mereka menyokong tulisan-tulisan dan fikiran-fikiran wartawan kontra Melayu.

Alex Josey di antara wartawan Inggeris yang memberi bayangan dan fikiran salah kepada bangsa Melayu dan mereka ini merupakan wartawan upahan Inggeris.

Sebenarnya dalam masa darurat, Kerajaan Inggeris telah menekan sesungguh-sungguh ke atas wartawan Melayu dan akhbar-akhbar Melayu. Masa itu tidak ada langsung kebebasan akhbar bagi wartawan dan rakyat Melayu.

Satu masa, iaitu masa pertabalan Ratu Inggeris dan masa Malaya dibawah telunjuk diktator Inggeris, Sir Gerald Templer, En. Aziz Ishak bersama wartawan lain telah berangkat ke London untuk mengikuti istiadat pertabalan Ratu Inggeris itu.

Aziz Ishak wartawan Melayu yang menggugat Inggeris dengan pena-nya. (Aziz Ishak juga menggugat pegawai-pegawai Inggeris dalam masa ia menjadi Menteri Pelajaran dalam Kerajaan Perikatan M.P.).

Aziz telah menulis apa sebenarnya yang dilihat di negara Inggeris. Dia melaporkan kepada akhbar Utusan Melayu. Tulisannya itu telah menimbulkan kemarahan Kerajaan Inggeris dan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris Sir Gerald Templer, dan diktator Inggeris ini telah mensifatkan Aziz 'Wartawan Tikus'.

Wartawan-wartawan Melayu seperti Encik Samad Ismail, Aziz Ishak, Ishak Haji Muhammad dan lain-lain lagi waktu itu mempunyai pertanyaan, dalam masa penjajah Inggeris, wartawan Melayu telah menerima tekanan, bagaimana pula dalam masa negeri ini mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957?

Penggugatan wartawan-wartawan Melayu terhadap penjajah Inggeris merupakan catatan yang indah dalam lembaran sejarah perjuangan bangsa Melayu yang akan dibaca dan dikaji oleh wartawan-wartawan dan pembaca Melayu yang akan datang.

Daripada kelanjutan cita-cita ini pulalah, maka Singapura menjadi medan wartawan-wartawan, pengarang, dan sasterawan Melayu yang berjuang melalui pena mereka.

Manakala lahirnya badan angkatan 50 maka perjuangan penulis-penulis Melayu bertambah giat dengan menyalurkan fikiran dan pandangan mereka melalui tulisan-tulisan mereka dalam akhbar-akhbar dan majallah.

Di antara mereka ialah Encik Tajuddin Kahar, Keris Mas, Said Dahalan, Harun Aminarashid, Saleh Daud dan beberapa orang lagi hingga mereka yang berjuang ‘Seni untuk Seni’ dan seni untuk masyarakat seperti Hamzah, Tongkat Warrant, Noor S.I. Masuri N.S. Jimmy Asmara, Abu Zaki dan ramai lagi.

Semangat ini telah menimbulkan pula beratus-ratus orang pengarang dan sasterawan Melayu di seluruh negeri ini dan mereka mempunyai bermacam-macam aliran.

Semangat wartawan Encik Boestamam banyak memberi jiwa baru kepada penulis-penulis Melayu seperti juga semangat wartawan Samad Ismail dan rakan-rakannya yang waktu itu sama-sama minum kopi ‘O’ dan hisap rokok murah.

Kepada mereka ini semua, saya dengan ikhlas mengalungkan sekali lung bunga harum ke leher mereka.

Mokhtar Petah

ANAK GABENOR JADI MENTERI

Kekayaan bukanlah barang yang utama dicarinya. Kebesaran juga bukan kemahuannya. Beliau tidak terdiri daripada golongan manusia yang boleh gelap mata, mabuk bila diberi wang ringgit dan pangkat.

Beliau dilahirkan dalam kemewahan dan kebesaran. Beliau disuap dengan sudu emas, ditatah dan ditatang dengan penuh istiadat kebesaran dan kemuliaan dari sejak lahirnya lagi.

Pemimpin seperti beliau tidak mudah boleh dikaburkan. Tidak akan menjual maruah diri. Tidak akan tunduk pada perkara serong yang bertentangan dengan prinsip hidupnya.

Kalau Allahyarham Dato Onn dulu keluar dari perundingan meluluskan isi-isi Perjanjian Persekutuan kerana membantah sikap Raja-raja Melayu yang menandatangani perjanjian berhubung dengan soal kerakyatan itu tanpa menyemak dengan teliti, Datuk Syed Nahar telah meninggalkan persidangan kerana tidak bersetuju dengan sikap Dato Hussein yang tidak dapat menerima pandangan dan pendapat beliau mengenai masalah pemecatan Datuk Harun Idris yang dikemukakannya di dalam mesyuarat tertinggi UMNO.

Beliau seorang saja di antara anggota M.K.T. yang berani 'Lawan Taukeh', berani membuktikan kepada kawan seperjuangan yang beliau adalah seorang pemimpin yang mempunyai prinsip dan seorang yang tegas pendiriannya.

Tindakan beliau yang tegas dan berani tidak bererti yang beliau tidak menghormati Ketua beliau, iaitu Y.A.B. Dato Hussein Onn. Beliau cuma tidak dapat menerima cara pemecatan Datuk Harun yang dijalankan seolah-olah seperti demokrasi dalam UMNO sudah mati.

Biar pun Datuk Hussein tidak mahu mendengar pendapat dan buah fikiran beliau dalam hal tersebut, beliau tidak berkecil hati. Orang mula menghormati Dato Onn dan Datuk Hussein kerana keberanian dan ketegasan mereka yang mempunyai prinsip. Tidak ramai pemimpin yang

mempunyai sikap yang berani dan tegas. Datuk Syed Nahar adalah ter golong dari mereka-mereka yang namanya akan harum dan dihormati oleh umat Melayu sepanjang zaman kerana keberaniannya cuba membe la teman yang difikirkan teraniaya.

Memang sukar hendak mencari pemimpin yang berani bertindak kerana kebenaran tanpa memikirkan padah dan bencana serta kerugian materialistik dan pengaruh yang akan menimpa diri.

Inilah golongan manusia yang mulia hidupnya. Kalau harimau mati meninggalkan belang, beliau mati akan meninggalkan nama, tidak seperti manusia yang mengikut rasmi kambing, biar pun hidup seribu tahun tidak akan menjadi sebutan orang, malahan akan menjadi korban.

Tidak ramai pemimpin yang sanggup mengambil risiko tanpa memikirkan periuk nasi dan kerusi empuk yang mahu didudukinya kalau boleh sampai mati. Nampaknya Datuk Syed Nahar bukanlah dari golongan pemimpin yang sederhana yang boleh ikut telunjuk dan diajak bermesyuarah dan berpaktat dalam melakukan perkara serong dan bertentangan dengan prinsipnya.

Sejauh mana kesanggupan dan kebolehan Datuk Syed Nahar Shahabuddin membawa kejayaan kepada Negeri Kedah masih terlalu awal untuk dibuat penentuan kerana usianya sebagai Menteri Besar masih belum cukup setahun.

Di peringkat awal begini, kita sendiri tentu mengerti tentang gerak langkah Datuk Syed Nahar. Masalah utama yang harus dilakukan olehnya ialah mencari kelemahan terlebih dahulu sebelum bertindak untuk melakukan sebarang langkah penting untuk menjamin kejayaan bagi Negeri Kedah di masa akan datang.

Dalam tahun 1969, Datuk Syed Nahar (waktu itu masih belum bergelar datuk) telah dibawa oleh UMNO untuk bertanding di Negeri Kedah bagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

Waktu itu, Datuk Syed Nahar yang berkhidmat dengan Lembaga Urusan Tabung Haji dan kembalinya ke Kedah untuk bertanding dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri sudah menjadi tandatanya bukan sahaja oleh rakyat Kedah malah orang pemerhati politik di seluruh negara.

Waktu beliau mula memberanikan diri untuk turut bertanding dalam pilihanraya 1969 lalu, kedudukan politik UMNO Kedah agak tercabar.

Dalam pilihanraya inilah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Senu Abdul Rahman tumpas di tangan PAS.

Ketokohan Datuk Syed Nahar mula mendapat perhatian bukan sahaja daripada rakyat tetapi juga daripada pemimpin UMNO sendiri. Dan dalam musim pilihanraya berikutnya, Datuk Syed Nahar diberi pula peluang untuk bertanding bagi merebut kerusi Dewan Rakyat.

Walaupun semasa beliau menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat, nama Datuk Syed Nahar sering diramalkan untuk menjadi seorang menteri, terutama bila setiap kali kabinet dirombak, namun namanya masih belum naik. Dan ada kalanya ramai orang menganggap bahawa Datuk Syed Nahar sengaja menolak perlantikan yang diberikan kepadanya.

Walau apapun kedudukan sebenarnya, hanya beliau sendiri yang mengetahui tentang perkara ini. Dan sekiranya beliau menafikan, ramai orang yang tidak percaya kerana Datuk Syed Nahar sebenarnya lebih dikenali sebagai seorang pendiam yang tidak pernah membesarlu diri dan tidak bersifat egoistik.

Dalam pilihanraya umum tahun 1978, Datuk Syed Nahar telah dilantik sebagai Pengarah Pilihanraya Negeri Kedah. Dan bila perlantikan ini dibuat, orang ramai sudah mula meramalkan bahawa Datuk Syed Nahar pasti dilantik sebagai Menteri Besar selepas pilihanraya itu nanti.

Ini adalah disebabkan kerana di kebanyakan negeri dan pada kebiasaanannya, Menteri Besarlah yang menjadi pengarah pilihanraya ataupun seorang orang yang mempunyai kedudukan terpenting dalam parti sedangkan Datuk Syed Nahar waktu itu hanyalah seorang ahli Majlis Tinggi UMNO sahaja.

Pemilihan beliau untuk kembali bertanding bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri dan tidak kerusi Dewan Rakyat semakin menguatkan ramalan rakyat Kedah tentang Syed Nahar yang bakal menduduki kerusi Menteri Besar Kedah. Dan sesudah pilihanraya, maka ternyata bahawa setiap ramalan yang dibuat itu adalah benar. Dan kini Datuk Syed Nahar yang sewaktu menjadi Ahli Dewan Rakyat dulu dilantik menjadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional yang ditubuhkan pada tahun 1974 itu kini menjadi Menteri Besar Kedah ketiga selepas Datuk Syed Omar Shahbuddin dan Datuk Seri Syed Ahmad Shahbuddin.

Sewaktu menjadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Datuk Syed Nahar telah memperkenalkan satu skim simpanan corak baru. Skim

bentuk baru ini dinamakan Sijil Simpanan Premium di mana setiap pemegang sijil ini tidak berhak menerima faedah di atas simpanan mereka tetapi berhak menerima 213 hadiah yang ditawarkan melalui cabutan nombor yang dilakukan tiga bulan sekali.

Dan sejak lima bulan dilancarkan pada tahun 1978 lalu, skim ini berjaya mengumpulkan sebanyak 12 juta ringgit. Untuk lebih meyakinkan para penyimpan yang berpendapatan rendah, Datuk Syed Nahar telah menghadkan seseorang pemegang Sijil Simpanan Premium ini hanya sebanyak 1,000 unit sahaja.

Bank Simpanan Nasional, yang sebelum ini dikenali sebagai Bank Simpanan Pejabat Pos kini mempunyai jumlah penyimpan melebihi dari 3.4 juta orang. Dan semenjak Bank Simpanan Nasional mengambil alih tugas-tugas dari Bank Simpanan Pejabat Pos, jumlah para penyimpan telah meningkat dua kali ganda dengan pertambahan wang melebihi 922 juta ringgit.

Kejayaan begini mengharumkan lagi ketokohan Datuk Syed Nahar yang lebih dikenali sebagai orang yang lebih banyak bekerja daripada bercakap.

Sebagai seorang pemimpin yang kurang mendapat publisiti, ketokohan Datuk Syed Nahar masih dapat diperhatikan bukan sahaja oleh orang-orang UMNO, Rakyat Kedah malah oleh seluruh rakyat Malaysia. Beliau sebenarnya tidak banyak menonjolkan diri sebagai seorang pemimpin yang radikal tetapi masih dihormati dan disegani sebagai seorang pemimpin yang berpendirian dan bermaruah.

Dalam mesyuarat tersebut, Datuk Syed Nahar telah cuba menyatakan sesuatu tetapi Datuk Hussein Onn tidak dapat menerima pandangan tersebut. Dan oleh kerana tidak diberikan peluang untuk meluahkan pendapatnya, Datuk Syed Nahar telah meninggalkan persidangan itu. Dan dari sini kita dapat menilai sejauh mana ketegasan beliau sebagai seorang yang berpendirian dan punya prinsip tersendiri.

Sungguhpun demikian, Datuk Syed Nahar masih terus menghormati Datuk Hussein sebagai ketuanya. Dia tidak pernah merasa kecil hati jika pendapat dan buah fikirannya tidak diterima. Bagi Datuk Syed Nahar, mungkin waktu itu apa yang hendak dihuraikan olehnya tidak dapat diterima oleh orang lain. Itu saja.

Menteri Besar Kedah ini, pernah dicadangkan untuk menggantikan

tempat yang dikosongkan oleh Datuk Harun selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Seperti biasa, beliau tidak berani berkata apa-apa se-lain dari tersenyum lebar.

Dan selepas itu apabila difikirkan bahawa Tan Sri Syed Jaafar Albar difikirkan lebih layak mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO itu, Datuk Syed Nahar dengan penuh rendah diri memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama.

Seperti yang pernah dinyatakan bahawa Menteri Besar Kedah ini tidak tergolong dalam golongan orang-orang yang bongkak dan sompong, kegalalannya untuk memimpin Pemuda UMNO bukanlah satu perkara yang merunsingkan fikirannya.

Mungkin tugas itu tidak harus dipikul oleh beliau pada hari ini dan mungkin juga tugas ini nanti terpaksa juga dipikulnya pada satu ketika nanti.

Sebagai Menteri Besar kepada sebuah negeri 'jelapang padi', Datuk Syed Nahar tentunya lebih menumpukan perhatiannya kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh para petani. Baginya, peristiwa tunjur perasaan yang pernah berlaku di Baling dalam tahun 1974 lalu tidak akan berulang lagi sehingga kiamat.

Dan kini semangat dan sifat ketokohan Datuk Syed Nahar selaku pemimpin rakyat di negerinya mula disegani. Dan selaku ketua UMNO negeri, Datuk Syed Nahar juga perlu meyakinkan bahawa UMNO akan terus berkuasa di Kedah tanpa sebarang gugatan dari mana-mana parti lawan terutama PAS.

Walaupun jasa Datuk Syed Nahar selaku Menteri Besar masih belum dapat dilihat dengan jelas, namun dari bayang-bayang yang digariskan oleh beliau, segala masalah yang agak kusut sebelum ini sudah mula dirombaknya. Dan apa yang kita ingin lihat segala kekusutan ini akan terlerai dan Kedah sebagai sebuah negeri Jelapang Padi akan terus dapat meyakinkan negara sebagai sebuah negeri yang dapat menghasilkan makanan terpenting ini secara lebih berjaya dan meluas.

Sebagai orang utusan dari UMNO untuk menghancurkan tindak tanduk PAS di Kedah, Datuk Syed Nahar berjaya menunjukkan kejaguhannya. Dalam pilihanraya tahun lalu angan-angan PAS untuk menawan Kedah terbantut begitu sahaja dan kemenangannya menaikkan beliau menjadi seorang Menteri Besar Kedah yang baru menggantikan

Datuk Seri Syed Ahmad Shahbuddin.

Kita perlukan manusia yang berani bertindak kerana benar. Manusia yang tidak takut pengaruh dan kedudukannya akan terjejas kerana sikapnya berani kerana benar.

Pemimpin yang tidak memikirkan periuk nasi sendiri pemimpin yang yang tidak peduli apa yang akan terjadi tidak mahu ikut telunjuk, tidak membenarkan yang salah kerana takut nanti kedudukan akan tergugat dan terancam.

Harimau bukanlah binatang yang boleh ditepuk kepala seperti kucing, cukup diberi sisa ikan. Semangat waja berani menegakkan kebenaran, berani membela orang yang teraniaya.

Beliau tidak perlu mengampu untuk dipilih. Beliau tahu siapa yang penting, beliau membuat kerja dengan betul tidak perlu cari pangkat kalau beliau tercampak ke lembah sekalipun tetap berguna.

Sudah lama orang mengenalinya sebagai manusia politik yang maju, tetapi kesederhanaannya menyebabkan publisiti mencarinya dan bukan dia mencari publisiti. Dia tidak menonjol untuk menjadi tokoh politik. Orang-orang yang sewibawa dengannya selalu sibuk di pentas forum dan banyak sekali mengemukakan teori-teori politik yang besar, tetapi Datuk Syed Nahar semacam malu untuk menonjol sedemikian.

Datuk Syed Nahar menjadi Menteri Besar sesudah membuktikan keupayaannya bagi membawa kemenangan semula kepada partinya Barisan Nasional sesudah terancam sengit pada 8 Julai.

Negeri Kedah sesungguhnya adalah sebuah negeri yang ketinggalan dalam pembangunan, malah dalam beberapa hal ia tidaklah lebih dari Kelantan yang lama dikuasai oleh PAS itu. Betapa mundurnya Kedah dalam bidang itu dapat diikuti dari ucapan Datuk Hussein Onn ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu.

Datuk Hussein yang membuat lawatan ke Kedah selepas peristiwa tunjuk perasaan Baling 1974 dulu telah mengecam Kerajaan Kedah di bawah pimpinan Datuk Seri Syed Ahmad Shahbuddin yang dikira alpa dan kurang memberikan perhatian dalam pembangunan. Pemimpin UMNO Kedah selepas itu membantah, tetapi tidak pernah terdapat kata-kata konkret yang menafikan teguran berterus terang Datuk Hussein itu.

Datuk Syed Nahar sesudah itu dibawa pula ke Dewan Rakyat yang

kemudiannya memberi peluang kepadanya untuk mendedahkan bakatnya dalam politik nasional yang lebih terbuka. Ketika itu terdapat ramalan seolah-olah dia sudah tidak lagi diperlukan di Kedah dan mungkin dia lebih dikehendaki di peringkat pusat.

Setiap kali ada rombakan kabinet, maka ada juga ramalan bahawa Datuk Syed Nahar akan dimasukkan. Dan banyak pula yang menyebut bahawa Datuk Syed Nahar sendiri menolak sebarang permintaan untuk menjadikannya seorang menteri. Betapa benarnya dia saja yang mengetahui dan kalau dia menafikan, orang payah mempercayainya. Tetapi itulah imej yang ada padanya.

Mulai dari tarikh itu orang memberikan perhatian bahawa Datuk Syed Nahar walaupun tidak menonjol dan tidak bergambar sebagai seorang yang radikal, tetapi dia adalah dihormati sebagai orang yang ada pendirian dan ada maruah.

Dia tidak terlibat dalam sebarang permusuhan dengan orang lain.

Dalam sifat yang tenang dan tenteram itu ada pula orang mencadangkan beliau menggantikan Datuk Harun sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Dia gelak dan tidak mengatakan apa-apa kepada syor itu. Tetapi bila ada cadangan supaya ia dipegang oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar, maka dia memberikan penuh sokongan.

Datuk Syed Nahar adalah dilantik untuk menyelamatkan UMNO negeri Kedah. Dalam perang politik yang hebat Kerajaan UMNO dapat diselamatkan olehnya. PAS terbantut seketika, tetapi Datuk Syed Nahar menang untuk menjadi Menteri Besar yang baru. Dia adalah antara ketua Kerajaan Negeri yang terbaru yang banyak cabaran dan kiranya cabaran itu dapat dilaluinya satu demi satu, maka jalan lurus untuk ke atas tidak banyak halangan. Itulah pemimpin baru, anak diplomat dan bekas Gabenor Pulau Pinang Allahyarham Tun Syed Sheikh Shahbuddin, dan anak saudara pula kepada Tunku Abdul Rahman.

Datuk Syed Nahar adalah tokoh yang kurang mendapat publisiti. Tetapi di kalangan para industrialis dan kewangan negara ini beliau amat terkenal. Di samping menjadi Pengarah beberapa buah syarikat terkenal, beliau juga adalah orang bertanggungjawab dalam memimpin Bank Simpanan Nasional ke mercu kejayaan.

Datuk Syed Nahar telah dilantik menjadi Pengurus Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional apabila bank itu ditubuhkan dalam bulan

Disember 1974. Sebelum dari ini Bank Simpanan Nasional dikenali sebagai Bank Simpanan Pejabat Pos. Perlantikan itu telah dibuat oleh Datuk Hussein Onn sendiri yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Datuk telah menggunakan segala pengalaman dan ketokohan yang ada padanya untuk memberi corak pentadbiran yang baru kepada Bank Simpanan Nasional sebaik sahaja beliau diberikan portfolio itu. Ketokohan, minat, rasa tanggungjawab serta kerjasama yang diberikan oleh seluruh kakitangan bank itu kepada pucuk pimpinan Datuk Syed Nahar telah membolehkan Bank Simpanan Nasional mencapai taraf pembangunan yang pesat dalam masa dua tahun selepas bank itu ditubuhkan.

HANG JEBAT MODEN

Berita mengenai keputusan Haji Sulaiman Palestin untuk bertanding merebut kerusi Presiden UMNO memerlukan sebilangan besar ahli-ahli UMNO di samping menarik perhatian pemerhati politik negara. Walaupun pada hakikatnya tidak ada apa yang hendak diterperanjatkan.

Disebabkan ramai orang lekas panik, lekas terkejut dengan berita-berita yang menggemparkan, membuat Hj Sulaiman tiba-tiba menjadi popular dan ada setengah orang yang kagum dengan tindakan yang telah diambilnya sehingga memberikan beliau title "Jebat Moden" bukan sebarang title, pingat keberanian yang tidak rasmi yang pertama yang telah dihadiahkan oleh orang ramai kepadanya kerana keberaniannya cuba memecahkan tradisi UMNO.

Orang Melayu memang suka kepada orang yang berani, kenapa? Sejarah saja yang dapat menceritakan. Allahyarham Dato Onn menjadi popular kerana beliau berani, begitu juga dengan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar hingga mati masih membawa gelaran "Singa UMNO."

Akhbar-akhbar yang banyak membuat liputan mengenai perkara "Haji Sulaiman lawan taukeh" menjadi begitu laris macam goreng pisang panas. Di sana sini orang memperkatakan tentang keberanian Haji Sulaiman, terutama orang UMNO menjadi riuh. Entah kenapa UMNO Johor tidak membenarkan Hj Sulaiman masuk ke Johor, walaupun ada ahli UMNO Johor menyokongnya? Takutkah pemimpin UMNO Johor pengaruh "lawan taukeh" merebak ke Johor? UMNO ada demokrasi. Melalui demokrasi apa pun boleh jadi. Apa yang hendak ditakutkan. Allahyarham Dato Onn (Bapa UMNO) adalah pemimpin yang selalu lawan taukeh. Cuma Ahli UMNO yang tidak pernah tahu sejarah pemimpinnya saja yang tidak tahu.

Hj Sulaiman memang terkenal kerana mulutnya yang celupar, suaranya amat lantang, kerana kelayakan ini Datuk Hussein memilih beliau menjadi Ketua Penerangan UMNO. Beliau adalah seorang pemimpin

UMNO yang popular di Utara.

Pa' Aji yang pernah menjadi Speaker Pulau Pinang hingga Perikatan kalah pada tahun 1969 adalah seorang yang peramah, lekas mesra dan mudah digauli, tidak kira sama ada orang atas mahu pun orang bawah.

Tidak dapat dinafikan bahawa Hj Sulaiman adalah seorang yang cukup berpengalaman dengan ásam garam politik UMNO. Beliau pernah sebahtera dengan Dato Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan sekarang sebahtera dengan Dato Hussein.

Menurut seorang penulis khas dalam majalah "SARINA" Ogos 1978, sebab Hj Sulaiman tiba-tiba jadi berani, melenting dan naik darah ialah kerana sikap pucuk pimpinan yang memandang sepi terhadap kes Dato Harun.

Haji Sulaiman marah betul bila Dato Harun tidak dibela. Pada Hj Sulaiman, walau apapun juga, jasa Dato Harun pada orang Melayu tidak ada tolak bandingnya. Kenapa banyak lagi orang lain yang rasuah tapi tidak didakwa?

Menurut Hj Sulaiman, Dato Harun memang menjadi mangsa dendam politik. Mungkin tiada siapapun yang berani muncul untuk membela Dato Harun secara terbuka, maka Hj Sulaiman berasa adalah tanggung-jawabnya untuk membetulkan apa yang dikatakannya tidak betul.

Sebab yang Hj Sulaiman segera bertindak ialah kerana Hj Sulaiman fikirkan bahawa kini dia sahajalah "Orang Tua" yang perlu membetulkan UMNO. Dulu, ada Dato Harun dan Tan Sri Syed Jaafar Albar. Kini hendak harapkan siapa lagi?

Sulaiman Palestin Lawan Taukeh?

Pada awalnya, berita mengenai Hj Sulaiman Palestin untuk bertanding merebut kerusi Presiden UMNO dari Datuk Hussein Onn ini dianggap hanyalah satu permainan untuk mencari publisiti, tetapi bila tiba waktunya, nyatalah yang Hj Sulaiman Palestin tidak main-main. Tapi beliau betul berani. Apa yang membuat beliau berani bukanlah soal utama. Menang kalah adalah satu perkara biasa di dalam pertarungan.

Walaupun tewas dalam pemilihan tersebut, namun Sulaiman Palestin sebenarnya telah mencatatkan satu sejarah baru dalam UMNO di mana sebelum ini tidak ada seorang pun yang sanggup bertanding untuk me-

rebut kerusi Presiden UMNO sejak dari zaman Dato Onn Jaafar.

Tindakan Hj Sulaiman Palestin ini sebenarnya telah membuka sejarah baru dalam pergolakan politik UMNO. Di zaman Dato Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, bukan sahaja kerusi Presiden tidak ditandingi malah kerusi Timbalan Presiden juga tidak pernah dipertandingkan, kecuali pada satu ketika Tun Abdul Razak (waktu itu Timbalan Perdana Menteri) terpaksa menghadapi tentangan dari Encik Aziz Ishak (bekas Menteri Pertanian).

Percubaan Hj Sulaiman cuba merampas jawatan Presiden UMNO ini sebenarnya menunjukkan kematangan orang-orang Melayu dalam bidang politik. Ianya jelas menunjukkan bahawa apa juga jawatan dalam parti boleh ditandingi, asalkan undang-undang sesudah parti atau pertubuhan itu merelakannya.

Nama Hj Sulaiman diusulkan oleh pemuda UMNO cawangan Jalan Menteri dalam Bahagian Kuala Lumpur Bandar. Walaupun pada awalnya usul ini banyak menerima bantahan namun ianya diterima juga akhirnya.

Dan sebagai seorang tokoh politik veteran yang bergerak aktif sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi, Hj Sulaiman menyatakan kesediaannya untuk bertanding. Kemudian perkara ini menjadi ribut. Dan di dada-dada akhbar kita dapat membaca tentang pro dan kontra mengenai perkara ini.

Sebagai seorang yang berpengalaman dan selaku seorang pemimpin yang berkalibar, Datuk Hussein Onn terpaksa menghadapi tentangan dari Sulaiman Palestin. Walau bagaimanapun, ketenangan terus terba yang di wajah Datuk Hussein walaupun kali ini beliau terpaksa menghadapi tentangan untuk merebut jawatan Presiden UMNO.

Menyentuh mengenai pencalonan Hj Sulaiman Palestin untuk bertanding merebut jawatan Presiden UMNO ini, berbagai kecaman telah diterima oleh beliau.

Datin Halimah Rasul, umpamanya terus terang tidak bersetuju bawa jawatan Presiden UMNO harus dipertandingkan.

Ketua Wanita UMNO Negeri Sembilan ini, sebenarnya bukanlah kurang memahami Perlembagaan parti, tetapi oleh kerana perkara seumpama ini belum pernah berlaku, Datin Halimah lantas berfikir bahawa perkara seumpama ini adalah merupakan satu pergolakan baru.

Sebenarnya Perlembagaan UMNO sendiri yang membolehkan seseorang presidennya ditandingi. Dan pertandingan pertama ini walaupun kurang sengit, namun ianya telah mencatat satu sejarah baru dalam UMNO sendiri.

Perlembagaan UMNO juga menetapkan bahawa tidak seharusnya seorang presiden itu menjadi Perdana Menteri dan seorang presiden berhak untuk menolak jawatan Perdana Menteri.

Apakah pertandingan untuk merebut jawatan Presiden UMNO ini akan terus dipertandingkan setelah Hj Sulaiman Palestin meneroka dan memecahkan tradisi UMNO ini?

Perkara ini agak sukar diramalkan dan jika dikira dari segi kematangan berpolitik orang-orang Melayu hari ini, perkara ini tentu akan berpanjangan. Bertambahnya bilangan cerdik pandai dalam UMNO juga merupakan punca utama pertandingan merebut Presiden UMNO ini dijalankan.

Dan kalau kali ini Hj Sulaiman Palestin berani menandingi Datuk Hussein Onn, selaku Presiden, esok lusa mungkin ramai yang sanggup bertanding untuk merebut jawatan Presiden UMNO ini tetapi antara berita yang paling menarik yang disiarkan di akhbar berkenaan Hj Sulaiman lawan taukeh ialah yang ditulis oleh Pak Sako (Hantu raya).

'Saya bukan orang bijak, saya orang miskin dalam segala-galanya tetapi saya mempunyai kekayaan, iaitu kekayaan dan kemahuan untuk membaiki UMNO.'

Madah di atas ini, yang aku petik daripada harian 'Watan', bilangan ke-93, keluaran hari Selasa, 2 haribulan Mei, 1978, ialah satu paragraf daripada ucapan Al-Fadil, Al-Dib, Haji Sulaiman Palestin yang telah diucapkan oleh beliau dalam mesyuarat agung UMNO bahagian Petaling Kuala Lumpur.

Marilah kita ulas kata-kata yang berbahagia Haji Sulaiman Palestin di atas ini satu-satu biji butirnya seperti kita mengulas biji-biji seapan buah petai.

'Saya bukan orang bijak. . . .' katanya. 'Bukan orang bijak dalam perkara apa? Dalam perkara agama, berpidato, bersyaraf, bermain bola, sepakraga, main terup atau apa?'

Pada satu masa dahulu Haji Sulaiman Palestin telah dipilih dan dilantik oleh partinya menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Bolehkah atau patutkah seseorang yang tidak bijak diangkat menjadi Speaker bagi sebuah majlis yang begitu mulia lagi berdaulat?

‘Saya orang miskin dalam segala-galanya. . . .’

Miskin atau kemiskinan ada beberapa ukurannya. Miskin yang macam manakah Tuan Haji Sulaiman Palestin itu? Miskin macam nejayaran-nelayan di Teluk Air Tawar, Seberang Prai, yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang? Miskin seperti pekerja-pekerja kilang di Mak Mandin? Atau miskin apabila dibandingkan dengan orang-orang yang tidak miskin seperti Raja Nasron, atau Raja Nong Chik yang punya syarikat bernama ‘Manung’, iaitu gabungan daripada dua nama yang disingkatkan dari Osman Ali dan Nong Chik, atau miskin apabila dibandingkan dengan beberapa orang Melayu atau bumiputera yang diketahui memang kaya, sangat kaya?

Aku tahu Haji Sulaiman ada mempunyai beberapa buah lori panjang. Aku pernah melihat sebuah daripadanya di stesyen jual minyak diesel di Pill Road (sekarang Jalan Pill) yang bercat merah dengan nama Haji Sulaiman terpampang pada badan lori panjang itu.

Kerana aku ini suka berjalan memerhatikan berbagai-bagi benda yang bergerak dan yang tidak bergerak, yang terbang, yang melayang dan bergolek, maka aku telah ternampak bukan sahaja lori-lori panjang yang bertulis dengan nama Haji Sulaiman Haji Ahmad, tetapi lori-lori yang pada dindingnya atau badannya tertulis dengan nama taukeh-taukeh yang lain. Di Batu Sembilan Jalan Cheras, misalnya, di mana aku kerap kali berdiri menunggu bas hendak pergi ke Kuala Lumpur, maka aku telah kerap kali ternampak lori-lori yang memakai nama Yahaya Mohd Sheh.

Bolehkah Haji Sulaiman nyatakan kepada kami rakyat jelata yang betul-betul miskin berapa banyakkah pendapatan Haji Sulaiman Palestin daripada lori-lori itu sama ada kerana disewakan, dipajakkan, diAli-Babakan atau dikasim-babakan? Seribu sebulan? Dua ribu atau tiga ribu (ringgit) sebulan?

‘Tetapi saya mempunyaikekayaan, iaitu hati dan kemahuan untuk membaikkan UMNO.’

Demikianlah isinya, mintaranya atau buntutnya dalam satu paragraf dari ucapan Haji Sulaiman dalam mesyuarat agung UMNO bahagian Petaling, Kuala Lumpur yang aku telah petik atau ‘Cut’ daripada



Pak Sako

haribulan 'Watan' bil 93, muka depan, keluaran 2hb. Mei, 1978

Tentulah ramai ahli-ahli UMNO dalam Malaysia, ini yang ingin hendak tahu bagaimakah cara-caranya Haji Sulaiman Palestin hendak membaikkan UMNO? Apakah, ibarat sebuah kereta, UMNO itu sudah banyak sangat rosaknya? Adakah Haji Sulaiman mempunyai barang-barang gantinya untuk membaiki UMNO itu?

Kata orang tua-tua nenek moyang aku, tikus pun pandai membaikkan labu.

Aku ini, barangkali Haji Palestin tahu, ialah seorang dari beribu-ribu orang yang telah berjuang mati-matian untuk memerdekakan Semenanjung Tanah Melayu, dan beribu-ribu dari kami telah ditahan oleh penjajah British. Kebanyakan kami bukan orang UMNO atau penyokong UMNO. Apabila negara ini sudah merdeka, maka orang-orang UMNOlah yang riuh-riuh mendakwa bahawa mereka lah yang telah memerdekakan negara ini. Eloklah tu, kami pun tidak kira sangat

Yang bijak main sekupang dan main pancing dengan wanita-wanita tua dan muda ialah hantu raya.

MANGSA POLITIK

Bila mahkamah memutuskan Dato Harun bersalah kita tidak terkejut, dengan keputusan itu dan kita nampak mahkamah bersih. Keputusannya tepat dan jitu dan adil yang mengatakan salah kepada yang bersalah. Walaupun yang bersalah itu seorang tokoh negara yang telah banyak berjasa kepada bangsa.

Pemuda UMNO Selangor tahu yang Dato Harun mesti menjalani hukuman enam tahun di atas kesalahan yang mengatakan beliau menerima rasuah \$250,000 dari Hong Kong dan Shanghai Bank dan memalsukan minit Bank Rakyat yang beliau menjadi pengerusinya.

Tapi demi perasaan kasih dan cinta mereka kepada Dato Harun dan merasakan kejadian yang berlaku ke atas Dato Harun itu adalah perbuatan yang dilakukan oleh komplot yang sengaja mahu menjatuhkan imej Dato Harun dan satu permainan politik, mereka tidak merelakan Dato Harun dipenjarakan.

Sejarah akan mencatatkan buat pertama kalinya seorang pemimpin UMNO yang berkalibar, pemimpin yang sangat dikasihi oleh ramai orang Melayu telah dipenjarakan dan umat Melayu tidak akan melupakan peristiwa tujuh hari tujuh malam Dato Harun dikurung di rumahnya di Taman Duta, Taman Bunga Raya Kuala Lumpur. Mereka tidak membencikannya berangkat ke penjara kerana mereka mahu memperjuangkan pengampunan dari Lembaga Pengampunan. Dan apabila beliau tidak hadir ke mahkamah pada hari yang dikehendaki, mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap. Untuk itu polis telah mengepung kediamannya.

Sebagai seorang yang mematuhi undang-undang dan sebagai seorang yang percaya kepada suratan dan takdir dan Kadhak dan Kadar datangnya dari Ilahi. Dato Harun akhirnya menyerah dan beliau dipenjarakan di Penjara Pudu, bukan saja orang UMNO tetapi orang Melayu yang kasih dan cintakannya merasa sedih ramai yang menangis atas kejadian

yang telah menimpa dirinya. Sebagai mengingati jasa-jasanya kepada orang Melayu terutama di Kuala Lumpur dan di Selangor, saya menyalin balik Tulisan! SATU KOMENTAR POLITIK DATO HARUN,! oleh BAHARUDDIN KADIR yang diterbitkan oleh kawan saya saudara Mohd Yusuf Albakri, selaku pengarang dan penerbitnya di dalam Majalah Komentar. Bil. 1. September, 1976. Di samping itu saya salin juga surat dari Sabariah Abdullah, isteri kepada Syed Hussien Ali yang masih lagi di dalam penjara yang disiarkan dalam Mimbar Sosialis Feb/Mac, 1979. Semoga Para Pemimpin dapat mengetahui nasib isteri-isteri bila suami meréka dipenjarakan sebagai Mangsa Politik.

Sikap Pas

Hari-hari kegemilangan politik Dato Harun berakhir bila semua jawatan politik dan keahliannya dalam UMNO, parti yang telah membina tuahnya, dilucutkan satu persatu.

Jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor yang telah disandangnya selama lebih kurang dua belas tahun itu juga telah 'dilettakkannya'. Kedudukan beliau sebagai salah seorang dari Naib Presiden UMNO seakan-akan tidak memberi apa-apa kekuatan kepadanya untuk mempertahankan kedudukannya.

Dalam banyak hal Dato Harun mempunyai kedudukan yang istimewa dalam UMNO sebelum ia disingkirkan. Dia menikmati sokongan di peringkat bawah dan mempunyai dasar politik yang kuat.

Dia adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia—satu cabang yang paling kuat dan berpengaruh dalam UMNO. Dia juga pernah difokus sebagai seorang yang mempunyai harapan untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia di satu masa nanti.

Jalan yang ditempuhi oleh Dato Harun dalam arena politiknya hampir-hampir sama dengan cara yang pernah dialami oleh Tun Razak. Seperti Tun Razak, Dato Harun membina personalitinya sebagai pegawai kerajaan di negerinya sendiri.

Kemudian dia menjadi Menteri Besar dan orang yang paling disukai oleh sultan. Dia juga mendapat sokongan yang padu dari anak negerinya sendiri. Hal ini sama-sama dialami oleh Tun Razak dan Dato Harun.

Tidak syak lagi kedudukan yang cukup kuat di peringkat 'grassroot

level memberi peluang yang amat baik kepadanya apa lagi pada ketika ini banyak tokoh-tokoh lain tidak mempunyai dukungan yang begitu baik di peringkat itu.

Tetapi bezanya masa depan politik Dato Harun itu berakhir dengan tragik sekali. Sama seperti kemunculannya yang mendadak sahaja dalam pucuk pimpinan UMNO Selangor ‘kejatuhan’ juga merupakan sesuatu yang mendadak juga.

Di segi ketokohan beliau merupakan seseorang yang sukar untuk ditinggi. Beliau mempunyai kebolehan yang tersendiri dalam memobilisasikan kekuatannya. Taktik dan strateginya baik dalam masa pencalonan ataupun dalam mengembelingkan kekuatan ternyata memperlihatkan ketokohnya sebagai seorang politikus yang bijak.

Dalam masa pencalonannya yang pertama untuk merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada suatu masa dulu dan juga kegiatan-kegiatan politiknya setelah beliau dituduh dan ‘bercuti’ dari Pejabat Menteri Besar Selangor telah memperlihatkan kewibawaannya.

Sejak percutiannya itu beliau telah menjelajah ke seluruh negara mengadakan beberapa pertemuan dan rapat umum untuk Pergerakan Pemuda UMNO. Ini adalah siri terakhir dalam aktiviti mobilisasi politiknya untuk mengembeling kekuatan Pemuda dan kekuatan peribadinya.

Langkah ini telah menimbulkan keraguan banyak pihak dan kalangan umum yang rata-rata berpendapat bahawa langkah itu dibuat oleh Dato sebagai suatu pameran kekuatannya. Mobilisasi politiknya yang terakhir dalam siri ini telah diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur tidak lama sebelum beliau dihadapkan ke Mahkamah Tinggi. Nampaknya ini aktiviti politiknya yang terakhir dan tak lama selepas itu kedudukan politiknya dalam UMNO telah tamat.

Dalam kariernya selama lebih kurang dua belas tahun sebagai Menteri Besar Selangor beliau telah memperlihatkan satu kerja yang berjaya.

Akan tetapi provokasi terhadap ‘jenayah politiknya’ bukanlah satu hal yang baru.

Ketokohan dan kejujurannya mula dicabar dalam tahun 1973 bila Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) menambahnya secara terbuka mengenai issue tapak Universiti Kebangsaan di Bangi. Issue ini hangat buat beberapa lama dan beliau telah menjadi perhatian tokoh politik lain.

Buat beberapa lama beliau telah menjadi tokoh yang sangat dibenci oleh masyarakat pelajar. Ketika itu kekuatan politiknya telah bersatu di belakangnya tetapi kemudiannya secara perlahan-lahan beliau telah cuba merapatkan diri dengan masyarakat pelajar.

Pengulas-pengulas politik di luar negeri mensifatkan beliau sebagai seorang yang terlalu chauvanis dan bertanggungjawab atas peristiwa 13 Mei 1969; namun begitu di sini bukanlah asas kita untuk menimbulkan hal itu. Ketokohnanya sering disifatkan sebagai '*the Malay Robin Hood*' dan beliau disifatkan sebagai seorang yang gigih dalam memperjuangkan nasib bangsanya.

Sebenarnya perjalanan politik Dato Harun ini mempunyai satu pengertian yang tersendiri. Di sebalik sifatnya yang tenang itu beliau mempunyai cita-cita politik yang tinggi. Setelah jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor digantung beliau sepatutnya berehat dari aktiviti-aktiviti politiknya.

Tetapi beliau berkesimpulan bahawa keadaan itu hanya bererti beliau tidak boleh menjalankan tugas-tugas hariannya sebagai Menteri Besar sahaja, tetapi masih tetap boleh meneruskan tugas dan kegiatan politiknya.

Atau besar sekali kemungkinannya kegiatan politiknya itu diteruskannya secara sadar bahawa ia sepatutnya membekukan semua kegiatan politiknya. Cadangan supaya ia berhenti dari aktiviti politik ini bukanlah satu perkara yang baru.

Tun Razak sendiri semasa hayatnya pernah mencadangkan supaya Dato Harun menjadi wakil tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu. Dato Harun menolak tawaran ini dengan alasan DYMM Sultan tidak mengizinkan beliau pergi dan beliau ingin 'membersihkan dirinya' terlebih dahulu.

Di sebalik penolakan itu sebenarnya ada tersembunyi sesuatu yang lain iaitu ideal dan cita-cita politiknya. Dia sedar jika dia pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu maka ia akan terpisah dari penyokong-penyo-kong. Kegiatan politiknya tidak akan segiat dulu lagi.

Lama kelamaan ketokohnya akan pudar sendiri. Jadi dengan melupakan semua perkara yang lain beliau menolak tawaran itu. Kebanyakkan tokoh-tokoh yang lain bila berhadapan dengan perkara seperti ini jika dalam suasana yang dihadapi oleh Dato Harun itu sudah tentu

akan menerima sahaja tawaran itu.

Barangkali Dato Harun mempunyai satu jangkaan lain tetapi nyata-lah kini bahawa jangkaan itu adalah salah.

Ini terjadi kerana barangkali Dato Harun lupa atau sengaja melupa-kan bahawa politik Melayu masih lagi berjalan atas pola-pola tradisional. Apa lagi kalau diperhatikan bahawa dalam UMNO sendiri pola-pola itu masih kuat dipertahankan.

Salah satu dari pola-pola politik tradisional ialah ketua tidak boleh dicabar. Sebarang keputusannya mestilah dipatuhi. Ini telah menjadi sa-tu dasar yang kukuh dan sesiapa yang berani mencabar tentunya akan menghadapi satu keputusan yang pahit.

Hal ini telah dimulai oleh Malim Kundang dan kemudiannya diikuti pula oleh Si Tenggang yang secara kasar hanyalah difahami sebagai pen-derhakaan kepada ibu semata-mata. Sebaliknya di sana ada sesuatu yang simbolik yang hendak disampaikan iaitu penentangan individu kepada pihak yang berkuasa.

Perkara yang serupa telah digambarkan lagi dengan lebih dinamik dalam Hikayat Hang Tuah menerusi Hang Jebat. Demikianlah perjuang-an Hang Jebat gagal kerana ia menentang kekuasaan yang memegang pucuk pimpinan, iaitu sultan.

Demikianlah halnya lebih kurang dapat dikiaskan kepada peristiwa Dato Harun ini sebagai satu contoh yang klasik dalam perkembangan sosial dan politik orang-orang Melayu.

Amatlah susah bagi individu untuk menentang pucuk pimpinan ke-rana bagaimanapun dia tetap 'keseorangan' kerana yang ditentangnya itu sebenarnya bukanlah pucuk pimpinan tetapi adalah sistem yang di-anuti dan ia juga menjadi ahlinya.

Kecuali jika ia berada di luar sistem itu dan bermaksud untuk meru-bahnnya maka ini adalah satu hal yang berbeza pula.

Bukanlah tujuan saya di sini untuk membandingkan ketokohan Dato Harun dengan tokoh-tokoh lama yang klasik itu, tetapi apa yang mena-rik di sana ialah titik pertemuan yang menggambarkan satu nilai ke-Melayuan yang telah terjadi sejak berabad-abad yang lalu.

Malah dalam sejarah UMNO sendiri pun hal-hal yang seperti ini per-nah terjadi. Encik Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Perikanan dalam tahun enam puluhan, Dr. Mahathir dan Dato Musa Hitam pernah juga

menghadapi keadaan yang serupa.

Mereka telah menarik diri dengan sendirinya atau disingkirkan dan kemudiannya lenyap terus dari arena politik atau muncul kembali. Akan tetapi kemunculan semula mereka itu adalah dalam suasana yang berbeza bila mana pucuk pimpinan telah bertukar.

Hari ini masa depan politik Dato Harun sukar hendak ditentukan kalaupun hendak dikatakan lenyap sarna sekali. Kehilangannya—lepas dari semua prasangka—telah meletakkan UMNO Selangor dan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam suatu kekosongan pemimpin yang masih belum dapat ditentukan.

Apakah tokoh-tokoh yang mengisi kekosongan itu nanti dapat ngekalkan kewibawaan dan '*form*' yang telah dibuat oleh Dato Harun dahulu?

SURAT SAJAK KEPADA SAUDARAKU
KASSIM AHMAD DAN S. HUSIN ALI

*Berita-berita telah disiarkan pada kami
Saudara berdua ditahan lagi
Tambah dua tahun pada tahanan
Penjara politik kerajaan yang kejam
Tetapi saudara tetap gagah berdiri
Tidak menyerah tidak berpaling lagi
Seperti pejuang-pejuang Said Zahari
Dan teman-teman kita yang berani.*

*Perjuangan rakyat tidak kenal bangsa
Kita adalah sama saja menderita
Rakyat Tionghua tetap percaya dan setia
Tanah dan bumi ini dan lambai-an kelapa
Sawah padi dan ladang getah semuanya
Saksi cinta kita yang sama pada bahasa.*

*Saudara dipenjarakan oleh bangsa saudara sendiri
Saya diperas ditindas oleh taukeh bangsa kami
Kita sama senasib dan bersatu di hati
Bersama rakyat gagah menentang kejahatan ini.
Bangsa Melayu terkenal gagah berani
Bawalah kami bersama dalam perjuangan suci
Kemerdekaan penuh dan kemenangan yang abadi
Hidup bahagia-makmur dan rakyat tidak takut lagi.*

*Saudaraku Kassim dan S. Husin Ali
Kami doakan ketabahan keluarga saudara
Kami doakan kekuatan jiwa saudara
Inilah inspirasi untuk perjuangan mulia
Akan kita wariskan pada generasi kita
Abadilah dalam sejarah perjuangan perkasa.*

Ipoh, Perak, 1979

Tang Wee

Mimber sosialis Feb/Mac, 1979.

Kenyataan terbuka Sabariah Abdullah

'Sudah masuk lima tahun sekarang S. Husin Ali ditahan. Masa lima tahun itu banyak sudah saya belajar. Belajar hidup tanpa suami, belajar mengenal sikap jiran dan tetangga, belajar mengenal sikap rakan dan sahabat dan sebagainya. Saya juga belajar kenal dengan watak anak-anak saya dan menyaksikan pertumbuhannya. Sebab semenjak lima tahun ini sayalah ibu, sayalah bapa, sayalah sahabat anak-anak saya. Memang tidak mudah menghadapinya, tapi saya bersyukur kepada Allah yang memberikan kekuatan kepada saya dan kepada suami saya. Saya tidak tau sangat tentang politik, tapi saya tau erti kebenaran sebagaimana suami saya S. Husin Ali semakin memahami erti kebebasan.

Kami telah disatukan oleh kepercayaan terhadap kebenaran dan kebebasan. Kami menghargainya dan menjunjung tinggi. S. Husin baru lima tahun, sedangkan saya dan S. Husin tau ada lagi orang yang ditahan lebih lama, sampai lebih 15 tahun. Mereka tidak menyerah dan menyembah sebab mereka yakin mereka benar dan Allah akan berada di sisi mereka yang benar. Kepercayaan inilah yang menguatkan jiwa kami. Kerajaan Barisan Nasional yang menangkap dan menahan S. Husin Ali boleh berkata tentang kebenaran, tentang demokrasi, tentang kononnya dasar yang progresif dan jujur berkhidmat untuk rakyat. Tapi berapa lamakah kata-kata dan slogan-slogan ini dapat mengabui mata rakyat dan mata dunia?

Di depan mata kita sekarang telah berlaku contoh-contoh bagaimana sebuah kerajaan yang tidak adil, yang tidak jujur dan yang menindas itu akhirnya jatuh dan diruntuhkan oleh rakyat. Bagaimana orang-orang yang pada suatu masa dulu berkuasa untuk menahan, menangkap dan menghukum itu menerima balasannya di tangan rakyat.

Pada permulaan S. Husin Ali ditangkap dulu memang benar saya banyak membuat rayuan. Saya menulis surat kepada semua pihak memohon dan merayu supaya suami saya dibebaskan tanpa syarat atau dibawa ke mahkamah dan dibicarakan secara terbuka. Berikanlah kesempatan kepada suami saya untuk membela dirinya dan jika benar dia didapati bersalah, melanggar hukum negara, silalah hukum dia.

Saya merayu dan memohon dengan penuh harapan, saya tulis pada Perdana Menteri, waktu itu Tun Abdul Razak. Saya tulis kepada Men-

teri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya tulis kepada Ketua Polis Negara, saya tulis kepada Menteri Undang-undang. Bila Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, saya tulis kepadanya, saya tulis kepada Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri. Malahan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pun saya tulis membuat rayuan. Saya telah penat menulis. Segalanya sia-sia, bukan saja tidak ada hasilnya malahan surat saya jarang jawab. Bila datang jawapan dari Perdana Menteri, ia hanya berkata bahawa surat saya itu dipanjangkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Bila saya tulis surat kepada Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, jawapan diberikan bahawa semuanya dalam pertimbangan.

Sekarang saya menyedari bahawa saya telah silap menulis surat kepada orang yang menghukum suami saya. Bagaimanakah kita akan mendapat bantuan dari orang yang memang mau menindas dan menahan suami kita? Bodohlah kalau kita berfikir bahawa dengan surat dan air mata, suami kita akan dibebaskan. Sebenarnya saya menyangka bahawa orang-orang yang mempunyai kekuasaan menentukan hidup kita itu ada mempunyai perasaan, pertimbangan dan sifat kemanusiaan. Sangkaan saya itu salah rupanya. Tak apalah, sekurang-kurangnya saya dapat belajar.

Saya percaya apa yang saya sebutkan dan yang saya rasakan serta yang saya alami selama lima tahun ini adalah juga sama dengan apa yang dirasai dan dialamai oleh ratusan, malah ribuan para isteri dan keluarga tahanan, tak kira dari mana daerahnya dan apa partainya serta apa keturunannya. Begitu juga apa yang dialami dan dirasai oleh suami saya S. Husin Ali adalah juga sama dirasai oleh para kawan-kawan tahanan lain baik yang berada di sebalik tembok dan pagar duri Tempat Tahanan Batu Gajah, maupun Kem Kemunting, Taiping serta di mana lagi tempat yang saya tidak tau.

Hanya segala kisah ini, segala pengalaman dan perasaan kami keluarga orang tahanan dan juga orang-orang tahanan itu sendiri terlalu tertutup dari masyarakat. Tidak tersebar dan tersembunyi. Pihak media kita tidak dapat menyampaikannya kepada masyarakat dan kepada dunia. Saya tau banyak sebabnya. Ini juga merupakan dasar bagi Kerajaan Barisan Nasional, mencuba menutup segala hal yang berlaku di sekitar keluarga dan orang-orang tahanan. Kejadian mogok lapar dan ke-

jadian hukuman-hukuman yang di luar perikemanusiaan yang dialami oleh keluarga dan orang-orang tahanan selalunya disembunyikan. Malah saya mendapat tau bila pihak Amnesty Internasional datang untuk menemui suami saya dan lain-lain tahanan mereka telah tidak dibenarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Mudah-mudahan dunia akan mengetahui semua yang saya katakan ini.'



Kassim Ahmad



Syed Hussein Ali

KUALA LUMPUR ADA 'MALAY TOWN'

Di setiap bandar besar di Malaysia ada 'Cina Town'nya. Ini termasuklah Kuala Trengganu di mana terdapat kampung Cina, 'Cina Town' di tengah bandar Melayu. Di Kuala Lumpur memang terdapat 'Cina Town'. Hampir semua kedai kecil dan besar di sini dipunyai orang-orang Cina belaka.

Tapi sekarang secara senyap-senyap orang Melayu mula membina bandar Melayunya, 'Malay Town'. Cuma belum ada orang yang berani mengakui, khuatir perkara tersebut perkara yang sensitif.

Mungkin 'Malay Town' ini belum lengkap dan sempurna, kerana masih terdapat juga sebilangan kecil peniaga kaum lain di samping kaum bumiputera. Bagaimanapun ada satu tempat dalam Wilayah Persekutuan yang berbagai jenis perniagaannya dipelopori oleh orang-orang Melayu.

Dari gambaran itu, sebenarnya tidak ada yang mustahil di dunia ini. Tuhan akan memperkenankan apa sahaja permintaan kita. Apa saja yang kita fikirkan kita boleh buat, kita pasti akan berjaya. Soalnya kita mestilah yakin kepada diri sendiri.

Soalnya hari ini orang tidak sedar atau sengaja pura-pura tidak nampak akan kemajuan pesat yang sudah dicapai oleh orang-orang Melayu. Mereka masih menyangka orang Melayu malas. Padahal orang-orang Melayu di tengah-tengah bandar sedang bergerak senyap-senyap dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menghalang mereka menuju dan mengisi matlamat DASAR EKONOMI BARU.

Mereka yang bersemangat ini akan lebih cepat berjaya dari yang dijangkakan kerajaan kerana kesedaran ini telah mula timbul dalam hati setiap individu. Mereka sudah bosan dengan janji-janji dan kata-kata manis dari pemimpin. Mereka sebagai anggota bangsa yang merdeka mestи berdiri di atas kakinya sendiri. Dan orang Melayu sekarang sudah

tahu menikmati kekayaan. Mereka mahu jadi 'businessman' dan mahu menjadi kaya.

Ramai di antara mereka sudah belajar dari kesilapan dan kesalahan-nya sendiri. Mereka sudah nampak duit, dan tahu cara mendapatkan-nya. Paling penting, mereka sudah mempunyai perasaan ingin menda-patkan banyak duit, ingin menjadi taukeh dan mahu dipanggil taukeh.

Sebaik-baik keinginan menjadi kaya ini sudah tersemat dalam hati-nya, dan bila mereka sedar dirinya berada di peringkat paling bawah, memanggil kaum lain taukeh, mereka bertekad untuk mesti berniaga. Dan mereka sanggup bermula dari bawah.

Tidak ada siapa yang akan dapat mengubah nasib mereka melainkan mereka sendiri. Merekalah yang bertanggungjawab untuk mencari ke-senangan dan kekayaan untuk diri mereka dan keluarga sendiri. Dengan kepercayaan dan kecekalan begitu, satu hari mereka pasti akan jadi pe-niaga yang paling berjaya sehingga di setiap bandar Malaysia akan wujud Malay Town.

Orang Melayu sekarang tahu di Kuala Lumpur duit bertaburan. Dar-kita sudah nampak mereka tidak lagi malu-malu mengutip wang-wang yang mengalir. Mereka sedar kalau segan, kalau malu mereka akan ke-rugian dan kelaparan. Semua orang tahu Kuala Lumpur membangun dengan pesatnya. Semua orang yang bekerja ada wang, dan wang ini akan dibahagi-bahagikan. Sebab itulah orang Melayu sedia merebutnya dengan berniaga.

Itulah antara sebabnya lahir bandar Melayu di tengah-tengah Kuala Lumpur ini. Mereka sedar dari 1,000 orang Melayu yang ke pasar setiap hari tentulah ada 10-20 orang berhati Islam yang berfikir secara Fardhu Kifayah, ingin membantu sesama saudara Islam. Dengan kepercayaan ini mereka sanggup berhujan dan berpanas untuk berniaga, sebab mereka mempercayai sabda Nabi: '99 dari 100 rezeki itu datang dari berniaga.'

Mereka yakin tentu ada orang-orang Melayu yang berhati dan ber-semangat Melayu yang tidak akan memandang hina dan mencaci salasilap peniaga Melayu dan sedia membeli barang yang dijual bangsa mer-keka sendiri. Pendeknya, kedua pihak berani berkurban.

Setelah membuat kajian singkat, saya sendiri yakin Jalan Ha-ssein akan dapat menjadi sebuah 'Bandar Melayu' pertama di Malay-sia.

Peniaga-peniaga Melayu di sini sudah mula mengikis sifat negatifnya. Orang Melayu sudah mula pandai bersikap agresif, sudah tidak lagi takut dikejar. Mereka berani bersaing dengan kaum lain untuk menjadi peniaga-peniaga yang berjaya.

'Tentunya kita tidak hidup semata-mata untuk sesuatu label, kita hidup untuk suatu cita-cita dan matlamat yang lebih besar dan murni dari sesebuah label. Kita sudah terlalu lama memulakan sesuatu secara negatif.'

A. Samad Said
Novelist.

Kata A. Samad Said lagi dalam majalah Widya, keluaran Januari 1979. 'Kita selalu memulakan sesuatu itu secara negatif. Bercakap mengenai janji, kita sering sedia mengiakan keburukan jam Melayu, berbin-cang sekitar kemarahan, kita mudah memperaku adanya 'amok': berhujah tentang sikap, kita gemar mengakui hasad hati Melayu; berte-lagah kerana niaga, kita cepat mencebik niaga 'buluh kasap'; berdebat soal kebolehan kita suka buktikan ketak-mampuan membuat jarum; beroyak secara umum, kita yakin benar orang Melayu malas:

Tambah A. Samad Said seorang pengarang yang terkemuka. 'Kita tidak harus rela mengakui wujudnya jam Melayu, jika benarpun ada Jam Melayu' tidak mungkinkah wujud 'Jam Cina' atau 'Jam India' Mestikah ia sepenuhnya tabiat orang Melayu?

'Kita biarkan orang berkasar, sementara kita terus berbudi bahasa. Padahal, budi bahasa sebenarnya bukan budi bahasa lagi kalau ia me-lumpuri maruah seseorang.'

Bukanlah pula ini ertinya kita jangan atau tidak mahu berbudi ba-hasa. Keberatan kita hanya janganlah ia memerangkap kita. Bukan juga kita tidak mahu berlemah lembut. Keberatan kita cuma janganlah sampai diri diperkuda'.

Label negatif seperti inilah yang telah merosakkan orang Melayu. Saya sangat tertarik dengan rencana A. Samad Said sebab itu saya isi-kan sekali di dalam bab ini untuk menungan kita bersama.

Bangsa Melayu adalah satu bangsa yang lurus dan ikhlas Penajah sudah menanamkan semangat jangan menyuarakan apa saja yang ber-

tentangan dengan pendapat kita, kita ditakutkan dengan perkataan ‘Derhaka’ kita diberinya satu pantang yang membuat kita seperti kerbau yang dicucuk hidung. Selamanya kita mesti mengikut apa saja kata orang atas, sekalipun perbuatan itu merugi dan membinasakan kita sendiri.

Patutlah Datuk Musa Hitam pernah menyuarakan supaya Orang Melayu belajar kurang ajar, mungkinkah maksud kurang ajar itu supaya kita berani membuat apa saja asal perkara itu boleh menguntungkan kita. Kita mesti membuat sesuatu biarpun perkara yang kita lakukan itu sebelumnya dianggap kurang ajar.

Satu-satu kaum yang cuma pandai mengikut perintah, tidak pandai berikhtiar, tidak berani mencuba membuat satu-satu pembaharuan tidak akan menjadi bangsa yang maju di dunia. Kita tidak boleh selama-nya menunggu dan mengharapkan kesempatan dan peluang.

Kita mesti membuat sesuatu supaya peluang itu datang mencari kita, selagi kita belum mencuba selagi kita belum tahu rugi, bagaimana kita akan mendapatkan keuntungan. Selagi kita belum pandai bersusah-susah dahulu masakan kita boleh bersenang kemudian.

Disebabkan label yang negatif yang diperkatakan oleh A. Samad Said, perjalanan menuju ke matlamat 30 peratus DEB menjadi begitu slow. Para pemimpin yang fikirannya negatif tidak percaya kepada diri, takut memberi kepercayaan kepada kaumnya sendiri.

Dalam memikirkan betapa banyaknya sifat-sifat negatif yang terdapat pada bangsa kita, kita seperti tidak percaya, atau saja tidak mahu percaya kemajuan yang begitu cepat yang telah dicapai oleh orang-orang Melayu.

Saksikanlah sendiri dengan mata kepala betapa cepat dan pesatnya orang Melayu sudah maju ke depan. Sebelum 13 Mei 1969, kita sukar menemui anak muda yang mahu menjaja mahu menjual air batu, mahu menjual buah-buahan dan apam balik, apa lagi hendak berjumpa anak muda Melayu yang menjadi tukang kasut.

Untuk menafikan yang orang Melayu masih malas, masih mundur, masih malu berjalanlah di Chow Kit Road dan Jalan Haji Hussein, kita pasti dapat melihat dari penjual buah-buahan, peniaga-peniaga kecil yang berniaga di warung-warung, peniaga-peniaga di kaki lima hingga ke kedai yang besar.

Kita tidak payah ke pantai timur untuk melihat ibu menjual kuih-muih, menjual air batu, Yong Taufu, rojak mamak, air sarbat. Perniagaan yang berada di pantai timur dahulu semua ada di Malay Town malah lebih dari itu.

Fook Chuan Mansion yang lebih dikenal dengan panggilan 'Bangunan Nasional' kerana di atas bangunan itu terpampang iklan Nasional tidak lama lagi akan menjadi kepunyaan orang Melayu.

Sekarang ini bangunan itu telah dibeli oleh UDA inilah bangunan 'JAYA' namanya sekarang, bangunan yang menjadi tauladan dan kebanggaan kita bersama.

Dalam tahun 1962 bangunan 17 tingkat di Jalan Haji Hussein ini merupakan bangunan yang tertinggi di Kuala Lumpur.

Mulai 1hb Januari 1978 pentadbiran Bangunan Jaya ini telah diambil-alih oleh Syarikat Harta Vinza Sdn. Berhad.

Berjayanya pentadbiran bangunan ini adalah kerana kebijaksanaan dan kecekapan Pengurusnya, Tuan Haji Baiza seorang pemimpin belia yang berpengaruh dan disegani, bekas seorang pentadbir yang telah meninggalkan pentadbiran kerajaan untuk menumpukan sepenuh masa dibidang perniagaan. Beliau juga seorang ahli politik yang mempunyai masa depan yang cerah.

Penghormatan patut diberikan kepada beliau kerana kejayaan yang telah beliau capai dalam mengutipkan sewa bangunan yang selama ini menjadi masalah yang paling besar kepada UDA.

Bangunan yang asalnya dipunyai oleh seorang ahli perniagaan Cina dijual selepas 13 Mei 1969 atas sebab-sebab tertentu, antaranya bangunan ini tidak mendapat sambutan dari orang ramai dan taukeh yang mendirikan bangunan ini hampir bangkerup.

Banyak pejabat-pejabat di situ yang terpaksa ditutup, ramai penghuni-penghuni yang tidak sanggup menyewa dengan alasan sewa terlalu tinggi dan mereka tidak mampu.

Tujuan UDA membeli bangunan ini sangat baik, ingin memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputera membuka pejabat di tempat yang strategik. Pada masa itu Dasar Ekonomi Baru sedang di peringkat permulaan. Ini semua adalah kerana Tun Abdul Razak.

Setiap orang ingin bermula dengan menggunakan pejabat merebut peluang yang diberikan oleh UDA. Segala macam jenis perniagaan dan

bermacam rupa pejabat terdapat di dalam bangunan ini, dalam masa yang singkat saja Bangunan Jaya menjadi terkenal dan termasyhur, universiti, sekolah tinggi kepada anak Melayu yang baru hendak mencuba bidang mereka dengan menggunakan pejabat.

Ucapan terima kasih patut diberikan kepada UDA, biarpun pada zahirnya UDA telah mengalami banyak kerugian kerana ramai di antara penyewa yang tidak membayar sewa, dan cabut dari situ tanpa menjelaskan sewa kerana pejabat terpaksa ditutup. Ada yang sampai dua tiga tahun masih belum membayar sewa pejabat-pejabat mereka. Namun mereka masih ada semangat mahu terus bermula.

Kalau tidak UDA atau lain-lain badan kerajaan seperti MARA, RISDA, PERNAS, siapa lagi yang akan melatih anak Melayu. Kepada siapa lagi orang Melayu hendak mengadu, di mana lagi bumiputera hendak mencuba dan melatih bakat mereka.

Mesti ada agensi-agensi kerajaan yang sanggup mengeluarkan modal dahulu. Kita belum boleh kata ini satu kerugian, kerana dari 100 orang bumiputera yang mula bermula, tidak kurang dari 10 peratus yang benar-benar berjaya. 40 berjaya, kalau adapun yang benar-benar gagal cuma 20 peratus saja, yang 30 peratus lagi setakat boleh hidup saja, ada juga hidup segan mati tidak mahu.

Kegagalan ini tidak bolehlah dibebankan kepada peniaga bumiputera saja, kita mesti ingat orang Melayu baru belajar bermula, belum mempunyai pengalaman, belum punya kemahiran, dan masih belum mendapat kepercayaan dari orang ramai, terlalu besar dugaan dan halangan yang dihadapi, pertama menghapuskan semangat negatif yang memandang orang Melayu itu serba kurang, serba tak boleh dan tidak berkelempaan.

Selain dari itu ada pegawai yang menghamparkan harapan dengan memberi layanan yang tidak memuaskan terutama dari pihak Bank dan lain-lain agensi kerajaan. Peniaga-peniaga bumiputera terutamanya pemborong-pemborong menerima akibat walaupun ada di antara mereka yang berpengalaman tapi disebabkan sabotaj dan lain-lain masalah yang dihadapi usaha mereka mati sepanjang jalan.

Oleh kerana itu terpaksa salah tutup pejabat, hutang piutang tidak dapat dibayar, terpaksa cabut, dan dapatlah mereka ini gelaran bermula buluh kasap. Ada juga orang yang menamakan peniaga Bumi di Bangun-

an Jaya ini peniaga putar alam, ligat. Alhamdillah sejak bangunan ini diambil alih oleh Tuan Haji Baiza, kita dapat melihat banyak perubahan, bangunan ini sudah terjaga dengan rapi, kawasannya sentiasa bersih, lif di bangunan ini juga sudah terjaga dengan baik dengan adanya peraturan yang lebih ketat kepada penyewa-penyewa, dan bangunan ini sudah mendapat reputation.

Dalam bangunan ini sekarang sudah terdapat sebuah Polyklinik, yang diusahakan oleh dua orang Doktor Melayu yang berpengalaman. Orang Melayu yang sakit di kawasan yang berdekatan akan mendapat rawatan dengan cepat dan senang.

Juga sudah ada tukang emas Melayu selain dari banyak terdapat pejabat ahli-ahli perniagaan Melayu yang benar berpengalaman dan bersungguh-sungguh hendak bermula.

Syukurlah kita hari ini orang Melayu sudah tidak lagi asyik berseminar, berdialog ke sana berseminar kemari dan sering saja mengadakan kongres kerana membincangkan nasib mereka.

Sekarang orang Melayu sudah bangun mara ke hadapan setapak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang tidak pernah diterokai oleh mereka sebelum ini.

Ini satu petanda yang baik, inilah langkah kanan yang akan membawakan tuah dan keuntungan. Sebelum ini jangan dikatakan hendak membeli bangunan yang sebesar ini, hendak menyewapun takut, apa lagi hendak memulakan bermula secara besar-besaran.

Semangat dan kesempatan yang telah diberikan membuat orang Melayu sudah berfikir besar dan orang yang sanggup berfikir besar akan membesar. Fikiran, cita-cita, semangat disertai dengan usaha gigih tekun dan sabar menghadapi segala halangan dan rintangan akan menjadikan orang Melayu satu bangsa yang besar.

Baru-baru ini saya mendengar Tuan Haji Baiza bercadang hendak membeli bangunan ini dari UDA. Saya percaya dan saya yakin beliau boleh berbuat demikian seandainya beliau diberi kesempatan dan kepercayaan oleh kerajaan dan bank memandangkan kejayaan beliau menguruskan bangunan ini dengan baik dan membawakan keuntungan kepada UDA.

Inilah dia ahli-ahli perniagaan Melayu yang diharap-harapkan untuk menaikkan nama bangsa di bidang-bidang perniagaan 'A Millioner in

the Making' semoga lebih ramai lagi peniaga-peniaga bumiputera yang patut digalakkan untuk menjadi Jutawan.

Seperti kata Presiden Persatuan pemborong-pemborong binaan bumiputera Malaysia Encik Abu Bakar Lazim semasa mengadakan temuramah dengan Berita Harian di Kelantan.

Katanya 'Orang-orang bukan Melayu jangan mempunyai prasangka yang buruk terhadap keistimewaan orang Melayu, kerana hutang kepada orang Melayu disebabkan penjajahan dahulu belum dijelaskan lagi.

Semasa penjajah menjajah negara ini kebanyakan orang-orang bukan Melayu mendapat kekayaan dan orang Melayu diketepikan.

Dan sesudah mencapai kemerdekaan hutang-hutang itu mesti dijelaskan kepada orang-orang Melayu, sebab peluang orang-orang Melayu di zaman itu tidak diberi sebagaimana yang diberi kepada bukan Melayu.

Selama ini orang Melayu merasa rendah hati dan dengan kerendahan hati itu tidak sepatutnya orang Melayu dijadikan sebagai pengemis untuk mendapatkan sesuatu.

Beliau memberi contoh seperti negara Jepun yang telah membayar gantirugi sepenuhnya setelah perang dan kematian di Malaya dulu.

Antara lain yang dikatakan oleh Presiden PPBB yang tegas dan berani itu. 'Kerajaan hanya melaung-laungkan untuk menolong bumiputera, tetapi tidak melaksanakan dengan sepenuh-penuhnya janji tersebut'.

Kritik dari Encik Bakar Lazim dan lain-lain bumiputera telah mendapat sambutan yang baik dari Tengku Razali, Menteri Kewangan Malaysia merangkap Timbalan Presiden UMNO. Kata-kata galakan dari beliau telah dimuatkan di muka Depan Mingguan Malaysia, Ahad 25 Mac 1979.

Beliau berucap di upacara penutup seminar penerangan UMNO Malaysia di Kuala Lumpur. Antara lain-lain ucapannya yang menarik yang saya petikkan ialah:

Negara akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan perubahan sosial yang menggalakkan menjelang tahun 1999.

Kemakmuran negara dalam tempoh ini bergantung kepada keazaman seluruh rakyat untuk berganding bahu melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Keberanian orang Melayu mengkritik agensi-agensi kerajaan seperti UDA, MARA dan RISDA kerana lambat melaksanakan sesuatu projek pembangunan adalah satu gejala yang sihat yang membuktikan satu realiti perubahan yang dinamis dalam masyarakat Melayu yang baru memasuki lapangan ekonomi moden bagaikan ‘Ombak yang sedang pasang’.

Jaminan beliau kepada kaum-kaum lain.

‘Perkembangan ekonomi bumiputera tidak menjelaskan kedudukan ekonomi pihak-pihak lain, kerana kemajuan ini tercapai di dalam suasana ekonomi negara yang semakin berkembang dan tidak statik.

DEB terbit adalah daripada hasrat rakyat Malaysia yang menentang kemiskinan dan segala kesan-kesan yang buruk akibat dari kemiskinan.

Antara ingatan dan pasangannya kepada kaum lain yang sudah lebih maju dan kaya raya ialah:

‘KALAU SESUATU MASYARAKAT YANG BEBAS SEPERTI MALAYSIA TIDAK MAHU MEMBANTU RAKYAT YANG MISKIN YANG TERBANYAK BILANGANNYA MAKAN SUDAH PASTI MASYARAKAT INI TIDAK AKAN DAPAT MENYELAMATKAN SEGELINTIR MEREKA YANG SUDAH KAYA’.

Yang menghairankan saya dan kawan saya kenapa pesanan yang dibuat oleh Tengku Razali Hamzah ini tidak atau jarang-jarang dibuat oleh pemimpin-pemimpin MCA, MIC, atau lain-lain parti komponen Barisan Nasional? Kenapa dan mengapa? Adakah mereka merasa curiga dan takut dengan kemajuan orang-orang Melayu atau para pemimpin dari MCA takut akan keselamatan diri mereka sendiri. Bimbang akan kehilangan undi orang-orang Cina kerana menyokong DEB.

Nampaknya seperti bermiaga menanam modal di tempat lain dan menagih untung di tempat lain pula, apalah salahnya kita sama-sama menikmati kesenangan dan kekayaan yang ada dalam negeri ini bersama.

Saya minta pendapat kawan saya seorang pemerhati politik berkenaan dengan bab ‘Malay Town’ dalam buku ini. Beliau berkata saya sudah terpegang kerana hidup ‘I.S.A.’.

Perkara Malay Town ini satu perkara yang sensitif. Cuba melagakan kaum. Cuba memisah-misahkan kaum yang hendak disatukan.



Y.B. Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim

Saya berkata, 'Bukankah ini satu model town untuk dijadikan contoh. Kalau tidak mahu Malay Town adakanlah satu undang-undang baru. Hapuskan semua nama 'Cina Town'. Turunkan segala papan-tanda-papantanda bahasa Cina yang tertulis secara besar-besaran. Gantikan dengan bahasa Malaysia dan jadikan Malaysia Town di mana peluang dibuka kepada semua bangsa.'

Tengku sudahpun memulakan langkah ini dengan membuka satu cawangan PERKIM di Cina Town dengan harapan satu hari nanti Cina Town di Malaysia akan menjadi 'Islamic Town' untuk siapa saja-asal orang Islam boleh hidup bersama di situ.

KUALA LUMPUR ADA 'MALAY TOWN'

II

Siapa kata bumiputera tidak mampu mengendalikan hotel bertaraf antarabangsa? Dengan kelahiran sebuah lagi hotel yang seratus-peratus dimiliki oleh bumiputera ini menjadikan dua buah hotel bertaraf antarabangsa kepunyaan bumiputera.

Kegiatan kaum bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan telah begitu meluas. Setapak demi setapak. Tentunya kaum bumiputera akan mencapai matlamat 30 peratus atau lebih selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kalau usaha dan kegiatan mereka mendapat sokongan moral dan material dari orang Melayu juga kerajaan.

Kejayaan di bidang perniagaan dan perusahaan ini ialah kerana kepercayaan pada diri sendiri. Mereka fikir mereka boleh. Tentulah mereka boleh dan mereka dapat kesempatan dan kepercayaan dari orang ramai juga kerajaan.

Bangunan tersergam indah yang berdiri megah di tengah kesibukan Ibukota ini dibina oleh kontraktor bumiputera. Kita semua boleh dan patut merasa bangga adanya kontraktor yang telah diberi peluang dan boleh menyiapkan Hotel 90 bilik kelas sederhana yang pertama di Malaysia. Tidak kenal maka tidak cinta. Selagi kita belum masuk tinggal di dalam hotel bumiputera yang diuruskan pula oleh seorang bumiputera yang sudah mempunyai 20 tahun pengalaman di dalam pengurusan hotel kita tidak akan tahu sama ada perkhidmatan yang akan diberikan memuaskan atau tidak.

Membaca dari rencana yang diterbitkan di akhbar-akhbar tempatan pengurusnya Encik Zainuddin seorang pelakon drama TV yang terkenal memberitahu walaupun hotel ini bertaraf sederhana ia menjamin kemudahan yang terdapat di hotel ini tidak banyak bezanya dengan hotel yang bertaraf antarabangsa.

Keinginan mendapatkan servis yang diiklankan, dan ingin merasakan

sendiri sejauh mana kecekapan pembantunya yang kebanyakan lulusan dari Institut Teknologi MARA itu adalah sebab yang utama menarik saya untuk tinggal di Hotel Melayu, di Jalan Raja Muda yang letaknya di kawasan kampung Melayu pula.

Siapa lagi kalau tidak kita orang Melayu yang patut tinggal di Hotel Melayu? Jangan harap lain bangsa mahu tinggal di Hotel Melayu. Orang Melayulah yang mesti pertama jadi jemputan Hotel ini.

Kedudukan Hotel ini sangat menarik di Jalan Raja Muda dan di sekeliling kawasan semuanya terdapat Hotel Cina yang sudah terdiri di situ entah beberapa tahun lamanya dan kebanyakannya hampir 80 peratus penghuni di Hotel kelas rendah adalah orang Melayu.

Nampaknya orang Melayu suka tinggal di kawasan Jalan Raja Muda ini. Kalau hendak dibandingkan dengan hotel yang kelas rendah dan segerhana sesudah potongan (discount) yang diberikan, tidak banyak bezanya.

Bayaran yang dikenakan ialah \$30.00 bagi bilik kelas biasa (single) \$38.00 kelas biasa double.

Masjid Kg. Baharu tidak berapa jauh letaknya dari hotel. Begitu juga Masjid Pakistan. Hendak mencari makanan Melayu pun senang kerana letaknya tidak jauh dari Jalan Haji Hussein. Tidaklah salah dugaan saya. Hampir 98 peratus penghuni hotel ini adalah terdiri dari orang Melayu. Susah kita hendak bersua dengan lain dari orang Melayu. Sama ada coffee house atau di barnya.

Sambutan di muka pintu oleh budak yang bertugas membawa beg jemputan (penghuni) Hotel menggunakan perkataan (Hotel Guest). Penghuni diberi penghormatan seperti para jemputan yang terhormat.

Pujian patut diberikan kepada resepsi kerana layanan yang penuh hormat sentiasa mengorak senyum ikhlas kepada Hotel Guest. Ramah mesra dan bersedia melayan dengan suasana mesra.

Terdapat resepsi Cina, Melayu Peranakan Pakistan. Resepsi yang menunjukkan perwatakan Orang Malaysia, tidaklah 100% pekerja bumiputera.

Biliknya luas bersih menarik dan pandangan yang agak luar biasa biarpun kita merasa kita berada di tengah Ibukota, kita tetap dikelilingi oleh kampung-kampung Melayu.

Hampir dua minggu saya tinggal di KL International. Layanannya

yang agak menyedihkan. Hotel yang dinamakan Hotel Antarabangsa ini mempunyai lift yang sangat teruk keadaannya. Lebih teruk dan dahsyat dari perjalanan lift second hand. Hampir setiap hari berlaku kerosakan ke atas lift ini. Penghuni yang tinggal di tingkat 10 berleter kerana terpaksa turun naik tangga.

Ramai penghuni yang lari meninggalkan hotel kerana tidak sanggup berjalan kaki turun naik tangga hotel bertaraf antarabangsa ini.

Nampaknya lift ini tidak boleh diperbetulkan lagi. Patut ditukarkan sahaja dengan satu lift yang baru.

Oleh kerana kerosakan lift ini 'room servisnya' menjadi tidak senonoh. Penghuni harus menunggu terlalu lama meminta makan minum dibilik. Dan budak pekerja kadang-kadang kelihatan kurang senang menghantarkan makanan di bilik.

Saya kasihan melihat resepsi di bawah yang menjadi sasaran tempat penghuni-penghuni hotel ini melepaskan marah, kerana ada-ada saja kerosakan yang berlaku. Jambannya rosak dan bocor, air panasnya rosak, air-conditionnya rosak. Bangunan ini cuma indah dari luar sahaja.

Pertengkaran juga berlaku antara Juruwang dan pelanggan kerana arahan yang tidak menentu dari Jabatan Kewangan mereka. Yang selalu menukar arahan. Ada masanya penghuni boleh tandatangan bil makanan dan minuman mereka dan bayar ketika hendak keluar. Ada pula ketika penghuni disuruh bayar tunai tidak dibenarkan sign bill makan dan minum mereka. Ini merungsing dan memalukan penghuni di depan kawan-kawan mereka kerana sikap pengurus yang seolah-olah tidak tahu akan tanggungjawab serta tidak berpendirian.

Layanan di coffee housesnya boleh dikatakan bagus. Makanannya sederhana. Di sebalik itu terdapat juga pekerja-pekerja baru yang belum berpengalaman yang mana layanannya kurang memuaskan.

Pernah terjadi sedang saya minum kopi di bawah, seorang pelayan lelakinya disepak kerana tidak pandai melayan dan menghormati pelanggan Melayu yang sedang mabuk.

Perkara macam ini adalah satu pengalaman. Orang yang sedang mabuk mesti dilayan dengan baik. Orang yang tidak mabuk cuma bersungut saja. Itu pun mungkin tidak sampai ke pengetahuan pengurus.

Bukan senang untuk memuaskan hati semua pelanggan. Tetapi selagi kakitangan yang berpengalaman dan serba cekap sentiasa ingat

"Customer is Always Right" pelanggan mesti dilayan dengan baik dan tidak ada salahnya. Tidak ada sebab hotel milik bumiputera ini tidak boleh menjadi sebuah hotel yang popular di masa hadapan. Sekiranya Tuan Pengurus sentiasa memperbaiki keadaan ini dari masa ke semasa.

Kalau iapun mereka yang pernah tinggal di Hotel bukan milik bumiputera layanan mereka tidaklah sebagus mana sangat. Terdapat juga salah dan silap. Dan bermacam-macam kejadian buruk pun pernah berlaku. Kita orang Melayu masih ke hotel bukan bumiputera juga.

Hotel ini bumiputera punya. Kitalah yang mahu dia terus tegak atau tutup. Scandainya kita sedia mengubah sikap tidak terlalu sensitif dan sedia memberi maaf atas kerosakan mekanikal.

Bila lift sudah diganti baru, kerosakan yang lain yang tidak menyenangkan pelanggan dapat diperbaiki tentunya pelanggan yang sudah merajuk lari boleh dipujuk kembali.

Sabarlah Zainuddin. Bukan senang mengendalikan Hotel sebesar ini. Dengan ketabahan, kesabaran dan keberanian menghadapi segala macam cabaran dan dugaan mungkin juga sabotaj, saudara pasti akan berjaya juga. Orang Melayu hari ini sudah dewasa dan mengerti apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Kejayaan awak kejayaan kita. Runtuh awak malaplah kita semua. Kita tidak sanggup dipersenda dan diperhina dengan kata-kata orang Melayu tidak boleh berniaga. Kita boleh, kita pasti akan berjaya. Sekarang sudah ada 2 hotel besar di bandaraya kepunyaan kita. Semoga akan bertambah lagi hendaknya.

Raja Setinggan Wilayah

Berita Y.B. Tuan Haji Idris Ibrahim ahli Parlimen kawasan Setapak digugat dan digulingkan dari kerusi Ketua UMNO bahagian Setapak melalui undi tidak percaya yang dibawa oleh saudara Azman Attar memerlukatkan pemerhati politik tanahair. Ramai yang bertanya kenapa dan mengapa perkara ini boleh berlaku?

'Politik is the game of the possible' Bila kita memikirkan dengan teliti dan halus, apa saja boleh berlaku di dalam perkampungan politik. Dalam gelanggang politik tidak ada yang mustahil, jatuh menjatuhkan tolak menolak, pijak memijak, sokong kawan, mainkan kawan, semua boleh, asalkan kena pada waktu dan tempatnya saja.

Apa yang telah berlaku kepada Idris melalui undi tidak percaya sebenarnya telah membawa rahmat keuntungan dan satu perubahan yang besar kepada UMNO Setapak yang merupakan satu-satunya kawasan Melayu di Wilayah Persekutuan. Implikasi dari kejadian itu telah membuat Wilayah Persekutuan mewujudkan perhubungan UMNOnya sendiri yang mana sebelum dari itu bahagian UMNO dalam Wilayah Persekutuan disangkakan dalam Wilayah UMNO Selangor.

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Maksud pepatah dengan nama ialah jasa. Manusia yang berbudi bahasa saja yang akan mengenang dan mengingati jasa seseorang. Sebagai makhluk Allah yang lemah, kita tidak akan lari dari kesilapan dan kesalahan. Setiap kejadian sama ada baik atau buruk adalah dengan kehendak Allah kepada makhluknya.

Lebih tinggi kedudukan pemimpin, lebih jelaslah kelihatan akan kesalahan dan kesilapannya, kerana para pemimpin senantiasa menjadi tumpuan dan pandangan orang ramai, apa saja yang dibuat oleh seorang pemimpin akan menjadi buah mulut dan perbualan orang ramai.

Begitu cepat nama para pemimpin tersebar ke merata-rata ceruk rantau kerana nama dan jasa baktinya, orang yang tidak pernah kenal yang

tidak pernah lihat pun akan memperkatakan hal mereka. Bagi orang-orang yang sukaikan pemimpin tersebut, walaupun sedikit saja kebaikan yang dilakukannya, berita tentang kebaikannya akan membesar dari busut menjadi gunung.

Akhbar-akhbar memainkan peranan penting untuk menaikkan dan menjatuhkan satu-satu pemimpin. Orang ramai jarang yang mahu berfikir perihal satu kejadian yang melibatkan para pemimpin mereka, kebanyakannya dari anggota masyarakat akan percaya dan menerima bulat-bulat berita yang mereka baca berkenaan kejadian yang berlaku kepada para pemimpin.

Ramai para pemimpin yang telah menjadi mangsa pena. Penulis memainkan pena mengikut polisi yang telah ditetapkan oleh akhbar-akhbar mereka. Tidak semua pengarang akhbar yang jujur dan berani menulis perkara-perkara yang benar, melainkan memihak kepada yang berkuasa.

Sebagai seorang pemimpin yang selalu mendapat publisiti dari akhbar-akhbar kerana banyak melibatkan diri dalam arus politik Wilayah Persekutuan serta tanahair dengan idea-ideanya yang bernas dan membawa keuntungan kepada para pengundinya di Setapak, juga di negara ini, perkara semacam ini membuatkan musuh-musuh politik Idris bertambah iri hati dan sentiasa mencari jalan untuk menjatuhkannya atau merosakkan imej beliau. Musuh-musuh politik tidak semestinya dari parti pembangkang saja. Orang dalam parti yang ada Phd. lebih merbahaya lagi.

Hampir setiap hari cerita berkenaan dengan YB Idris menjadi bahan di akhbar-akhbar dan akhir-akhir ini orang yang paling berminat menulis berita berkenaan beliau ialah Subky Latif, di dalam suratkhabar Watan. Subky Latif pengarang yang kontroversi yang telah tewas di tangan Idris dalam pilihanraya 1978, kerana salah mengisi borang, begitu gairah dan bernafsu menjadikan news Idris sebagai satu issue politik yang senang.

Kenapa Subky suka benar mempermudahkan berita-berita Idris? Ramai kawan yang bertanya, adakah beliau merasa tidak puas hati terhadap Idris kerana Idris telah menang tanpa bertanding? Atau kerana Idris seorang wakil rakyat yang berjaya dalam business? Nam-paknya Subky semacam menaruh dendam terhadap Idris. Ada kawan

berkata Idris mungkir janji tidak membayar wang secukupnya yang telah dijanjikan supaya Subky sengaja menyalahkan mengisi borang pilihanraya. Tuduhan yang macam ini tidak patut kerana Subky telah membawa perkara ini ke mahkamah.

Sebagai seorang pemimpin yang berpegang kuat kepada ajaran-ajaran Islam, pemimpin berpengalaman beriman, Idris Bin Haji Ibrahim tidak kelihatan panik. Beliau sentiasa tenang dan menyerahkan segala ancaman dan bencana buruk yang datang kepada kekuasaan Tuhan yang maha berkuasa.

Sama ada benar atau tidak kata-kata setengah orang pengundi dan orang yang masih sayangkan Y.B. Tuan Haji Idris, kejadian mengugat dan menjatuhkan Haji Idris itu adalah disebabkan sifat-sifat beliau yang terlalu percayakan orang harapan yang di bawah dagu beliau. Kata mereka lagi Idris mempunyai penasihat-penasihat yang tidak jujur.

Ada di antara orang Idris yang suka mengampu dan mengiakan saja apa kata Idris. Kerana dengan berbuat begini orang yang optimist ini mendapat banyak keuntungan dari beliau. Kerana mereka yang bermuka dua inilah Idris jadi tidak popular.

Hendak bertanyakan kebaikan seseorang tanyalah pada sahabatnya. Dan kalau hendak mengetahui akan keburukan dan kejahatannya pula bertanyalah kepada musuhnya.

Dengan berbuat begini barulah kita dapat membuat pertimbangan, barulah kita boleh menghukum seseorang pemimpin. Adalah tidak adil kalau kita mendengar dari sebelah pihak saja. Lebih lagi kalau kita memang seorang yang dari mula lagi sudah menyimpan satu macam perasaan yang tidak sukakannya.

Orang Melayu marah kalau kita mengatakan ada di antaranya berpangkat P.H.D. sejak lahir. Perangai hasad dengki. Tapi bila kita amat-amati kita akan mendapati kebenarannya. Ada orang Melayu yang kurang senang, iri hati melihat adanya orang Melayu yang menjadi kaya raya. Orang Melayu merasa kurang senang kalau jirannya membeli perkakas rumah yang baru, dengki kalau melihat jirannya membeli rumah baru, kereta baru.

Ada di antaranya kurang senang melihat kesenangan yang diperolehi oleh orang Melayu yang lain, walaupun tidak ada kena mengena dengan-

nya. Dia merasa adalah menjadi tanggungjawabnya bertanya dan mesti ambil tahu, dari mana, dan bagaimana si anu itu boleh mendapat duit. Ini semua mungkin telah dipelajari dari cerita Ali Baba dan Kasim Baba, cerita purba, bagaimana seorang tukang kasut tiba-tiba menjadi kaya.

Kalau boleh setiap kekayaan yang didapati oleh jirannya, atau oleh orang Melayu yang lain, mesti dibagi sama rata dengannya, baharulah dia senang, baharulah dia tidak akan merafa hasad dengki dan iri hati, barulah ia akan berhenti menaburkan fitnah.

Sebagai umat Melayu yang beragama Islam, mereka terlupa yang Allah menyuruh kita mencari kekayaan seperti kita akan hidup seribus tahun lagi, dan beribadat seperti kita akan mati esok. Orang Melayu yang duduk berdiam diri tidak mencari kekayaan dan kesenangan di dunia bukanlah seorang Islam yang baik. Kerana orang yang susah dan miskin akan sentiasa iri hati melihat kekayaan dan kesenangan orang lain. Dan mungkin menyalahkan Tuhan kerana tidak memberikan mereka kekayaan.

Apakah orang tidak sedar yang negara kita yang mengamalkan demokrasi menggalakkan dasar Free Enterprise, siap saja boleh mencari kekayaan. Dan bukankah kerajaan menggalakkan orang Melayu supaya bermula untuk bersaing dengan kaum imigran?

Apa salahnya kalau orang Melayu kaya? Kenapa kita mesti meras bimbang dengan kekayaan yang diperolehi oleh ahli-ahli perniagaan Melayu? Sebagai seorang Islam, orang kaya Melayu akan mengeluarkan Zakat Fitrah. Siapakah yang akan mendapat keuntungan dan rahmat yang diperolehi oleh orang Islam yang menjadi kaya raya?

Saya heran kenapa orang Melayu tidak pernah memperkatakan kekayaan yang diambil dan dibolot oleh kaum imigran. Apakah para pemimpin UMNO saja yang mencari kekayaan? Para pemimpin dalam Barisan Nasional yang lain tidak merebut kekayaan? Bukankah M.C.A. terkenal sebagai satu parti taukeh?

Masalah Y.B. Idris Ibrahim dan keluarganya melibatkan diri dalam perniagaan adalah satu perkara yang kecil, yang tidak boleh merugikan para pengundinya, Idris tidak merampas lesen-lesen teksi dan jenazah perniagaan kecil yang menjadi rezeki orang miskin.

Keluarganya melibatkan diri dalam perniagaan yang besar, setand

dengan orang bukan bumiputera. Sepatutnya kita merasa bangga adanya kaum bumiputera yang sudah seberani itu ke tengah di bidang antarabangsa.

Perkara ini semua tidak boleh timbul kalau tidak ada perasaan mahu berlumba-lumba. Apapun dalam politik, semua boleh jadi, yang penting rakyat dan para pengundi di kawasan Idris, berpuashati dengan wakil rakyat mereka.

Kegigihan beliau memimpin masyarakatnya jelas dapat dilihat. Di samping bergiat dalam politik, Haji Idris juga turut melibatkan diri dalam beberapa pertubuhan sukarela seperti PEMADAM dan SENIMAN umpamanya. Dalam SENIMAN beliau bukan sahaja pernah bertindak selaku penasihat pertubuhan artis ini, malah juga bertindak sebagai bapa kepada para pelakon, penyanyi dan penari-penari kita.

Semasa SENIMAN mengadakan konsertnya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tidak lama dulu, Tuan Haji Idris bukan sahaja telah turut mengeluarkan wang ringgit malahan juga turut mengembeling tenaga bagi memastikan konsert tersebut berjaya. Beliau sendiri telah datang ke Pulau Pinang untuk melihat sendiri sejauh mana kejayaan yang dicapai oleh SENIMAN dalam konsert tersebut di samping meninjau masalah kewangan yang tidak mencukupi.

Sekiranya SENIMAN mengadakan majlis-majlis doa selamat dan kenduri kendara, Haji Idris selaku penasihatnya bukanlah datang sebagai seorang Wakil Rakyat tetapi datang selaku 'Pak Imam' yang di akhir majlis nanti akan membacakan doa-doa selamat yang mengharapkan kejayaan yang lebih besar dapat diberikan kepada badan tersebut.

Dan sewaktu ribut mengenai adegan bogel dalam penggambaran filem Italy '*Mountain of The Jungle*' tidak lama dulu, Haji Idris turut melibatkan dirinya menyelidik sendiri apakah benar pihak pengeluar filem tersebut menyuruh dan menghendaki para pelakonnya bertelanjang bulat. Dan sekiranya perkara ini berlaku, Haji Idris sendiri akan bertindak bagi mempastikan bahawa kebudayaan kita tidak tercemar dan nama baik bangsa dan negara terus terpelihara sebagai satu bangsa dan negara yang penuh tata tertib dengan adat resam timur.

Haji Idris juga merupakan Pengurus PEMADAM Wilayah Persekutuan begitu mengambil berat tentang perkara yang menjadi masalah penting bagi negara ini. Penglibatan beliau dalam lapangan ini adalah untuk

memastikan bahawa anak-anak muda kita tidak mudah dipengaruhi ataupun dijangkiti penyakit baru, iaitu 'Ketagih Dadah'.

Berbagai usaha dilakukan oleh beliau seperti mengadakan pertemuan dengan pemimpin juga orang ramai di samping sering mengadakan seminar dan sebagainya untuk mencari jalan bagaimana cara yang paling berkesan untuk mencegah dadah dari sampai kepada orang ramai.

Dan sebagai usaha untuk terus memerangi dadah ini, Haji Idris pernah menyeru semua badan-badan politik supaya menubuhkan seksi anti dadah dalam pertubuhan masing-masing.

Ketika berucap merasmikan kempen anti dadah di Kampung Cendana tidak lama dulu, Haji Idris menjelaskan bahawa setakat ini hanya UMNO sahaja merupakan badan politik yang telah berjaya menubuhkan seksi anti dadah.

Menurut beliau lagi, pembasmian penyalahgunaan dadah perlulah mendapat perhatian yang serius dari badan-badan politik kerana mereka sahajalah yang dapat memberi penerangan kepada rakyat.

'Kita janganlah hanya mementingkan ideologi politik sahaja tetapi perlulah memberi perhatian yang lebih terhadap kempen penyalahgunaan dadah', kata beliau dalam ucapannya di Majlis tersebut.

Tuan Haji Idris selain dari menjadi Pengerusi PEMADAM juga merupakan penasihat kepada Persatuan Bomoh Tradisional Malaysia. Dalam majlis perasmian pertama Jawatankuasa, Persatuan Bomoh Tradisional Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur pada 8hb Februari tahun lalu, beliau telah menekankan bahawa para bomoh di negara ini hendaklah berusaha mencari satu formula bagaimana hendak meyakinkan orang ramai terhadap perubatan cara tradisional Melayu dalam usaha mengubati penyakit. Beliau juga mengecam bomoh-bomoh palsu yang hanya bertindak sebagai bomoh guna untuk mencari wang dengan jalan mudah. Persatuan ini hendaklah memandang berat tentang orang-orang seperti ini.

Ucapan Datuk Najib Tun Razak semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan UMNO Cawangan Kampong Masjid, Bahagian Setapak baru-baru ini telah mengusik perasaan para penduduk setinggan yang tinggal di Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau mengingatkan para setinggan supaya jangan menjadik-

UMNO sebagai alasan untuk mendirikan lebih banyak rumah-rumah setinggan.

Pemerhati politik berpendapat ingatan semacam itu akan merugikan UMNO kerana sedikit sebanyaknya politik UMNO di Kuala Lumpur bergantung kepada para setinggan.

Di dalam Bahagian UMNO Setapak sendiri terdapat tidak kurang dari 16 cawangan dari jumlah 40 cawangan keseluruhannya adalah terdiri dari perkampungan setinggan.

Dan terdapat tidak kurang dari dua cawangan UMNO dalam sebuah perkampungan setinggan, bukankah UMNO/bahagian Setapak sedikit sebanyaknya terletak pada kerjasama dan semangat yang ditunjukkan oleh cawangan-cawangan UMNO dari perkampungan setinggan?

Y.B. Tuan Haji Idris yang mendapat titel Raja Setinggan Wilayah membelanjakan tidak kurang dari 60% dari peruntukan kepentingan rakyat di kawasannya untuk penduduk setinggan dan beliau sentiasa memberikan perhatian yang penuh dan segala macam bantuan yang sepatutnya kepada penduduk setinggan di kawasan Setapak. Dan beliau tidak pula menafikan yang beliau mendapat sokongan yang kuat dari penduduk perkampungan setinggan.

Sejauh ini hampir keseluruhan kampung-kampung setinggan yang ada di dalam kawasan pilihanraya Setapak sentiasa aktif dan memberikan kerjasama kepada UMNO dalam apa jua aktiviti yang dijalankan, baik di peringkat cawangan maupun di peringkat bahagian.

Apalah salahnya kalau masyarakat setinggan menggunakan UMNO sebagai batu loncatan untuk mendapatkan bantuan dari kerajaan. Bukanakah orang Cina seramai lebih kurang 500,000 orang juga menggunakan MCA untuk menjadi masyarakat setinggan dan memperjuangkan hak kerakyatan dalam awal-awal tahun lima puluhan. Kalau iapun UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO. Kalau kerajaan dahulu boleh menolong ratusan ribu Cina yang tinggal di kawasan setinggan masakan kerajaan tidak boleh menolong orang Melayu yang dalam kesempitan dan sedang mencari perlindungan.

Idris Haji Ibrahim dengan berani telah menggunakan UMNO dan peruntukan Wakil Rakyat untuk membantu dan memberi kemudahan api, air dan jalanraya kepada penduduk setinggan di kawasannya. Beliau sedar populariti UMNO di kalangan masyarakat yang serba mewah,

serba ada di kawasan bandar sudah hampir loput.

Tentulah tidak menjadi keberatan atau keterlaluan jika orang Melayu yang tinggal sebagai setinggan di bandar-bandar mengambil kesempatan menggunakan UMNO kerana UMNO juga telah menggunakan mereka sebagai sumber untuk mengembangkan pengaruh dan bilangan ahli di kawasan-kawasan bandar.

Kalau iapun para pemimpin UMNO selalu melaungkan di sana sini terutama bila menjelang pilihanraya UMNO sajalah yang dapat dan akan memperjuangkan nasib masa depan orang Melayu, bila lagi mereka hendak membuktikan segala kata dan janji ini?

Syukurlah Y.B. Tuan Jaji Idris Ibrahim selaku wakil rakyat yang mempunyai ramai pengundi yang tinggal di perkampungan setinggan selalu mengambil berat terhadap pengundi-pengundinya. Lawatan demi lawatan diatur ke setiap kampung dan cawangan untuk memastikan sebarang masalah yang dihadapi oleh mereka yang tinggal di kawasan setinggan di mana beliau secara kebetulan telah menjadi Raja sementara mereka.

Selain dari itu beliau telah mengadakan sebuah pejabat yang khas di Jalan Pahang untuk melayani segala masalah yang dihadapi oleh para pengundinya, walaupun beliau sentiasa sibuk dengan tugas-tugasnya, namun beliau telah mengadakan pekerja-pekerja di pejabat yang bergaji untuk menjaga dan melayani kemahuan dan masalah yang sedang dihadapi oleh para pengundi di kawasannya. Pada pandangan saya, beliau membelanjakan tidak kurang dari \$2,000 sebulan untuk membayar sewa pejabat dan membayar gaji kakitangan yang menjalankan tugas di pejabatnya yang sentiasa terbuka kepada orang ramai.

Akhirulkalam tidak ada manusia yang sempurna di dunia ini. Tidak ada manusia yang dilahirkan di dunia yang idea-idea dan perbuatannya disukai dan diterima oleh semua manusia. Bila ramai yang suka ramai pulalah yang iri hati dan benci. Biar bagaimanapun bila kita hendak menaruh benci dan marah terhadap seseorang pemimpin, timbang dan kajilah kebaikan dan jasa yang sudah dibuatnya. Apakah kita ini sebersih bersih manusia? Apakah kita juga tidak ada salah silapnya?

Rencana pengarang Utusan Melayu 7 Oktober 1978 telah memberikan pandangan dan gambaran yang jelas berkenaan masalah setinggan di Wilayah Persekutuan untuk renungan kita bersama.

Perumahan untuk setinggan di Wilayah

Hakikat tersebut tentulah memaksa satu projek perumahan yang bertaraf rendah untuk penghuni-penghuni di kawasan setinggan yang dianggarkan boleh meninggikan taraf sosial mereka.

Meskipun kerajaan tidak dapat mengatasi secara total jumlah setinggan di Wilayah Persekutuan namun kita rasakan Majlis Perbandaran boleh bertindak mengurangkan bilangan di samping mengelakkan minat di kalangan umum untuk menggunakan kawasan di sekitar bandaraya untuk dijadikan kawasan perkampungan haram.

Unit perumahan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri merupakan seperenam dari jumlah rumah-rumah setinggan yang didaftarkan oleh Dewan Bandaraya bulan April lalu. Langkah ini tentulah tidak mengurangkan perumahan setinggan yang terdapat di Wilayah ini.

Meskipun begitu adalah dirasakan bahawa Kerajaan dan Dewan Bandaraya akan memikirkan langkah-langkah yang sesuai mengurangkan setinggan-setinggan di beberapa kawasan bandaraya ini. Hal tersebut terpaksa disegerakan sebelum usaha lanjut dijalankan untuk menukar wajah Kuala Lumpur.

Kalau dalam keadaan sekarang bandaraya mempunyai masalah untuk menempatkan 175,000 penduduk setinggan apatah lagi halnya jika berlaku penghijrahan akibat dari bertambahnya peluang-peluang pekerjaan di bandar ini?

Berhubung dengan itu kita rasakan Dewan Bandaraya harus mempunyai perspektif yang luas terhadap pertambahan penduduk di Wilayah Persekutuan dan memikirkan alternatif-alternatif yang sesuai untuk menampung pertambahan-pertambahan lanjut di masa akan datang.

Barangkali kerajaan boleh membaiki kawasan rumah setinggan dengan memberi kemudahan asas yang cukup yang menukar wajah perkampungan tersebut menjadikannya kawasan perumahan yang bersih

dan terkawal. Inilah satu kaedah bagi kita membaiki rupa bentuk perumahan haram di sekitar bandaraya. Di samping itu Dewan Bandaraya harus mengawal pembukaan perkampungan haram yang baru.

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn kelmarin telah mengumumkan peruntukan sebanyak \$300 juta dan berharap dengan membina sebanyak 30,000 unit rumah di Wilayah Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam pada itu peruntukan sebanyak \$18.3 juta telah diumumkan untuk membina lebih banyak paip air untuk masyarakat berpendapatan rendah, membina kompleks dan pasar untuk peniaga-peniaga kecil dan mengadakan pusat penerangan dan perhubungan memberi khidmat kepada orang ramai.

Persiapan-persiapan yang diumumkan oleh Datuk Hussein itu dirasakan sebagai satu rancangan raksasa mengubah rupa paras Wilayah ke arah yang lebih kemas dan bersih supaya pusat bandar Kuala Lumpur menjadi daya tarik kepada umum. Adalah diharapkan bahawa pelaksanaan terhadap projek itu dijalankan dengan penuh pertimbangan supaya Kuala Lumpur bandar-bandar menerima wajah baru dan tidak terbawa dengan kawasan-kawasan setinggan yang di luar kawalan.

Pengarah perumahan Dewan Bandaraya dalam bulan April yang lalu mengumumkan bahawa satu daripada lima orang penduduk Wilayah Persekutuan adalah setinggan. Terdapat seramai 175,000 setinggan yang mendiami 29,300 rumah haram di Wilayah Persekutuan.

ARAK SUDAH DIHALALKAN?

Sesungguhnya syaitan itu menghendaki, supaya kamu bermusuh-musuhan dan berbenci-bencian sesama kamu, kerana minuman keras (minuman yang memabukkan) dan berjudi itu, serta menghalangi kamu daripada mengingat Allah dan sembahyang. Tidaklah patut kamu berhenti daripada yang demikian? (Al-Maidah 91)

Kenapa dan mengapa di masa akhir-akhir ini orang Melayu yang mengaku mereka umat Islam begitu berani tanpa merasa dosa dan segan silu lagi meminum arak dan berjudi di khalayak ramai.

Mereka melakukan dosa tanpa takut dan beringat akan akibatnya. Mereka terlupa yang mereka akan menerima balasan dan siksaan dari Allah di akhirat nanti.

Bagaimana ini semua boleh terjadi? Tiba-tiba saja kita umat Islam di negeri ini telah melupakan diri kita seolah-olah tertidur dan melakukan semua perkara yang dinamakan dosa itu cuma dalam mimpi.

Orang yang lemah dan tidak beriman memang tidak dapat berbuat apa-apa melainkan hanyut saja mengikut arus yang dinamakan kemajuan akibat kemerdekaan. Merdeka beragama dan merdeka membuat apa saja melainkan merdeka mengkritik pentadbiran dan polisi yang boleh menjajaskan orang-orang atasan.

Orang ramai seolah-olah percaya di akhirat nanti Allah akan mengada satu syurga yang khas akan diuntukkan untuk orang-orang Islam dari Malaysia. Kerana segala yang berkaitan dengan agama Islam adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin atasan. Mereka yang menentukan Hari Raya, puasa, halal, haram tanggungjawab mereka. Malahan satu waktu dulu, Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman sanggup menanggung dosa mehalalkan loteri.

Kita umat Islam di Malaysia tidak perlu bimbang. Buatlah apa yang kita suka. Apa tidaknya sebagai contoh para ulamak dan pemimpin Islam tahu Arak itu NAJIS dan meminumnya HARAM, ini menurut ajaran

Islam yang berdasarkan hadith serta firman kerana ianya adalah minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan.

Kita semua tahu yang agama resmi kita adalah agama Islam. Kalau ada di antara kita yang terlupa adalah menjadi tanggungjawab kita ingat mengingatkan antara satu sama lain.

Bahawa Allah dan Rassulnya mengharamkan menjual khamar (Alkohol).

(R. Bukharah dan Muslimanjabir)

Sekali lagi diingatkan bahawa bukan saja si pemumin atau pembeli dan si penjual juga dilarang oleh Islam, tetapi bagi yang menyediakan atau yang membantu untuk pekerjaan itupun beroleh dosa.

Nabi pernah bersabda dari Aisyah r.a. "Barang siapa memberi minum atau makan kepada orang pemumin arak satu suap daripada makanan (apa juga makanan) kelak di hari kemudian ini akan disiksa dengan dipenuhi ular dan kala yang menggigit seluruh tubuhnya.

Tidak berasa gentar dan takutkah kita orang Islam yang percaya pada Allah dan Rassulnya akan pembalasan di belakang hari nanti.

Satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Tan Sri Othman Saat menangkap orang-orang Islam yang minum di khalayak ramai adalah satu langkah yang berani untuk menjaga maruah orang-orang Islam yang kian hari kian keterlaluan.

Sama ada disedari atau tidak bertambah ramainya kaum bumiputera tampil minum arak adalah akibat dari pengaruh iklan yang menjadi-jadi di seluruh negara dalam panggung-panggung wayang, di TV, dalam majalah-majalah, akhbar-akhbar Melayu dimuatkan iklan menggalakkan orang Melayu minum arak untuk kekuatan dan kesihatan. Selain dari iklan secara besar-besaran di tepi-tepi jalanraya dari Johor membawa sampai ke Perlis, di sawah, ladang dan perkampungan Melayu terdapat iklan arak minuman yang baik untuk anda.

Langkah pertama yang mesti diambil oleh pemerintah terutama pemimpin-pemimpin UMNO ialah mengharamkan semua iklan Arak di dalam Bahasa Malaysia, Iklan arak tidak boleh diadakan di TV dan semua akhbar serta majalah Melayu. Jangan benarkan papan iklan secara besar-besaran di kawasan-kawasan Melayu. Di setiap iklan arak di panggung-panggung wayang mesti diubah kepada arak itu Najis, Haram diminum oleh orang-orang Islam.

Dengan usaha yang macam ini, kempen besar-besaran sebegini dengan sendirinya umat Islam akan sedar yang arak itu adalah punca segala kejahatan. Arak bukannya Ubat.

Nabi Muhammad pernah berpesan bahawa tidak akan sembuh penyakit itu disebabkan oleh ubat yang diperbuat dari bahan-bahan haram. Sebagaimana sabda "Allah tidak akan jadikan ubat yang boleh menyembuhkan dari bahan yang diharamkan atas najis.

Allah maha-mengetahui. Tuhan lebih mengetahui dari manusia. Allah lebih mengetahui buruk baiknya. Manfaat dan mudharatnya. Meminum minuman yang boleh memabukkan, sesuai dengan firmanya di dalam surah Albaqarah.

Mereka itu bertanya kepada engkau (Ya Muhammad) dari hal arak/khamar dan judi. Katakanlah "Terangkan kedua-duanya itu DOSA BESAR serta berguna bagi manusia tetapi DOSA kedua-duanya lebih besar dari gunanya".

Sesudah kita mengetahui ini semua apakah kita masih mahu menentang Allah dan Rasul kerana mencari keuntungan yang sedikit hasil dari iklan yang boleh membinasakan umat Islam yang tidak berdosa.

Tidak bersyukurkah kita kepada nikmat serta kekayaan yang telah Allah berikan kepada negara kita. Banyak sumber-sumber lain yang halal yang lebih menguntungkan. Allah beri kita bijih timah, tembaga, emas akhir-akhir ini Tuhan berikan rezeki yang halal melalui minyak, segala macam tumbuh-tumbuhan yang membawa keuntungan yang besar kepada negara tumbuh dengan subur. Negara kita telah selamat dari bala Allah. Kita telah dijauhkan Allah dari malapetaka buruk dan bencana-bencana alam.

Apakah kita masih mahu menentang dan menderhaka kepada Allah dengan menghalalkan arak yang haram. Kalau kita berani menulis pada rokok yang rokok itu merbahaya, beranikah kita menulis pada semua botol arak minuman yang haram untuk orang Islam.

Sabda Nabi S.A.W.

Dilaknat Allah akan arak dan orang yang membuatnya dan orang yang meminum dan menjual serta membelinya. Dan laknat yang paling besar adalah kepada mereka yang menggalakkan orang ramai terutama orang Islam melalui iklan supaya meminum beer, stout, atau apa saja

jenis minuman yang mengandungi alkohol yang boleh memabukkan.

Arak adalah Ummul-kharis. Ibu atau punca segala kejahanatan. Kata nabi banyak perkara buruk yang boleh terjadi setelah minum Beer, Stout, Whisky, Brandy atau apa saja jenis minuman yang memabukkan.

Menurut cerita dari Saidina 'Usman ibnu 'Affan, di mana dahulu kala, salah seorang umat salah satu nabi sebelum Nabi Muhammad, ada seorang 'Abid, dicolek oleh seorang perempuan jahat, dan memang itu sajalah pekerjaan perempuan tersebut mengganggu manusia-manusia yang kuat ibadat. Orang 'Abid itu dibawanya ke dalam satu kamar, dikuncinya erat. Kemudian kepada 'Abid itu disogokkan dengan ancaman tiga macam perbuatan terkutuk dan dosa, iaitu :

1. Mestilah menzinahi perempuan itu sendiri,
2. Meminum arak yang telah disediakan atau,
3. Membunuh seorang anak yang telah disediakan.

Kepada 'Abid itu dipilihkan melakukan salah satu dari perbuatan terkutuk itu, dan apabila tidak dilakukannya ianya akan dibunuh mati.

Oleh kerana 'Abid itu masih ingin hidup, agar bisa berbuat pekerjaan-pekerjaan baik, maka menurut dugaannya, hanya meminum arak yang enteng dosanya, lantas ia memilih meminum arak yang disediakan. Setelah diminumnya arak itu, kepalanya pening, lantas dengan mabuknya itu selera timbul melihat perempuan itu, lantas dizinahinya. Setelah puas demikian maka teringat pula ia dan agar jangan menjadi saksi kebakaran anak yang ada di sampingnya itu, lantas anak itu dibunuhnya, dan belum puas hal itu, takut kalau-kalau si perempuan itu membuka rahasianya nanti, maka perempuan itu dibunuhnya. Demikianlah kisahnya dengan sebab meminum arak, beberapa dosa-dosa besar telah dilakukannya.

Langkah berani yang telah dimulakan oleh Tan Sri Othnam Saad itu patut dijadikan contoh kepada para pemimpin yang lain. Terutama Menteri Pertahanan Malaysia. Setahu saya beliau dan keluarganya serta dengan Timbalannya dan sebahagian para pemimpin lain di dalam Kementerian Pertahanan adalah terdiri diri orang yang kuat beribadat.

Saya tidak tahu sama ada para pemimpin di dalam Kementerian Pertahanan sedar atau tidak minuman alkohol dijual dengan harga yang murah kepada anggota-anggota angkatan tentera. Kenapa? Mengapa beer, Stout, Gin, Rum, Whisky, Brandy dikecualikan dari cukai?

Tahukah para pemimpin minuman yang dilarang dan ditegah oleh Islam itu adalah minuman yang digalakkan di Mes-mes angkatan tentera. Sama ada mess pegawai atau mess sgt.nya.

Kenapa sesudah merdeka pusaka penjajah yang bertentangan dengan Islam itu masih diwarisi oleh para perajurit kita yang beragama Islam. Adakah di antara para pemimpin kita yang berani tampil menyelamatkan umat Islam di dalam tentera yang terikut-ikut dengan perbuatan yang dikutuk oleh Allah itu. Pegawai Agama Negeri mungkin tidak berani menangkap orang-orang yang minum di Mes Tentera dalam negeri Johor. Pada zaman jahiliah dahulu lebih banyak kejahatan dari kebaikan. Apakah Nabi Muhammad mahu bertolak ansur tentang peraturan Islam yang dibawanya?

Usaha Rasulullah ialah mempertahankan kesucian Allah dari dipersyarikatkan dengan makhluknya selama 13 tahun. Tauhid dan konsepnya disampaikan dengan pelbagai halangan dan celaan diterima dan disuarakan oleh mushrikin. Tapi sedikit pun tidak ada tolak ansur dari Nabi Muhammad sendiri walau pun sanggahan itu datang dari Ketua-ketua dan Jemaah Menteri dari kalangan berkuasa kaum Quarish sendiri.

Walau bagaimanapun apa yang telah saya tulis ini adalah apa yang telah saya lihat, pandang, baca dan dengar dari guru-guru serta alim ulamak, Kitab semuanya dengan kisah sepanjang jalan yang menjadi satu peringatan dan memberi keinsafan bagi kita semua hendaknya.

Sebelum saya mengakhiri bab arak dihalalkan melalui iklan, ada dua tiga lagi Hadith dan Firman yang hendak saya muatkan untuk renungan kita bersama. Mudah-mudahan Allah akan mengampunkan dosa serta menerima taubat kita yang mahu bertaubat.

“Barang siapa minum alkohol, tiada diterima sembahyang (yang dikerjakannya) selama 7 hari, maka jika lalu (dengan sebab minum khamar itu) sampai hilang akalnya tiada diterima 40 hari kebajikan yang dilakukannya dan apabila dia mati dalam empat puluh hari tersebut maka matinya dalam maksiat tetapi jika ia bertaubat dalam itu Allah menerima akan taubatnya”.

Kepada mereka yang percaya pada rukun Iman, percaya kepada hari Kiamat, percaya pada hari pembalasan, percaya kepada Syurga dan Neraka dan mereka wajib percaya kepada Firman dan Hadith. Kepada

Umat Islam yang hidupnya benar-benar berdasarkan Al-Quran dan Sunnah janganlah terpengaruh kepada yang baik dan menguntungkan diri sendiri saja, Siapakah yang menjamin keselamatan kita dunia dan akhirat melainkan Allah. Siapa selain dari Allah yang telah memberikan kita rezeki. Bukankah tiada selain dari Allah yang menghidup dan mematikan kita. Tiada tempat kita menumpukan harapan melainkan kepada Allah. Tidak ada siapa diibadati melainkan Allah.

Janganlah cuba memutarbelitkan fahaman, mencari dalil untuk menghalalkan yang haram dengan mengajar kepada umat Islam kepada kejahanatan. Rentikan perbuatan yang mungkar selagi pintu taubat masih terbuka.

Janganlah kita bersubahat dengan ulamak-ulamak tembolok zaman penjajah yang masih berleluasa hari ini yang cuba melenyapkan ajaran Allah dan Rassul. Semoga segala sabda Rassul dan Firman Allah yang dimuatkan di bab ini dapat memberi kesedaran kita semua saya mengakhiri bab ini dengan beberapa hadith Nabi untuk menunggu kita bersama.

Sabda Nabi S.A.W.

“Barangsiapa yang memenuhi hajat dari peminum arak, tak ubahnya ia meruntuhkan agama Islam.”

“Barangsiapa memberi piutang satu dirham (baik guna pembeli arak atau minuman dan makanan lainnya) kepada orang peminum arak, tak ubahnya (dosanya) sebagai ia membunuh seorang mukmin. Barangsiapa menghalalkan Alkohol itu (yang telah nyata haramnya), maka bahawa-sanya keluarlah ia dari golonganku.”

Sabda Nabi lagi:

Hadith Nabi S.A.W. ini untuk menyatakan kepada kita semua bagaimana siksa dan azabnya kelak bagi peminum arak di kemudian hari nanti.

“Pada hari kiamat kelak orang-orang peminum arak/alkohol itu, mukanya hitam, matanya biru, lidahnya terjulur sampai ke dadanya dan mulutnya penuh dengan nanah, sehingga ahli neraka sendiri pun sangat membencinya.”

“Pada hari Mahsyar kelak, sewaktu berbangkit, keluarlah peminum-peminum arak/alkohol itu dari kuburnya, hal keadaannya sangat busuk, terlebih busuk dari bangkai, dan botol-botol tempat arak itu di-

YONG PENG, Isnin — Masyarakat Islam di Muar dan Tangkak di sini mengalu-alukan langkah Majlis Daerah Batu Pahat Barat mengharamkan penjualan arak atau apa juga minuman yang memabukkan di kedai kopitiam atau kedai makan.

Mereka berharap keputusan yang dibuat oleh majlis daerah itu akan dapat dicontohi oleh Majlis Daerah Muar dan Tangkak.

Masyarakat Islam di dua daerah tersebut yakin usaha baik mempraktikkan langkah itu selaras dengan perlembagaan negara dan menghormati Islam sebagai agama rasmi negara dan akan disokong oleh masyarakat di sini.

Alim ulama dan orangramai di Muar dan Tangkak berharap kedai kopitiam dan kedai makan Islam akan menyambut baik tindakan berani Majlis Daerah Batu Pahat Barat.

Pekedai-pekedai Islam mestilah menjadi contoh dan mereka wajib mempertahankan kesucian Islam.

Beberapa orang tokoh agama yang enggan nama mereka disifarkan menyatakan harapan agar Majlis Daerah Muar dan Tangkak ini mengambil daya usaha segera untuk membuktikan kemampuan pemimpin daerah itu melaksanakan undang-undang yang melibatkan maruah Islam di daerah itu.

Hukuman yang lebih berat hendaklah dikenakan kepada orang Islam yang menjual minuman keras atau apa jenis minuman yang memabukkan termasuklah samsu.

Kata mereka majlis daerah yang berkenaan juga patut tidak meluluskan sama sekali lesen perniagaan yang menjual bahan-bahan itu, tambah mereka lagi.

Mereka sepakat dalam menjalankan hukum-hukum Islam yang benar, pemimpin-pemimpin daerah tidaklah harus takut atau tunduk dengan tekanan-tekanan luar.

gantungkan pada lehernya dan gelas minumannya di tangannya, sedang seluruh anggotanya penuh dengan ular dan kala, dan kasutnya dibuat khas kasut neraka, seraya dengan demikian hebat dan dahsyatnya siksaannya, ia dilemparkan ke neraka Hawiyah (namanya) di mana dia disatukan dengan Firaun dan Haman."

Pesan Nabi janganlah memberi salam kepada peminum arak/alkohol, jangan menziarahinya bila ia sakit, dan jangan menyembahyangkan jenazahnya, kerana ia serupa dengan orang penyembah berhala."

ARAK SUDAH DIHALALKAN (II)

*"Kalau anda mahu minum arak, minumlah di dalam Masjid,
katakan di mana tempat yang Tuhan tidak nampak"*

Madah pujangga, Ikbal

Saya cuma menambah, "Kalau anda fikir anda sudah menjadi orang Melayu yang moden, orang Melayu yang kaya, minumlah seberapa banyak arak yang anda suka, tidak ada siapa yang boleh menahan dan melarang. Duit anda, anda yang cari, lagipun kubur anda, anda jawab sendiri, kalau anda sakit anda kena balak dari Allah, anda juga yang tanggung."

Manusia bebas membuat apa yang mereka suka. Sebab arak diharamkan kerana arak punca segala maksiat. Akibat dari arak, pembunuhan, perzinahan, mencuri, menipu, bergaduh, mendusta, peras ugut, rasuah, rosak maruah, dan kezaliman berleluasa. Jadi bila anda sudah minum, anda akan terlibat, kalau tidak banyak, sedikit dalam hal yang demikian, terserahlah banyak mana arak anda minum.

Saya telah bergaul dengan ramai pemimum-pemimum arak, dan saya dapati kebanyakan dari mereka yang telah melanggar tegahan Tuhan ini telah ditimpa oleh macam-macam bencana, terutama penyakit yang susah diubat. Setiap hari semakin banyak arak yang mesti diminum, kalau tidak mereka tidak boleh berbuat apa-apa pun. Banyak yang mengidap penyakit dalam perut dan lain penyakit yang mereka tahu bahayanya.

Di Geneva, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sedang mengkaji cara-cara untuk membuat sesuatu bagi menghapuskan ancaman arak.

Satu laporan baru dari Pengarah Besar WHO Half dan Mahler, mencadangkan negara-negara berkenaan mengambil berbagai tindakan termasuk menaikkan harga arak, menghadkan import, meminta bantuan

daripada dukun-dukun kampung dan jika boleh mengharamkan sama sekali minuman keras.

Beberapa buah negara melaporkan bahawa 50% daripada jenayah-jenayah yang dilakukan di sekitar kawasan adalah bersabit dengan arak. Kata Dr. Mahler. "Minuman terlalu berlebihan meninggikan kemalangan jalanraya.

"Di kebanyakan negara yang sedang membangun mentaksirkan bawah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh keluarga kerana membeli minuman arak secara berlebihan akan memburukkan lagi keadaan kemiskinan dan menimbulkan masalah kekurangan zat di kalangan kanak-kanak" Ujar Dr. Mahler lagi.

Begitulah bahayanya arak kepada manusia. Tunku Abdul Rahman, Bapa Malaysia juga sebagai Yang Dipertua Perkim tidak patut menentang tindakan Kerajaan Johor mengharamkan orang-orang Islam meminum minuman keras di khalayak ramai. Mengikut pendapat Haji Mohammad Haji Shafie dari Persatuan Ulamak, pandangan Tunku itu nyata sama sekali tidak Islam.

Apa boleh buat, Tunku sudah tua, mungkin beliau sudah nyanyuk. Kalau beliau tidak nyanyuk atau tidak melatah masakan beliau boleh membuat kerja yang macam itu, atau beliau memang suka orang Islam di Malaysia membuat kerja-kerja yang haram. Dulu semasa jadi Perdana Menteri, beliau pernah menghalalkan loteri dan sanggup menanggung dosa semua orang Islam yang berjudi. Nasib baik sekarang beliau bukan menjadi Perdana Menteri lagi, kalau tidak mungkin juga beliau akan menghalalkan arak, dan tanggung dosa semua orang Islam yang minum arak. Perbuatan macam ini nampaknya hendak melawan Tuhan.

Untuk renungan kita bersama, saya salinkan semula pendapat-pendapat ulamak tentang kenyataan Tunku dalam ruangannya "Sesudah saya amati."

Nampaknya langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor mengenai pengharaman meminum minuman keras di khalayak ramai adalah merupakan satu langkah yang amat bijak. Walaupun meminum arak dianggap sebagai satu dosa bagi umat Islam, tetapi hak meminum minuman tersebut adalah soal peribadi. Sekurang-kurangnya dengan menegah umat Islam meminum minuman keras di khalayak ramai, imej agama Islam akan lebih terkawal.

Apakah langkah baik yang diambil oleh Kerajaan Johor ini akan menjadi ikutan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri lain di Malaysia ini. Perkara ini bukanlah satu perkara yang mustahil.

Alasan yang diberikan oleh kebanyakan para pemumin arak bahawa minuman ini adalah untuk kesihatan dan persaudaraan sebenarnya masih tidak dapat diterima.

Syaitan sebenarnya memanglah sentiasa menunggu peluang untuk mempengaruhi jiwa manusia agar terus meminum air kencingnya itu sebagai minuman moden yang harus diutamakan dari minuman jenis lain.

Apakah pengarang dan pihak yang bertanggungjawab di Akhbar Melayu itu tidak sedar keuntungan sedikit yang mereka cari dari iklan itu telah merosakkan kaum mereka yang miskin dan menderita? Tidakkah mereka merasa sedih menganiaya darah daging mereka sendiri? Sanggupkah mereka menanggung semua dosa orang yang telah berani tampil ke hadapan mengamalkan minum arak hasil dari galakan mereka? Pengaruh iklan di akhbar-akhbar dan majalah Melayu sangat berkesan. Peratusan orang Melayu yang minum arak sekarang semakin bertambah, akibat iklan-iklan yang semakin menjadi-jadi yang membuat orang-orang Melayu tidak segan-segan lagi minum arak di mana-mana dan berasa bangga pula. Wanita-wanita Islam juga turut termasuk dalam golongan ini.

Di sini saya salinikan satu iklan yang telah mempengaruhi ratusan perempuan Islam yang tidak ada asas agama menjadi pemumin arak kerana terpengaruh kepada iklan yang berbunyi "*Anda wanita zaman sekarang. Anda seorang yang aktif, penuh minat dan sibuk dengan urusan, jadi untuk membantu anda supaya sentiasa aktif nikmatilah segelas, . . . dengan rasanya yang lembut dan perisa, anda dapat merasakan kebaikan khasiat pada diri anda . . . mengembalikan tenaga yang telah hilang di siang hari, menyediakan anda untuk menghadapi kesibukan kerja keesokan harinya.*"

Ke mana perginya semua ulamak kita? Apa sudah jadi kepada mereka? Berpeluk tubuh, menutup mulut, menutup mata, tidak berani bangun bertindak mendesak kerajaan supaya mengharamkan semua iklan-iklan dalam bahasa Malaysia yang boleh mempengaruhi umat Islam, terutama kaum ibu. Bila mereka sudah minum arak, anak mereka yang mereka susukan juga akan minum arak yang telah menjadi susu.

Apakah kita semua umat Melayu yang beragama Islam tidak sedar di mana sekalipun kita berada, baik di tanahair kita sendiri, di zaman silam, mahupun di zaman sains dan teknologi, kita akan dapatka kaum Melayu adalah kaum yang paling miskin antara kaum-kaum di Malaysia. Apakah kita sanggup membiarkan kaum kita menjadi penagih minuman keras yang mahal yang boleh merosakkan mereka?

Sedarkan kita semua umat Islam bahawa pengaruh yang dimainkan oleh akhbar-akhbar dengan menyiaran iklan arak telah dapat menarik sebanyak-banyak umat Islam supaya menjadikan minuman arak sebagai satu kebiasaan yang telah dihalalkan, minuman yang patut dan mesti diminum oleh umat Melayu yang muhul menjaga kesihatan badan, minuman untuk bermegah-megahan. Tak adakah minuman lain yang halal yang juga boleh menyihatkan badan? Ataupun arak itu sahajalah yang 'super' dalam semua hal?

Iklan dalam bahasa Melayu yang mengatakan arak itu satu minuman yang boleh menjadi ubat kuat dan baik untuk kita semua, bukan saja dimuatkan di akhbar secara besar-besaran, tetapi juga ditampal di desa-desa, di tengah-tengah sawah padi, di sepanjang jalan dari Johor hingga ke Perlis.

Tidakkah kita semua tahu hampir 80% penduduk desa adalah terdiri daripada kaum Melayu dan ekonomi bumiputera merupakan ekonomi luar bandar? Data RMK menunjukkan bahawa 74% daripada yang dianggap miskin terdiri daripada orang-orang Melayu. Sementara hidup di bawah garis kemiskinan saja berjumlah 65%.

Apa yang sudah terjadi kepada pergerakan Wanita UMNO, sedikit-pun tidak ada protes dari mereka. Lupakah mereka bila wanita sudah minum arak, macam-macam boleh terjadi kepada mereka, terutama yang beragama Islam.

Ke mana perginya pemuda UMNO di bawah pimpinan Tuan Haji Suhaimi. Tidak pernahkah Haji Suhaimi terbaca di dalam akhbar-akhbar dan majalah Melayu yang mengiklankan minuman yang diharamkan oleh Islam yang menjadi agama rasmi negeri ini?

Saya fikir sama ada mereka tidak sedar atau mereka takut mengkritik akhbar-akhbar kerana ini boleh menjelaskan kedudukan mereka, atau nanti akhbar tidak akan memberi mereka publisiti.

Manapun lebih penting, publisiti atau keselamatan umat Islam yang ti-

dak berdosa dibiaran dipengaruhi oleh pengaruh yang menjadikan punca segala kejahanan?

Mengikut pendapat Tengku Razaleigh Hamzah, orang Melayu sangat jauh tertinggal di belakang. Contohnya dari data-data di bawah menunjukkan orang-orang yang berpendapatan \$1.00 hingga \$99.00 sebulan terdapat 22.9% Melayu, 26% Cina, dan 1.3% India. Pendapatan \$100.00 hingga \$199.00, Melayu 19.1%, Cina 7.8% dan India 4.4%. Pendapatan \$400.00 hingga \$6.99.00, bangsa Melayu 3%, Cina 5.3%, India 1.2%. Pendapatan \$700.00 hingga \$1,499.00 Melayu 1.1% Cina 2.9% dan India 0.6%. Bagaimanapun peratusan bagi orang Cina turut meningkat apabila pendapatan meningkat.

Patutkah sesudah kita mengetahui bahawa arak itu haram, dan segala perbuatan munkar berlaku akibat daripada minuman yang telah diharamkan Tuhan itu digalakkan berleluasa di kalangan orang-orang Melayu yang sedia miskin dan melarat itu?

Tidak adakah para pemimpin UMNO yang berani tampil ke hadapan mendesak kerajaan supaya mengharamkan semua iklan arak dalam Bahasa Kebangsaan, dan meletakkan label tanda Haram di tiap-tiap botol arak?

Para doktor dan pakar perubatan sendiri mengakui bahawa peminuman arak adalah terdiri daripada mereka-mereka yang membahayakan kesihatan sendiri, walaupun adakalanya para doktor terpaksa menyuruh pesakitnya meminum minuman tersebut untuk dijadikan sebagai salah satu ubat, tetapi bukanlah sebagai usaha untuk memabukkan.

Pun begitu rata-rata mereka masih mengambil keputusan bahawa minuman arak bukan sahaja membahayakan kesihatan, malah turut membahayakan juga diri sendiri dan orang lain.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri telah mengambil keputusan untuk menghapuskan sama sekali ancaman minuman ini di seluruh dunia. Berbagai usaha sedang dijalankan untuk tujuan ini. Antaranya ialah menaikkan harga, mengurangkan had import dan jika boleh mengharamkan sama sekali penjualan minuman tersebut.

Ketua Pengarahnya Half dan Mahler melaporkan bahawa kira-kira 50% daripada jenayah yang dilakukan hari ini berpunca daripada arak. Meminum arak terlalu berlebihan juga menambahkan bilangan kemalangan jalanraya yang semakin meningkat di seluruh dunia.

KUALA LUMPUR, Rabu — Persatuan Ulamak Malaysia menyesali kenyataan Tunku Abdul Rahman yang mensifatkan sebagai satu langkah mundur tindakan Kerajaan Johor mengharamkan orang-orang Islam minum arak bersama rakan mereka bukan Islam di khalayak ramai.

S e t i a u s a h a Penerangannya, Haji Mohamad Haji Shafie dalam satu kenyataannya hari ini berkata, pendapat dan pandangan Tunku itu nyata sekali tidak Islam. Haji Mohamad menggaskan, tegahan minum arak bukanlah kerana mengikut Undang-undang Islam Negeri Johor, tetapi kerana mematuhi undang-undang Tuhan.

Turun ayat

Beliau telah mengulas kenyataan Tunku dalam ruangan "sesudah saya amati" yang disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Malaysia (bukan Berita Harian) pada 5 Februari lalu.

Dalam ruangan itu antara lain Tunku menyebut "sekarang orang-orang Islam tidak lagi dibenarkan bersama-sama dengan rakan yang bukan Islam untuk minum arak kerana mengikut Undang-undang Islam Johor yang baru diluluskan mengharamkan orang Islam minum arak di bar-bar, kedai kopitiam, disco, coffee house, kelab-kelab malam, hotel-hotel dan lain-lain dan ini tentunya satu langkah yang mundur memandangkan kita sekarang hidup dalam masyarakat yang modern dan permissif."

Kata Tunku lagi, "ia juga tentu menimbulkan akibat yang serius kerana walau banyak



TUNKU ABDUL RAHMAN

mana sekatan sekalipun ia tidak akan dapat menyekat orang-orang muda untuk bersukaria dan membuat apa yang mereka mahu, mereka mungkin mengamalkan perkara itu dengan cara bersembunyi puja, apa yang lebih serious lahir mereka nanti tidak dapat bergaul bersama dalam majlis-majlis parti dan keramalan serta majlis-majlis makan malam kerana di sini berbagai-bagai jenis minuman diaedikasi dengan terlalu mewah."

Haji Mohamad berkata lagi, kenyataan itu dengan jelas menunjukkan sikap Tunku sendiri sebagai seorang tokoh Islam, pendapat dan pandangannya nyata sekali tidak Islam. Menurut beliau, dalam Undang-undang Islam, pengharaman arak itu dengan turunnya ayat yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi tenung nasib dan menyembah berhala adalah jenis (haram) daripada kerja syaitan, maka hendaklah kamu jauhi semoga kamu mendapat kemenangan."

Dengan ayat tersebut, tegas Haji Mohamad, Islam melarang pengantup-pengantupnya minum arak dalam semua keadaan kecuali terpaksa (darurat).

Katanya lagi, Islam tidak pernah menghalalkan arak atas

sebab-sebab muhibbah dan kerana semata-mata hendak muhibbah, "tidakkah ada jalan lain yang boleh membawa kepada muhibbah?" tanya beliau.

"Tegahan minum arak bukanlah kerana mengikut Undang-undang Islam Negeri Johor, tetapi ialah kerana mematuhi Undang-undang Tuhan," ujar beliau.

Melarang

Haji Mohamad bertanya, apakah dengan minum arak, mabuk terhuyung-hayang di tepi jalan, meracau tak tentu arah, bergaduh dengan kawan, memukul anakisteri dan memandu dengan membahayakan diri dan orang lain itu merupakan satu temaduz dan kema Juan?"

"Adakah kita bersetuju bahawa orang-orang Islam yang tidak minum arak di negara ini tidak bertemaduz dan mundur semuanya, Nabi Mohamad serta sahabatnya juga tidak bertemaduz dan adakah orang-orang yang minum tadi itu semua berpengetahuan tinggi dan bertemaduz?" tanya Haji Mohamad lagi.

Katanya, masalah hendak menyekat orang-orang muda meminum arak boleh di atasi sekiranya ada kemahuhan yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak.

CENTRAL
Kuala Lumpur 83027



AKHIRNYA JADI BURUNG LAYANG-LAYANG

Masalah menggadai dan menjualkan tanah kepada kaum imigran bukanlah satu masalah yang baru kepada orang Melayu. Cerita orang Melayu menggadai dan menjualkan tanah mereka sama tuanya dengan UMNO.

Tiga puluh satu tahun yang lampau waktu UMNO baru-baru ditubuhkan, para pemimpin UMNO telah pun menyuarakan masalah ini. Rencana di dalam 'Majlis' dan orang ramai heboh memperkatakannya.

Mungkin lebih hebat dari sekarang, ramai yang sudah sedar akan bahaya dari perbuatan mereka menjualkan tanah kepada bangsa asing.

Menurut ketua jabatan iktisad UMNO "Orang Melayu patut menjaga tanah-tanah pusaka supaya jangan dijual sewenang-wenangnya, sehingga gakan untuk membuat rumah sendiri terpaksa menyewa tanah orang lain atau menumpang tanah orang untuk bercucuk tanam."

Ditambah lagi "usaha untuk membaiki iktisad orang Melayu ini mestilah dijalankan dengan segera dan mesti dijalankan oleh tiap-tiap orang Melayu" 'Majlis' 28 Februari 1948.

Pengarang buku '*UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik*' menambah lagi di muka surat 73.

Dengan ini, walaupun banyak rayuan yang tidak dipenuhi oleh UMNO, tetapi minat untuk memajukan ekonomi orang Melayu tetap ada di dalam pertimbangan UMNO.

Baru-baru ini, para pemimpin UMNO yang teringat kembali jeritan para pemimpin lebih kurang 31 tahun yang lampau mula menjerit-jerit semula dengan suara yang lebih lantang berkenaan masalah tanah yang masih dihadapi oleh orang-orang Melayu, semakin besar masalah, semakin terus keadaan yang sedang dihadapi semakin kuat dan semakin rawan cak pekikan para pemimpin UMNO dari seluruh tanahair.

Menurut seorang pemimpin muda UMNO "Tanah bukan saja sumber ekonomi yang penting untuk keluarga dan negara, tetapi ianya juga adalah cagaran untuk menjadi warisan kepada anak cucu yang tinggal ke-

mudian" dan pemimpin yang telah sedar itu mahu menambah kesedaran kepada mereka yang telah sedar. "Dengan adanya tanah yang masih dimiliki oleh orang Melayu sebenarnya akan menjadi satu alat untuk mengukuhkan politik orang Melayu yang ada sekarang."

Pesan pemimpin muda itu disuarakan bersungguh-sungguh dengan penuh harapan supaya para pemimpin UMNO jangan jemu-jemu berusaha menasihati pemilik-pemilik tanah dari kalangan Melayu supaya menukarkan taraf tanah mereka kepada simpanan Melayu.

"*Wonders of the world lasted for seven days*" kata bijak pandai. "Barang yang paling ajaib sekalipun di dunia ini tidak boleh menggemparkan kita lebih dari tujuh hari."

Orang Melayu lekas gempar dengan berita yang pelik-pelik, semua orang akan memperkatakannya, berita manusia sampai ke bulan sedikit hari dahulu menggemparkan kita, kita kagum, kita terkejut, kita berjaga bila ada berita-berita yang mencemaskan kita. Lepas itu, berita itu akan berlalu seperti lalunya ribut kencang.

Paling lama berita ini akan menggemparkan orang Melayu selagi ada issue-issue yang boleh menggempar, dan tidak ada berita-berita yang lebih hangat dari itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Haji Embong Yahaya mendedahkan adanya sindikit yang membiayai pembelian tanah kepunyaan orang-orang Melayu di Negara ini.

Mengikut Datuk Embong, sindiket itu berani menawarkan harga yang tinggi kepada orang-orang Melayu yang mempunyai tanah, asalkan mereka dapat memiliki tanah-tanah tersebut. Tambah pegawai penerangan UMNO itu lagi, setelah membeli tanah itu mudahlah mereka merendah-rendahkan orang-orang Melayu.

Beliau bimbang jika perkara ini dibiarkan berpanjangan, tanah milik Melayu, terutama di kawasan bandar akan pupus.

Cukupkah orang Melayu diberitahu mengenai bahaya-bahaya yang akan menimpa mereka. Keberanian para pemimpin mendedahkan bahaya-bahaya yang akan berlaku sekiranya masalah ini tidak diperbaiki patut kita sanjung tinggi. Sebelum ini, selama lebih 30 tahun para pemimpin UMNO yang lain telah tidur, atau seolah dipukau atau disihir oleh ahli sihir.

Kita membiarkan saja kerosakan dan kebinasaan yang sedang berlaku

kepada kaum kita. Barang yang lepas tidak usah dikenang, kalau dikenang air mata jatuh berlinang.

Syukurlah masih belum terlambat, nasib baik kuasa-kuasa politik masih ada juga di tangan orang Melayu, dan dengan adanya kuasa politik dan semangat kesedaran ini, kalau para pemimpin Melayu tidak menggunakan juga kuasa mereka, 30 tahun lagi dari hari ini, kita akan tinggal di rakit atau di dalam perahu, atau paling tidak menyewa di bilik sempit dan menumpang sepertimana burung layang-layang menumpang di dawai telefon atau di celah-celah bumbung bangunan kepunyaan kaum imigran yang telah memiliki hampir semua tanah dan kuasa politik yang ada di dalam negeri ini. Dan negeri ini bukan lagi kita yang punya, nasib kita tidak ubah seperti burung layang-layang yang tidak boleh mencecahkan kakinya ke tanah, kerana mengikut pendapat Dr. Nordin Selat.

"Sebelum orang Melayu mengaku negeri ini dia yang punya, terlebih dahulu dia mesti membuktikan adanya geran tanah atas nama Melayu." Kerana mengikutnya lagi ada pepatah yang mengatakan "Nyawa berpijak di atas tanah."

Kata-kata dan amanat dari Dr. Nordin Selat seorang pemimpin UMNO juga seorang pengarang yang telah menghasilkan beberapa buah buku yang kontroversi benar menakut dan menggerunkan saya, terasa saya betapa benarnya kata-kata beliau itu. Dan saya pun berfikir, kenapakah orang Melayu yang berduit tidak digalakkan membeli sebanyak-banyak tanah, kenapakah kerajaan tidak membuat sebanyak-banyak rumah murah yang termampu dibeli oleh orang Melayu? Untuk orang-orang Melayu yang benar-benar memerlukan rumah? Kenapa UMNO sendiri tidak membuatkan sebanyak-banyak rumah murah untuk ahlinya sendiri seperti yang dibuat oleh MCA, di peringkat pertama parti itu ditubuhkan?

Pendapat Dr. Nordin yang berterus terang dan berasas berkenaan tanah dan orang Melayu membuat peluh sejuk mengalir di badan saya dan membuat saya merasa gementar. Saya percaya setiap pemimpin UMNO yang merasakan adalah tanggungjawab mereka untuk memperjuangkan nasib ahli-ahli UMNO dan orang Melayu boleh menitiskan air mata kepada mereka yang sedar dan insaf kerana tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka untuk memimpin

dan membela nasib orang Melayu. "Kalau orang itu duduk di Malaysia, tetapi tidak ada tanah, dia bukan 100 peratus penduduk negeri ini."

Kalau benarlah apa yang dikatakan oleh Dr. Nordin itu, orang Melayu yang membanggakan Tanah Melayu ini sebagai negeri mereka adalah "*Second Class Citizen*" (rakyat kelas dua).

Kalau orang Melayu tidak ada tanah, negeri ini pada konsepnya saja orang Melayu punya, tetapi pada realitinya orang lain punya.

Sebab itulah kaum imigran yang menyedari akan hakikat ini telah membeli tanah sebanyak-banyaknya. Tetapi pemimpin UMNO cuma melaung-laungkan "Jangan jual tanah, jangan gadai tanah."

Tambah Dr. Nordin Selat dalam temuramahnya dengan akhbar Watan, satu wawancara dengan Yusof Harun, "Orang Melayu yang telah menjualkan tanahnya kepada kaum lain telah membuat satu kesalahan yang besar, satu kesilapan kerana tidak mahu memandang ke hadapan. Keuntungan yang mereka dapatkan akan menjadikan satu kerugian yang besar esok."

Saya fikir dan saya percaya ramai yang akan bersetuju dengan pendapat Dr. Nordin "Orang Melayu yang menjualkan tanah mereka kepada kaum lain ialah penderhaka kepada masyarakat dan bangsa Melayu".

Antara pemimpin muda yang telah menyelamatkan tanah kaum bumiputera dari terjual dan tergadai kepada kaum imigran ialah Datuk Amar Taib Mahmood. Apabila orang Cina Sarawak yang mempunyai pengaruh dan kuasa dalam parti yang memerintah, iaitu parti Alliance mendesak-desak kerajaan dengan menggunakan British yang masih bekerja di Sarawak supaya mengadakan *Land Bill 1966* supaya tanah bumiputera boleh dijual kepada kaum imigran. Datuk Taib berjaya mengumpul lebih 50% suara dari kaum bumiputera supaya bill tersebut ditarik balik sebelum dibawa masuk untuk diperdebat. Keberanian dan kebijaksanaan Datuk Amar telah menyelamatkan tanah kaum bumiputera.

Ramlah Adam, Pengarang buku bertajuk "*UMNO ORGANISASI DAN KEGIATAN POLITIK*", mengingatkan kita semua peranan yang telah dimainkan oleh suratkhabar "*Majlis*" untuk menanamkan perasan kesedaran dan keinsafan kepada orang-orang Melayu akan tanggung-jawab mereka terhadap bangsa dan negara.

Dalam muka surat 72, Ramlah Adam mengingatkan kita semua dari para ke para tugas-tugas yang telah dijalankan oleh pengarang '*Majlis*'.

Perjuangan untuk memajukan ekonomi orang Melayu mengikut 'Majlis' bukan sahaja cukup dengan tempik sorak "Hidup Melayu" semata-mata seperti dalam tahun 1946, tetapi mestilah diusahakan dengan tenaga dan kerjasama dari semua lapisan; dari golongan raja, pem-besar-pembesar, pegawai-pegawai hingga kepada rakyat bawah . . . termasuk juga guru-guru mesti menanamkan rasa pentingnya kemajuan ekonomi di dada anak-anak . . . dan barisan pemuda-pemuda juga mesti bekerja kuat supaya sesuai dengan erti 'Pemuda harapan bangsa'.

Apakah semangat yang telah ditanam kepada para pemimpin Melayu pada ketika itu lebih kurang 31 tahun yang lampau telah dipraktiskan oleh mereka yang pernah mendengar seruan tersebut?

Sia-sia jabatan iktisad UMNO menggunakan 'Majlis' untuk menyiar-kan secara bersiri-siri tentang perlunya orang Melayu memperkuuhkan ekonomi mereka melalui siaran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dengan tajuk '*Politik dan Ekonomi*' kerana kita semua tahu orang Melayu tidak suka membaca. Kalaupun ada sebilangan yang suka membaca, mereka membaca kerana mereka suka membaca saja tidak mahu meng-kaji dan meneliti dan mempraktiskan apa yang mereka telah pelajari.

Kerana Tuhan telah berfirman. "Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubah nasib mereka", dan UMNO ditubuhkan untuk menyelamatkan orang Melayu dari mati lemas dilanda oleh banjir besar arus *Malayan Union*.

UMNO adalah sebuah bahtera, biar pun sudah tua, masih tetap ber-guna, masih kukuh, masih kuat, dan sanggup menyeberangi lautan yang seluas manapun, gelombang yang besar manapun, itulah pendapat saya Insya Allah bahtera umat Islam ini tidak akan karam selagi para pemim-pinnya jujur dan ikhlas. Amanah, bersungguh dan berani memperjuangkan nasib orang Melayu yang hampir mati kedahagaan di tepi perigi.

Orang Melayu sebenarnya tidak peduli siapa yang menjadi Nakhoda-nya? Asalkan nakhoda itu boleh menjadi imam kepada kita semua, na-khoda itu mestilah orang Islam, yang mengamalkan akidah Islam, ber-pandukan al-Quran dan hadith sebagai kompas. Insya Allah kita semua tidak akan sesat di tengah lautan yang gelap gulita. Ada bintang yang boleh menunjukkan arah kejayaan dan keselamatan.

Bila semangat kesedaran yang berasaskan Islam menjadi pegangan pe-mimpin kita semua, kita tidak perlu menyingkir atau panah mema-

nah. Para pemimpin yang sudah mulai lembab dan tidak bersemangat, dengan sendirinya akan berundur diri. Kita tidak payah menggunakan tekanan dan cara yang kotor untuk menjatuhkan mereka, kerana buah yang sudah buruk di atas pokok akan jatuh dengan sendirinya.

Yang penting ialah menanamkan semangat perpaduan, keislaman. Orang mukmin dengan sendirinya akan memikirkan saudara-saudara mereka yang seagama. Orang Islam yang baik tidak akan menaruh perasaan dendam, mereka sentiasa sanggup memberi maaf dan tidak akan menaruh perasaan dengki, khianat dan hasad sesama sendiri. Umat Muhammad yang baik akan sentiasa menaruh kasih sayang sesama saudara mereka orang-orang Muslim.

Apakah kita tidak mengetahui yang setiap orang itu adalah pemimpin? Dan sebagai pemimpin manusia, kita penganut agama Islam sudah mempunyai pemimpin lebih 1,000 tahun dahulu dan di dalam UMNO ada begitu ramai pemimpin.

Siapa lagi kalau tidak para pemimpin UMNO yang diharapkan untuk memperjuangkan kedudukan orang Melayu yang tersangat teruk sekarang?

Orang Melayu dalam keadaan darurat, begitulah tafsiran yang sedang dihebohkan di seluruh negara. Cukupkah para pemimpin membuat heboh tanpa mengambil apa-apa tindakan dan berbuat sesuatu menebus kembali tanah yang sudah terjual?

Kita semua sedar para pemimpin UMNO bukanlah terdiri dari golongan orang Melayu yang radikal, tetapi tidakkah ada para pemimpin yang berpengaruh yang boleh berbuat sesuatu dengan cara spontan? Beratus ribu orang Melayu yang mahukan rumah murah dan mereka mampu membeli ikut kadar dan pendapatan mereka. Dan kita pula bukan tidak sedar, akhir-akhir ini ramai di antara para pemimpin UMNO yang leka memperjuangkan jawatan-jawatan pemimpin untuk memanas-kan kerusi jawatan itu saja dan seterusnya menikmati keistimewaan yang datang dengan jawatan tersebut.

Siapa di antara para pemimpin UMNO yang tidak tahu, iaitu 'Kedudukan Ekonomi yang Kuat Sahaja yang Dapat Mengukuhkan Politik orang Melayu'.

Saya fikir kerana kesedaran ini ramai di antara mereka yang mengadakan komplot sedia dan sanggup membelanjakan wang untuk mere-

but kedudukan dan pangkat dalam parti dan bila sudah mendapat kedudukan dan pangkat dalam UMNO, mereka akan memperjuangkan kedudukan mereka terlebih dahulu. Kalau ada yang lebih-lebihnya nanti akan diberikan pada mereka yang boleh dipergunakan dan diperalatkan.

Siapakah yang hendak disalahkan dalam hal ini? UMNO tidak salah, perlembagaan UMNO juga tidak boleh disalahkan, UMNO bolehlah dianggap seperti orang Melayu dan orang Melayulah UMNO.

Perbuatan menyingkir dan memaksa supaya para pemimpin menyerahkan kuasa kepada orang yang baharu yang kononnya berdarah panas, berkalibar, punyai intelek adalah punca segala permusuhan yang membuatkan pecah belah dan pergaduhan sesama sendiri, seperti apa yang sedang berlaku di dalam UMNO sekarang.

Kalau benar para pemimpin muda dalam UMNO sungguh-sungguh hendak memperjuangkan nasib orang Melayu, sungguh-sungguh hendak membela nasib orang Melayu yang terbiar, perjuangkanlah ke titisan darah yang terakhir. Berkorbanlah apa yang ada, nama harta dan pangkat dengan hati yang jujur dan ikhlas seperti perjuangan Dato Onn masa mula-mula perjuangannya dahulu, hak asasi manusialah yang diperjuangkan, nasib orang Melayu yang tertindas dan tersiksa yang dibela, beliau menentang perbuatan yang serong, zalim dan kejam.

Dato Onn tidak ditarik dengan tali ke atas, tidak juga diampu dan dinaikkan ke atas kerana pangkat dan keluarga. Beliau membuat satu pengorbanan yang besar yang tidak ada tolak bandingnya.

Beliau bertempur, beliau berjuang dengan gagah dan berani, tidak loby sana dan sini mencari kedudukan. Beliau tidak jadi pemimpin kerana ditunjuk oleh orang atas, rakyat jelata yang di bawah dengan hati dan sanubari yang mengundi beliau, yang mahukan beliau.

Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang boleh memimpin diri mereka dengan baik, membersihkan jiwa raga, menjernihkan hati dan perasaan, pemimpin yang tegas, berani, jujur dan ikhlas dan bertimbangrasa, boleh memimpin keluarga mereka dengan baik, mempunyai sifat yang terpuji, personaliti yang bagus peribadi yang baik dan menarik, bukan pemimpin yang ego seperti kaduk naik junjung.

Baru dipilih menjadi wakil rakyat atau menteri, sudah merasakan mereka seorang pemimpin besar, wakil rakyat pun bukan macam wa-



Y.B. Lim Kit Siang

kil rakyat seperti Lim Kit Siang, Lee Lam Thye, atau Dr. Tan Chee Koon yang menang kerana sikap dan peribadi yang disukai dan disenangi oleh para pengundi mereka. Pemimpin yang saya anggap bodoh sompong seperti ini menang kerana simbol Dacing, pengaruh Datuk Hussein atau atas belas kasihan dari orang Melayu yang masih sayangkan UMNO. Dan selagi para pemimpin 'bodoh sompong' yang tidak mahu membaiki diri, selama itulah orang Melayu tidak mahu mengubahkan nasib mereka akan hidup dalam kemiskinan.

SUSUR GALOR SEJARAH ORANG CINA DI MELAKA

Mengikut kajian sejarah, Melaka merupakan negeri yang mula-mula sekali didatangi oleh orang Cina. 'Sejarah Melayu' mencatatkan, dalam tahun 1403, semasa Melaka diperintah oleh Parameswara, Maharaja China telah menghantar Ying Ch'ing sebagai utusan ke Melaka. Parameswara amat gembira dan telah membalas utusan itu pada tahun 1405.

Hubungan China-Melaka ini bertambah penting apabila Laksamana Cheng Ho tiba di Melaka pada tahun 1408. Ekoran daripada lawatan itu, Parameswara telah melawat China bersama-sama isteri, puteranya dan menteri-menterinya berserta 450 orang lagi, dalam tahun 1411.

Sungguhpun begitu, tidak ada catatan sejarah yang menunjukkan bahawa orang Cina telah menetap di Melaka, sehingga kedatangan Laksamana Li Chi-t'uan. Laksamana Li Chi-t'uan berasal dari Lu Kiang dalam daerah Fukien, yang telah meninggalkan kampung halamannya di awal permulaan pemerintahan Dynasty Ming dan kemudiannya menetap di Melaka. Bukti ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina yang mula-mula menetap di Melaka adalah datangnya dari Province Fukien.

Orang-orang Cina sebenarnya tidak pun datang ke Melaka secara beramai-ramai sehinggalah pemerintahan Inggeris. Di awal-awal kurun 17, hanya terdapat di antara 300-400 orang Cina di Melaka. Dalam tahun 1641 bilangan ini tidak pun bertambah. Tetapi sehingga tahun 1786 bilangan ini telah meningkat kepada 850 orang yang tinggal di bandar dan sekitarnya. Dalam tahun 1750 pula bilangan ini telah meningkat kepada 2,161 orang dari jumlah penduduk Melaka pada masa itu seramai 9653 orang. Dalam tahun 1766 bilangan ini telah merosot kepada 1390 daripada 7216 orang penduduk Melaka. Bilangan ini terus merosot kepada 1006 orang daripada jumlah penduduk seramai 19,627 dalam tahun 1812.

Tetapi dalam tahun 1842 jumlah orang-orang Cina di Melaka telah bertambah. Pada tahun ini bilangan mereka telah meningkat kepada

6,882 orang dari jumlah penduduk seramai 46,092 orang. Dalam tahun 1860 jumlah ini telah meningkat kepada 10,039 orang daripada jumlah penduduk ketika itu yang berjumlah 67,267 orang. Sementara dalam tahun 1931 dari jumlah penduduk seramai 186,711 orang, seramai 65,179 orang adalah terdiri daripada orang-orang Cina. Jumlah ini terus meningkat kepada 92,125 orang daripada jumlah penduduk Melaka ketika itu 236,087 orang dalam tahun 1941.

Pertambahan penghijrahan ini adalah disebabkan keperluan tenaga buruh bagi menjalankan kerja-kerja di ladang-ladang getah, terutamanya selepas tahun 1905. Ramai tenaga-tenaga buruh Cina ini telah digunakan untuk menjalankan kerja-kerja di ladang getah pada masa itu. Keperluan tenaga buruh Cina ini kemudiannya telah dihalakan pula ke bidang perusahaan melombong bijih timah yang memerlukan pengetahuan-pengetahuan di bidang kejuruteraan.

Tetapi disebabkan keadaan ekonomi yang turun naik di dalam tahun-tahun 1930-an, kedatangan orang-orang Cina juga turun naik. Orang-orang Cina bukan saja datang ke Melaka, sebaliknya telah berada di negeri-negeri yang lain terutama di Perak dan Selangor. Setengah-setengah orang Cina yang datang itu telah menganggur akibat kemerosotan ekonomi di ketika itu. Malahan di ketika ekonomi melambung pun, hanya bilangan tenaga buruh yang terhad sahaja yang dapat diambil bekerja di ladang-ladang dan lombong. Ini telah mengakibatkan sebahagian besar dairpada orang-orang Cina ini tidak mendapat pekerjaan. Bagi mengatasi dan mengawal keadaan ini dalam tahun 1933 Kerajaan Inggeris telah mengetatkan rancangan kemasukan orang-orang Cina ini.

Beberapa tahun sebelum tercetusnya perperangan Dunia Pertama, kedatangan orang-orang Cina ke Malaya dibuat melalui peraturan yang dikenali sebagai 'sin-kueh system'. Melalui sistem ini broker buruh-buruh Cina telah mengambil kuli-kuli di Negeri China bagi bekerja sebagai petani di Malaya. Mereka telah menjanjikan dengan mengatakan bahawa keadaan di Malaya amat mudah mendapatkan kekayaan. Broker ini akan mengadakan kemudahan pengangkutan untuk ke Malaya dan sebagai balasannya kuli-kuli itu dikehendaki menandatangani satu perjanjian untuk bekerja di mana-mana majikan yang dipilih oleh broker tadi.



Mendiang Tun Tan Cheng Lock

Apabila kuli-kuli ini tiba di Singapura atau Pulau Pinang, broker ini akan menghubungi majikan-majikan yang memerlukan buruh tambahan. Majikan-majikan ini akan membayar broker tersebut dengan wang tunai terhadap harga kuli-kuli yang diserahkan kepadanya. Menurut syarat-syarat perjanjian ini kuli-kuli tersebut terpaksa bekerja sehingga majikan tersebut dapat mengambil semula wang yang telah dibayar kepada broker tersebut termasuk bunganya sekali. Malangnya dalam keadaan serupa ini majikan-majikan telah mengambil kesempatan dengan membiarkan kuli-kuli tersebut hidup sentiasa ber hutang dengan tujuan untuk membolehkan mereka menggunakan kuli-kuli tersebut lebih lama lagi. Sistem ini akhirnya telah dihapuskan pada tahun 1914. Sungguh-pun begitu orang-orang Cina masih ramai datang ke Malaya dengan secara persendirian, sementara mereka yang telah menetap di negeri ini pula menggalakkan kaum keluarganya mengikuti jejak langkah mereka.

ASPEK POLITIK MASYARAKAT CINA

Masyarakat Cina yang datang ke Malaysia termasuk Melaka, bukanlah merupakan masyarakat yang padu. Sementara kebanyakan daripada mereka datangnya dari Selatan China, mereka bercakap dalam banyak dialek yang mengekalkan identiti kedaerahan mereka. Oleh itu perpaduan mereka di bidang politik amat susah. Sebarang bentuk persatuan yang ingin menyatukan mereka akan menghadapi tantangan sama ada dalam bentuk masalah bahasa, kedaerahan ataupun keturunan. Hanyalah ketika Zaman Jepun, orang Cina ini dapat bersatu, itupun hanyalah atas dasar 'perkauman'. Ini disebabkan mereka telah dianggap sebagai masyarakat yang ganas dan kejam.

Penyertaan orang-orang Cina di dalam politik sebenarnya amat terhad. Ini disebabkan menurut kacamata tradisional orang-orang Cina, hanya orang-orang yang dilatih khusus sahaja yang akan dapat memimpin kerajaan. Malah penyertaan politik orang-orang Cina lebih banyak merupakan kerja-kerja yang tidak mendatangkan faedah umpamanya tunjuk perasaan, bermesyuarat beramai-ramai, hartal, atau menentang dasar-dasar kerajaan yang dirasakan tidak adil atau menindas orang-orang Cina. Orang-orang yang masih berdarah muda lebih ganas. Setengah daripada mereka mengganas di jalan-jalanraya atau menjadi pengganas politik apabila timbulnya krisis yang melibatkan orang-orang Cina. Biasanya apabila sesuatu masalah politik mencetus, mereka dengan mudah menarik diri daripada menyertai kerajaan dan mengancam untuk meletakkan jawatan beramai-ramai.

Sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat orang-orang Cina yang enggan memutuskan hubungannya dengan Negeri China. Tetapi keadaan yang berlaku di ketika itu telah mencabar dan meletakkan mereka dalam keadaan yang serba salah. Mereka terpaksa menerima kenyataan bahawa Malaya merupakan tempat kediaman kekal. Ini disebabkan mereka sukar untuk kembali semula ke China, dan lebih sukar lagi untuk

mendapatkan kebenaran memasuki semula Malaya sekiranya mereka kembali ke Negeri China. Mereka berpendapat lebih banyak mendapat faedah dengan mendapatkan Kerakyatan Warganegara Malaya, dengan tidak pula menghilangkan kebudayaan dan identiti kecinaan.

Sebenarnya kegelisahan dan ketidakstabilan politik orang-orang Cina, adalah disebabkan mereka cuba berhadapan dengan dua arah dalam satu seketika. Pertamanya, ingin mengekalkan sebagai 'Orang Cina', dengan kebudayaan, bahasa, adat resam, dan setia kepada Negeri China. Sementara yang satu lagi, sebagai sebuah masyarakat, mereka meminta digulungkan sebagai rakyat Malaysia yang taat setia, yang tidak boleh diragu-ragukan. Jadi dalam keadaan percanggahan dua nilai inilah, mereka mendapati diri mereka berbelah bagi untuk membuat keputusan mana yang perlu dipatuhi ataupun memaksa diri mereka menonjolkan tujuan-tujuan yang bertentangan.

Selepas Perang Dunia Kedua, Kegiatan Politik Orang Cina amat sukar untuk dipastikan, kerana terlalu banyak pertubuhan-pertubuhan Cina yang melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan awam. Malahan di dalam beberapa hal, semua persatuan-persatuan peniaga-peniaga Cina, persatuan-persatuan kebajikan dan Kongsi-kongsi Gelap, bertindak seolah-olah pertubuhan politik yang merupakan 'pressure groups' untuk melindung dan menggalakkan kepentingan ekonomi dan politik mereka. Sekiranya dasar-dasar kerajaan tidak secucuk dengan kepentingan mereka, mereka akan merujukkan masalah mereka kepada kerajaan melalui Lembaga Penasihat Orang-orang Cina, Setiausaha Kebajikan Orang-orang Cina ataupun melalui Ahli-ahli Cina yang dilantik di dalam Majlis Perundangan dan Lembaga-lembaga Kerajaan.

Lantas ramai daripada orang-orang Cina yang mempunyai kepentingan sendiri mengikut pemimpin-pemimpin Kuomintang, Dewan Perdagangan Cina atau Persatuan Orang-orang Cina Inggeris Negeri-negeri Selat (Straits Chinese British Association).

Sungguhpun Pertubuhan Kuomintang telah diharamkan selepas tahun 1925, tetapi ianya masih bergiat di dalam tahun-tahun 20-an dan 30-an. Malahan sehingga tahun 1949 apabila kerajaan mengharamkan semua 'Parti Politik Luar Negeri' barulah kegiatan Kuomintang terhenti sama sekali. Tindakan ini telah menyebabkan Kuomintang terbubar sebagai pertubuhan politik buat kedua kalinya.

Kedudukan orang-orang Cina di dalam Dewan Perniagaan Cina berlainan sedikit. Peniaga-peniaga Cina selalunya menganggap diri mereka sebagai pemimpin masyarakat Cina. Dewan Peniaga-peniaga Cina inilah yang merupakan pertubuhan yang terbesar mewakili kepentingan orang Cina. Dewan Peniaga-peniaga ini jugalah yang mempertahankan Kebudayaan Cina. Kepada peniaga-peniaga Cina cara melindungi 'Kebudayaan Cina' adalah melalui pengajaran sejarah Cina dan Kesusasteraan Agama di sekolah-sekolah Cina. Kaitan dengan Kebudayaan Cina inilah yang menyebabkan ramai pemimpin-pemimpin Dewan Perniagaan Cina menjadi pemimpin barisan depan di dalam perjuangan mereka menentang 'Dasar Pelajaran' yang dianggap mengancam sekolah-sekolah berpengantar Cina. Disebabkan sumbangsan mereka yang besar kepada sekolah-sekolah Cina, kebanyakannya daripada mereka ini telah duduk di dalam jawatankuasa pengelola sekolah-sekolah. Dengan itu Dewan Perniagaan Cina terlibat di dalam issue-issue perkauman yang bukan merupakan kepentingan perniagaan.

Sebenarnya ahli-ahli Dewan Perniagaan Cina, sentiasa bersemangat-kebangsaan kecinaan. Mereka mengelakkan diri daripada terlibat di dalam perjuangan politik orang-orang Cina Tempatan. Malahan, walau-pun Dewan Perniagaan Cina adalah di antara kumpulan Cina yang pertama berminat menumpukan perhatian penuhnya kepada politik Malaya, ini disebabkan mereka menyedari bahawa langkah itu akan melindungi kepentingan politik dan ekonomi mereka. Dalam hal politik, Dewan Perniagaan Cina Melaka telah memainkan peranan yang terpenting kerana kegigihan presidennya, Tan Cheng Lock. Tetapi disebabkan Dewan Perniagaan Cina ini lebih merupakan 'Pressure groups', peranan politiknya sukar untuk dipastikan sebagai sebuah pertubuhan politik.

Sementara itu sebahagian daripada peniaga-peniaga Cina dan orang-orang profesional juga memegang peranan penting di dalam pertumbuhan politik orang Cina. Simpati mereka lebih 'Pro-Inggeris' dan gaya hidup dan pemikiran mereka lebih ke barat-baratan. Kebanyakannya daripada mereka ini terdiri daripada angkatan kedua atau ketiga penduduk Cina di Malaya, yang menerima pendidikan berbahasa pengantar Inggeris. Mereka ini sungguhpun tidak melucutkan nilai-nilai hidup sebagai orang Cina, tetapi mereka lebih banyak meniru cara-cara hidup orang-orang barat. Golongan ini ramai terdapat di negeri-negeri Selat, iaitu di

Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Di pusat-pusat bandar inilah sebenarnya yang meramaikan masyarakat Cina yang berpendidikan Inggeris. Kebanyakan daripada mereka inilah yang terlibat di dalam perniagaan yang besar-besaran ataupun menceburkan diri di dalam jawatan-jawatan iktisas.

Tetapi ada satu keganjilan besar yang melibatkan kedudukan orang-orang Cina di Negeri-negeri Selat ketika itu, terutamanya kepada generasi kedua orang-orang Cina. Menurut peraturan, semua penduduk yang dilahirkan di negeri-negeri Selat secara otomatis menjadi 'rakyat British', yang mendapat perlindungan kerajaan serta hak-hak keistimewaan yang sama di bawah undang-undang. Malangnya hak-hak dan perlindungan ini tidak diberikan kepada orang-orang Cina walaupun mereka dilahirkan di Negeri-negeri Selat. Akibatnya generasi kedua orang Cina di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sangat cemburu dengan tindakan Inggeris itu. Malahan peniaga-peniaga Cina amat takut kalau-kalau kepentingan mereka akan tergugat daripada menikmati dasar perdagangan bebas di Pulau Pinang dan Singapura sekiranya mereka menjalankan perdagangan di Malaya.

Jadi di dalam banyak hal, boleh dikatakan bahawa golongan ini lebih banyak mengetahui selok belok dasar kerajaan Inggeris jika dibandingkan dengan orang-orang Melayu di Malaya ketika itu.

Persatuan Orang Cina British Negeri-negeri Selatan (The Straits Chinese British Association) ini, sebenarnya menjadi jurucakap utama bagi kepentingan orang-orang Cina. Presidennya, Heah Joo-Seang, seorang jutawan peniaga getah Pulau Pinang telah berjaya membuat kempen mendapatkan pengecualian cukai bagi Pulau Pinang.

Tetapi apabila masalah kemerdekaan timbul pengaruh persatuan ini mula merosot. Sungguhpun begitu, beberapa orang pemimpinnya terus melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan politik dan menyuarakan kepentingan-kepentingan dan pandangan-pandangan orang-orang Cina yang berpendidikan barat ini.

Sementara itu satu lagi golongan orang Cina yang konservatif, juga menjalankan kegiatan yang serupa. Semasa pendudukan Jepun, kegiatan ekonomi peniaga-peniaga Cina hampir pupus. Ini telah menyebabkan terdapatnya kekosongan pimpinan di dalam masyarakat Cina. Parti komunis Malaya telah cuba mengisi kekosongan ini. Lebih-lebih lagi di

ketika itu orang-orang Cina telah mempunyai beberapa persatuan yang kadangkala telah menyebabkan ahli yang sama di dalam pertubuhan yang berlainan juga mewujudkan perlumbaan di antara kumpulan-kumpulan orang-orang Cina itu sendiri. Oleh itu masyarakat Cina telah menjadi lemah dan berpecah-belah. Jadi orang-orang Cina yang konservatif itu terpaksa mengambil masa untuk menyusun semula kegiatannya sebagai sebuah tenaga penggerak politik. Malangnya apabila usaha-usaha untuk menyusun semula untuk mendapatkan semula tempat di dalam kepimpinan masyarakat Cina, keadaan telah memaksa mereka menghadapi kenyataan sebenarnya di ketika itu. Mereka terpaksa memberikan kesempatan juga kepada pemimpin-pemimpin Parti Komunis bagi memimpin masyarakat Cina. Faktor-faktor ini merupakan di antara beberapa sebab yang ketara mengapa di dalam keadaan-keadaan tertentu adanya hubungan di antara kedua-dua golongan tersebut selepas Perperangan Dunia Kedua sehingga mencetusnya pemberontakan komunis.

Apabila ura-ura penubuhan Malayan Union sedang dipertimbangkan, beberapa buah pertubuhan Cina telah mengemukakan pandangannya berkaitan dengan soal kerakyatan, immigration dan juga hak-hak politik orang-orang Cina.

Tetapi kumpulan-kumpulan ini bertindak berasingan dan tidak pula ada tanda-tanda yang mereka ini mendesak melalui satu barisan politik orang-orang Cina yang konservatif. Malahan boleh dikatakan, apabila sultan dan UMNO telah berjaya memaksa Inggeris menghapuskan Malayan Union, golongan elite Cina yang berkecimpung di bidang ekonomi barulah sedar dan mula mencabar semangat kebangsaan orang-orang Melayu. Mereka mula mengembelengkan perpaduan dari segenap bidang bagi mewujudkan tekanan politik untuk mempertahankan dasar-dasar yang terkandung di dalam Malayan Union.

Dalam bulan Ogos 1946, Dewan Perniagaan Cina Melaka di bawah pimpinan Tan Cheng Lock, telah menubuhkan Kesatuan Cina Melaka (The Malacca Chinese Union). Tujuan utama Kesatuan ini ialah, 'untuk mewujudkan kerjasama di antara beberapa pertubuhan Cina' dan 'untuk melindungi/kepentingan politik, ekonomi dan Kebudayaan Cina.' Ini merupakan kegiatan politik yang pertama Tan Cheng Lock selepas perperangan dunia dan juga pemimpin-pemimpin lain di dalam Dewan

Perniagaan Cina yang dipimpinnya. Kesatuan Cina Melaka tidaklah berjaya mewujudkan kekuatan politik. Jadi dalam beberapa bulan kemudiannya, Tan Cheng Lock mula mencari cara-cara mewujudkan kegiatan politik yang lebih kuat bagi mempelopori dan menentang cadangan menubuhkan Malayan Union sebagai satu tindakan 'Anti-Orang-orang Cina'. Beberapa bulan kemudiannya, Tan Cheng Lock adalah di antara pengasas All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1946 di antara pertubuhan barisan Komunis, Malayan Democratic Union dan orang-orang Cina yang konservatif di bawah pimpinannya sendiri.

Dalam tahun 1946 dan 1947 kegiatan-kegiatan besar politik orang-orang Cina yang konservatif ini telah disalurkan ke dalam perjuangan AMCJA. Dewan Perniagaan Cina dan Parti Komunis telah bersedia mengadakan wang, pertubuhan dan pengetahuan dan juga sokongan orang ramai bagi AMCJA, sementara Malayan Democratic Union bertindak selaku jurucakap menentang Malayan Union. Sementara itu dalam tempoh dua tahun ini juga sebenarnya orang-orang Cina Konservatif ini telah terlibat membuat tindakan politik sendiri, terutamanya dalam issue 'Cukai Pendapatan' yang dicadangkan oleh kerajaan, di akhir tahun 1947. MDU dan MCP telah menyokong tindakan kerajaan mengenakan cukai pendapatan, sementara Dewan Perniagaan Cina telah menentang habis-habisan langkah tersebut. Ini telah menyebabkan berlakunya perpecahan politik di dalam AMCJA.

Dalam bulan Februari 1947 pula, semua Dewan Perniagaan Cina telah bersatu, yang dinamakan Persatuan Dewan-dewan Perniagaan Cina dengan tujuan untuk mewujudkan sebuah pertubuhan politik. Persatuan ini diketuai oleh Colonel H.S. Lee, seorang Cina Malaya yang pernah bertugas sebagai pegawai di dalam Tentera Nasionalis Cina.

Jadi apabila Parti Komunis Malaya mula melancarkan kegiatan ganasnya melalui mogok, keganasan, menceroboh, peniaga-peniaga Cina konservatif ini mula bimbang terhadap hubungan mereka dengan anasir-anasir pro-komunis di dalam AMCJA. Satu demi satu Dewan Perniagaan Cina telah menarik diri mereka dari AMCJA. Dalam bulan Mac 1948, Tan Cheng Lock telah mencadangkan pembentukan sebuah barisan bertindak ke arah mewujudkan pertubuhan politik Cina yang berkisar di bawah induk Dewan Perniagaan Cina. Beliau telah mencadangkan



Tun Leong Yew Koh Setiausaha Agung Kehormat MCA yang kedua membuat lawatan ke klinik bantuan MCA di sebuah kampung baru. Beliau memberi tahniah kepada mualih luar negeri yang dengan sukarela berkhidmat kepada penduduk kampung baru itu. Toh Puan Leong kelihatan sedang mendukung seorang bayi.

supaya ditubuhkan 'National Unity League' bagi mewujudkan kerjasama di antara persatuan-persatuan yang bercorak perkauman bagi tujuan politik. Ini merupakan satu langkah percubaan bagi mewujudkan perpaduan perkauman dengan mengenepikan Komunis. Malangnya tindakannya ini telah terbantut kerana Komunis telah melancarkan kegiatan-kegiatan mengganas.

Apabila Komunis telah mencabar undang-undang dan pemerintah, hampir kesemua orang-orang Cina konservatif yang menjadi pemimpin, dengan cepat telah menyokong kerajaan. Pemimpin-pemimpin mereka yang dulunya bersimpati dengan pemerintahan komunis di Cina sendiri telah menyeru orang-orang Cina bekerjasama dengan pihak berkuasa menentang keganasan. Dalam peringkat pertama Darurat issue-issue yang telah ditimbulkan di dalam Perjanjian Malayan Union itu telah ditangguhkan buat sementara, manakala pemimpin-pemimpin orang-orang Cina yang bukan komunis mula membuat langkah bagi menghadapi iklim baru politik.

MCA MENJADI JUARA

Dari catitan-catitan sejarah tadi jelas menunjukkan bahawa politik orang-orang Cina mempunyai kaitan secara langsung dengan tujuan-tujuan perniagaan. Berlainan dengan politik orang Melayu dan India, politik orang Cina sebenarnya lebih kabur. Penyertaan orang-orang Cina di dalam politik adalah disebabkan desakan-desakan hidup yang timbul dari tindakan-tindakan kerajaan maupun sikap kedaerahan yang berhaluan ke Negeri China, ekoran daripada penghijrah buruh-buruh kasar ke ladang-ladang getah dan juga lombong-lombong bijih timah.

Politik orang-orang Cina sebelum merdeka lebih banyak menitik-beratkan masalah asasi termasuk kedudukan setinggan, peranan kongsi-kongsi gelap, penglibatan orang Cina dengan Komunis, masalah perburuhan dan sebagainya. Percakaran untuk menguasai perniagaan juga merupakan faktor-faktor penting menyebabkan mereka perlu melibatkan diri di dalam politik. Dari kaitan kepentingan-kepentingan inilah sebenarnya yang telah mengarahkan pemikiran mereka bagi mengembangkan tenaga ke arena politik untuk mendapatkan kerakyatan, hak-hak yang sama di bidang perlumbagaan dan seterusnya asas-asas sosial termasuk pelajaran dan adat-resam.

Pada keseluruhannya, walaupun orang Cina telah mempunyai beberapa pertubuhan sama ada yang bercorak perniagaan maupun semi-politik, sehinggalah lepas perang dunia, mereka belumlah bersatu, dan teratur. Kuomintang bukanlah tidak dapat dijadikan pilihan terbaik kepada orang-orang Cina. Lebih-lebih lagi Parti itu telah pun diharamkan atas alasan ianya merupakan 'Parti Politik Luar Negeri'. Akibat kekosongan inilah Tan Cheng Lock, telah mengambil kesempatan untuk memimpin orang-orang Cina. Lebih-lebih lagi selepas Darurat diisyitiarkan AMCJA telah berpecah-belah. Sedangkan di ketika itu orang-orang Cina amat memerlukan kepimpinan dalam bentuk berpersatuan yang lebih kukuh. Oleh itu Dewan Perniagaan Cina dan golongan konservatif Cina telah pun menyediakan landasan ke arah ini. Sementara Bri-

tish pula telah memberikan galakan supaya diwujudkan sebuah pertubuhan orang Cina yang bukan Komunis. Jadi selepas membuat perancangan yang rapi, akhirnya Malayan Chinese Association (MCA) telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949, di bawah pimpinan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh dan T.H. Tan. Menyedari perubahan-perubahan yang telah berlaku, pemimpin-pemimpin MCA telah menilai semula dasar-dasar kerajaan di ketika itu. Pemimpin-pemimpin MCA telah menarik balik pemuluan yang dibuat oleh orang-orang Cina terhadap cadangan perlembagaan Persekutuan dan memberikan sokongan penuh kepada pemerintah. Mereka merasakan langkah ini akan lebih berkesan untuk melawan Parti Komunis Malaya. Sebagaimana balasananya, mereka mengharapkan kerajaan akan menunaikan tuntutan-tuntutan orang-orang Cina. Jadi bagi mendapatkan pengaruh yang lebih banyak di kalangan kerajaan, kesemua 16 orang Cina yang dilantik di dalam Majlis Perundungan Persekutuan dan Majlis Kerja telah dilantik menjadi Jawatankuasa Pengelola MCA. Di peringkat ini MCA telah merayu kepada semua orang Cina dari semua lapisan masyarakat supaya menentang komunis dan memperkuatkan lagi kedudukan persatuan itu di dalam kerajaan bagi mewakili orang-orang Cina. Ekoran daripada ini kerajaan telah mengakui MCA secara tidak rasmi sebagai wakil utama orang-orang Cina di Malaya.

Sebenarnya sebelum penubuhan MCA, kedudukan orang-orang Cina sendiri amat terancam. Selain daripada keganasan komunis terhadap rakyat, yang menentangnya, dari kacamata kerajaan sendiri di ketika itu bahawa orang-orang Cina terlibat secara langsung sebagai komunis ataupun sekurang-kurangnya bersimpati kepada komunis. Malahan apabila rancangan menubuhkan Malayan Union dibuat pada tahun 1945, pengisytiharan ini telah memerlukannya bekas-bekas pegawai British sendiri yang telah bersara dari perkhidmatan. Pegawai-pegawai ini dulunya bekerja sebagai gabenor, Setiausaha Tanah Jajahan dan orang-orang penting di dalam pemerintahan British. Ini disebabkan di dalam peruntukan Malayan Union mengisyiharkan bahawa 'sesiapa yang tinggal di negeri ini selama lima tahun secara otomatis berhak menjadi warganegara Malayan Union'. Menurut pegawai-pegawai British itu, sekiranya rancangan ini dilaksanakan, ini bererti Malaya akan dibanjiri oleh orang-orang Cina dan mendedahkan Malaya kepada kekuasaan komunis. Ma-

lahan telah adanya ura-ura kerajaan untuk menghantar kembali ke Negeri China kerana mereka dianggap telah membantu komunis. Keadaan yang mengelirukan ini juga timbul kerana secara kebetulan kegiatan-kegiatan komunis dikuasai oleh orang-orang Cina.

Pada ketika itu Datuk Onn Jaafar telah menyedari hakikat ini dan telah menubuhkan UMNO, dan menentang rancangan penubuhan Malayan Union. Pada masa itu, Tan Cheng Lock telah cuba melibatkan diri secara terbuka dalam issue ini dengan mengadakan 'hartal' selama sehari sebagai protes yang menghalang usaha memberikan kerakyatan kepada orang Cina. Orang-orang Cina sendiri di ketika itu tidak menganggap penting terhadap masalah kerakyatan. Apa yang lebih penting kepada mereka ialah mencari wang seberapa banyak yang boleh bagi memulihkan kehidupan mereka selepas perperangan. Di sinilah ketika itu, Tan Cheng Lock merasakan sudah tiba masanya orang-orang Cina menubuhkan badan politik khas untuk orang-orang Cina, yang boleh dijadikan alat menyuarakan perasaan orang-orang Cina.

Oleh itu beliau mencadangkan supaya ditubuhkan Malayan Chinese League. Malangnya hingga hinggalah beberapa bulan, orang-orang Cina sendiri nampaknya tidak berapa cenderung kepada pertubuhan ini.

Dalam bulan Februari 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani di Kuala Lumpur. Berbeza dengan Perjanjian Malayan Union, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pula telah mengejepit hak mendapat kerakyatan kepada kira-kira 90% daripada orang-orang Cina. Ini disebabkan di dalam perjanjian yang baru ini, orang-orang bukan Melayu hanya boleh layak mendapat kerakyatan sekiranya ia dan ibubapanya dilahirkan di negeri ini. Ini bererti hanya generasi ketiga saja baru boleh menjadi rakyat negara ini. Di ketika itu juga British bercadang untuk menghantar kembali kira-kira 500,000 orang setinggan Cina ke Negeri China.

Keadaan ini telah menyebabkan orang-orang Cina menyedari buat pertama kalinya bahawa pentingnya sebuah pertubuhan yang kukuh untuk melindungi kepentingan politik dan ekonomi mereka. Akibatnya, tertubuhlah Malayan Chinese Association pada 27 Februari 1949 di bawah Tan Cheng Lock selaku Presidennya.

Dalam tahun 1949 ini juga kerajaan telah melancarkan rancangan penempatan semula orang Cina ke 'Kampung-kampung Baru'. Langkah

ini bertujuan bagi memutuskan hubungan orang-orang Cina yang tinggal di rumah-rumah haram ke perkampungan-perkampungan baru di pagar dengan dawai-dawai berduri. Langkah ini juga bertujuan bagi menge-lakkan masyarakat Cina ini diserang oleh Komunis. MCA telah mengam-bil kesempatan ini dengan bekerjasama dengan kerajaan dengan mem-bantu membuat rumah-rumah dan mensesuaikan penduduk tersebut dengan suasana baru.

MCA berharap dengan kegiatan-kegiatan sosialnya itu mereka akan mendapat memenangi hati petani-petani Cina di kawasan luar bandar yang juga menjadi sasaran komunis itu. Dalam masa yang sama MCA te-rus menyuarakan hak-hak orang Cina kepada kerajaan.

Kedudukan MCA bertambah kuat selepas bulan Oktober 1949 apa-bila kerajaan membenarkan MCA menjalankan Loteri Kebajikan dengan tujuan mencari derma. Dengan ini MCA telah menaja perniagaan loteri yang berjumlah berjuta-juta ringgit, di mana sebahagian daripada wang itu digunakan untuk tujuan penempatan semula penduduk-penduduk di kampung-kampung baru. Melalui cara ini juga MCA telah dapat mem-bantu petani-petani itu dalam bentuk bantuan kewangan dan juga per-khidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan.

MCA telah membelanjakan kira-kira \$3,000,000/- membantu pendu-duk kampung baru ini saja, dengan membantu setinggan-setinggan ini membeli bahan-bahan binaan, perbelanjaan saraan hidup, sehingga-lah mereka dapat mengutip hasil mereka dari cucuk tanam.

Sungguhpun pada dasarnya usaha-usaha mengadakan loteri ini un-tuk tujuan derma kebajikan, pada hakikatnya langkah ini juga telah me-nolong menambah keahlian MCA dengan berselindung kepada 'Derma Kebajikan'.

Sehinggalah tahun 1952, Loteri Kebajikan telah diundi tiap-tiap dua bulan sekali dan mengeluarkan hadiah sebanyak \$1,500,000/- tiap kali cabutan. Tetapi akhirnya, perniagaan loteri ini telah menjadi issue po-litik. Desakan-desakan telah dibuat supaya loteri kebajikan ini di-haramkan atau dijawal. Dalam Mesyuarat Agung Independence of Malayan Party di bawah pimpinan Dato Onn, satu usul telah diluluskan yang mengecam loteri yang dikendalikan oleh Parti Politik, Ekorannya daripada itu kerajaan telah membuat satu undang-undang mengawal loteri. Dalam hal ini, MCA tidak disekat daripada meneruskan perniaga-

an loterinya, tetapi kerajaan telah mensyaratkan setiap loteri yang dikendalikan oleh badan awam atau orang perseorangan akan dikenakan cukai sebanyak 20% daripada keuntungannya, melainkan mendapat pengecualian daripada Pesuruhjaya Tinggi.

Bagi memenuhi kecaman ini, MCA telah menghadkan penjualan tiket-tiket loterinya kepada ahli-ahli saja dan menyatakan bahawa sebahagian daripada keuntungannya akan diuntukkan kepada tabung projek untuk orang-orang Melayu dan Hospital Batuk Kering Kuala Lumpur. Tetapi ini tidak menyelesaikan kontroversi politik terhadap loteri, terutama kerana orang-orang Cina yang hendak membeli loteri telah diberikan tawaran istimewa memasuki MCA dengan bayaran masuk yang rendah.

Beberapa bulan kemudiannya masalah loteri telah menjadi issue besar bukan saja di antara IMP dengan MCA. Dalam bulan Mac dan April 1953, MCA mula menunjukkan kebongkakannya menentang beberapa dasar kerajaan. MCA menolak dengan kerasnya pelaksanaan Ordinance Pelajaran yang baru yang dianggapnya akan mengancam sekolah-sekolah berpengantar Cina. Lebih-lebih lagi sebahagian besar daripada peruntukan kewangan untuk melaksanakan Dasar Pelajaran itu adalah datangnya daripada cukai lesen-lesen perniagaan, yang kebanyakannya dibayar oleh orang-orang Cina.

Disebabkan masyarakat perniagaan terdiri sebahagian besarnya dari orang-orang Cina, orang-orang Cina bertindak dengan kuatnya menentang Ordinance Pelesenan dan Pendaftaran Perniagaan. MCA telah mengancam membuat 'business hatal' seperti yang telah dilakukan oleh AMCJA ketika menentang Perjanjian Persekutuan dulu. Bila ancaman ini memuncak, kerajaan mula menyusun langkah-langkah untuk melemahkan keangkuhan politik MCA, salah satu daripadanya dengan mengurangkan sumber-sumber kewangannya. Mula-mula kerajaan telah enggan mengecualikan MCA daripada membayar cukai 20% yang dikenakan kepada penjualan loterinya. Apabila berlaku pendedahan dari dalam parti sendiri yang membuktikan bahawa sebanyak \$37,514 wang parti telah disalahgunakan, kerajaan telah mengambil kesempatan itu mengharamkan loteri yang dikendalikan oleh parti politik.

Walaupun MCA telah merayu supaya kerajaan menimbangkan semula keputusannya, Pesuruhjaya Tinggi ketika itu, Sir Henry Templer,

tetap dengan pendiriannya. Beliau telah dituduh sebagai ‘Anti Cina’, MCA juga telah menuduh bahawa kerajaan telah menahan parti politik daripada berkembang lebih kuat. Ekoran daripada itu, MCA telah mengisyiharkan menghentikan semua kegiatan-kegiatan yang berupa ‘keba-jikan’. Mereka juga tidak akan membantu pengambilan orang-orang Cina di kawasan penempatan semula. Sementara issue loteri ini mulanya telah ditimbulkan oleh IMP, ianya telah menyebabkan wujudnya kontroversi di antara Tan Cheng Lock dan MCA di satu pihak dengan Pejabat Jajahan dan Sir Henry Templer di pihak yang satu lagi.

Sebelum itu, dalam tahun 1949, perlumbaan kuasa di antara Parti Komunis Malaya dengan MCA juga bertambah jelas. MCA yang secara terbuka menentang komunis dan menyokong kerajaan telah saling ber-tikam lidah. Tan Cheng Lock telah menjadi sasaran utama komunis. Kurang daripada dua bulan selepas penubuhan MCA, komunis merancang untuk membunuh Tan Cheng Lock dengan bom tangan ketika beliau sedang berucap di Dewan Perniagaan Cina di Ipoh. Malangnya salah satu daripada bom tangan itu tidak meletup. Tan Cheng Lock dan empat orang lagi rakannya telah cedera parah. Sebaliknya, peristiwa itu telah mengharumkan lagi nama dan perjuangan Tan Cheng Lock. Orang-orang Cina buat pertama kalinya baru sedar bahawa mereka tidak boleh lagi duduk di atas pagar. Mereka terpaksa menentang komunis habis-habisan. Dari kejadian ini menyebabkan ahli MCA telah bertambah sebanyak 150,000 lagi. Ini telah menguatkan lagi azam pemimpin-pemimpin MCA untuk melibatkan diri secara langsung di dalam perjuangan politik.

ISSUE-ISSUE SENSITIF MCA

Sebelum Merdeka MCA mempunyai issue yang cukup untuk dijadikan bahan politiknya. MCA telah mengexploit issue-issue yang sentimental ini untuk mendapatkan sokongan orang-orang Cina. Sungguhpun banyak issue yang telah dijadikan modalnya, seperti penentangan terhadap Ordinance Pelesenan dan Pendaftaran Perniagaan, Ordinance Cukai Pendapatan, Immigration Control Bill, dan lain-lain lagi, MCA secara terbuka mempermainkan 3 issue besar untuk menarik kepercayaan orang Cina. Pertamanya, ialah masalah kerakyatan, keduanya Hak Is-timewa orang-orang Melayu dan Ketiganya Pelajaran Orang-orang Cina.

MCA mempunyai asas-asas yang kuat ke arah mempergunakan issue ini. Perjuangan MCA menuntut hak kerakyatan bukan saja telah menjadi issue besar yang merumitkan kerajaan British tetapi juga telah menjadi dorongan bagi Dato Onn Jaafar menubuhkan UMNO menentang Malayan Union. MCA telah menuntut supaya diberikan kerakyatan kepada kira-kira 500,000 orang Cina yang menjadi setinggan di kawasan-kawasan pertanian di Malaya. Sedangkan Kerajaan British sendiri menganggap setinggan-setinggan Cina ini adalah terdiri daripada komunis-komunis ataupun anggota kongsi gelap yang mengancam keamanan negara. Sebagai langkah permulaan, Kerajaan British sendiri telah bercadang untuk menghantar kembali kesemua setinggan Cina ini kembali ke negeri Cina. Di ketika inilah pemimpin-pemimpin masyarakat Cina merasakan pentingnya melibatkan diri di dalam politik bagi memberikan perlindungan kepada setinggan-setinggan tersebut. Setelah MCA ditubuhkan dalam bulan Februari 1949, MCA secara terbuka telah mengemukakan cadangan supaya setinggan-setinggan ini dipindahkan dan ditempatkan di dalam kawasan perkampungan baru. Cadangan ini telah diterima oleh Kerajaan British dan MCA secara terbuka telah mengambil kesempatan keemasan ini dengan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan memindahkan setinggan ini. Usaha MCA

tidak sia-sia. Di samping orang Cina mula sedar buat pertama kalinya betapa pentingnya penglibatan mereka di dalam politik, MCA telah berjaya menarik lebih ramai orang Cina menjadi ahli.

Di ketika inilah MCA memberikan apa sahaja kerjasama yang diperlukan oleh British asalkan mereka dapat meneruskan usaha bertapak di dalam masyarakat Cina. MCA sendiri telah menggalakkan orang Cina untuk menyertai 'Home Guards' bagi tujuan mengawal kepentingan orang-orang Cina di ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih. Sebenarnya langkah menggalakkan orang Cina menjadi anggota 'Home Guards' ini mempunyai dua tujuan besar.

Pertamanya, MCA hendak mengikis prasangka kerajaan yang semua orang-orang Cina itu merupakan golongan masyarakat yang menyokong komunis. Keduanya, untuk menggalakkan orang-orang Cina sendiri menentang keganasan kumunis.

Dari kegiatan ini akhirnya MCA telah berjaya menarik seramai kira-kira 70,000 orang Cina menyertai 'Home Guards' di tahun 1953. Sungguhpun begitu, masalah kerakyatan Orang Cina masih juga belum dapat diselesaikan.

British walaupun telah menunjukkan simpatinya terhadap masalah ini melalui Malayan Union yang membolehkan sesiapa saja menjadi rakyat sekiranya mereka telah tinggal menetap di negara ini lebih dari pada lima tahun, tetapi tidak dapat melaksanakannya kerana rancangan Malayan Union sendiri telah menerima tentangan hebat dari orang Melayu yang dipimpin oleh Dato Onn Jaafar menerusi UMNO, tentangan orang Melayu sendiri telah memaksa Kerajaan British menarik cadangan menuuhkan Malayan Union itu. Ini bererti masalah kerakyatan orang Cina masih juga menuju ke jalan buntu.

MCA lebih cemas lagi apabila Kerajaan British kemudiannya, bercadang untuk menghadkan hanya 200,000 orang Cina yang layak menjadi rakyat Malaya apabila menjelangnya kemerdekaan yang akan diberikan kepada negara ini. Ini bererti hanya 10% saja daripada jumlah orang Cina yang telah menetap di Malaya yang akan menjadi warganegara. Sedangkan syarat itu tidak pula dipaksakan kepada orang Melayu dan India. Tetapi kali ini MCA amat baik. Pemimpin-pemimpin Melayu melalui UMNO telah bersetuju menerima orang-orang Cina menjadi rakyat dengan melalui proses yang dikenali sebagai 'Jus Soli'. Akibatnya, 12

bulan selepas merdeka, seramai kira-kira satu juta warganegara baru telah wujud, di mana 80% daripada jumlah itu adalah terdiri daripada orang Cina.

Issue kedua pentingnya ialah berhubung dengan Hak-hak Istimewa orang Melayu. Kerajaan British menganggap bahawa Orang Melayu adalah bumiputera negara ini. Oleh itu mereka memerlukan perlindungan politik dan ekonomi. Dengan itu di dalam Perjanjian Persekutuan tahun 1948, telah diteruskan di dalam empat bidang yang berkaitan Dasar Awam. Pertama, mengekalkan Sistem Simpanan Melayu; mengkhaskan kawasan tanah simpanan Melayu; keduanya mengadakan kuota jawatan untuk orang Melayu di dalam perkhidmatan Awam, ketiganya, mengadakan kuota untuk mendapatkan lesen dan permit di dalam perniagaan yang berkeraan dengan pengangkutan jalanraya; keempat kuota khas akan disediakan bagi mereka mendapatkan biasiswa dan pinjaman untuk pelajaran.

Usul-usul ini terkandung di dalam 'Laporan Suruhanjaya Reid' yang ditugaskan untuk menggubal perlembagaan Malaya. Sementara itu ada dua lagi tambahan yang dibuat, walaupun ianya dianggap bukanlah sebagai hak-hak istimewa orang Melayu. Pertamanya berhubung dengan agama dan keduanya berkaitan dengan bahasa. Orang-orang Melayu melalui Parti Perikatan telah menyuarakan supaya Agama Islam dijadikan agama rasmi negara dan Sultan-sultan termasuk di Negeri-negeri Selat adalah Ketua Agama. Sementara satu lagi tambahan ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Di dalam issue ini akhirnya MCA telah berjaya mengemukakan dua usul besar yang mengenai kaum lain terutamanya orang Cina. Pertamanya, MCA bersetuju menerima Hak-hak Istimewa Orang Melayu ini. Keduanya, bangsa-bangsa lain tidak pula dilarang daripada kegiatan-kegiatan perniagaan atau terlucut hak-hak mereka di dalam perniagaan kerana secara kebetulan mereka itu bukan Melayu.

Pendirian MCA itu, sedikit sebanyak telah dapat mengendurkan ketegangan antara pemimpin-pemimpin Perikatan untuk menyelesaikan masalah perlembagaan negara. Tetapi di dalam beberapa hal, soal bahasa walaupun disetujui secara rasmi, tetapi disebabkan masalah ini ada kaitannya dengan masa depan orang Cina, beberapa masalah yang remeh-temeh telah timbul.

Sungguhpun masalah ini diselindungkan melalui pendidikan sekolah-sekolah Cina, tetapi yang sebenarnya issue inilah yang belum tamat di perjuangkan oleh sebahagian besar pemimpin-pemimpin Cina. MCA sendiri menganggap perkara ini merupakan issue ketiganya di dalam memperjuangkan masa depan orang Cina. MCA lebih banyak berselindung dengan memperjuangkan peruntukan bagi sekolah-sekolah Cina dengan tidak mengutarakan masalah pokok melindungi Bahasa Cina.

Perjuangan MCA yang jelas di dalam Kerajaan Perikatan ialah mengadakan peruntukan yang lebih tinggi bagi sekolah-sekolah Cina. Dalam tahun 1954, Kerajaan Perikatan telah memperuntukkan sebanyak \$11.7 juta, daripada perbelanjaan pelajaran kerajaan keseluruhannya berjumlah \$99.9 juta. Dalam tahun 1963 pula peruntukan telah meningkat kepada \$44.6 juta dari perbelanjaan pelajaran negara keseluruhannya berjumlah \$283 juta. Apa yang menakjubkan walaupun angka-angka ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah bukan Cina mendapat peruntukan yang lebih besar, tetapi yang sebenarnya jika dikira dari peratus perkembangan pelajaran jelas menunjukkan bahawa pelajaran Cina telah berkembang dengan kadar 282% sedangkan perkembangan peruntukan pelajaran keseluruhannya bagi semua aliran hanyalah 183%.

Sebenarnya perjuangan orang Cina termasuk MCA sendiri mempunyai sejarah yang panjang. Malahan boleh disimpulkan bahawa perjuangan terhadap pelajaran untuk orang Cina adalah juga ‘perjuangan mendaulatkan bahasa Cina’. Kedua-duanya mempunyai kaitan yang bertali dan tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Penentangan MCA terhadap Ordinance Pelajaran sendiri jelas menunjukkan bahawa mereka ingin mempertahankan penggunaan bahasa Cina di dalam sistem pelajaran. Dato Onn Jaafar sendiri menganggap bahawa tuntutan orang Cina untuk menubuhkan Universiti Cina yang berasingan adalah bertujuan untuk menyaingi Universiti Malaya, MCA dan beberapa pertubuhan lain telah dengan segera cuba menangkis tuduhan Dato Onn yang kononnya cuba memecahkan ikatan MCA dan UMNO.

Orang-orang MCA menyedari dengan pelajaran jugalah akan dapat melindungi ‘kebudayaan Cina’. Malangnya, di dalam perundingan yang dibuat dengan Perikatan, masalah kewarganegaraan telah dihubungkan dengan persetujuan menerima Dasar Pelajaran Malaya bagi semua se-

kolah-sekolah yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak. Laporan ini kemudiannya dikenali sebagai 'Penyata Razak'. Antara kandungan penyata ini ialah: Sistem Sekolah-sekolah yang menggunakan pengantar bahasa yang berlainan masih diteruskan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib, sekolah-sekolah yang terbukti melaksanakan dasar pelajaran sahaja yang akan mendapat bantuan kerajaan, sukanan dan matapelajaran di sekolah-sekolah akan disamakan walaupun bahasa pengantarnya berlainan. Penyata Razak juga meletakkan semua guru-guru di dalam skim yang sama dan berhak ditukarkan ke mana-mana sekolah.

Dasar ini bertujuan untuk menimbulkan sukanan pelajaran yang sama bagi mewujudkan 'perasaan keMalayan' di kalangan semua kaum dengan tidak menekankan bahasa dan identiti kebudayaan masing-masing. Sayangnya sekolah-sekolah Cina di ketika itu merasakan Dasar Pelajaran ini, kerajaan bertujuan untuk menentang sekolah-sekolah Cina. Menurut mereka, ini terbukti yang cuba menukar orientasi kecinaan yang ditanamkan oleh sekolah-sekolah Cina kepada orientasi yang berkaitan dengan Malaya. Sementara syarat yang mewajibkan pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris pula, akan menyukarkan murid-murid Cina kerana mereka terpaksa mempelajari sekurang-kurangnya tiga bahasa termasuk bahasa ibundanya sendiri. Tindakan ini akan lebih menyulitkan lagi kepada murid-murid kerana bahasa pengantar sekolah-sekolah Cina sendiri di ketika itu sebenarnya menggunakan bahasa kebangsaan Cina 'Kuo-Yu', yang biasanya tidakpun digunakan oleh orang-orang Cina di Asia Tenggara sebagai bahasa ibundanya.

Penyata Razak mula menjadi sasaran tokoh-tokoh yang mempertahankan sekolah-sekolah Cina. Dua pertubuhan besar, Kesatuan Guru-guru Sekolah Cina (United Chinese Schools Teachers Association) dan Persatuan Pengelola Sekolah-sekolah Cina Se-Malaya (All-Malaya Chinese Schools Management Association) telah mempelopori tindakan-tindakan menentang penyata tersebut. Sebenarnya jelas menunjukkan bahawa MCA sendiri telah terlibat secara langsung di dalam usaha menentang dasar ini.

Sebuah 'Jawatankuasa Pusat Pelajaran' telah ditubuhkan oleh MCA untuk meneliti kesan-kesan yang dibawa oleh Penyata Razak terhadap

pelajaran orang-orang Cina. Jawatankuasa ini telah mengadakan persidangan pendidik-pendidik Cina dalam bulan Februari 1957, yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang perwakilan. Persidangan ini dengan lantangnya menolak Penyata Pelajaran Razak ini yang berhubung dengan sekolah-sekolah Cina, dan melantik perwakilannya untuk meminta kerajaan mengkaji semula Penyata tersebut. Tetapi disebabkan soal pelajaran ini juga adalah termasuk di dalam dasar 'Jus Soli' yang akan dimaktubkan di dalam perlembagaan, pemimpin-pemimpin politik Cina yang dilantik menganggotai kerajaan, tidak sanggup untuk mengambil sebarang risiko.

Akhirnya, masalah ini bertambah remeh. Kritik-kritik bertambah lantang, terutamanya dari pertubuhan-pertubuhan Cina. MCA telah melibatkan dirinya dengan lebih cergas dengan menaja beberapa persidangan dan jawatankuasa untuk mengkaji semula masalah-masalah pelajaran Cina, dan mendesak supaya dasar kerajaan itu diubah. Atas paksaan yang bertalu-talu dari MCA, Kerajaan Perikatan akhirnya telah bersetuju untuk mengkaji Penyata Razak selepas pilihannya Ogos 1959. Sungguhpun begitu beberapa pertubuhan besar yang menentang penyata ini masih tidak yakin terhadap usaha untuk mengulangkaji ini disebabkan mereka merasakan jawatankuasa sembilan orang yang diketuai oleh Datuk Abdul Razak yang hanya mengandungi tiga orang Cina itu tidak akan berjaya mengulangkaji dasar pelajaran itu.

Dalam bulan April 1959, satu Persidangan Tokoh-tokoh Pendidik Cina telah diadakan secara besar-besar di mana kebanyakan daripada yang hadir adalah anggota-anggota MCA. Hasilnya sebanyak 15 desakan telah dibuat kepada Kerajaan Pusat. Ini termasuk penolakan terhadap Penyata Razak yang dianggap oleh mereka lebih merupakan 'pro Melayu'. Mereka juga menganggap langkah kerajaan yang akan hanya memberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang melaksanakan Penyata Razak, adalah satu penindasan terhadap sekolah-sekolah Cina.

Untuk mengetahui seterusnya berkenaan perjuangan bahasa Cina bacalah buku *Politik Universiti Merdeka* oleh Yahaya Ismail.

SALAHNYA ORANG MELAYU TIDAK SUKA MEMBACA?

Orang Melayu tidak suka membaca, kalau ada pun yang suka terlalu kecil bilangannya. Dan dari bilangan yang kecil itu kalau dihitung panjang belum sampai 10% dari orang Melayu yang membaca sebagai suatu hoby.

Berapa ramai orang Melayu yang mempunyai perpustakaan di rumah? Kalau ada pun berapa peratus dari mereka yang telah membaca buku yang tersimpan di dalam perpustakaan mereka?

Ramai bilangan orang Melayu yang berada yang menyimpan buku-buku rujukan seperti *Encyclopaedia Britannica*, *Americana Encyclopaedia* dan lain-lain rujukan yang berat-berat dan buku-buku tebal dan besar-besar sarta berharga sebagai perhiasan. Itupun kerana kepintaran dan kebijaksanaan jurujual dari syarikat buku antarabangsa yang benar-benar terlatih dan berpengaruh.

Ada golongan intelek Melayu yang suka membaca, tidak keterlalu-an kalau kita mengatakan mereka cuma membaca buku-buku Inggeris saja, mengikut subject yang menurut selera mereka. Sama ada buku 'Fiction' atau 'Non-fiction' mereka jarang ada masa untuk membaca buku-buku Melayu sama ada Novel, kumpulan cerpen, buku-buku politik dan majalah-majalah yang lain melainkan majalah antarabangsa yang mereka banggakan untuk melayakkan diri mereka dipanggil intelek oleh golongan mereka sendiri.

Begitu pula halnya dengan golongan mereka yang suka membaca buku-buku atau majalah berbentuk hiburan. Buku yang ringan. Jarang yang mahu membaca buku yang berat-berat apa lagi buku politik dan buku-buku dalam bahasa Inggeris atau majalah-majalah politik bertaraf antarabangsa.

Patutkah kita membiarkan keadaan ini berterusan di dalam negara kita terutama kepada kaum bumi yang masih jahil dalam banyak hal.

Orang-orang yang telah memasuki golongan Dakwah yang tidak suka

membaca buku agama membuat pandangan mereka menjadi begitu sempit, kerana mereka mendengar pendapat dan pandangan dari seorang guru saja. Mereka terlupa bahawa buku adalah sebaik-baik guru. Tapi syukurlah akhir-akhir ini buku agama sudah mulai mendapat sambutan ramai dan ramai anak muda yang sudah menaruh minat pada buku agama.

Memandangkan keadaan sifat tidak suka membaca ini dan memilih buku yang dibaca dan pengarang yang mereka suka saja dalam buku ini saya sertakan terus, satu dua bahan yang baik yang boleh jadi menungan dan memberi kesedaran kepada kita semua. Satu kertas yang baik oleh Alias Muhammad berkenaan dengan Matlamat DEB. Sekurang-kurangnya mereka yang tidak tahu membaca buku *Time Bom* atau mereka yang saja tidak suka membaca dapat mengenal Lim Kit Siang dan dasar DAP dari dekat. Baca bacalah dengan nama Allah setiap apa yang kamu hendak baca. Semoga kamu akan mendapat berkat.

MATLAMAT DEB KINI AKAN TERCAPAI?

Dalam kertas ini saya akan menyentuh sedikit-sedikit mengenai peranan Parti Democratic Action Party (DAP atau Parti Tindakan Demokratik) dalam usahanya untuk menggagalkan cita-cita DEB.

Tidak lama dulu parti ini telah menerbitkan sebuah buku "*Time Bombs in Malaysia*" yang mempersoalkan dengan panjang lebar tentang wisdom atau 'pembelotan' DEB.

Dalam perbincangan saya di atas saya cuba memaparkan rationale DEB dan mengapa kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu perlu mewujudkan dasar-dasar yang terkandung dalam DEB itu.

Saya juga telah tunjukkan bahawa masalah kemiskinan orang Melayu bukanlah fenomena tahun 1970an atau dengan lebih tepat lagi satu perkembangan akibat kekacauan perkauman tahun 1969.

Yang lebih penting dalam perbincangan ini ialah percubaan saya untuk menunjukkan bahawa sejarah kemiskinan orang Melayu telah berakar-umbi sejak tahun 1838 lagi apabila HIKAYAT ABDULLAH mula-mula memaparkan secara terus-terang tentang keadaan kemunduran orang Melayu.

Kemudian pada awal kurun ke-20 masalah-masalah mengenai kemis-

kinan orang Melayu disebarluaskan dengan luas dalam majalah dan akhbar Melayu ketika itu.

Dalam tahun 1920-an, masalah kemunduran dan kemajuan bangsa Melayu mendapat perhatian Za'aba pula. Selepas itu muncul sarjana-sarjana Melayu seperti Ungku Aziz dan Syed Hussein Alattas.

Rumusan yang jelas di sini ada dua perkara :

Pertama, tulisan-tulisan para nasionalist Melayu dan ahli-ahli akademik Melayu tersebut tidak dapat tidak telah menjadi inspirasi terpenting kepada kewujudan Dasar Ekonomi Baru yang difikirkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak beberapa hari sesudah 13 Mei, 1969, walaupun ada interpretasi yang mengatakan gagasan ini timbul dalam tahun 1970 hasil dari perbincangan-perbincangan antara Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail serta pemimpin-pemimpin pemuda dan radikal dalam UMNO ketika itu.

Yang kedua, orang Melayu mempunyai hak sejarah yang legitimate untuk menuntut kepada pemerintahan supaya taraf hidup mereka diperbaiki atau disejajarkan dengan pencapaian kaum imigran.

Ini cukup jelas dalam Article 152 dan 153 Perlembagaan Malaysia.

Dengan lain-lain perkataan hak Perlembagaan bagi orang Melayu untuk menentukan nasib hidup mereka tidak boleh diputarbelitkan semata-mata kerana perlumbagaan yang sama memberi hak yang hampir serupa kaum-kaum imigran.

Dalam bukunya "*Time Bombs in Malaysia*", pemimpin DAP, Lim Kit Siang, terang-terang mempersoalkan hak orang Melayu dan kaitannya dengan Article 152 di samping berselindung di bawah Article 153(1) dan 153(8) (a) sebagainya, untuk 'memberi kedudukan' yang legitimate kepada kaum imigran dalam mempersoalkan Universiti Merdeka.

Dalam memajukan tuntutan-tuntutan pelajaran dan penubuhan Universiti Merdeka Lim Kit Siang juga telah menggunakan Article 153(4).

Akan tetapi sebagaimana yang telah kita bincangkan pada awal tulisan ini Dasar Ekonomi Baru Kerajaan buku saja bertujuan untuk menyusun semula masyarakat, malahan rational yang terpendam ialah untuk menentukan masyarakat itu tidak digoncang oleh orang Melayu yang mungkin merasa hak sejarah mereka, atau dalam istilah undang-

undang disebut sebagai jus soli, itu, dicabar oleh kaum imigran yang mendapat kedudukan jus sanguinis dan kemudian jus soli.

Satu testimoni terpenting dari penggoncangan ini telah berlaku dalam tahun 1969.

Dari segi sejarah kita telah menyaksikan "Semangat Abdullah" yang berkobar-kobar dalam tahun 1838 lagi, yang bukan saja apa yang setengah-setengah orang sifatkan sebagai 'mencerca' kemiskinan dan kemunduran orang Melayu, malah apa yang lebih signifikan ialah ibarat yang boleh diambil dari teguran Abdullah itu.

PENAFSIRAN

Satu pernafsim dari tulisan-tulisan Abdullah ialah legitimasi yang diberi kepada kedudukan orang Melayu dalam Perlembagaan Negara.

Dengan lain-lain perkataan, Perlembagaan telah memberi pengiktirafan yang baik (sungguhpun tidak lengkap) kepada sejarah kemiskinan orang Melayu, selain dari memperakui hak jus solinya yang tidak boleh ditolak-ansur itu.

Saya fikir sejak tahun 1838 hingga 1874 (Perjanjian Pangkor) pencapaian orang Melayu dalam pelajaran amat sulit hendak diperkatakan kerana kita tidak mempunyai butir-butir lengkap.

Walaupun mungkin ada beberapa orang Melayu di negeri-negeri Selat yang mendapat pelajaran, tetapi pelajaran mereka tentulah dari sistem yang tidak formal.

Demikian juga butir-butir mengenai pencapaian orang Melayu dalam pelajaran sekular selepas Perjanjian Pangkor kecuali suara seorang dua yang kita dengar dalam Federal Council.

Jika kita hendak memberi satu ukuran yang mutlak kepada pencapaian orang Melayu angka yang paling bertanggungjawab ialah sesudah Merdeka.

Dalam pada itupun dari angka-angka yang diperoleh dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka pencapaian orang Melayu dalam pelajaran boleh dianggap daif atau teruk jika dibandingkan dengan angka pencapaian kaum imigran.

Sebenarnya sejak sebelas tahun yang lepas Universiti Malaya telah mengeluarkan 25,622 orang siswazah. Dari jumlah ini hanya 9,837 atau 38.4% terdiri daripada siswazah-siswazah Melayu dan bakinya (15,785

orang) atau 61.6% adalah siswazah kaum imigran.

Jika jumlah ini dipecahkan mengikut Fakulti maka angkanya akan memberi sedikit pengertian kepada parti-parti pembangkang kaum imigran jika mereka mahu belajar dari sejarah pertentangan kaum 1969 dan dari tekanan perlunya Dasar Ekonomi Baru.

Misalnya, siswazah Melayu di Fakulti Kejuruteraan hanya 27 orang (2.5%). Cina 1,024 orang (93.2%) dan India 41 orang (3.7%). Lain-lain keturunan 7 orang.

Dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia pada tahun 1977 terdapat 29 Jabatan di mana kaum imigran mengatasi angka bilangan pegawai-pegawai/kakitangan Melayu.

Jabatan-jabatan ini ialah Filem Negara, Perhubungan Perusahaan, Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Buruh, Jabatan Kimia;

Jabatan Mergastua, Jabatan Odit, Jabatan Parit dan Talair, Tenaga Rakyat, Penyiasatan Kajibumi, Kebajikan Am, Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kementerian Perhubungan, Kementerian Pertahanan, Lembaga Perpaduan Negara, Pemegang Amanah Raya.

IMIGRAN LEBIH

Penerangan Awam, Pengangkutan Jalan, Perangkaan, Perkhidmatan Pelajaran, Perkhidmatan Perubatan, Perbandaharaan, Bahagian Penilaian, Perikanan, Pos, Telekom, Ukur dan Urusan Cina Yang lebih hairan ialah kesemua ini ialah pegawai-pegawai dalam Division Satu.

Kedudukan orang Melayu yang bertaraf profesional dalam sektor awam memang menggerunkan jika kita hendak memperhitungkan jangka waktu lebih dari 20 (dua puluh) tahun kita Merdeka.

Dari jumlah 6,750 orang profesional dalam perkhidmatan kerajaan, hanya terdapat seramai 1,776 atau 26.4% orang Melayu.

Ini pun mujurlah ada bidang pendidikan yang mula hendak dicebur oleh orang Melayu—satu dari kesan teguran-teguran Abdullah dan nasionalist-nasionalist Melayu seperti Zainal Abidin bin Ahmad (Za'aba), Aminuddin Baki, Ungku Omar, Datuk Onn, Burhanuddin dan puluhan lagi "Islamic reformers" tahun 1920-an.

Akan tetapi dalam sektor swasta bilangan Melayu—kaum imigran yang

bertaraf profesional seolah-olah menampakkan adanya saki baki penjajahan dalam negara yang digembar-gemburkan sebagai "*Malayrule*" itu.

Dalam bidang Perubatan dan Pembedahan, kaum imigran berjumlah 1,353 dan Melayu 44 orang. Pergigian pula menunjukkan bahawa hampir seratus persen juga kakitangannya terdiri dari kaum imigran (714 atau 97.5 peratus), manakala orang Melayu 18 orang saja.

Dalam Perakaunan dan Odit kaum imigran 282 dan orang Melayu 30. Dalam bidang undang-undang terdapat seramai 891 orang peguambela dan peguamcara imigran berbanding dengan seramai 103 orang Melayu.

Jurusan Akitek terdapat seramai 346 orang kaum imigran dan Melayu hanya seramai 28 orang.

Sejak Parti DAP bertapak di Malaysia sesudah parti "godfather"-nya, iaitu PAP Singapura, berundur dari Tambak Johor, fakta-fakta menganal kemunduran orang Melayu telah dipejamkan mata oleh DAP yang melaungkan perjuangan 'sama rata' itu.

Dalam perjuangan DAP cuba mewarisi sorak-sorai yang pernah diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew dengan slogan "Malaysian Malaysia" tetapi dalam lima belas tahun perjuangannya slogannya lebih condong kepada apa yang seorang sarjana pernah gelarkan sebagai 'Chinaya' atau apa yang kita sekarang kenal sebagai "Chinese Malaysia".

Pilihanraya tahun 1969 yang meledakkan peristiwa berdarah itu masih lagi jelas dalam ingatan.

Dalam tahun tersebut DAP telah mengeluarkan "The Setapak Declaration" yang memperjuangkan "the ideal of a free, democratic and socialist Malaysia, based on the principles of racial equality, and social and economic justice, and founded on the institutions of parliamentary democracy."

Tetapi 'taraf sama rata' apakah yang diperjuangkan oleh DAP apabila parti itu memekakkan telinga terhadap sedu-sedan tangis orang Melayu sejak tahun 1838 itu?

Saya telah jelaskan intisari Dasar Ekonomi Baru yang terpenting apabila Tun Razak memulakan tugasnya sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1971.

Pada keesokan harinya, Allahyarham Tun Razak mengumumkan, penubuhan Kabinet barunya.

Kabinet barunya inilah yang bertanggungjawab kepada cita-cita pengukuhan kuasa ekonomi yang dipancarkan dalam objektif Dasar Ekonomi Baru.

Sekarang hampir sepuluh tahun cita-cita itu cuba direalisasikan oleh pemimpin-pemimpin muda UMNO yang radikal yang dalam zaman Tun Razak adalah instrumental kepada dedikasi pengukuhan kuasa politik dan ekonomi orang Melayu.

Dalam tempoh tersebut penentangan-penentangan, sembunyi atau terbuka, terhadap DEB dan implikasi politik dari dasar-dasarnya bukan menjadi rahsia lagi.

Di samping DAP, parti-parti kaum imigran yang bergabung dalam Barisan Nasional juga telah menyatakan protest mereka.

Orang Melayu telah lama "*have become very sore*". Abdullah bin Abdul Kadir Munshi memperkatakannya sejak tahun 1838, reformist-reformist Islam mengulanginya pada permulaan kurun ke-20, nasionalist-nasionalist Melayu melancarkan gerakan anti sikap dan anti dasar penjajah Inggeris dalam tahun 1930an kerana mengongkong perjuangan mereka untuk memperbaiki nasib generasi orang Melayu.

Sebelum mereka, penyelidik-penyelidik Melayu di Universiti telah muncul dengan kaedah-kaedah saintifik untuk memperbaiki mutu hidup orang-orang Melayu di luar bandar.

Sungguhpun orang Melayu telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, sepuluh tahun sesudahnya mereka mulai sedar bahawa antara political nationalism dan economic nationalism terdapat perbezaan-perbezaan yang amat membimbangkan.

Sementara economic ownership atau kuasa ke atas ekonomi negara "*is an immigrant race's privilege*", orang-orang Melayu pula berasa tidak yakin terhadap kuasa politik mereka yang mula diancam oleh "*rude taunting of Malay bystanders by Chinese and Indian celebrants*".

Kemudian, selepas sepuluh tahun pula sejak 1969 usaha pemimpin-pemimpin Melayu untuk mengembalikan hak sejarah dan hak perlembagaan menerusi Dasar Ekonomi Baru dianggap oleh kaum imigran apa yang dinamakan, dalam perumpamaan Inggeris, merampas hak Peter untuk diberi kepada Paul.

Sepuluh tahun sebelum 1969 penuntut-penuntut Melayu Universiti Malaya berjumlah hanya 20 peratus dibandingkan dengan penuntut-

penuntut kaum imigran. Dan hampir semua jumlah peratus itu tertumpu kepada Jabatan Pengajian Melayu.

Ramai di antara mereka sekarang menjadi teknokrat-teknokrat dan pemimpin negara yang merangka dasar-dasar kerajaan.

Sekarang sepuluh tahun pula kita telah melintasi zaman sesudah peristiwa 1969 yang perit itu.

Segala usaha pucuk pimpinan untuk meletakkan kedudukan orang Melayu pada paras yang dikira-kira boleh meluntur (kalau pun tidak meleburkan sama sekali) perasaan ketegangan kaum telah tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

MERAMPAS :

Sebaliknya, walaupun kedudukan kaum imigran (ekonomi, politik dan kerakyatan dan pelajaran) berlipat-lipat ganda lebih baik dan lebih terjamin dari sepuluh tahun yang lalu, Dasar Ekonomi Baru yang berusaha untuk menghapuskan apa yang pada satu ketika dulu dianggap oleh kaum imigran sebagai "*Rural Mentality*" itu, telah dibesar-besarkan sebagai dasar pro-Melayu.

Dalam konteks perjuangan tahun 1920-an itu maka bolehlah dianggap bahawa perjuangan untuk menegakkan cita-cita DEB ini adalah "Wasiat Nasionalisma Melayu" yang dituntut oleh orang Melayu.

Malah, perjuangan sekarang untuk menegakkan apa yang saya namakan sebagai hak sejarah dan hak perlembagaan itu sebenarnya adalah suatu era, suatu ombak dari perjuangan "New Nationalism" orang Melayu.

Kesedaran pemimpin-pemimpin Melayu hari ini terhadap cita-cita dan ombak Nationalisma Baru inilah yang akan menentukan nasib dan haluan bangsanya dalam masa dua puluh tahun atau lebih akan datang.

Oleh sebab itu kita harus merasa mudah untuk memahami mengapa dalam tahun-tahun 1970-an ini, yang dimulakan dengan kepimpinan Tun Razak, tekanan pembangunan diberi kepada negeri-negeri pantai timur.

Kekuatan atau kekuahan politik dan ekonomi orang-orang Melayu mempunyai sumber yang penting dari negeri-negeri ini.

Perubahan, kecil atau besar, mundur atau mara, ofensif atau defendif,

radikal atau defeasits, revolutionary atau evolutionary, harus direstuui dari puncak piramid kuasa.

Berapa ramai orang Melayu yang telah membaca kertas kerja ini. Berapa kerat dari mereka yang telah mengaji dan mengkaji. Kalau benar ramai yang telah membaca berulang kali dan meneliti tentu timbul semangat keinsafan dan kesedaran. Dan dengan timbulnya perasaan kesedaran akan berubahlah cara orang-orang Melayu berfikir. Berubah cara berfikir dengan sendirinya akan berubah cara hidup. Mudah-mudahan. Amin.

Bahagian ketiga dan terakhir. Kertas kerja Saudara Alias Muhammad. Fakulti Sains Politik, Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Petikan

Berita Harian
3hb. April, 1979.



Almarhum Dr. Ungku Omar



Prof. Syed Hussein Alattas

Malaysia Siapa Punya?

Kenapa tiba-tiba saja orang Cina secara beramai-ramai menjadi ahli MCA? Kerana Tun Tan Cheng Loke dan para pemimpin MCA pada ketika itu boleh memberikan faedah dan keuntungan kepada kira-kira 500,000 orang Cina yang hendak dihantar balik oleh British ke Negeri China dan bermacam lagi keuntungan dan faedah yang boleh didapati oleh masyarakat Cina dari MCA.

Kedatangan kaum imigran ke negara ini ialah mahu mencari keuntungan. Orang yang mahu untung tentu tidak mahu rugi. Sejarah telah membuktikan dari zaman berzaman kedatangan Cina beramai-ramai ke Malaysia ialah mereka mahu mencari wang dankekayaan. Dan mereka tahu sejarah juga mengajar mereka yang orang Melayu dan para pemimpin mereka adalah bangsa yang sederhana boleh bertolak ansur.

Ramai orang Melayu yang berada di dalam UMNO tidak suka ambil tahu perkara-perkara di luar khemah UMNO. Mereka tidak mahu memperkata dan mempersoalkan perkara-perkara yang bersabit dengan kaum imigran di negeri ini. Kononnya mereka tidak mahu menjaga tepi kain orang, kalau mereka sudah percaya, kaum imigran tidak mengganggu, cuma mahu mencari nafkah dankekayaan sampai mati mereka percaya, tidak ada lagi masalah cemburu dan mencurigai, mereka menganggap kaum imigran sama sederhana macam mereka juga.

Sebab itulah agaknya Dr. Goh Cheng Teik dalam bukunya 'Integration in A plural Society' mengakui Cina Malaysia sangat beruntung kerana para pemimpin UMNO adalah terdiri dari 'Kepimpinan Melayu yang ingin menyelesaikan masalah' dan Dr. Goh tidak silu-silu lagi menyebutkan nama-nama mereka yang dianggap berjiwa sederhana dan boleh diajak bermesyuarah. Di antara mereka ialah Datuk Hussein Onn, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Ghazali Shafie, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.

Bukan itu saja, nama tokoh-tokoh UMNO lapisan kedua seperti



Almarhum Dato Onn Jaafar



Y.A.B. DATO HUSSEIN ONN
D.K. (JOHOR) D.K. (SEL) D.K. (TRG)
D.K. (KN) SPMJ, SIMP, SPCM,
SSIJ, SPDK, DUPN, PIS.
PERDANA MENTERI MALAYSIA



Datuk Haji Harun Idris



**Y.A.B. DATUK SERI SYED NAHAR
SYED SHEH SHAHABUDDIN
MENTERI BESAR KEDAH**



**Y.A.B. EN. MOHD. ADIB HJ. MOHD ADAM
KETUA MENTERI MELAKA**



Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali
Bekas Ketua Menteri Melaka



Y.A.B. DATUK HAJI WAN MOKHTAR
BIN AHMAD
MENTERI BESAR,
TRENGGANU.



S.H. Alattas bersama Datuk Musa Hitam Menteri Pelajaran. Di Majlis Makan Malan di rumah Datuk Musa, semasa meraikan anggota 'Pena' turut serta ialah Ajiklik dan Mahmood Kitom terlindung di belakang.

Datuk Mokhtar Hashim, Datuk Rais Yatim, Encik Abdul Manan, Datuk Najib dan Rafidah Aziz juga disenaraikan sebagai pucuk pimpinan parti Barisan Nasional yang dianggap sederhana.

Nampaknya golongan Cina sudah tahu benar setiap perkembangan yang berlaku di dalam UMNO, mereka sudah boleh baca para pemimpin UMNO dari A sampai Z, tentunya kalau mereka tahu pemimpin yang sederhana (Problem solving Malay Leadership) mereka tahu juga pemimpin UMNO yang tidak boleh dibawa bermesyuarah ramai yang sudah mati atau telah dimatikan karier politiknya sebelum mati.

Berapa ramai orang Melayu yang tahu berkenaan dengan sikap para pemimpin MCA? Yang boleh membaca mereka macam mereka boleh membaca para pemimpin UMNO?

Nampaknya MCA hendak menggunakan taktik yang sama ke atas UMNO seperti yang telah digunakan oleh British dulu. British tahu UMNO bukan anti British. Di segi ideologi juga UMNO tidak bertentangan dengan British. UMNO hanya mahu menjaga hakmilik orang Melayu di bawah naungan British. Ini disuarakan dengan jelas di dalam bantahan Dato Onn terhadap penukaran cogan kata dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' dalam tahun 1951.

Apakah dengan mengetahui kelemahan pemimpin UMNO ini Dr. Goh dan kawannya dari kaum 'Hua Ye' akan mengambil kesempatan terus menerus. Janganlah sudah diberi betis hendakkan peha pula. Pemimpin imigran tidak patut menggunakan kesempatan yang ada untuk kehendak kaum imigran saja. Tidak payah disebut nama pemimpin yang boleh diajak bermesyuarah, orang ramai pun tahu. Ramai pemimpin UMNO mempunyai sikap yang konservatif. Itu antara sebab mengapa British menerima UMNO selain dari UMNO mewakili majoriti orang Melayu yang dulunya pemimpin-pemimpin UMNO Pusat adalah pentadbir kerajaan kolonial British yang sedikit sebanyak telah dibiasakan dengan sistem pentadbiran, polisi dan pandangan penjajah.

British tahu UMNO mempunyai sifat kemelayuan yang sentiasa taat setia dan pantang menderhaka pada pemimpin, serta kejihilan rakyat jelata tentang perkembangan politik. Kerana itu British hanya memegang tumpuk kepimpinan UMNO sahaja dalam merundingkan perkara-perkara politik.

Berapa kerat dari ahli UMNO yang tahu sejarah orang Cina di Malay-

sia ini? Sejarah MCA, perkara yang berlaku dalam MCA, permainan dan politik MCA serta Gerakan yang menjadi sebahagian dari mereka duduk dalam satu bahtera dengan orang UMNO? Bukankah lambang Perikatan dulu ialah Kapal Layar? Oleh kerana orang Melayu menganggap masalah orang Melayu dan UMNO pasti tidak berpunca dari luar, melainkan berpunca dari dalam petak mereka sendiri kerana itu maka pemimpin UMNO ambil sikap tidak peduli.

Bila kita berada di dalam satu kapal, kita mesti atau dimestikan meneliti dan mengkaji kalau perlu mengintip apa yang sedang berlaku dalam bahtera yang penuh dengan khazanah dan kekayaan, adakah dari kalangan para penumpang di dalam kapal tersebut yang membawa senjata merbahaya? Bimbang takut nanti kapal kita kena 'highjack' atau ada 'Mutini' rampasan kuasa di atas kapal. Kita dan anak-anak kapal yang lain dijadikan banduan tebusan untuk mengayuh kapal menuju ke arah tujuan yang mereka hendak pergi, selain dari kemungkinan kita dihumban ke laut untuk makanan jaws.

'Tanyalah, apa yang hendak kau berikan kepada negaramu, bukan apa yang negara boleh beri kepadamu'.

John F. Keneddy

Nampaknya sesudah beberapa keturunan orang Cina duduk di Malaysia mencari makan dan kekayaan mereka masih bertanya apa yang negara ini dapat beri kepada mereka.

Ramai orang Cina yang sudah menjadi kaya raya, mendapat pangkat tinggi, penghormatan, dan menikmati segala kemudahan, ada pada tempatnya mereka lebih banyak mendapat keuntungan, kemudahan kerana mereka berusaha dan tahu bagaimana cara untuk mendapat kemudahan yang tidak dapat diperolehi oleh orang Melayu sendiri.

Berapa ramai orang Cina yang telah mendapat gelaran Tun, Tan Sri, Datuk, dan lain-lain penghormatan. Mereka mendapat kebebasan membuka sekolah Cina, membuat Tok Kong di mana saja, menggunakan tulisan Cina di mana, hinggakan ramai pelawat-pelawat dari luar negeri yang berkunjung ke Malaysia menyangka setiap bandar di Tanah Melayu ini adalah Cina Town.

Untuk merapatkan lagi perpaduan, para pemimpin Cina patut mengetahui sejarah kedatangan mereka ke mari, mengingatkan generasi

Cina hari ini tentang kebaikan orang Melayu yang telah memberi mereka kerjasama sejak mula menjelak kaki ke negeri ini hingga ke hari ini. Janganlah timbang dengan dasar kerajaan mahu menolong bumi-putera melalui DEB.

Dari dulu lagi hingga hari ini, orang Cina tanam sayur, orang Melayulah yang membeli sayur-sayuran tanaman mereka, orang Cina buka kedai, orang Melayulah yang menjadi pelanggan mereka. kedai kopitiam, kedai runcit, kedai kain baju, tanah-tanah orang Melayu, dipinjamkan, untuk mereka bercucuk tanam dan berkebun, ramai orang Cina yang menjadi kaya raya adalah kerana kerjasama dan bantuan dari orang Melayu. Perkara ini mereka tidak dapat nafikan.

Tetapi bila mereka sudah menjadi kaya raya, bila orang-orang Melayu sudah jadi kuli mereka, mereka terlupa ini semua, mereka sudah terlupa asal usul dan susul galur mereka. Pengorbanan dan jasa orang Melayu kepada orang Cina terlalu besar. Kalau saja ada para pemimpin Cina mahu mengaku ini dan mahu menanamkan semangat berbudi kepada orang Cina, tentunya orang Cina akan dapat hidup berbaik dan sanggup menolong orang Melayu.

Kalaulara para pemimpin Cina dapat berfikir seperti John F. Kennedy, dan berpegang kepada falsafah 'Ask what you can give to your country and not what your country can give you'. Tidak akan timbulah chauvinist Cina yang melaungkan tentang Universiti Merdeka, kedaulatan Bahasa Cina, kedaulatan kebudayaan Cina.

Berapa peratus dari Lee Foundation, Show Foundation, dan lain-lain yayasan dan institut Cina yang termasuk Dewan-dewan Perniagaan yang telah menolong untuk memajukan orang Melayu, apakah mereka tidak mengetahui tentang DEB?

Kebanyakan yang mereka buat semata untuk kepentingan kaum Cina, seperti mereka terlupa budi baik orang Melayu terhadap mereka.

Sepatutnya orang Cina cuba mempelajari tentang kaum-kaum imigran yang lain, seperti orang-orang Arab, orang Arab adalah kaum imigran, kenapa orang Arab boleh menumpukan taat setia yang sepenuhnya kepada negeri ini? Dapat menerima bahasa Melayu sebagai bahasa mereka, kalau hendak dibanggakan tentang Bahasa. Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran, bahasa Arab digunakan di Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi orang Arab yang dilahirkan di negeri ini tidak menggunakan

bahasa Arab, orang Arab juga mempunyai kebudayaan dan pakaian sendiri, mereka tidak membanggakan segalanya ini. Mereka menerima kebudayaan, pakaian dan makan minum seperti orang Melayu. Kebanyakan orang Arab yang kaya membuat sekolah, masjid mengadakan tanah wakaf menerbitkan akhbar untuk orang-orang Melayu.

Almarhum ayahanda saya berasal dari Hadramaut, saya tidak pernah memikirkan negeri Arab yang kaya raya itu sebagai negeri saya. Untuk pengetahuan orang Cina semoga mereka sedar, orang-orang Arab adalah kaum imigran yang telah menerima Malaysia sebagai negara mereka. Ratusan para pemimpin UMNO antaranya Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir, Datuk Syed Nahar, dan ramai lagi Syed dan Sheikh-sheikh yang berjuang untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu sambil berniaga dan mencari kekayaan di negeri ini.

Bumi ini yang kami pijak, itulah langit inilah yang kami junjung. Untuk pengetahuan kaum imigran yang lain, terutama orang Cina, kaum-kaum imigran Arab contohnya datuk saya sendiri, 'Dato Syed Hassan Alattas' telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menolong memajukan orang-orang Melayu dalam bidang perindustrian dan berladang dan memberikan beratus-ratus ekar dari tanah kepunyaannya untuk kebun dan rumah dan mendirikan sekolah-sekolah, masjid-masjid dan memberi tanah wakaf perkuburan. Di samping itu mengeluarkan ratusan biasiswa untuk anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran ke Mesir. Selain dari itu di bandar Johor Bahru 7 ekar tanah yang berharga lebih satu juta ringgit telah dihadiahkan untuk tanah perkuburan orang-orang Cina. Mereka tidak memikirkan untuk membawa balik harta yang didapati di negeri ini ke negeri Arab. Orang-orang dari keturunan Arab berjuang berganding bahu bersama orang Melayu, bacalah sejarah UMNO dan sejarah tanah Melayu. Sebab itu orang Melayu telah menerima orang keturunan sebagai orang Melayu.

Adakah kaum imigran dari keturunan Cina yang telah mengorbankan harta benda dan wang ringgit mereka untuk mengajar dan memajukan orang Melayu dengan ikhlas hati supaya boleh hidup seperti mereka. Kalau orang Cina boleh kasihkan orang Melayu dengan hati yang ikhlas, mengajar orang Melayu bahasa Cina, cara-cara berniaga, tidak akan timbul masalah perkauman dalam negeri ini. Kasih sayang antara sesama manusia saja yang boleh menghapuskan jurang perkauman.

Politik Dalam Negara Hang Tuah

Secara kebetulan saja sekali lagi saya menulis mengenai politik yang banyak berkisar di Melaka dan tidak banyak berkenaan negeri lain di Malaysia. Kenapa? Apakah saya merasa kurang puas dengan buku saya '*Perang di Kuala Linggi 1978?*'

Banyak soalan yang boleh dikemukakan, banyak pula jawapan yang boleh diberikan. Setiap orang mempunyai jawapan mengikut ukuran pemikirannya tersendiri. Sama ada jawapan itu salah atau betul dia sendirilah yang boleh menjadi pengadil sesudah membaca dan memahami isi kandungan buku ini.

Bagi saya selagi masalah politik dalam negeri Hang Tuah itu belum selesai saya belum mahu berhenti menulis sehingga bahan tulisan itu nanti boleh dijadikan kajian dan contoh bukan saja kepada ahli-ahli UMNO tetapi umat Melayu di seluruh Nusantara.

Apa tidaknya, sudah berapa lama Adib Adam menjadi Ketua Menteri Melaka, hingga saat saya menyiapkan buku "*Bahtera Lama Nakoda Baru*" ini Datuk Musa Hitam masih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Melaka dan masalah politiknya ini masih belum selesai. Politik Melaka masih juga terus bergolak seperti tidak ada damainya. Walaupun perperangan sudah tamat, kedua pihak sudah menyerahkan senjata masing-masing, namun persengketaan masih juga ada kenapa?

Kenapa dan mengapa MKT tidak menyelesaikan saja pertikaian yang ada dan menyerahkan Jawatan Ketua Perhubungan kepada para pemimpin UMNO Melaka, kalau mereka merasa ragu yang Adib Adam selaku Ketua Menteri tidak berupaya atau tidak mendapat sokongan ramai untuk menjawat jawatan Ketua Perhubungan.

Perkara yang baru saya sebutkan di atas adalah antara sebab musabab yang menarik saya kembali ke Melaka. Selain itu ialah memenuhi cabaran dan permintaan kawan supaya membuat analisa perbandingan antara Adib Adam & Ghani Ali. Saya dapat banyak perkara yang me-

narik antara kedua-dua pemimpin ini. Secara kebetulan juga yang lama tinggi dan yang baru pendek tapi tinggi pelajarannya.

Berita Adib Adam dipilih menjadi Ketua Menteri Melaka menggemparkan UMNO juga rakyat Melaka. Biarpun sebelum itu ada angin lobi yang bertiup kencang meramalkan yang beliau patut balik ke Melaka kerana Melaka memerlukan seorang Ketua Menteri yang berkelulusan Universiti bukan guru-guru lepasan SITC.

Dapatkah rakyat Melaka, terutamanya orang-orang UMNO dalam krisis politik yang begitu serius menerima orang yang bukan dari pilihan mereka? Bukanakah sebelum ini rakyat telah pun menyuarakan yang mereka mahu Ketua Menteri Melaka mesti anak Melaka yang tinggal menetap di Melaka. Bukan orang yang datang macam bidan terjun, tiba-tiba sahaja menjadi kepala.

Dalam kesibukan krisis, dalam keadaan politik Melaka sedang bergolak orang kuat MKT kawan baik Adib sendiri pernah menyuarakan kepada seorang kawannya yang telah bercadang untuk menjadi Ketua Menteri negeri Melaka yang sedang dilanda perang politik yang amat hebat. Kata Datuk itu sama ada ada ikhlas atau saja hendak menyedapkan hati kepada kawannya yang dirancang itu.

"Awak tahu, orang Melaka nanti masukkan Adib dalam kocek mereka. Awak mesti tahu jaguh-jaguh politik Melaka, bukan sembarangan. Ketua Menteri Ghani Ali yang begitu kukuh dan punya "Grassroot" mereka berani digulingkan. Inikan pula Adib yang baru hendak bertapak?"

Begitu kata YB tersebut bila kawannya bertanya kemungkinan Setiausaha Kerja UMNO disebut-sebut untuk menggantikan Ghani Ali.

Mendengar jawapan dari ahli MKT yang begitu berpengaruh dan serba tahu masalah politik Melaka itu, orang besar yang dicadangkan untuk kembali menjadi hero di Melaka pun mengatur dan mengumpul kader yang akan menyokong dan mendukung. Penuh harapan, penuh kepercayaan pada diri sendiri. Tidak sayang membelanjakan wang ringgit untuk mengatur strategi.

Apalah yang hendak dikesalkan oleh orang-orang yang beriman. Rezeki, maut, jodoh pertemuan semuanya di tangan Tuhan. Kebolehan ada, pengaruh ada, pangkat dan kelulusan tinggi pun ada. Tidak ada apa yang kurang. Kalau kurang pun mungkin kurang mengampu.

Kasihan, orang yang begitu bersungguh-sungguh menaruh harapan, tiba-tiba saja diberitahu beliau tidak sesuai untuk jawatan Ketua Menteri Melaka. Khidmat beliau di peringkat kebangsaan lebih penting. Melaka macam kotak mancis. Siapa saja yang dipilih oleh orang Federal mesti di-terima oleh rakyat demi kepentingan perpaduan dan keamanan negara. Keutamaan dan kepentingan diri mesti diketepikan. Mesti berkorban kerana perpaduan dan kepentingan parti. Itulah sikap yang telah diam-bil oleh mereka yang pernah disuarakan untuk menjadi Ketua Men-teri Melaka.

Segala apa yang telah diputuskan oleh orang Kuala Lumpur adalah keputusan muktamad. Menentang bererti menderhaka.

Kawan yang merasa kecewa dan hampa itu terpaksa berdiam diri, apa boleh buat sudah dipermainkan oleh kawan sendiri, lagi pun dalam arena politik ini semua boleh jadi.

Selain anak-anak Melaka yang berjawatan tinggi yang tinggal di Kuala Lumpur yang disebut-sebut untuk menjadi Ketua Menteri Melaka meng-gantikan Haji Abdul Ghani Ali, termasuklah juga orang-orang kuat Geng 11 antaranya Datuk Mohd. Di dan Ghani Ishak.

Yang paling kecewa adalah orang dari Geng 11 kerana mereka lah yang telah mengorek lubang untuk mengkebumikan politik Ghani Ali, biarpun lubang yang mereka korek itu tidak direstui oleh pucuk pim-pinan terlebih dahulu, sementara rakyat Melaka juga tidak merestui perbuatan menggugat dan menjatuhkan Ghani Ali dengan cara begitu. Tapi Ghani Ali akhirnya terpaksa juga meninggalkan kerusi Ketua Men-teri.

Ayam terlepas, tangan bahu tahi. Bukan saja orang dari golongan me-reka tidak terpilih untuk menjadi Ketua Menteri, setengahnya menjadi ahli Exco pun tidak dapat, dan ramai dari Geng 11 terus tidak terpilih menjadi ahli yang berhormat. Apa sudah jadi kepada mereka sekarang? Ghani Ishak sesudah menyesal atas perbuatannya berbalik semula de-nan Datuk Ghani Ali.

Ada berita angin yang bertiup sedikit hari dahulu sebaik saja Adib Adam jadi Ketua Menteri, ada Geng 6 yang akan menggulingkan dan menggugat Adib Adam kerana perasaan tidak puas hati.

Rancangan untuk menimbulkan krisis itu senyap dengan begitu saja. Ada orang yang mengatakan berita itu sekadar berita angin saja. Dan ti-

dak boleh dipercayai. Kerana orang dari Geng 11 yang kecewa menafikan berita tersebut.

Biar pun Adib Adam masih muda, beliau adalah seorang intelek, seorang yang berpengalaman dalam pentadbiran, dan beliau pun telah lama berkecimpung dalam UMNO. Ayahnya juga seorang ahli UMNO yang berpengaruh yang pernah menggongangkan UMNO Melaka bila beliau keluar dari UMNO dan bertanding atas parti bebas.

Apapun rakyat hendak kata Adib Adam sudah jadi Ketua Menteri, Ketua Menteri yang dipilih dan mendapat sokongan dari Kuala Lumpur. Ahli-ahli MKT mahukannya. Dan beliau adalah YB ahli Dewan Negeri yang dipilih oleh rakyat. Dan sekarang beliau sudah berbaik dengan semua ahli Dewan Undangan Negeri. Setiap orang diberi jawatan yang bagus supaya tidak nanti timbul perasaan tidak puas hati. Bagaimana pula dengan rakyat? Rakyat cuma ingin melihat keupayaan dan kepemimpinan Adib sebagai seorang Ketua Menteri dan penulis cuma mahu menulis apa yang Adib sudah buat sedang buat dan akan buat untuk tatapan rakyat jelata.

ORANG BARU JADI KAPTEN

Semasa Nabi Muhammad S.A.W. menjadi Rasul, beliau berumur empat puluh tahun. Saidina Abu Bakar r.a. dua tahun lebih muda dari beliau dan sahabatnya Saidina Omar r.a. berumur tiga puluh enam tahun, begitu juga dengan pengikut-pengikutnya yang lain adalah lebih muda dari beliau.

Apabila Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia beliau berumur lebih kurang 55 tahun, beliau memilih Datuk Seri Dr. Mahathir tahun lebih muda darinya. Begitu juga dengan Datuk Musa Hitam yang dipilih untuk menjadi Ketua Perhubungan UMNO Melaka jauh lebih muda dari beliau.

Pada hemat saya Perdana Menteri kita cuba mengikut perjalanan Rasulullah, dalam pentadbiran dan memilih para pemimpin yang terdiri dari golongan muda menduduki kabinet beliau. Tiga orang muda di bawah umur empat puluh tahun dijadikan Ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar.

Tentulah ada sebabnya kenapa Datuk Hussein Onn berbuat demikian.

Almarhum Presiden Sukarno pernah berkata, "Berikan aku seribu orang tua, aku hanya sanggup mencabut gunung Samiru dari uratnya, tapi berikan aku sepuluh orang pemuda aku akan sanggup menggoncang dunia".

Sabda Rasulullah, "Muda itu sebahagian dari gila, dan kerana kegilan orang mudalah dunia ini berkembang dan bertambah maju".

Intelek-intelek muda yang dipilih menjadi pemimpin boleh mendatangkan faedah kepada negara. Apa yang orang lain boleh buat dalam masa 10 tahun mereka boleh melakukan dalam masa 5 tahun sahaja.

Datuk Hussein tidak takut pada yang baru, kerana beliau tahu tidak semua yang baru itu buruk. Para intelek mempunyai fikiran yang luas yang boleh jadi dapat digunakan untuk memimpin, asal sahaja mereka tidak memikirkan sambil jadi ketua sambil hendak naik.

Kata setengah pendapat apa yang dibimbangkan oleh orang yang telah memberikan peluang keemasan yang cuma datang sekali dalam hidup itu ialah kelalaian, tidak sanggup dan berani bertindak.

Apa orang hendak kata. Adib Adam manusia yang tiba-tiba sahaja tuahnya datang menggolek telah pun menjadi Ketua Menteri Melaka. Dengan modal \$1.00 saja bayar yuran jadi ahli UMNO, tidak payah menggunakan cara yang pernah digunakan oleh orang lain iaitu setapak demi setapak, sesudah di kemuncak baru duduk di atas.

Mengikut pendapat Dr. Nordin Selat, soal politik bukan soal ijazah yang berjela-jela, soal politik ialah soal penerimaan dan kriteria penerimaan bermacam-macam.

Politik ini boleh diibaratkan seperti pokok buah-buahan. Pokok rambutan kahwin boleh jadi berbuah dahulu tapi kata orang tua-tua sudah dua tiga kali berbuah, buahnya sudah tidak sedap lagi. Batangnya juga rapuh, bila ditiuup angin malah ada yang patah. Di dalam politik ikut resam rambutan tanam biji, walaupun ambil masa lama untuk berbuah tetapi buahnya lebat dan dahannya kukuh. Angin puting beliung pun dia tidak runtuh.

Tuah ayam dilihat di kaki, tuah burung dilihat di sisipnya. Manusia kena loteri siapa tahu!

Dalam politik pula, dalam masa krisis, macam-macam boleh terjadi. Apa yang terjadi di dalam perkampungan politik tokoh-tokoh politik sendiri susah hendak meramalkannya.

Semasa saya berjumpa Adib di pejabatnya beliau bertanya kepada saya, tidak pernahkah saya meramalkan yang beliau akan menduduki kerusi itu.

Jawab saya senang sahaja. Orang yang tikam loteri tidak pernah memberitahu saya yang dia ada membeli loteri. Jadi macam mana saya hendak tahu dia boleh kena atau tidak. Kalau ia pun apalah yang hendak dibanggakan sangat jadi Ketua Menteri. Dalam negara demokrasi siapa saja yang mempunyai kesanggupan dan pandai memainkan peranan boleh menduduki kerusi tersebut. Inikan pula kalau memang nasib kita sudah baik, ada pula orang di atas yang menghendaki kita memimpin.

Kalau menjadi Presiden Iran seperti Ayatollah Khomeini yang pernah dibuang negeri boleh mengguling dan menghalau Shah Iran yang dibantu oleh CIA dan kuasa-kuasa besar hairan juga.

CAKAP TAK SERUPA BIKIN

Sudah menjadi kebiasaan, apa saja yang dibuat oleh orang baru semuanya baik belaka. Bak kata pepatah Inggeris "*New broom sweeps clean*", begitu halnya dengan penyapu baru.

Berita perihal Adib Adam mengendalikan pemerintahannya menjadi buah mulut orang di seluruh Melaka. Orang pejabat berbual pasal Adib, orang politik bercerita pasal Ketua Menteri yang baru. Cara, gaya dan pentadbirannya semua berbeza.

Masakan sama orang baru dengan orang lama. Bagi orang yang suka kan Adib cerita tentang kebagusan Adib menjadi topik yang hangat. Semuanya memuji belaka. Adib berdisiplin, Adib punya prinsipal.

Siapa saja hendak jumpa Ketua Menteri yang baru ini mesti ikut peraturan. Mesti buat '*appointment*' terlebih dahulu. Tidak boleh datang begitu sahaja. Biar pun orang politik atau orang kerajaan. Adib tidak suka buang masa bercakap kosong di pejabatnya. Semuanya mesti berjalan dengan disiplin. Kalau tidak ada perkara yang betul-betul mustahak tidak perlu jumpa Ketua Menteri. Jumpa saja Setiausaha.

Ramai yang bertanya sama ada saya sudah pergi berjumpa dengan Adib atau belum. Ramai yang suruh pergi jumpa dengannya, untuk menilainya. Untuk membuat perbandingan antara beliau dengan Ghani Ali.

Sebab utama yang membuat saya teringin benar bertemu beliau ialah kerana ada orang berkata sangat susah bertemunya. Kurang pun satu minggu terlebih awal, buat '*appointment*'. Dan kalau tidak ada perkara yang benar-benar mustahak permintaan untuk berjumpa dengannya tidak akan dilayan.

Dia tidak ada masa untuk melayan orang yang tidak ada urusan mustahak. Biarpun ahli-ahli UMNO sendiri.

Saya menelefon Shahril setiausaha. Akhirnya saya diberi peluang untuk menemui Ketua Menteri yang baru ini. Masa antara setengah hingga satu jam. Dari jam 10.00 hingga 11.00 pagi.

Hari dan tarikh yang ditetapkan, saya pun tiba. Jam menunjukkan 5 minit lagi pukul 10.00 pagi. Ramai orang di bilik menunggu. Orang Cina, Taukeh belaka. Saya beritahu Encik Ismail yang saya hendak berjumpa Encik Adib. Jawab Encik Ismail, ada orang di dalam dan ada ramai lagi yang menunggu hendak berjumpa dengannya. Saya terpaksa menunggu bila orang di dalam keluar. Taukeh Cina pun masuk. Saya beritahu Encik Ismail yang saya sudah buat appointment 3/4 hari yang lalu.

Encik Ismail menengok dairinya. Tidak ada penentuan. Kata Encik Ismail mungkin diaturkan oleh Encik Shahril. Saya ke bilik Shahril. Ada seorang pemaju perumahan. Beliau juga datang hendak berjumpa Adib. Ada masalah perumahan yang tidak mendapat layanan yang memuaskan dari kakitangan kerajaan di bawah pentadbiran Adib. "You kata dah aturkan pertemuan I dengannya 4 hari lalu".

"Betul, tapi I lupa beritahu Encik Ismail. You jangan susah, sekarang I masuk beritahu Ketua Menteri you nak jumpa dia".

"Inilah you orang. Janji pukul 10.00 mesti pukul 10.00. I bertolak dari rumah lepas sembahyang subuh untuk sampai pada waktu yang telah ditetapkan".

"Jangan marah Syed". Kata pemaju perumahan kepada saya bergurau. "Selalu hot nanti kena lemah jantung".

"Kalau tidak mahu ikut peraturan buat cara lama. Siapa sempat masuk. Siapa saja boleh jumpa. Bila-bila masa saja. Tidak kira waktu. Kita lambat kita tunggu. Ini tidak, buat 'appointment' tapi datang masih juga kena tunggu. Macam ini punya cara pentadbiran tidak betul. Saya tidak peduli. Rupanya indah khabar dari rupa."

Akhirnya saya dibenarkan masuk. 22hb. September, 1978 hari Jumaat jam 11.00 adalah pertemuan pertama saya dengan Ketua Menteri Melaka yang baru. Setelah mengetuk pintu, saya pun dipanggil masuk. Adib mempersilakan duduk. Kami bersalaman.

Buku Perang Linggi yang kuhadiahkan kepada Encik Ismail berada di atas meja Adib. Aku tidak dapat meneka perasaan Adib ketika itu. Sukar hendak aku meneka sama ada beliau gembira menerima kedatanganku yang tidak diundang. Beliau tersenyum dan ketawa mengejek sambil menunjukkan buku Perang Linggi.

"Tidak ada gambar saya dalam buku ini. Bagaimana awak ahli ramal tidak memasukkan gambar saya. Cerita orang lain ada." Mungkin be-

liau bergurau menunjukkan kemesraan pertama.

"Sebelum ini saya tidak kenal Y.B. macam mana saya hendak membuat ramalan".

"Awak kan ahli nujum. Gambar orang lain awak ramalkan sebagai bakal pemimpin. Awak tidak tahu selama ini saya jadi Setiausaha Kerja UMNO.

"Tidak, dan saya tak fikir. Kalau iapun saya cuma menyebut nama lima orang muda dalam Perang Linggi sebagai bakal pemimpin masa depan bukan sebagai Ketua Menteri."

"Apa hajat datang berjumpa saya hari ini?"

"Cuma ingin bertemu dan berkenalan".

"Bagus! Saya suka beritahu awak falsafah atau prinsip saya, pertama kali saya jumpa orang saya beri 50 peratus saja. Saya tidak kira siapa saja yang berjumpa saya".

"Kalau baik pula, bagaimana? Boleh naikkan sampai 90%".

"Tentu boleh".

"Kalau tidak baik pula bagaimana?"

"Saya tidak berapa suka hendak berjumpa dengannya lagi!" Adib menerangkan tabiatnya.

"Baguslah tu Yang Berhormat. Saya fikir tidak ramai pemimpin yang ada prinsip dan falsafah macam Yang Berhormat.

"Saya suka berterus terang".

Aku memerhatikan cara duduknya. Tidak kemas, tidak tersandar berat pada kerusi seperti sepatutnya. Orang baru dapat kerusi baru yang besar. Mungkin belum sesuai. Kelihatan seperti tidak begitu '*'confident'* saja.

Orangnya bertubuh kecil. Suaranya besar dan bercakap tidak putus-putus, ketawanya, ketawa raja, ketawa orang politik.

"Adakah orang-orang Yang Berhormat memberitahu yang saya sedang menyusun sebuah buku?"

"Tak ada. Apa buku yang awak hendak tulis?"

"Buku politik Melaka. Namanya Bahtera Lama Nakhoda Baru. Jadi ada satu dua perkara yang hendak saya tanya kepada Encik Adib."

"Boleh, awak boleh tanya apa sahaja tidak menjadi masalah. Apa nama buku yang sedang awak tulis tu?" Dia mengulangi.

Aku memberikan nama buku ini. "Tujuan saya datang jumpa Yang Berhormat ialah kerana saya tidak mahu kisah perang di Sekretariat ber-

ulang lagi. Dulu saya tulis buku Perang Linggi, Ghani Ishak sudah hamun saya dan bawa saya masuk ke bilik Speaker Datuk Ahmad Manaf. Dan marahkan saya kerana tidak bertemu mereka sebelum tulis buku. Sebab itulah saya datang jumpa YB mengemukakan beberapa pertanyaan.

"Saya tidak ada apa-apa. Saya tidak kisah. Saya sudah mengatur semua dengan baik. Saya boleh jaga politik di Melaka. Semua orang memberikan kerjasama pada saya. Saya tidak takut."

Pertemuan pertama adalah pertemuan terakhir. "*First impression is the last*". Apa juga gambaran yang kita tunjukkan kepada kenalan baru di perjumpaan kali pertama akan meninggalkan kesan yang baik atau sebaliknya.

Sebagai seorang pemimpin mestilah menunjukkan sifat kematangan, toleransi. Sikap ingin bertemu dan berjumpa siapa saja yang ingin datang menemuinya. Kita tidak boleh sekali mempersenda-sendakan, memandang rendah, membaca akhbar atau menunjukkan muka marah dan sugul semasa bertemu. Siapa saja yang datang menemui kita.

Manusia akan dapat merasakan suasana yang sedang berlaku. Dari air muka dan tutur kata, orang dapat mengukur dan menilai kita. Berikanlah gambaran yang baik bila bertemu pertama kali atau ketika diperkenalkan. Janganlah mengambil sikap acuh tak acuh sahaja.

Almarhum Presiden Sukarno dikasih dan disayangi oleh rakyat Indonesia kerana peribadi. Hemahnya yang tinggi, budi pekertinya yang mulia. Kerana budi bahasa tidak dijual beli. Lebih-lebih lagi kita orang Melayu terkenal kaya dengan budi bahasa.

Boleh jadi setengah pemimpin hari ini tidak tahu pun apa yang dinamakan peribadi. Eloklah para YB dan bakal serta pemimpin membaca buku yang bernama PRIBADI yang disusun dan dikarang oleh Profesor Dr. Hamka. Kerana setengah YB Wakil Rakyat tidak tahu sama sekali cara mendampingi masyarakat. Nasib baiklah orang Melayu cintakan UMNO dan ada yang masih bodoh dan meletakkan kepercayaan kepada parti Barisan Basional yang dipimpin oleh Datuk Hussein Onn.

Kalau atas dasar peribadi dan wang ringgit sendiri tanpa jentera kerajaan membantu, mustahil mereka akan dipilih oleh rakan kerana perangai mereka yang angkuh dan ada setengahnya bodoh sompong. Tak sepatutnya mendapat penghormatan dari rakyat inikan pula mendapat kasih sayang. Mereka tidak pandai menyambung silaturahim.

LAIN ULU LAIN PARANG

Kerusi Ketua Menteri berhantu, kata orang, Kerusi itu panas. Orang yang layak saja yang boleh duduk lama di kerusi tersebut.

Kalau dahulu kala orang kata kalau bukan orangnya yang telah ditetapkan di atas kerusi tersebut dia nanti ketulahan. Dia akan menerima berbagai cabaran dan bencana seandainya dia gagah, kuat semangat dia akan dapat mengekalkan kerusi itu selagi Allah menghendakinya.

Orang yang pertama dipilih oleh rakyat menduduki kerusi tersebut ialah Ghaffar Baba. Kerusi itu panas untuk Ghaffar. Beliau tidak sesuai. Banyak kesalahan dan kesilapan yang membuatkan beliau terpaksa bangun dari kerusi yang dikatakan berhantu itu.

Kerusi yang menjadi keinginan ramai ahli UMNO, kebanyakan ahli UMNO yang bercita-cita tinggi ingin membuktikan yang mereka mahu duduk di kerusi itu untuk jadi Ketua Menteri walaupun satu hari.

Kerusi yang menjadi tumpuan dan rebutan ahli yang berhormat apabila berada di dalam bilik tersebut akan berdoa dan berharap suatu hari juga mereka ingin duduk di kerusi tersebut.

Sebab itu terjadinya rebutan kuasa. Sebab itu adanya gugat menggugat, guling mengguling, merebut kerusi yang satu itu.

Biar bagaimanapun tidak semua orang kelihatan segak dan bergaya serta bersemangat duduk dan bersandar pada kerusi yang memberi kekuasaan memerintah itu. Salah langkah boleh jadi sasau. Boleh jadi biul, macam orang kena loteri. Tidak tahu apa hendak buat dengan duit.

Semua Ketua Menteri atau Menteri Besar hari pertama, minggu pertama dapat duduk di kerusi tersebut merasakan serba tidak kena. Kalau kalah judi kata orang, mungkin tidak dapat tidur malam, kemungkinan bercakap seorang diri dalam bilik. Berlakon, bangun duduk dan berjalan dalam bilik Ketua Menteri untuk menyedapkan hati sendiri.

Orang yang beriman dan sentiasa ingat dan bersyukur kepada Allah

akan merasa tenang. Kerana mereka menyerahkan segala-galanya kepada Allah. Bertawakkal pada Allah.

Tuhan yang telah meminjamkan kerusi itu, tidak diketahui untuk berapa lama. Manusia yang baru itu bersifat lemah. Kalau kita boleh dapat sifat hidup berlawan, kita boleh juga kehilangan. Lama sekejap belum tahu. Kita tidak boleh percaya sangat tentang pendapat orang yang mengatakan "*Easy come, easy go*". Macam mana senang kita dapat begitu senang juga benda itu boleh hilang dari kita.

Dunia ini pinjam-pinjaman. Begitu halnya dengan Kerusi Ketua Menteri yang dikatakan berhantu itu. Memang adalah satu pemimpin datang, yang satu mesti pergi. Ghaffar pergi Datuk Talib ganti, Datuk Talib pergi diganti pula oleh Ghani Ali.

Berebut Geng 11 hendakkan kerusi tersebut. Macam-macam yang dibuat. Ghani Ali tetap steady. Sebagai seorang nakhoda yang berpengalaman, tidak hairan ribut taufan dan gelombang, masih dapat menyelamatkan bahtera hingga sampai ke pelabuhan.

Yang paling lama duduk di kerusi Menteri Besar di Malaysia ini ialah Datuk Osman Saat. Tiada siapa yang berani duduk di kerusi tersebut hingga ke hari ini. Beliau begitu '*confident*'. Segak. Orang terpukau tunuk hormat dan merasa kecil bila berdepan dengan beliau. Karisme.

Orang merasakan beliau punya *leadership* semulajadi. Cakapnya gaya duduknya, memek muka, suara, renung, ketawa dan semangat yang kuat membuat orang memberi penuh penghormatan. Begitulah halnya dengan Almarhum Sukarno. Siapa masuk ke bilik beliau, akan terpegun hilang rasa hendak marah. Keluar dari bilik dengan senyum dan kasih kepada beliau.

SIAPA SALAH:

"Orang yang menganggap dirinya masyarakat dan masyarakat adalah dirinya, nilainya lebih tinggi dari mutu emas sepuluh. Sebaliknya kalau dia menganggap masyarakat lain dan dirinya lain, orang itu tidak lebih harganya dari peluh dan lain-lain barang yang keluar dari tubuh badan". Demikian falsafah Saidina Ali r.a.

"Your boss may be wrong, but he is still your boss".

Kalau kita tidak menegur para pemimpin kita, siapa lagi? Kaum lain? Bangsa lain? Mustahil!

Dan tidak mungkin orang yang bekerja di bawahnya. Orang yang di bawahnya ada moral obligation, lebih-lebih lagi Exco-exco dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Apa yang telah terjadi pada Ketua Menteri Lama kita jadikan tauladan. Pada mulanya apa saja Ghani Ali buat, semuanya bagus. Tidak ada siapa yang berani dan ikhlas mahu menasihat dan menegur. Lama kela-maan semua yang hendak ditegur, disimpan dalam satu memorandum. Hingga hampir tertubuh satu kerajaan buangan di Hotel Jayapuri, Petaling Jaya. Hingga ke hari ini tidak siapa yang tahu siapa ketua mereka yang rasmi. Ramai yang mahu jatuhkan Ghani Ali. Bila ditanya semuanya suka Ghani Ali. Ghani Ali baik, cuma perjalanannya tidak betul dan banyak silap. Kenapa tidak dibetulkan bersama?

Kalau hendak tubuh kerajaan buangan ikut contoh Ayatollah Khomeini. Shah Iran terpaksa keluar negeri. Tetapi mendapat penuh sokongan dari rakyat.

Orang tahu siapa pemimpin pemberontak Iran. Ayatollah Khomeini mengaku, dan terus memimpin pemberontakan hingga Shah Iran terpaksa turun dari takhta dan keluar sebagai orang buangan.

Apakah kita semua mahu pisang berbuah dua kali. Apakah kita semua melihat Adib Adam diguling dan digugat? Rakyat mahu pemimpin sama pemimpin berbaik. Bukan berebut harta rakyat dan bergaduh

sama sendiri. Perbuatan pemimpin seperti ini bukan saja memalukan umat Melayu tetapi merendahkan imej dan prestig UMNO sebagai sebuah parti memerintah.

Kesilapan pemimpin mesti diperbetul. Pemimpin mesti bijak dan berani menukar sikap rakyat, mesti mengadakan revolusi mental.

Saya sungguh tertarik hati kepada falsafah Adib Adam. Itulah antara sebabnya yang menguatkan saya untuk terus menulis buku ini. Selama ini orang Melayu pertama kali jumpa orang, terus 100% percaya, terpengaruh tidak mahu fikir panjang lagi. Adib berpendapat pertama kali beliau berjumpa dengan siapa saja, di perjumpaan pertama dia cuma sanggup beri orang itu 50% saja. Terserah kepada orang tersebut sama ada mahu meninggikan atau menukarkan nilai dan peratus yang telah diberikan oleh Adib. Adib berterus terang dalam hal ini. Itulah falsafah Adib mengikut katanya.

Saya cepat belajar. Alhamdulillah. Bersyukur saya kepada Allah. Saya suka belajar dari apa yang saya lihat dan dengar. Kerana kita manusia ini dijadikan dalam serba kekurangan.

Bagaimana pula kalau saya juga memberi Adib 50% pertama kali atau bertemu muka dengannya. Dan beliau harus membuktikan kepada saya yang beliau sendirilah yang menaik atau menurunkan peratus beliau itu. Saya cuma mahu menguji kredebiliti sebagai seorang pemimpin.

Benarlah Adib seorang muda yang berhati-hati. Dia beri dirinya dan kita berpeluang untuk mengubah sikap kita.

Yang baik jangan dipuji dan buruk jangan dikeji, orang baru tentulah serba molek. Tidak ada cacat cela. Tapi kalau sekali silap, setahun panas, sehari hujan semua kebaikan dilupa. Yang tidak baik saja yang akan timbul nanti.

Hendak melentur buluh masa rebunglah. Sudah menjadi buluh tidak berguna lagi. Pemimpin bila sudah merasakan dirinya cukup kuat dan berkuasa mula jadi diktator pula. Nanti kita semua dapat bala.

Pemimpin harus diberi '*guide line*'. Datuk Hussein dicabar oleh Sulaiman Palestin. Inilah yang membuktikan yang kita ini bangsa yang merdeka, berani mencabar dan sanggup menerima cabaran.

Orang Melayu sekarang sudah celik. Sudah pandai protes. Kalau tidak terang-terang dalam diam-diam. Sudah 21 tahun merdeka buat pertama kali orang Melayu berani protes. Orang Melayu sudah boleh

adakan kerajaan buangan. Orang Melayu sudah mendewa-dewakan Jebat sebagai hero, bukan lagi Hang Tuah. Ini semua harus dijadikan bahan menungan dan kajian oleh ahli-ahli politik. Bagaimana sifat agresif yang telah ditanamkan oleh Almarhum Datuk Onn dituruti oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, Datuk Musa dan lain-lain pemimpin UMNO.

Ingat mengingati, berbincang, bertelagah dan bertengkar dalam hal-hal tertentu di waktu sarapan, di meja minum teh patut dijadikan satu amalan.

Pemimpin mesti selalu mengadakan kempen bersih otak. Mengajar orang Melayu mengenal diri mereka dan mencari apakah kesalahan mereka.

Galakan para ahli UMNO agar supaya suka membaca buku-buku pengetahuan dan buku-buku politik juga sejarah. Janganlah membaca akhbar atau majalah yang ada berita dan gambar mereka saja, dan buku-buku politik yang berkisar mengenai negerinya saja. Kenali dan pelajari lah politik seluruh Malaysia. Jangan simpan semua usul di perhimpunan Agung dalam peti besi. Semua orang hendak bercakap dalam masa yang singkat. Akhirnya hampa. Datang ke Kuala Lumpur ke perhimpunan agung untuk makan angin saja. Segala resolusi habis begitu saja. Apa yang patut dibincang dibawa balik ke bahagian dibincang balik semula.

Berlakunya peristiwa Geng 11 di Melaka boleh dijadikan contoh serta tauladan kepada Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar yang lain.

Kalau saja Geng 11 yang terdiri dari anggota Dewan Negeri juga ahli Exco Kerajaan Negeri, Geng baik Ghani Ali menyuarakan setiap kesilapan dan kesalahan Ghani Ali dan sedia berbincang dan ikhlas tentu perkara menghantar memorandum kepada Datuk Hussein tidak akan terjadi. Begitu juga dengan keadaan mengadakan kerajaan buangan di Hotel Jayapuri.

Orang Melayu tidak suka berbincang. Orang Melayu takut menegur, mengkritik. Orang Melayu lebih senang menyimpan dendam. Biarkan orang yang melakukan itu lemah, baru sekali memberontak. Ahli UMNO Melaka lebih suka menggunakan surat layang. Biarpun perbuatan itu dianggap tidak jujur tidak ikhlas.

Orang Melayu mesti mengubah sikap. Kenapa orang Melayu takut menegur dengan ikhlas. Kerana sikap dan sifat orang Melayu yang sen-

sitif. Selagi perkara masalah perbincangan ini tidak dapat dibetulkan, politik Melayu juga tidak boleh jadi betul.

Pemimpin Melayu bila sudah duduk di atas tidak suka ditegur. Dan tidak senang dikritik. Mahunya dipuji dan diampu saja. Selain dari itu ada yang ingin naik ke atas dengan memijak kepala kawan atau menjatuhkan kawan.

Perbincangan boleh memberi kesedaran dan keinsafan selain dari tunjuk ajar. Perbincangan di meja makan, sewaktu sarapan dan menerima pendapat patut dijadikan satu kebiasaan.

Menyimpan dendam dan marah dalam hati bukan saja boleh merosakkan diri tetapi merugikan bangsa sendiri, perbuatan jatuh menjatuh, guling mengguling dan fitnah mesti dihapuskan dan mesti dikutuk.

Politik mesti bergolak dengan cara yang sihat. Setiap pemimpin mesti merasakan tanggungjawab terhadap bangsa dan tanahair. Setiap tindak tanduk mesti difikir apakah boleh menguntung atau merugikan bangsa dan negara.

Pemimpin UMNO mesti membuka mata dan telinga ahlinya. Mesti juga berani berkata benar. Jangan berani membuat perkara yang boleh merugikan bangsa kerana kesenangan diri dan keluarga.

PENA BERACUN:

“Awak Syed Hussein Alattas?”

“ya!”

“Awak kenal saya siapa?”

“Tidak.”

“Awak tidak tahu siapa saya?”

“Tidak.”

“Awak tahu, sayalah Yang Berhormat Haji Ghani Ishak?”

“Tidak.”

“Habis, macam mana awak boleh tulis rencana dalam buku awak,
“Siapa Ghani Ishak Sebenarnya?”

Ghani Ishak menjerit sekutu hatinya melepaskan geram. Semua orang dalam bangunan yang tersergam itu menumpukan pandangan kepada kami. Secara kebetulan YB Encik Aziz Alias juga hendak keluar dari dewan. Ghani menunjukkan ke arah saya.

“Inilah pengarang buku Perang di Kuala Linggi, dia tidak kenal pun saya, macam mana dia boleh tulis mengenai saya?” Melepaskan suara marah dan kesalnya.

Aziz Alias tidak ambil indah, sesudah menengok ke arah saya, beliau terus keluar. Lapang rasa dada saya, kalau tidak dua lawan satu teruk juga saya.

“Saya kenal awak. Saya camkan muka awak. Saya sudah baca buku awak. Sebab itu bila saya tengok saja awak, saya tahu awak. Tapi awak tidak kenal saya. Penulis apa namanya ini.” Beliau terus menyambung lagi.

“Awak ada jumpa saya masa hendak tulis buku ini?”

“Tidak!”

“Ada jumpa orang 11?”

“Tidak”.

“Awak tidak patut. Saya boleh kritik awak. Buku awak banyak salah. Banyak silap. Tapi kalau saya kritik awak tak guna. Tak guna saya

kritik awak. Buku awak akan jadi lebih popular”.

Ia berhenti bercakap dan berfikir, apa yang baru dicakapkan tadi menunjukkan kelemahannya. Dan bila dia lihat saya mahu bercakap dia menyambung semula. Ini memang tabiat Ghani Ishak tidak suka beri peluang orang lain bercakap.

“Itulah balasan Tuhan. Awak tulis sesuka hati awak, dari huruf Nabi sudah jadi babi. Padan muka awak.”

“Saya tahu, Utusan Melayu 27hb. April ada mengkritik perkara tersebut. Itu bukankah kesilapan biasa. Jadi macam mana Yang Berhormat. Ada apa-apa yang YB tidak puas hati?”

“Tak guna saya cakap. Awak sudah tulis. Apa hendak kata lagi. Awak sudah bikin kecoh, bikin huru-hara Melaka ini”. Beliau bercakap dengan nada kesal. Ghani Ishak benar-benar kelihatan sedih, mukanya pucat.

“Itulah salahnya, waktu hendak tulis dulu awak tidak datang jumpa saya”.

“Sekarang saya dah jumpa Yang Berhormat.”

“Sekarang hendak buat apa?”

Kami semua terdiam. Ghani Ishak melihat keliling. Perhatian orang ramai yang ada di situ tertumpu ke arah kami.

“Mana awak tahu saya pergi istana ambil bintang?”

“Dalam suratkhabar Watan”.

“Mana Watan tahu?”

Beliau bercakap sambil berjalan menuju ke kereta Mercedes 220-nya. Dia membuka pintu kereta. Aku berdiri menghampirinya. Aku sanggup mengikut ke mana saja dia bawak untuk mengetahui lebih lanjut apa yang akan terjadi pada diriku yang begitu berani mengkritik para pemimpin.

“Sekarang Yang Berhormat senang?” Aku bertanya bila melihat beliau tidak jadi masuk ke keretanya. Dia tidak menjawab. Dia kelihatan bingung. Hatiku berdebar juga. Kerana ada kawan pernah menceritakan Ghani Ishak kalau sudah marah mungkin menggunakan pistol.

“Awak tahu, seorang anak berumur 14 tahun tanya saya, betulkah saya ini seorang pembohong? Tulisan awak betul memalukan saya. Awak tidak patut buat saya macam itu”.

“Apa Yang Berhormat jawab?”

"Saya bekas guru, saya Pak Haji, mana boleh awak bilang saya pembohong. Mana awak tahu saya pergi istana ambil bintang?" Dia mengulangi pertanyaan tadi.

"Dari suratkhabar Watan saya dapat berita itu".

"Awak fikir kita orang 11 ini semua tidak betul? Cuba fikir baik-baik kenapa kita mesti tentang Estet Melayu. Awak tidak tahu sebab sebenarnya, Awak pakai tulis saja." Dia melepaskan geramnya dengan menutup pintu keretanya kuat. Lepas itu berjalan aku mengiringinya memasuki dewan. Secara kebetulan pada hari tersebut ramai orang di dalam bangunan itu. Mata mereka tertumpu kembali kepada kami.

"Mari ikut saya". Dia memanggil saya dengan isyarat tangan. Seperti seorang ayah dan guru memanggil anak yang telah melakukan kesalahan. Mukanya merah padam. Pada matanya yang bulat penuh cahaya api kemarahan. Dalam kemarahananya yang amat sangat itu membuat dia kelebihan begitu kecil. Mungkin dia juga memandangku kecil. Macam hendak disepak terajang dan ditelan-telannya.

"Awak seorang ahli firasat, awak cuba firasatkan saya, saya cabar awak. Awak mana boleh tahu saya 100%. Biar pun awak seorang ahli kashaf".

Aku senyum memerhatikan telatahnya. Hatiku cemas dan berdebar-debar juga bila pintu bilik Speaker ditutup olehnya. Biar bagaimanapun aku berserah pada Allah. Berani mengkritik mesti sanggup menanggung akibatnya.

"Ini dia orang yang sudah buat kacau, buat kecoh dalam Melaka, orang yang telah melontarkan kita semua dengan tahi." Ghani minta orang-orang yang bukan dari Geng 11 keluar. Tinggal 4 dari 11. Sedang Ghani bercakap-cakap seorang dari mereka keluar. Tinggal Datuk Speaker, Hashim Pit dan Ghani Ishak saja. Ghani Ishak bangun dan duduk. Kemarahananya tidak dapat ditahan-tahan.

"Awak ada tanya antara kita 11 orang, apa yang hendak awak tulis?" Dia menunjukkan kepada orang Geng 11. Saya tidak menjawab. Kerana saya tahu dia tidak akan memberi saya peluang menjawab. Dia menyambung lagi.

"Kita semua makan nasi hari-hari tau! Dah berpuluhan tahun kita hidup. Awak ingat kita bodoh? Kita ada pendirian. Kita bukan ahli politik pak turut. Main ikut saja. Awak tidak guna jadi penulis. Awak be-

lum pandai menulis. Lain kali jumpa dahulu dengan orang 11 baru tulis". Lagi pun awak bukan orang Melaka. Apa hak awak tulis pasal Melaka?" Ghani melepaskan geramnya.

"Saya pun seorang penulis, sasterawan. Awak tahu! Saya dulu pun guru. Sayalah pengasas PENAMA, persatuan penulis Melaka ini". Dia bercerita sambil mendabek dada. Saya memerhatikan dengan tenang telatah Wakil Rakyat yang berpakaian *bush jacket* ini bersendiwara. Biar pun beliau pendek tapi tetap segak dan bergaya.

"Buku awak tidak akademik. Tidak boleh digunakan di sekolah-sekolah untuk kajian. Awak kutuk saya dan Geng 11 habis-habisan. Apa awak fikir awak keturunan Rasulullah boleh tentu mati masuk syurga. Apa awak fikir awak tak ada salah silap?"

Nasib baik tubuh saya lebih besar darinya. Kalau tidak mungkin dia sudah melempang muka saya kerana terlalu geram.

"Semua orang dalam dunia ini ada membuat kesilapan. Kita punya kebaikan awak tidak tulis. Perjuangan kita dalam politik awak tidak tulis. Sebab itu Tuhan tunjukkan yang awak bersalah. Pencetak sengaja atau tidak huruf Nabi besar sudah jadi Babi besar."

Kata-kata beliau itu benar-benar mengusik hati dan membuat saya rasa kesal. Biar apa pun Pak Ghani telah banyak berjasa dalam UMNO. Bukan senang hendak mencari orang yang berpengalaman macam beliau. Tentulah ada kebaikannya dan saya rasa kurang adil kerana tidak menceritakan kebaikan beliau.

"Itu kesalahan percetakan".

"Itu menunjukkan awak penulis tidak betul." Tidak pandai, tidak guna. Siapa di antara kita yang awak jumpa sebelum awak tulis buku ini. Ini semua Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Geng 11.

"Boleh saya cakap sedikit". Saya minta kebenaran sambil meneliti muka Speaker yang dari tadi mendengar saja. Beliau mengangguk.

"Saya kan menulis tentang wakil rakyat? Kepada rakyatlah saya bertanya. Takkan pula pada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat".

"Walau bagaimanapun berundinglah dengan kita dahulu".

"Itukan buku pertama. Sebagai percubaan. Ada lagi buku yang sedang saya susun. Sekarang kita boleh berunding. Kalau Yang Berhormat mahu cakaplah rundingan yang macam mana?"

"Sudah lambat, tidak guna. Pilihanraya tinggal 2 bulan lagi. Jahanam

saya awak kerjakan. Semua Geng 11 sudah kena lumur tahi. Awak sudah masukkan pasir ke dalam periuk nasi kami." Herdik Ghani Ishak kesal.

"Masya Allah! Saya tidak tahu buku itu boleh memasukkan pasir dalam periuk nasi Yang Berhormat. Bukan niat dan tujuan saya. Allah yang menentukan rezeki manusia." Bisik hati kecil ku, begitu beracun sekalikah penaku?

"Siapa kasi Datuk Hussein Onn 2 buku? Datuk Hussein telefon saya. Awak punya pasal saya sudah susah. Buku ini sudah tersebar di Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur. Mereka semua sudah tahu segala hal di Melaka."

"Itu bukan salah saya."

"Apa gunanya awak tulis pasal Len Tek?"

"Dia kan penasihat Estet Melayu, salah saya tulis pasalnya?"

"Saya pun bekas Pengarah Estet Melayu. Kalau awak tidak percaya boleh *check* di pejabat pendaftaran syarikat." Dan beliau meneruskan lagi. "Dari mana awak dapat gambar-gambar dalam buku?"

"Saya pergi ambil sendirilah".

"Kata Lim Ah San dia yang ambil!" Sergah Ghani.

"Itu tidak benar. Saya yang mengambil gambar-gambar tersebut semasa dibawa oleh Penghulu Khamis melawat Estet Sri Lingga?"

"Mana awak dapat tahu tentang Estet Sri Lingga?"

"Penghulu Khamislah yang beritahu saya, ada perkara yang tidak betul atau salah berkenaan penulisan saya itu?"

"Salah itu tidak. Ada juga yang bagus dalam buku awak itu. Tapi nampaknya awak puji satu pihak saja."

"Saya percaya, cukup banyak bakti dan jasa Ghani Ali pada rakyat Melaka. Ibarat satu pasukan bola yang melawan pasukan yang lain. Kalau orang tidak beri bola pada Awang Bakar, mana boleh Awang Bakar tendang masuk gol? Kejayaan Ghani Ali adalah kerjasama dari kami semua. Ghani Ishak nampaknya tidak suka saya menulis kebaikan yang sudah dibuat oleh Ghani Ali.

"Terlupa Pak Haji ni agaknya. Awang Bakar sudah jadi arwah. Ka-

lau nak cakap pasal bola sekarang Mokhtar Daharilah yang jadi jaguh. Mokhtar Dahari tidak tendang bola masuk gol sendiri." Jawabku dalam hati.

"Yang Berhormat apa susah. Saya ada satu buku lagi yang sedang saya susun berkenaan Melaka." Aku memberi semangat.

"Perang lagi?"

"Tidak. Kali ini jasa-jasa 3 Ketua Menteri Melaka".

"Apa kena mengena dengan saya?"

"Yang Berhormat kan pernah menjadi Pemangku Ketua Menteri Melaka?"

"Kalau macam itu tulislah 3½ Ketua Menteri Melaka, jangan lupa Datuk Tan Cheng Swee. Dia juga pernah menjadi Pemangku Ketua Menteri Melaka. Tapi sekejap juga macam saya." Jawabnya riang.

"O.K. saya akan tulis 3½ Ketua Menteri Melaka". Aku pun tersenyum. Entah kenapa tiba-tiba aku rasa geli hati.

"Awak tengok, saya kan ikhlas, jujur orangnya. Saya tegur saya tunjuk salah awak depan-depan. Kalau saya hendak jahat, saya tulis surat layang dan tabur di mana-mana. Saya akan kata awak munafik kerana merosakkan pemimpin-pemimpin UMNO."

"Terima kasih". Jawabku ringkas.

"Sepatutnya saya tidak boleh cakap begini dengan awak". Dan awak pun tidak boleh tulis yang tidak baik tentang diri saya. Kerana saya belum pernah minum kopi awak secawan; awak pun belum pernah minum kopi saya secawan". Ghani Ishak bermadah lagi. Saya tidak tahu apa tujuannya.

Sedang dia bercakap dengan tenang, Yang Berhormat Mohd. Di pun masuk. Tiba-tiba beliau keluar semula.

"Awak tengok punya jujur dan ikhlas saya pada awak. Saya hulur tangan dahulu. Kalau saya salah saya minta maaf". Kata Ghani Ishak sambil menghulurkan tangan padaku.

Kami bersalaman. Satu jabatan tangan yang longgar tak bermakna. Mungkin jarinya pendek-pendek membuat dia tidak suka bersalam erat dan lama-lama.

"Jadi bolehlah saya datang ke Masjid Tanah untuk *interview* Yang Berhormat nanti?"

"Itu terserah atas inisiatif awak sendiri". Yang Berhormat Ghani

Ishak keluar. Tinggal saya dengan Tuan Speaker Datuk Ahmad sahaja.

"Saya tak ada komen. Saya tidak campur dalam hal ini". Kata Speaker selamba. Kami bersalaman, aku meninggalkan bilik Speaker berjumpa dengan kawan lama Encik Mohd. Haji Taib, orang kuat Tun Sri Lanang, hendak menceritakan kepadanya akan apa yang telah terjadi kepada ku yang telah memberanikan hati mengkritik para pemimpin UMNO yang sensitif. Ini baru seorang saja yang aku bersua. Ada ramai lagi, entah apa pula bala yang aku akan terima.



Apakah yang sedang dibincangkan oleh S.H. Alattas dengan Tengku Razaleigh Hamzah Menteri Kewangan Malaysia. Mereka berdua saja yang tahu.

'Lita' Kalau Jadi Raja Melaka

Tengku Mohammad Rafee yang mengaku dirinya warisan dari takhta Melaka telah lama saya kenal. Saya mengenalinya sejak kecil lagi. Semua orang di kampung datuk saya 'Kampung Habib Hasan,' Johor Bahru memanggilnya 'Lita'.

Kalaularah saya tahu yang beliau adalah seorang anak raja yang menyamar sebagai musafir yang berkelana mencari nafkah kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang dengan mengambil upah memanjat kelapa dan membersihkan kebun orang tua saya, tentu saya tidak akan membenarkan seorang anak raja dipersendakan oleh rakyat hingga begitu sekali.

Beritanya yang tiba menggemparkan ahli Sejarah dan rakyat Melaka turut menimbulkan tanda tanya. Benarkah Lita ini akan menjadi Raja Melaka? Kalau benar apa akan terjadi pada Adib Adam, Ketua Menteri yang begitu angkuh hingga tidak ada sedikit masapun untuk melayan orang yang sedang menuntut takhta Kerajaan Melaka?

Tentulah mereka berdua tidak dapat bertentang mata. Yang satu kerana takut dan bersalah kerana sifat yang merendahkan seorang yang bercita tinggi. Yang satu akan merasa marah kepada menterinya yang sudah terlupa yang Adib pun datang dari rakyat jelata juga. Allah yang meminjamkan kursi itu buat sementara saja.

Dan antara rencana 4 siri yang ditulis oleh kawan saya, saudara Ahmad Mahmud di dalam Akhbar Watan berkenaan Niat Rafee Kalau Jadi Sultan. Siri terakhirnya adalah siri yang menarik maka saya telah memilih kisah ini untuk dikumpulkan dalam Bahtera Lama saya. Antara kisah dan kejadian yang patut disimpan dan dibaca oleh kita semua untuk dijadikan panduan dan pelajaran. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahmad Mahmud dan juga pihak Watan. Rencana ini disiarkan pada Isnin 5 Mac, 1979.

Niat Rafee kalau jadi Sultan

Tengku Mohammad Rafee, 'Sultan Melaka' hari itu memakai seluar hijau dan 'bush jacket' hijau bersongkok hijau. Ada ribbon biru tua melilit songkoknya.

Bersama cuaca pagi Selasa yang damai Tengku Mohammad Rafee menyedut rokok dengan wajah yang tenang. Dia duduk di bucu meja sebelah kiri saya, atau dalam bahasa istana dia mencemar duli di situ.

Dia menguap. Saya renung mukanya. Kelopak mata Tengku Mohammad Rafee nampak layu sekali.

'Malam tadi tak tidur agaknya?' soal saya.

'Tidur lewat. Ada pula orang datang minta ubat dan tangkal hantu syaitan untuk budak kecil.'

'Tidur di mana malam tadi?'

'Tidur di rumah anak buah di Kelang, dialah yang beritahu jiran, Pak Engku boleh ubat orang,' Tengku Mohammad Rafee menguap lagi.

'Kalau mahu tahu tentang diri saya, tanya Profesor Zainal Abidin Wahid' tambah Tengku Mohammad Rafee sesudah memadamkan api rokok di bibir bekas abu rokok. Saya agak terkejut apa hubungannya dia dengan Profesor Zainal Abidin Wahid dari Universiti Kebangsaan.

'Kenapa ke situ pula?' saya minta kepastian.

'Sama-sama belajar di Sekolah Melayu Telok Anson dulu. Entahlah kalau dia dah lupa' katanya megah. Saya senyum senang.

Tengku Mohammad Rafee yang pernah ditabalkan jadi Sultan Melaka selama tiga hari tanpa hak istimewa dan kuasa itu merasakan kesultanan Melaka perlu diwujudkan kerana warisnya masih ada.

'Antara Sultan Melaka dulu ada yang tak patut. Anak bini orang di rampas untuk dijadikan isteri,' kata saya mengusik. Muka Tengku Mohammad Rafee berubah. Dia menjegilkan biji matanya pada saya. Fahamlah saya perasaannya tersinggung. Kami diam sejenak.

Rampas

Masa itu saya teringat tentang Sultan Mahmud yang merampas Tun Fatimah dari tangan Tun Ali dan betapa hebatnya sindiran Puteri Gunung Ledang terhadap Sultan Mahmud yang mahu meminangnya.

Demikian juga dengan cerita Marhum mangkat dijulang.

Orang Melaka tentu tidak senang hati kalau nanti mempunyai seorang Sultan baru yang mempunyai sifat begitu.

'Saya tahu keturunan saya pernah menyusahkan rakyat kerana ada perhitungan yang silap. Saya belajar dari mereka untuk menjadi seorang Sultan yang baik. Mana tahu mungkin saya jadi Raja Melayu yang pertama jadi macam Khalifah Harun Arrashid,' katanya sambil meraba bucu songkok di kepala.

'Ini dastar beta,' dia menunjuk songkoknya berjenaka. Sama-sama kami mengilai.

'Kalau Pak Engku jadi Harun Arrashid tentu ada Abu Nawasnya,' saya mencelah.

'Tentu! Tentu! jawabnya sambil mengilai.

'Kalau ditakdirkan saya jadi Sultan Melaka, saya tak mahu ikut jejak langkah nenek moyang saya,'

Tengku Mohammad Rafee meluahkan sebuah azam. Saya mengangguk.

Tengku Mohammad Rafee menepuk belakang saya seraya berkata, 'Mesti jadi raja yang baik untuk rakyat jelata'. Saya ketawa. Dia ketawa juga.

'Buat apa tuntut Melaka?' tanya saya.

Itu hak saya.'

'Melaka bukan ada lombong. Balak pun tak ada,' saya meninjau lagi.

'Negeri saya! Biar semuanya tak ada tak apa. Biar Melaka itu padang pasir, ia negeri saya. Kalau ada rezeki padang pasir boleh memancutkan minyak.'

'Pak Engku tak mahu tuntut lain-lain negeri?'

Cepat-cepat dia menjawab, 'Negeri lain sudah ada Sultan. Jangan dikacau. Saya mau negeri yang kosong, Melaka masih kosong.'

'Kalau jadi Sultan apa yang Pak Engku mahu?'

Tengku Mohammad Rafee tidak menjawab dengan segera pertanyaan saya. Dia nampak resah. Agaknya dia sedang memikirkan keindahan pantai Melaka dengan ombak dan pandangan ombak dan pantai yang memutih. Boleh jadi dia sedih mengenangkan sebahagian dari tanah ke-punyaan orang Melayu Melaka telah bertukar milik ke tangan orang bukan Melayu. Boleh jadi juga dia memikirkan pengaruh Lim Kit Siang

mulai memudarkan pengaruh Ghaffar Baba di negerinya.

Siapa pun tidak dapat menduga apa yang ada di kepala Tengku Mohammad Rafee yang tertunggu di bucu kiri meja saya. Boleh jadi Tengku Mohammad Rafee menghitung bukit di Melaka yang kayu balaknya kecil-kecil belaka atau bijih atau mahu memajukan Pulau Besar.

Kuasa

Kalaular dia jadi Sultan yang punya hak istimewa dan kuasa, di kawasan mana mahu utamakan dibangunkan istana? Di Tanjung Bidara atau di Tanjung Keling? Mestikah dia memakai empat puluh dayang untuk menghiburnya bila santap atau mencari calon jadi Hang Tuah dan Hang Jebat moden?

Macam mana cara dia buat pertama kali hadir dalam Sidang Raja-raja Melayu dengan En. Adib Adam, sebagai Ketua Menteri Melaka duduk di sebelahnya. Atau bila tiba giliran Yang Di-Pertuan Agong akan diiring pula oleh Datuk Hussein Onn.

'Saya tak mahu semuanya itu,' cara mengejut sahaja Tengku Mohammad Rafee bersuara. Dia bangun. Duduk semula. Hisap rokok.

'Tak mahu apa?' tanya saya.

'Tak mahu cari kekayaan melalui kuasa Sultan.' Saya tarik nafas panjang. Aneh sekali sikap Tengku Mohammad Rafee ini, fikir saya.

'Takut sebelum jadi Sultan saja?'

'Saya bukan macam Wakil Rakyat. Sebelum jadi Wakil Rakyat macam-macam janji, lepas itu lesap. Saya mesti jaga nama baik keturunan saya. Raja mesti utamakan kebajikan rakyat. Biar Sultan lapar asal rakyat senang.' Baik benar niatnya.

Menurut Tengku Mohammad Rafee bila dia jadi Sultan, dia tidak mahu memiliki tanah kawasan balak, kawasan lombong, kawasan mi nyak. Tak mahu beli saham gunakan nama Sultan.

'Apa yang Pak Engku mahu?'

'Sebuah rumah yang sederhana. Ada biasiswa untuk anak saya belajar dengan syarat anak-anak saya pandai. Kalau bodoh jangan beri biasiswa.'

'Lagi?'

'Saya tak mahu gaji sampai beribu ringgit, menyusahkan rakyat. Dari

wang beribu ringgit diberi pada saya sebagai Sultan, tentulah elok bagi pada rakyat atau pada sekolah agama.'

'Berapa yang Pak Engku mahu?'

'Dua tiga ratus cukuplah.'

'Macam gaji kerani sahaja?'

'Cukuplah! Tugas Sultan menjaga rakyat, menjamin keselamatan rakyat, supaya hidup makmur. Saya tak mahu hidup senang-senang macam datuk nenek saya dulu.'

Inflasi

'Zaman inflasi \$300.00 nak makan apa? Sultan yang baik macam Pak Engku tentu dikunjungi orang ramai. Nanti macam mana nak jamu tetamu dari negeri luar?'

'Betul juga,' jawabnya sambil membuka songkok.

'Tapi Sultan tentu beras dan ikan kerajaan sudah sediakan. Kalau banyak rakyat datang kerajaan bagilah banyak sedikit beras. Itupun bukan saya nak makan. Rakyat juga nak makan apa salahnya. Kalau Sultan tak jamu mereka macam mana nak jadi raja yang baik.' Alunan nada suara Tengku Mohammad Rafee agak lemah sedikit. Dia menguap. Songkok dilepaskan atas kepala semula.

'Lagi apa rancangan Pak Engku?' soal saya. Tengku Mohammad Rafee garu kulit pipi. Dia gigit bibir kemudian terus senyum.

'Semua tanah yang jadi milik Sultan Melaka dulu dengan sendirinya jadi milik saya. Tanah-tanah itu saya berikan pada rakyat. Biar dia orang buat rumah. Tidaklah mereka jadi setinggan.'

'Kawasan mana tanah kepunyaan Sultan Melaka?'

'Luas! Sebahagian dari tanah di kiri kanan Sungai Melaka dan kawasan bukit rumah Gabenor hingga ke padang Bandar Hilir semuanya mahu diberikan pada rakyat.'

'Tanah yang sudah dijadikan kawasan perusahaan?'

'Biarkanlah diteruskan dengan perusahaan.'

Tengku Mohammad Rafee tidak mahu kereta besar, kecuali kereta itu diberikan oleh Kerajaan Melaka untuk kegunaan rasminya. Dia mahu berjalan kaki sahaja dengan pakaian cara Raja Melayu purba, berkasut selipar. Dengan cara ini dia dapat menemui semua rakyat macam yang dibuat oleh Harun Arrashid dulu. Dapat mengetahui kesusahan

rakyat untuk dipanjangkan pada orang bijak pandai yang mentadbirkan Melaka supaya diambil tindakan.

'Saya mahu rakyat Melaka menemui saya hari-hari dengan tidak melalui pegawai-pegawai istana. Saya tak mahu pegawai peribadi, tak mahu setiausaha. Buat apa? Merugikan wang ringgit bayar gaji' katanya.

'Kalau begitu tak ada istimewanya jadi Sultan.'

'Apa istimewanya Sultan. Dia hamba Tuhan juga.'

'Mati ditanam. Dosa pahalanya dikira Tuhan. Cuma dia jadi kepala negara, tempat rakyat mengadu dan jadi lambang perpaduan rakyat.' Tengku Mohammad Rafee berhenti bercakap.

'Kalau tak ada pengawal peribadi nanti dicolek Botak Chin!'

Dia mengilai. Nampak gigi atasnya sudah hilang sebatang. 'Botak Chin kacau orang kaya yang bakhil saja. Insya Allah Sultan gaji kecil dia tak kacau.' Tengku cuba menyenangkan saya.

'Nampaknya Pak Engku tak mahu balak, tanah, lombong dan cari peluang tambah rezeki' soal saya lagi. Tengku Mohammad Rafee giling kepala.

'Kahwin, Sultan Melaka dulu banyak bini.'

'Maaf, kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dulu kerana gila perempuanlah, rakyat kacau bilau, Portugis datang hilang semuanya.'

Saya ketawa mendengar cakapnya. Dia juga ketawa.

Kejatuhan

Tengku Mohammad Rafee lalu menceritakan tentang kisah kejatuhan Shah Iran. Menurutnya kerana terlalu mementingkan diri sendiri Shah Iran terpaksa lari keluar. Saya tak tahu di mana dia dapat cerita itu.

'Ini memberikan pengajaran pada saya untuk jadi tauladan bila saya jadi Sultan nanti' nada suaranya menurun.

Saya terus mengusiknya, kalau dia jadi Sultan Melaka yang baru tentulah kenalan yang rapat dengannya di Pulau Tiga susah menemuinya. Dia terpaksa membuang segala kegemarannya yang dilakukannya sebelum menjadi Sultan seperti berborak dan mengubat orang.

'Pasal itu saya tak mahu istana saya diadakan pengawal.'

'Begin?'

Untuk memulihkan kesultanan Melaka bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak melibatkan pentadbiran Kerajaan Melaka dan Persekutuan. Perlombagaan terpaksa dipinda. Kena pula carikan kerja baru untuk Gabenor.

Bagi Tengku Mohammad Rafee dia mahu berusaha setakat mana yang boleh dalam usahanya memulihkan takhta kesultanan Melaka.

Dia menulis surat kepada Yang Di Pertuan Agong dengan menggunakan kertas kuning. Dia cuba sendiri pergi ke Istana Negara untuk menyampaikan surat itu kepada Seri Paduka. Tetapi polis malarangnya.

Polis di situ, katanya menasihatkan dia berurus dengan Ketua Menteri Melaka dulu. Dia menulis surat kepada En. Adib Adam.

Dia pergi dengan teksi ke Melaka ke pejabat Ketua Menteri. Tak dapat jumpa Adib.

'Dia sibuk. Saya nampak Adib lalu keluar masuk. Dia kenal saya, tapi dia tak kenal Sultannya. Saya jumpa pegawainya saja' Ujar Tengku Mohammad Rafee, dia terbatuk tertelan air liur.

Suratnya kepada Adib juga kuning. Dalam surat itu dia membahaskan diri 'BETA'.

'Saya tak mahu harta dari Adib, tapi mahu rumah Gabenor itu saja. Yang lain ambillah,' katanya menangguhkan perbualannya dengan saya. Dia minta diri kerana mahu sembahyang Zohor.

Bagi Tengku Mohammad Rafee dia mahu berusaha setakat mana yang boleh dalam usahanya untuk memulihkan takhta kesultanan Melaka.

Tengku Mohammad Rafee masih mencari kata putus sama ada boleh diwujudkan seorang Sultan yang baru di Melaka yang mempunyai titisan darah dari Sultan Mahmud.

'Kalau tak boleh tak apa, maknanya orang tak suka Sultan di Melaka. Saya tidak kecil hati.' Dia mengakhiri perbualannya dengan saya.

Itulah kisahnya seorang yang berketurunan dari Sang Nila Utama yang mahu menegakkan kesultanan Melaka yang hilang walaupun usahanya itu sudah agak lewat tapi dia terus berikhtiar. Ceritanya agak lucu tapi menarik.

GHANI ALI BELUM MATI:

"Saya rela jatuh, atau dijatuhkan kerana usaha membangunkan bangsa Melayu dan identiti Melayu daripada saya naik dan tegak di atas keruntuhan bangsa dan masyarakat Melayu".

Demikian kata Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali yang sudah pun dijatuhkan. Beliau sekarang bukan lagi Ketua Menteri Melaka. Antara sebab musabab beliau digugat ialah kerana memperjuangkan nasib orang Melayu, ingin melihat adanya orang Melayu yang menjadi kaya raya dalam negeri sendiri.

Pemimpin-pemimpin UMNO sekarang berkempen di sana sini supaya orang Melayu jangan menjualkan tanah mereka. Atas dasar inilah Ghani Ali menubuhkan Estet Melayu yang pertama di Malaysia. Dan kerana mengadakan Estet Melayu juga kedudukan beliau terancam dan tergugat.

Perjuangan Ghani Ali disalahmengertikan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Beliau ditentang habis-habisan oleh kawan-kawan sendiri. Siapakah yang untung dalam hal ini?

Masalah tanah yang sedang disuarakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO hari ini telah diperjuangkan dengan senyap-senyap oleh Ghani Ali semasa menjadi Ketua Menteri dahulu.

Sebagai seorang Ketua Menteri, sebagai seorang anak Melayu jati pemimpin UMNO yang tahu akan dasar perjuangan UMNO, beliau telah membuat rancangan-rancangan membina beberapa perkampungan Melayu di bandar Melaka. Model perkampungan ini bukan satu bukan dua, tetapi lima atau enam model perkampungan Melayu diadakan dalam kota Melaka. Tujuan beliau supaya orang-orang Melayu berpindah dan berkampung di bandar. Selain dari itu rancangan beliau mengadakan bandar di perkampungan Melayu.

Ramai orang yang takut dengan pembaharuan. Mereka terlupa tidak semua yang baharu itu buruk. Masa tidak akan menunggu kita. Orang



Tuan Haji Mat Shah Sefuan,
Pengerusi dan Pengarah Urusan
Syarikat Perumahan 'Kota Laksamana'

Beribu2 memohon barang rumah

■LEBIH 3,000 orang penduduk di Melaka telah memohon rumahrumah murah yang dibina oleh sebuah syarikat perumahan di projek Kota Laksamana, sebuah bandar baru yang akan dibina di negeri itu.

Berikutnya sambutan hangat itu, syarikat tersebut telah mengambil keputusan mempercepatkan kerja-kerja pembinaan peringkat kedua, ketiga dan keempat di projek itu.

Peringkat pertama projek Kota Laksamana itu menganungi 200 unit rumah teres dua dan tiga bilik, 96 buah rumah berbendong dan 64 kedai.

'Projek yang dibina di tempat bersempadankan Jalan Tun Tan Cheng Lok dan Jalan Tengkera, akan mempunyai 3,5000 unit rumah kediaman bila distiapkan dalam tempoh lima tahun.

■ORANG ramai sedang menunggu di pejabat syarikat tersebut di Melaka bagi mendapatkan barang

Melayu mesti sanggup mengubah nasib mereka. Mesti berani menghadapi cabaran.

Antara model yang dirancang dan dicadangkan oleh Ghani Ali termasuklah rumah-rumah murah untuk orang-orang Melayu yang diberi nama "Kampung Jaafar Albar" sebagai kenangan dan penghargaan atas sikap dan jasa Jaafar Albar kepada UMNO dan orang-orang Melayu.

Nampaknya orang yang agresif, orang yang fikirannya mendahului orang lain, pemimpin yang celik yang berani selalu menerima tentang-an. Benarkah orang Melayu tidak suka kepada bijak pandai. Betulkah sudah menjadi kebiasaan orang Melayu tidak mahukan orang yang cerdik, cekal, berani memimpin mereka?

Kalau begitu cerita dongeng Singapura dilanggar todak adalah kiasan yang dari hal pengampu pemimpin-pemimpin besar juga penasihat yang cerdik pandai. Bunuh orang yang cerdik pandai, tangkap dan penjarakan mereka, kerana dengan adanya orang bijak pandai yang dapat mendahului masa boleh membahayakan pemimpin kelesa yang tidak berguna kepada masyarakat.

Bukankah UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan nasib orang Melayu. Cara dan gaya perjalanan pemimpin antara satu dan yang lain mungkin berlainan, yang penting pemimpin UMNO mesti menguntungkan orang Melayu. "*Welfare begins at home*".

Kenapa Tan Sri Syed Jaafar Albar mendapat gelaran singa UMNO? Kerana beliau begitu berani menyuarakan sesuatu untuk kepentingan orang Melayu. Kalau pemimpin-pemimpin UMNO tidak berani membela nasib orang Melayu, siapa lagi yang orang Melayu hendak harapkan?

Keberanian Allhyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar juga Datuk Harun Idris menjadikan mereka begitu popular semasa mereka memimpin UMNO. Mereka berani memperjuangkan apa yang termaktub dalam perlumbagaan UMNO untuk kepentingan bangsa Melayu.

Manusia lekas gempar, lekas percaya pada apa yang didengar, biar pun berita itu berita angin saja. Bila ada orang yang mengatakan seorang pemimpin itu jahat maka ramailah orang yang akan mencari dan menambah-nokokkan cerita tersebut supaya ianya menjadi benar. Sedikit kesilapan dan kesalahan orang tersebut akan dijadikan begitu besar dan serius.

Kurang terdapat orang ramai yang mahu bertanya dan menyelidik

perihal keburukan seseorang yang didengarnya, kerana dalam gambaran ingatannya orang tersebut salah.

Dalam hal ini orang ramai yang tidak ada kena mengena pun akan turut percaya dan mengatakan orang tersebut, tanpa memikirkan bahaya dari fitnah. Akibat fitnahlah Ghani Ali jadi mangsa.

Yang penting dalam hidup kita ialah gambaran yang ada dalam ingatan. Kalau dalam ingatan kita ada gambaran yang baik berkenaan dengan seseorang atau sesuatu perkara, nescaya perkara itu akan menjelma menjadi satu perkara yang baik.

Seandainya kita sentiasa mengingat atau menyimpan dan mendendam perasaan buruk sangka terhadap sesuatu hal nescaya perkara yang kita saksikan dan dengar akan turut memberi gambaran dan pendengaran yang buruk juga.

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Sebagai seorang pemimpin setiap perbuatan mereka akan dicatatkan dan ditulis oleh penulis dan pencatat sejarah.

Satu perkara yang pasti kita tidak akan dapat bohongi sejarah, setiap jasa dan kebaikan yang telah dilakukan akan menjadi sebutan dan kenang-kenangan sepanjang zaman.

Begitu juga sebaliknya, setiap perbuatan yang tidak baik berdusta, menipu, mempermain dan mempersia-siakan amanah dan mandat yang telah diberikan oleh rakyat, akan menerima sumpahan dan celaan dari rakyat.

Bukan senang jadi pemimpin yang dipilih oleh rakyat, rakyat menaruh harapan yang penuh agar nasib dan masa depan mereka terjamin oleh pemimpin yang telah menerima mandat.

Ghani Ali berundur diri dengan baik mengikut perhitungan politik sendiri demi kepentingan rakyat dan parti. Hasil usaha Geng 11 yang ingin menggulingkan beliau. Yang penting hari ini siapakah yang akan meneruskan perjuangan dan cita-cita murni dan ikhlas Ghani Ali? Siapa yang berani memindahkan orang Melayu ke dalam kota Melaka?

Apakah nanti cita-cita, semangat dan impian orang Melayu yang telah dihidup dan dinyalakan oleh Ghani Ali akan tinggal menjadi angan-angan dan impian sahaja?

Kiranya perkampungan Melayu di tengah bandar ini nanti tidak akan wujud, siapakah yang hendak disalahkan? Ghani Ali pemimpin yang di-

pilih oleh rakyat tetapi digugat oleh Geng 11 yang terdiri dari Wakil Rakyat yang tidak mendapat restu dari rakyat.

Orang Melayu mahukan perkampungan Melayu mesti diwujudkan. Tetapi siapa, siapakah yang akan melaksanakannya?

Antara satu Ketua Menteri dengan yang lain tidak sama. Lain pemimpin lain ragam. Macam juga lain padang lain belalang. Masakan Ghani Ali dan Adib Adam mempunyai idea yang sama! Setiap pemimpin mempunyai idea yang tersendiri.

Dari sejarah politik negeri Melaka telah menunjukkan segala rancangan yang dibuat oleh Ghaffar Baba tidak dapat dilaksanakan oleh Datuk Haji Talib. Akhirnya semua rancangan itu gagal, dan merugikan rakyat.

Zaman Ghaffar Baba dengan Datuk Haji Talib tidak sama dengan zaman Ghani Ali dan Adib Adam. Rancangan-rancangan Ghaffar Baba dan rancangan-rancangan Ghani Ali juga tidak sama.

Biar bagaimanapun Ketua Menteri Melaka yang baru ini seorang intelek, seorang bekas pentadbir, orang yang berkelulusan dan berijazah, beliau tentu lebih tahu apa yang beliau hendak buat, kuasa politik dan kuasa mentadbir di tangan beliau.

Hari ini beliaulah yang berkuasa untuk menentukan masa depan orang Melayu di Melaka, apakah mereka akan terus dibiarkan tinggal di kampung-kampung atau berpindah mengisikan rumah-rumah murah di perkampungan Melayu di tengah-tengah bandar Melaka mengikut apa yang dirancangkan oleh Ghani Ali.

Pemerhati-pemerhati politik memberitahu antara sebab-sebab Ghani Ali mahukan orang Melayu berpindah ke bandar ialah kerana dengan ramainya orang Melayu di tengah-tengah bandar, Barisan Nasional akan dapat menebus kembali kerusi-kerusi yang selama ini dikuasai oleh DAP.

Rakyat tahu, pemimpin juga tahu orang Cina di bandar tidak akan menyokong calon-calon MCA dan orang MCA juga tidak berbuat apa-apa untuk menebus kembali kerusi dalam bandar.

Tinggal 21 tahun lagi ke tahun 2000. Tahun hadapan kita memasuki tahun 1980. Semoga pemimpin-pemimpin yang telah diberi mandat dan mendapat kepercayaan dari pucuk pimpinan tidak akan menghabiskan masa dengan study saja.

Zaman sekarang ialah zaman bertindak, menjerit-jerit belum bererti kita kuat. Pemimpin mestilah memisahkan masalah jangka panjang de-

ngan masalah jangka pendek. Perkara-perkara yang mesti diselesaikan segera jangan simpan esok, bimbang dan takut kudis jadi pekung.

Pemimpin intelek mestilah pandai menggunakan kebijaksanaan mereka untuk mencari jalan sesingkat mungkin untuk menolong orang Melayu. Masalah perumahan dan masalah tanah adalah masalah yang paling besar yang dihadapi oleh orang Melayu hari ini.

Dan kalau ada perkara yang boleh diselesaikan secara diam-diam dan damai selesaikanlah dengan cara yang sebaik-baiknya tanpa diheboh-hebohkan.

Janganlah bila seorang pemimpin UMNO heboh dengan perkara jangan jual tanah semua pemimpin UMNO heboh juga dengan perkara jangan jual tanah, macam seekor ayam berketok semuanya berketok juga. Kenapa tidak ada pemimpin UMNO yang lain yang suruh orang Melayu beli tanah, dan yang satu cari jalan bagaimana orang Melayu boleh membeli tanah dengan cara yang mudah, kerana kita semua tahu kebanyakan orang Melayu berpendapatan rendah.

Kalau Ghani Ali boleh menukarkan Melaka dari bandar mati "*Sleepy Hollow*" kepada bandar yang maju sesudah peninggalan tentera British dahulu, Melaka dari negeri pertanian semasa zaman Ghaffar Baba dan Datuk Talib Karim menjadi negeri semi-perindustrian, membawa para pelabur dari luar negeri dan akan menjadikan Melaka Pusat Pelancungan, kemudian berjaya pula mengadakan Estet Melayu membeli tanah bangsa asing untuk orang Melayu dan menghadkan rancangan 10 tahun yang pesat untuk membangunkan Melaka, bolehkah pemimpin hari ini berbuat demikian?

Kata seorang pemerhati politik Adib tentu mempunyai rancangan yang lebih besar dari itu, tetapi beliau tidak boleh mengenepikan semua rancangan yang telah diaturkan oleh Ghani Ali terlebih dahulu. Bagaimanapun Adib boleh mempercepatkan atau melambat-lambatkannya. Untuk memulakan dan membuat rancangan yang baru akan memakan masa yang lama. Kalau perlu Adib Adam akan mengubahsuai dengan cara yang lebih praktikal dan ekonomikal, idea-idea Ghani Ali sudah menjadi satu polisi yang menuntut dilaksanakan.

Saya sebagai penulis berharap bahtera lama akan digantikan dengan enjin yang baru mengikut zaman sains dan teknologi. Bahtera tidak perlu lagi menggunakan dayung atau motor sangkut. Gunakan enjin

'Hovercraft', kalau iapun kita sudah tidak menggunakan kapal layar lagi.

Untuk bahan menungan, apalah hendak dibandingkan antara Adib Adam dengan Ghani Ali. Ketua Menteri Melaka yang lama itu cuma seorang guru sekolah sahaja, tidak pernah menjajakan kaki ke Universiti. Adib Adam ada ijazah, ada pengalaman dalam pentadbiran semasa bekerja dengan kerajaan dahulu dan sekarang beliau mempunyai ramai kawan di Kuala Lumpur yang boleh membantu beliau mempercepat dan menyelesaikan apa saja kerja atau masalah dalam negeri Melaka.

Kalau Ghani Ali boleh menukar dan membawa banyak perubahan yang boleh menguntungkan rakyat dalam masa lima tahun tentulah sebagai seorang intelek, Adib boleh berbuat demikian dalam masa dua atau tiga tahun sahaja.

Rakyat mahukan kemajuan, rakyat tidak peduli siapa yang jadi Ketua Menteri asalkan negeri aman dan damai serta makmur. Cuma para pemerhati politik yang ingin melihat perbezaan antara seorang pemimpin yang tidak punya kelulusan tinggi dengan seorang pemimpin muda yang bertauliah, siapa dari mereka yang boleh menguntungkan orang Melayu.

Zaman jumbo jet, kapal terbang naik terus 3,000 kaki ke atas dan bila berada di atas barulah beralih ke arah yang hendak dituju. Bukan zaman kapal terbang berkipas lagi. Lebih-lebih lagi pemandu-pemandunya muda belia belaka.

"Muda itu Gila" Sabda Rasulullah dan kerana kegilaan orang muda-lah dunia ini berkembang dan bertambah maju. Saya ulangi kata-kata hikmat Almarhum Presiden Sukarno, "Berikan aku 100 orang tua, aku cuma boleh mencabut gunung Semiru dari akarnya, tapi berikan aku 100 orang muda aku akan sanggup menggoncang dunia".

Adib Adam seorang intelek muda dan dalam kabinetnya juga ramai terdapat orang-orang muda. Semoga pemimpin UMNO di Dewan Negeri janganlah kegilaan sangat membincangkan tentang 'MINI SKIRT' dan peha-peha gadis kilang sahaja.

Carilah issue-issue lain yang lebih bermanfaat dan menguntungkan rakyat dari jadi hero '*mini skirt*' dan peha. Dewan Undangan Negeri bukan tempat menghibur hati dengan gelak ketawa. Sekurang-kurangnya ahli DAP dan Dewan membela dan memperjuangkan nasib pekerja-pekerja kilang yang tertindas oleh majikan. Memperjuangkan gaji pekerja-pe-

kerja kilang supaya majikan memberi gaji yang maksima, bukan memeras tenaga pekerja dengan membayar kurang dari \$3.00 sehari dalam keadaan hidup yang serba mahal.

Kalau ahli dari DAP memikirkan tentang tempat-tempat kediaman yang mesti diadakan kepada para pekerja kilang, kenapa YB Wakil Rakyat UMNO tidak memikirkan tentang bilik sembahyang yang patut diadakan di kilang-kilang, kelepasan pada hari Jumaat bagi pekerja lelaki untuk bersembahyang Jumaat dan banyak lagi perkara yang bersangkutan dengan nasib pekerja bumiputera yang malang dan tertindas di kilang-kilang juga masalah-masalah yang berkaitan dengan agama.

Saya fikir dalam kilang tidak banyak nyamuk. Janganlah dihebohkan sangat perihal peha. Kejatuhan moral bukan kerana peha. Carilah jalan bagaimana Pejabat Agama negeri Melaka boleh menghantar ulamat seminggu sekali untuk mengajar atau memberi syarahan agama di kalangan pekerja-pekerja kilang.

Banyak issue-issue agama yang boleh ditimbulkan. Antaranya iklan-iklan arak yang menjadi-jadi di seluruh Melaka. Di sawah-sawah padi di tengah-tengah bandar dan di kampung-kampung Melayu, iklan-iklan arak (dalam bahasa Malaysia) menyeru supaya orang Melayu minum arak, arak yang diharamkan oleh agama Islam dikatakan baik untuk kesihatan dan minuman khasiat yang menyegarkan. Tidakkah pemimpin UMNO memikirkan bahaya dan pengaruh dari iklan-iklan tersebut yang makin menjadi-jadi. Araklah punca maksiat. Kenapa tidak ada YB yang menimbulkan hari ini dalam persidangan-persidangan Dewan Undangan Negeri minta diharamkan semua iklan-iklan arak?

Hari ini gadis Melayu dipaksa memakai mini skirt, besok mungkin disuruh memakai pakaian yang dipakai oleh gadis-gadis di kelab-kelab 'playboy' pakaian yang separuh telanjang. Bila manusia terdesak, bila manusia sudah miskin, dia akan sanggup berpakaian atau berbuat apa saja. Perjuangkanlah ekonomi orang Melayu, tinggikan taraf hidup orang Melayu yang sudah mula mengemis di negeri sendiri.

Kita semua tahu belum satu tahun Adib Adam jadi Ketua Menteri Melaka dan kita juga tahu Adib tidak ada lampu Aladin yang boleh membuat pertukaran dalam sekelip mata.

Pemerhati-pemerhati politik dan rakyat cuma mengharapkan Adib akan dapat membuat projek yang lebih baik dari yang telah dibuat

oleh Ghani Ali, lebih cepat dan lebih menguntungkan orang Melayu dari yang telah dibuat oleh Ghani Ali semasa menjadi Ketua Menteri.

Ini semua hanya suatu pandangan dan seruan saja. Terserahlah kalau pandangan yang ikhlas ini dianggap sebagai suatu cabaran. Ya... ianya bolehlah juga dianggap sebagai suatu cabaran!

Sebagai mengakhiri cerita perihal Ghani Ali saya teringat pendapat Datuk Raja Nasron dalam bukunya "Kalau tidak dapat tanduk . . ." Kata beliau Datuk Setia Haji Abdul Ghani adalah seorang pahlawan yang pernah berjuang bersama dengan beliau dalam pertubuhan sulit di Singapura pada tahun 1941 untuk menentang Jepun. Pertubuhan itu dikenali dengan nama Pembela Tanah Melayu P.T.M. juga dengan panggilan Pasukan Telunjuk Merah. Perkara penglibatan beliau menentang Jepun selama ini adalah satu rahsia hingga hal Datuk Raja Nasron mendekahkannya.

DATUK WAN BUKAN ORANG POLITIK?

Bijak pandai boleh menganalisa dan membuat ramalan mengikut teori yang pernah mereka gunakan. Sama ada pendapat dan pandangan serta ramalan mereka terlaksana, Allah juga yang maha berkuasa untuk menentukannya.

Wan Mokhtar bukan ahli politik. Begitulah pendapat dua, tiga orang politik Trengganu yang saya temui. Bagaimana beliau boleh mentadbirkan negeri Trengganu yang politiknya sentiasa bergolak dan hangat? Itulah yang difikirkan oleh pemerhati politik semasa Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar Trengganu dalam tahun 1974.

Trengganu negeri bergolak. Politik negara itu sentiasa hangat dan tercabar sejak Datuk Kamaruddin menjadi Ketua Perhubungan yang pertama hingga sampai Datuk Nik Hassan meninggalkan kerusi Menteri Besar.

Datuk Ibrahim Fikri mengambil alih dari Datuk Kamaruddin. Pemimpin agresif yang sentiasakan sukaikan pergolakan dan cara tunjuk perasaan. Inilah kubu kuat PAS. PAS pernah memerintah Trengganu untuk beberapa lama dan sentiasa mencabar Kerajaan Barisan Nasional begitu juga dengan PSRM yang punya pengikut yang ramai. Tahun 1974 semua orang meramalkan PSRM akan memerintah Trengganu. Tapi ramalan itu tidak tepat.

Krisis politik Nik Hassan dan ahli-ahli UMNO yang keluar bertanding atas tiket Bebas dan macam-macam lagi krisis antara rakyat dengan pemimpin bergolak begitu hebat di Trengganu.

Perlahan-lahan Wan Mokhtar menunjukkan keperibadiannya. Beliau sangat teguh dengan prinsipnya. Beliau bukan saja mengamalkan dasar kerajaan dengan baik tetapi sentiasa menunjukkan contoh tauladan yang baik. Mengamalkan sifat sederhana, membuktikan suatu kerajaan yang tidak menyeleweng.

Di tengah-tengah kehidupan rakyat Trengganu yang sebilangan be-

sarnya masih dalam kemiskinan dan menderita, Wan Mokhtar sentiasa berlaku sederhana. Tingkah lakunya tidak pernah menyolok mata. Tidak pandai membazirkan wang rakyat.

Kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional di Trengganu mendapat 28 kerusi bersih tanpa pembangkang itu adalah hasil dari pimpinan beliau dan kepercayaan kepada Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Hussein Onn, di mana Allahyarham Datuk Onn sangat dikenasi oleh orang-orang Trengganu. Datuk Onn memenangi parti Negara tunggal di Trengganu, kerana peribadi dan perjuangannya.

Amalan yang dilakukan oleh Wan Mokhtar adalah menunjukkan setiap pemimpin yang memerintah mesti berjaya menanamkan perasaan bahawa kerajaan yang dipimpinnya adalah kerajaan yang dipunyai oleh rakyat.

Jentera kerajaan akan lumpuh sekiranya rakyat merasakan pemimpin mereka curang, menyeleweng dan tidak adil terhadap rakyat.

Wan Mokhtar seorang pemimpin yang mendapat pendidikan Islam di Sekolah Arab. Terdiri dari keluarga yang berpegang teguh kepada amalan agama, mempunyai moral yang tinggi dan tidak minum arak. Tidak pergi ke Disco atau ke kelab-kelab malam baik di Trengganu atau di mana saja beliau pergi sama ada dengan tugas atau bersendiri.

Beliau adalah seorang pemimpin yang sentiasa berpegang teguh kepada syariat Islam. Beliau sentiasa menjauhkan diri dari perbuatan mak-siat walau sekecil manapun.

Biarpun terdapat kawan-kawan politik yang sibuk mengumpulkan dan melonggokkekayaan, dengan mendirikan syarikat-syarikat perniagaan namun beliau masih tetap dengan kesederhanaannya. Tidak menggunakan pangkat dan kuasa untuk kepentingan diri sendiri.

Menteri Besar Trengganu yang baru ini memang terkenal dengan sifat sederhananya baik dalam kehidupan sehari-hari mahpun dalam kehidupan berumahtangga. Itulah yang dapat saya ceritakan serba ringkas berkenaan dengan Trengganu yang tiba-tiba menjadi popular kerana terdapatnya telaga minyak serta kedatangan pendatang-pendatang haram Vietnam.

Dalam keadaan macam mana sekalipun beliau sentiasa dalam keadaan tenang. Pertemuan saya buat pertama kalinya dengan seorang penulis sasterawan yang telah menjadi Menteri Besar hari ini ialah pada

hari Sastera di Kuala Trengganu dalam tahun 1978. Beliau meninggal-kan satu kesan yang sangat baik dalam ingatan saya. Peribadinya yang luhur dan ikhlas. Budi pekertinya serta hemahnya yang tinggi membuat saya tertarik untuk mengenali beliau secara lebih dekat. Pada pendapat saya di pertemuan pertama itu, inilah contoh pemimpin yang diasuh dengan pelajaran agama yang cukup. Biarpun sudah menjadi Menteri Besar masih tidak lupa diri dan tidak lupa daratan. Masih tetap berpegang dengan ajaran agama dan Sunnah Rassul. Menghormati orang yang pertama kali dikenali, memberi senyum yang ikhlas. Kata-katanya halus, mesra.

Saya yakin dan percaya sekiranya rakyat sudah tertarik pemimpinnya, rakyat juga akan tertarik kepada cita-citanya. Seterusnya akan terpengaruh dengan fahaman yang dianjurkannya.

Seorang veteran politik Trengganu memberitahu saya, Wan Mokhtar membawa tuah kepada negeri Trengganu. Biarpun ada pemerhati politik mengatakan kehilangan Datuk Ibrahim Fikri dibaratkan yang patah akan tumbuh, tapi yang hilang tidak akan berganti namun sejak Datuk Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar, kita dapat melihat banyak perubahan yang berlaku ke atas negeri Trengganu. Memang tidak dapat dinafikan jasa-jasa Datuk Ibrahim Fikri kepada Trengganu sangat besar. Kejayaan Trengganu hari ini adalah asas dari Alahyarham Datuk Ibrahim. Seorang ahli politik yang berkalibar, tegas dan berani. Kedua pemimpin Trengganu ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Datuk Ibrahim sebagai seorang politik berkalibar besar dan Wan Mokhtar berperibadi besar, dihormati sebagai seorang alim dan warak. Beruntunglah negeri Trengganu.

Tapi yang agak sedih sedikit sikap dua tiga orang Wakil Rakyat Trengganu yang menumpang tuah di bawah dagu Wan Mokhtar. Begitu angkuh dan bertentangan sikap beliau. Perangai Wakil Rakyat yang memperkecil-kecilkan penulis ini patut diubah dan diperbaiki.

Hari pertama saya sampai ke Kuala Trengganu saya menghubungi dua tiga orang Wakil Rakyat menerusi telefon. Antaranya seorang penulis yang saya kenal dan YB tersebut kenal saya sebelum menjadi YB lagi. Saya tahu sekarang dia seorang Exco. Tiga hari saya menunggu tidak kunjung tiba. Janjinya akan datang ke Pantai Motel menemui saya. Janji tinggal janji. Sebelum saya berlepas balik saya memberi-

tahu beliau bahawa saya datang bukan hendak minta nasi sepinggan atau secawan kopi darinya cuma mahu bertukar fikiran. Saya pun tidak berhasrat hendak ke rumah novelis tersebut.

Baru jadi Wakil Rakyat, baru pandai pakai kereta besar sudah begitu sompong. Saya tidak hairanlah dengan dia punya kekayaan. Nasib ada Datuk Wan Mokhtar. Nasib baik rakyat percaya dengan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Datuk Hussein Onn. Kalau harap batang tubuh dengan perangai ego begitu besar, jangan mimpi boleh dapat undi dari rakyat Trengganu.

Sungguh hairan saya, jadi Wakil Rakyat bukannya lama, kalau nasib baik cukup lima tahun. Dalam negeri demokrasi ini pemimpin jangan berlagak sompong menunjukkan ego. Apa salahnya jumpa kawan penulis yang datang dari luar? Kalau belanja secawan kopi kepada kawan yang datang dari jauh tentu tidak rugi.

Yang seorang lagi saya datang berjumpa, tidak senang layan saya, sibuk hendak ke Kuala Lumpur. Ada urusan. Saya tahu tentulah urusan business. Masakan tidak boleh beri saya 10 minit untuk berbual-bual. Kalau rasa jatuh standard—Wakil Rakyat datang berjumpa saya di Motel dahulu, biarlah saya datang ke pejabatnya, pun beliau tidak ada masa untuk saya.

Dalam hati saya nasib baiklah buku yang sedang saya tulis ini bukan buku yang khas mengenai Negeri Trengganu. Kalau tidak saya akan dedahkan segala perangainya yang menyakitkan hati rakyat.

Kebetulan saya teringatkan satu rencana yang saya baca ditulis oleh A.P. New Delhi. Bila VIP berurusan dengan wartawan antara para yang paling menarik:

Alangkah tidak bertanggungjawab dan bodohnya tokoh-tokoh politik kita mereka hanya berpendapat bahawa pihak wartawan hanya boleh menulis perkara-perkara yang menyanjung diri mereka setinggi langit saja. Seolah-olah mereka itu masih saja kurang berasa cukup adanya pengampu di kalangan para wartawan ini!

Memang perlu kita akui bahawa ada sejumlah wartawan yang selalu terlibat dengan penulisan perkara-perkara yang sama sekali tidak berdasas, kerana mereka berpendapat hanya tulisan-tulisan yang bercorak demikian memang sangat laris terjual.

Sebaliknya tentulah tidak kurang pula ada sebilangan para wartawan,

tidak kira bagaimana corak dan fahaman politik mereka yang selalu menulis dan menerbitkan apa saja yang pernah diucapkan oleh tokoh-tokoh politik tertentu.

Apakah tokoh tersebut berkalibar nasional ataupun hanya tokoh-tokoh tempatan. Rupa-rupanya hal-hal seperti ini, masih belum juga cukup memuaskan tokoh-tokoh politik kelas-berat itu'. ng 632

Dan yang lebih menyedihkan lagi, tokoh-tokoh politik yang selalu menghalang kebebasan akhbar itulah yang selalunya bersikap 'hypersensitive' terhadap kritik-kritik, manakala mereka itu telah mula berkuasa.

-sem alihve guny sat
-dokot ahlo naik

-mokot akenet r
egut muleh r"

Kata penutup

Angin petang berhembus segar, laut Cina kelihatan begitu tenang airnya, membiru mencerminkan langit yang begitu jernih perahu nelayan sedang bermalas-malas di atas pasir yang putih bersih di pantai Batu Buruk, lambaan daun niur, desir dari pohon ru disertai dengan irama ombak yang menghempas diri memutih di gigi air begitu menyenangkan yang tenteram dan mengharukan hati yang pilu.

Sejauh mata memandang, seluas itulah lautan terbentang ada dua tiga buah perahu nelayan yang masih terapung di tengah lautan menuju pulang. Dari jauh ombak bergolek-golek bergulung, mulanya kecil semakin membesar terus berulang gulung dengan garang dan ganas menghempaskan dirinya ke pantai.

Seperti biasa di waktu pagi dan petang saya akan berjalan kaki dari pantai Batu Buruk hingga ke Cendering yang sangat indah, menenangkan fikiran dan menghiburkan diri dengan keindahan alam semulajadi untuk mencari semoga mendapat ilham bagi menyiapkan buku bertuah ini.

Keindahan alam semulajadi yang penuh simbolik membuat saya berfikir, saya cuba membuat perbandingan antara ombak dan para pemimpin, ombak bergulung-gulung mulanya kecil kemudian membesar bila ia tambah garang dan menganas bila ia hampir menghempaskan diri ke tepian pantai, akhirnya dia kembali kecil. Dan sebelumnya ia balik semula ke laut ia menarik sebanyak pasir untuk terjun sama ke laut bersama dengannya.

Banyak sebab kenapa saya menyiapkan buku bertuah ini di Pantai Motel, Kuala Trengganu. Pertama kedudukan Pantai Motel ini berhampiran dengan pantai, kita dapat melihat Laut Cina yang luas terbentang, perahu-perahu payang dan nelayan dari dalam bilik, hotelnya bertaraf antarabangsa, layanannya memuaskan, dan Motel ini dikendalikan sendiri oleh kaum bumiputera dengan jayanya, Motel ini sentiasa penuh di-

kunjungi oleh pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri.

Coffee Housenya bagus dengan masakan Melayu, ada nasi dagang untuk sarapan pagi. Disebabkan kedudukannya yang bagus saya senang ke pantai untuk berenang-renang, ada pula kolam renangnya sendiri, hotel ini sentiasa bersih dan dikawal rapi. Mengikut pendapat seorang pemerhati politik, Pantai Motel adalah di antara 7 buah anak syarikat P.M.I.N.T. yang membawa keuntungan yang besar, dan sebabnya berjaya perniagaan yang dijalankan oleh P.M.I.N.T. Trengganu, kerana Datuk Wan Mokhtar memberikan galakan yang penuh kepada Pengurus Besar-nya yang berasal dari Kedah, tanpa gangguan dari ahli-ahli politik yang suka mencari kesempatan menguntungkan diri mereka sendiri. Datuk Wan Mokhtar adalah seorang Pemimpin yang tegas, berani dan bertanggungjawab kepada kakitangan kerajaan yang bertugas di bawahnya.

Selain dari layanan yang baik dari Pantai Motel, tempat ini bagus bagi penulis datang menyiapkan buku sambil berehat, Almarhum Abdullah Munshi pernah membuatkan pelayarannya ke Trengganu, Almarhum Datuk Onn bin Jaafar, tegak sebagai 'Lone Ranger' dalam Parti Negara juga di Trengganu, Datuk Onn terhutang budi kepada rakyat Trengganu. Orang Trengganulah yang telah berdiri di belakang hingga ke akhir hayat sedangkan ketika itu orang Johor sudah tidak dapat lagi menerima ideologi Datuk Onn.

Pantai Batu Buruk ini adalah tempat saya bermain-main semasa saya kanak-kanak dahulu, tahun 1941 semasa meletusnya perang dunia yang kedua, orang tua saya telah membawa keluarga kami berpindah ke Kuala Trengganu, nenek saya orang Melayu Trengganu, saya adalah murid tua 'Sekolah Ladang' dan waris saya masih ramai di sini, sebegitu sedikit sebanyaknya saya tahu juga berkenaan dengan Trengganu.

Selama dua minggu saya tinggal di Pantai Motel adalah beberapa kali saya berjumpa dengan Tongkang pelarian Vietnam yang tersadai di Pantai Batu Buruk. Kalau dari segi kemanusiaan memanglah kita merasa belas dan kasihan melihatkan anak-anak mereka yang masih kecil dalam keadaan yang begitu sedih tersadai menyerahkan nasib dan jiwa mereka kepada kita, tetapi apa gunanya, 'Kera di hutan disusukan anak-anak kita dibiarkan kelaparan. 'Welfare begins at home' Patut kita merasa belas dan kasihan melihat nasib kaum nelayan kita yang juga dalam keadaan miskin dan sengsara. Kalau hendak tahu berkenaan kisah Pen-

datang haram Vietnam. Bacalah buku Yahya Ismail yang terbaru berkenaan masalah Pendatang Vietnam.

Sebelum saya menutup cerita ini, terlebih dahulu saya menghulurkan jari sepuluh, menuntut berbanyak maaf sekiranya terdapat salah dan silap, saya tahu dan sedar, sebagai seorang insan biasa saya tidak dapat melarikan diri dari membuat salah dan silap.

Buku ini adalah bahagian pertama dari Bahtera Lama Nakhoda Baru' kalau ada di antara cerita yang sudah saya kumpul dan ambil dari saudara yang telah memberikan kerjasama, saya harap bersabar tunggu terbitnya di bahagian kedua nanti.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kawan-kawan yang telah memberikan kerjasama dan sokongan, semoga Allah saja yang dapat membalas jasa baik mereka.

Sekian wassalam, wabillah hi taufik,
walhidayah.

Kepada Allah saya berserah.

BAHAN RUJUKAN

- Hikayat Abdullah bin Abdul Kadri Munshi
Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan Trengganu
Munshi Abdullah (Darus Ahmad)
Mengesan Jejak Abdullah Munshi, Harun Aminurashid
Intergration in a Plural Society. Dr. Goh Cheng Tek
UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik Ramlah Adam
— Riwayat Hidup Datuk Onn. Anwar Abdullah
The Story of Malaysia. Harry Miller
Malaysian Politics. Gorden Means
A Short History of The Nan Yang Chinese. Wang Gung Wu
Cenderamata Ulang Tahun MCA ke-20. 1949, 1969.
Politik Universiti Merdeka. Yahaya Ismail
Malaysia Nilai Politik dan Budaya. Tan Sri Ghazali Shafie.
Bangsa Melayu Menggugat Dunia. Mokhtar Petah
Dosa-dosa Besar di Dunia
Peribadi. Hamka
Perbandaran dan Orang Melayu. Raja Mohd Affandi
Tidak Dapat Tanduk Telinga Datuk Raja Nasron
Akhbar-akhbar,
Berita Harian
Berita Minggu
Utusan Melayu
Utusan Zaman
Utusan Malaysia
Mingguan Malaysia
Watan
Bintang Timur
Straits Time
Star
Majalah,
Sarina
Saripati
Kritik
Wanita, URTV
Dewan Masyarakat
Far Eastern Economic Review
- 23 JUN 1982